بسم الله الرحمن الرحيم

# الكوكب المضي

في زيارة سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم

# النبي العربي

# Tuntutan Berziarah Kepada Penghulu Junjungan Ummah


*Karya:*

*Fadhilatul Ustaz As-Syeikh*

*Abdul Qadir Bin Muhammad Al-Hawari Al-Madani*

*Mudir Kutubkhanah Syeikhul Islam 'Aarif Hikmat*

*Al-Madinah Al-Munawwarah*

Penterjemah:

Sofuh ShaZlee

*diselenggara oleh:*

Dr. Mahmoud MrGlani




Makkah Al-Mukarromah


Al-Madinah Al-Munawwarah

Algeria (Setif) | Mesir (Al-Manzalah) | Malaysia | Indonesia | Tunisia | Singapura



**Zawiyah Shaziliyyah Center**

Cetakan Pertama 2012





Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan
Abdul Qadir Muhammad Al-Hawari Al-Madani
Tuntutan berziarah kepada penghulu junjungan ummah / karya: Abdul Qadir Muhammad Al-Hawari Al-Madani ; alih bahasa: Sofuh ShaZlee
Bibliografi: ms. 236
ISBN 978-967-11195-5-6
1. Religious life--Islam.
2. Muslim pilgrims and pilgrimages--Saudi Arabia--Mecca.
I. Sofuh Shazlee. II. Siri.
297.57

Diterbitkan oleh
**Zawiyah Shaziliyyah Center**
**Selangor, Malaysia**

Penerbit Eksekutif
**Dr Mahmoud MrGlani**

Alih Bahasa
**Sofuh ShaZlee**

Reka Bentuk Kulit dan Kandungan
**Abdul Jalil Shukor**

Pengurus Jualan Dan Pemasaran
**Hairulazhar Harun**
**Hp +6013 233 3390**

Diedar Oleh
**PUSRATU INTELEK,**
Lot 3266, Jalan Tempayan Emas 2,
Kampung Paya Jaras Dalam, 47000,
Sungai Buloh, Selangor
Tel: 019-4762640
Laman Web: www.millati.com.my

Dicetak Oleh
**FDZ Communications,**
Cheras, Selangor

Muka Taip Teks:
Myriad Pro
Saiz Taip Teks:
12/14

# Penghargaan

*Usaha penerbitan buku ini*
*ku persembahkan kehadrat guru yang*
*membimbingku menuju Allah, sandaranku,*
*murobbi roh dan jasadku, junjunganku,*

الشريف الحسني عبد الناصر أبو بكر الصديق الشاذلي الجزائري

***As-Syeikh Al-Kamil Abd. Nasir Abu Bakr As-Siddiq***
*As-Syazili Al-Mashishi Al-Idrisi Al-Hasani*
*~ Putera Wilayah Setif Algeria ~*

*khadam gurunya:*
***Mahmoud MrGlani***


# Daftar Isi

# Pengantar Penerbit

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَـيِّدِنَا وَمَولاَنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصحَابِهِ وَسَلِّم تَسلِيمًا كَثِيرًا رَبَّنَا آتِنَا مِن لَدُنكَ رَحمَةً وَهَيِّء لَنَا مِن
أَمرِنَا رَشَدًا. الحَمدُ لِلّٰهِ الَّذِى فَـتَقَ رَتقِ ظُلُمَاتِ جَهَالَاتِ القُلُوبِ
بِيَدِ أَنوَارِ بَرَكَاتِ مُعجِزَاتِ آثَارِ النُّبُوَّةِ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ الأَتَـمَّانِ
الأَكمَلَانِ عَلَى سَيِّدِ الوُجُودِ سَيِّدِنَا وَمَولاَنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصحَابِهِ أَجمَعِينَ.

Segala puji bagi Allah yang telah menetas jahitan kejahilan dari hati dengan cahaya keberkatan dari kesan peninggalan mukjizat kenabian. Selawat dan salam yang paling sempurna lagi meliputi segala ke atas penghulu kewujudan Saiyidina wa Maulana Muhammad -semoga Allah mengurnia kepada Baginda selawat dan salam beserta ahli keluarga dan para sahabatnya sekalian-.




Buku yang sekarang berada di tangan kita ini asalnya dari sebuah kitab yang berjudul




**"Bintang Gemerlap Pada Ziarah Saiyidina Muhammad Nabi Junjungan Arab"** yang dikarang oleh **Al-Ustaz As-Syeikh Sidi Abdul Qadir bin Muhammad Al-Hawari Al-Madani,** Pengarah Perpustakaan Syeikhul Islam Sidi 'Arif Hikmat di kota Madinah Al-Munawwarah waktu era Daulah Othmaniyyah. Pengarang telah mencetak karyanya ini dengan belanja peribadinya di Mesir pada tahun 1345H/1927M.

Kitab ini merupakan satu keajaiban pada topik dan cara penyampaiannya, kisah-kisahnya pelik dan ia terbit di zaman yang menganggapnya aneh. Kerana pada hari ini kita lupa atau telah melupakan hakikat kemuliaan yang Allah سبحانه وتعالى kurniakan kepada abdiNya, kekasihNya, RasulNya dan pilihan dari sekalian makhlukNya Saiyidina wa Maulana Muhammad ﷺ, boleh jadi kerana prioriti kita sekarang berbeza, kehendak dan keinginan kita juga berbeza atas faktor zaman kita yang laju pada serba-serbi... era akhir zaman.

Kesimpulan dari kitab ini ialah Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah ﷺ hidup mengecap nikmat di dalam kubur Baginda dengan kehidupan sempurna di alam barzakh, hakikat kehidupan ini hanya Allah سبحانه وتعالى yang mengetahuinya kerana Dia telah mencipta, membentuk dan memilih kekasihNya ini. Barangsiapa tidak senang hati untuk menerima hakikat keimanan ini maka dipersilakanlah menangisi dirinya sendiri.



Terdapat satu kisah yang masyhur diketahui kalangan para junjungan masyaikh kami ahli Madinah Al-Munawwarah di zaman-zaman dahulu; ada dua orang soleh berkawan rapat lagi bersaudara kerana Allah Tabaroka wa Taala, salah seorangnya ahli Madinah dan seorang lagi dari luar yang datang berziarah setiap tahun dari negerinya.

Si soleh penziarah ini apabila datang mengadap Sidnan Nabi ﷺ di muwajahah yang mulia dia akan mengucap salam kepada Sidnan Nabi ﷺ lalu Baginda عليه الصلاة والسلام pun menjawab salamnya dan jawapan Baginda ini didengar oleh si soleh ahli Madinah. Demikianlah perkara ini berulang-ulang setiap tahun.


Maka pada satu hari pergilah si soleh ahli Madinah mengadap di muwajahah yang mulia lalu mengucap salam kepada Sidnan Nabi ﷺ, dia menangis teresak-esak kerana tidak beroleh kemuliaan mendengar jawaban salam dari hadrat junjungan Baginda عليه الصلاة والسلام.

Sesudah itu dia beredar lalu pada malamnya dia bermimpi melihat junjungan mulia عليه الصلاة والسلام, Baginda bersabda kepadanya: "Wahai anakku, engkau soleh dan temanmu jua soleh, tetapi dia mengucap salam kepadaku sebagai salam kepada yang hidup maka aku pun menjawab salamnya sebagai jawapan salam dari yang hidup. Adapun engkau mengucap salam kepadaku sebagai salam kepada yang mati, lalu bagaimana aku akan menjawab salammu itu".

Saya sudahi dahulu dengan dua bait syair ini dan semoga Allah mencucuri rahmat ke atas pujangga yang telah mengarangnya:

أَمُوتُ وَيَبقَى كُلُّ مَا قَد كَتَبتُهُ ❊ فَيَا لَيتَ مَن قَرَأَ كِتَابِي دَعَا لِيَا


لَعَلَّ إِلَـهِي أَن يَمُنَّ بِلُطفِهِ ❊ وَيَرحَمَ تَقصِيرِي وَسُوءَ فَعَالِيَا



*Aku akan mati*
*lalu segala yang ku tulis akan kekal di sini,*
*duhai semoga yang membaca tulisan ini*
*sudi berdoa kepadaku,*
*moga Ilahi akan berbudi*
*mengucuri kelembutanNya kepadaku,*
*simpati kepada kekuranganku,*
*dan mengampuni salah silapku.*

Selamat membaca,

*Hajj PhDr. Mahmoud MrGlani*



# Biografi Pengarang

As-Syeikh Abdul Qadir Bin Muhammad Al-Hawari Al-Madani merupakan salah seorang ulama Kota Madinah Al-Munawwarah di awal kurun ke 13H. Beliau benar-benar anak jati kota suci ini kerana nasabnya yang bersambung kepada sahabat mulia Saiyidina Az-Zubeir bin Al-'Awwam رضي الله عنه . Disamping seorang ilmuan dan ahli feqah maklumat bertulis menyebut pekerjaan beliau sebagai mudir Perpustakaan Syeikhul Islam 'Arif Hikmat dan murid kepada syeikh ulama hadis Madinah yang termasyhur Al-Allamah As-Saiyid Muhammad Ali bin Zohir Al-Watri.

Kitab **Al-Kawkab Al-Mudhiy Fi Ziyarati Saiyidina Muhammad An-Nabiy Al-Arabiy** merupakan satu-satunya karya beliau yang dapat dikesan; dicetak pertama kali pada tahun 1345H/1927M di Mathba'ah Bahnasa, Qaherah. Tidak diketahui jika beliau ada mengarang kitab-kitab lain, pun begitu Kitab Al-Kaukab Al-Mudhiy karyanya beroleh pengiktirafan dan diberi kata pengantar oleh tiga orang ulama besar sezamannya iaitu As-Syeikh Muhammad Abul Fadhl Al-Maliki imam besar Jami' Al-Azhar di Qaherah, Sohibul Fadhilah As-Syeikh Muhammad Bakhit Al-Muthi'e Al-Hanafi mantan

mufti kerajaan Mesir waktu itu dan ilmuwan ulung Madinah As-Syeikh Muhammad Habibullah Mayaba As-Syanqiti.

Pengarang menghembus nafasnya yang terakhir pada hari Rabu, 28 Rabi'ul Awwal 1353H bersamaan 11 Julai 1934M di Az-Zabadani, Syiria dan tertulis di pusaranya: "Inilah makam khadam ilmu yang mulia, Al-Marhum Abdul Qadir Bin Muhammad Al-Hawari Al-Madani. Adapun nisbahnya Al-Madani itu kerana tibanya ke Negeri Syam dari Madinah Al-Munawwarah…"[1].



[1] Biografi ringkas ini ditulis dari sumber asal kitab cetakan litografi, artikel Dr. Abd. Karim Karim di laman web www.attarikh-alarabi.ma dan dari laman web www.hawari-family.com

# Muqaddimah Pengarang

بسم الله الرحمن الرحيم

الحَمدُ للهِ الَّذِي شَرَّفَنَا بِسَيِّدِ الأَنَامِ، وَأَرسَلَهُ رَحمَةً لِلعَالَـمِينَ بَشِيرًا وَنَذِيرًا لِلخَاصِ وَالعَامِ. وَأَشهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةً أَدَّخِرُهَا عِندَ اللهِ زُلفَى، وَأَشهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدًا عَبدُهُ وَرَسُولُهُ وَحَبِيبُهُ وَمُصطَفَاهُ القَائِلَ (وَالمَدِينَةُ خَيرٌ لَّـهُم لَو كَانُوا يَعلَمُونَ). صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَعَلَى آلِهِ الَّذِينَ مَن تَـمَسَّكَ بِحُبِّهِم فَقَد نَجَا وَأَصحَابِهِ أَئِمَّةِ الدِّينِ الخَافِقَةِ رَايَاتُـهِم بِالدَّعوَةِ إِلَى اللهِ وَالِالتِجَا.

Segala puji-pujian bagi Allah yang telah memuliakan kita dengan Saiyidina Muhammad; penghulu seluruh manusia, yang diutus olehNya sebagai rahmat kepada alam semesta, Baginda membawa khabar ancaman dan berita gembira kepada golongan khas dan am. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang sebenarnya melainkan Allah yang Maha Esa tiada sekutu bagiNya, syahadat ini ku titipkan di sisiNya buat bekal nanti di sana. Dan aku bersaksi bahawa Baginda junjungan Saiyidina Muhammad adalah abdiNya, rasulNya, kekasihNya dan pilihanNya yang teristimewa. *"...Dan Madinah itu terlebih baik bagi mereka jika mereka mengetahuinya"* demikianlah sabda Baginda. Allah berselawat ke atasnya dan ahli keluarganya yang barangsiapa berpegang dengan


cinta mereka sungguh telah selamatlah dia, beserta para sahabat Baginda yang merupakan imam-imam agama dan bendera dakwah mereka kepada Allah serta pergantungan denganNya terus berkibar sentiasa. Amma ba'du…

Maka berkatalah hamba yang faqir kepada Allah Taala lagi mengharap husnul khatimah kepadaNya yang Maha Mengampun dosa; Abdul Qadir bin Muhammad Al-Hawari Al-Madani, moga dimaafkan Allah baginya dan ayah bondanya, lagi dirahmati nenek moyang dan semua masyaikhnya, Allahumma amin.

Sesungguhnya makhluk yang paling dekat dan termulia kedudukannya di sisi Allah Taala adalah golongan anbiya'-'alaihimus solatu was salam- yang merupakan para penyeru pertama berdakwah kepada makhluk untuk menuju Allah. Al-Quranul Hakim telah menyebut kemuliaan mereka dan menyatakan bahawa di kalangan para nabi itu ada yang terlebih mulia antara satu dengan yang lain, dan nabi yang terafdhal secara mutlak adalah junjungan kita Saiyidina Muhammad ﷺ.

Baginda Nabi ﷺ tetap hidup di dalam makamnya, Baginda mendapat nikmat di sana dan mendengar ucapan salam dari mereka yang mengucap salam kepada hadratnya, demikianlah jua halnya dengan para nabi yang lain, juga para syuhada' dan mereka yang dipilih Allah dari kalangan mukminin.

Lalu di atas kenyataan hakikat ini sukalah aku untuk menghimpun sebuah jambangan mulia yang dipetik dari **Al-Jauharul Munazzhom** karangan Sidi Ibnu Hajar Al-Makkiy, **Khulasatul Wafa'** karangan As-Syarif As-Samhudi, **Syifa'us Siqam** karangan Sidi Tajuddin As-Subki dan petikan-petikan berharga dari perkataan alim-ulama yang termulia, juga perkhabaran kenabian yang datang pada ziarah junjungan Baginda Rasul ﷺ yang bagai pelita menerangi di malam gelita. Ku tambahi isinya dengan nukilan dari kitab-kitab para ulama lain mengenai keistimewaan dan fadhilat berziarah kepada




junjungan Nabi kita berserta riwayat hadis-hadisnya, doa-doa yang sayugia dibaca ketika ziarah dan adab-adab yang patut dijaga oleh para pengunjung yang mendatangi Baginda ﷺ.

Di dalam kitab ini aku beriltizam menyampaikan isinya dengan jalan ringkas. Harapanku pada Allah moga sudilah Dia menerima amalan ini dan memberi kurnia husnul khatimah padaku, jua menganugerahiku mahabbah Saiyidul Anam dan syafaat Baginda di Padang Mahsyar yang penuh huru-hara. Lalu demikianlah aku beristikharah kepadaNya dan menamakan kitab ini sebagai:




**Bintang Gemerlap**
**Pada Ziarah Saiyidina Muhammad**
**Nabi Junjungan Arab**

dan kepada Allah jua aku bermohon taufik serta pertolongan dalam pekerjaan mengarangnya.



# Fasal 1

## Tuntutan Syariat Pada Menziarahi Makam Junjungan Nabi Kita Saiyidina Muhammad ﷺ

Menziarahi makam Baginda Nabi ﷺ adalah pekerjaan syariat yang sabit oleh Al-Quran dan Sunnah, ijmak ummah dan hukum qias kepada setiap lelaki dan wanita, dari jarak jauh mahupun dekat, dengan menempuh jalan permusafiran atau tanpa permusafiran yang nanti akan kami jelaskan dengan panjang lebar.



Ibnu Taimiyyah di dalam kitab **Iqtidho' As-Sirotil Mustaqim** -seperti yang dinukil oleh Ibnu Abd. Hadi- menegaskan: "…bahawa orang yang mati syahid, bahkan seluruh mukminin yang telah meninggal dunia jika diziarahi oleh muslim dan si muslim mengucap salam kepada mereka, nescaya mereka mengenalinya dan menjawab akan salamnya". Jika demikianlah halnya hak kemuliaan seorang muslim yang biasa tarafnya maka bagaimana pula dengan penghulu para rasul ﷺ. Sesungguhnya Baginda ﷺ mendengar salam yang diucapkan kepada Baginda di sisi makamnya, Baginda menjawab salam si penziarah dan mengetahui kehadirannya di sisi

makamnya. Cukuplah kemuliaan ini menjadi satu buruan yang patut dibelanjakan segala milik dan kerajaan di dunia demi mencapainya.

Al-Imam Al-Barizi mencatat dalam kitabnya **Tausiq 'Urol Iman** dari Sidi Sulaiman bin Suhaim bahawa beliau berkata: "Aku telah bermimpi melihat Saiyidina Rasulullah ﷺ lantas bertanyalah aku kepada Baginda: Ya Rasulallah mereka yang datang menziarahimu lalu mengucap salam kepada hadratmu apakah dirimu mengerti salam mereka? Jawab Baginda: Iya, dan aku menjawab salam mereka".

Sidi Ibnu Najjar meriwayatkan dari Sidi Ibrahim Bin Bassyar bahawa beliau berkata: "Pada satu tahun aku telah pergi mengerjakan haji, lalu datanglah aku ke kota Madinah pergi ke junjungan Nabi ﷺ lalu mengucap salam kepada Baginda, maka mendengarlah aku suara dari dalam Hujrah Nabawi berkata: "Wa alaikas salam", perkhabaran yang serupa ini turut dinukil dari ramai kalangan awliya dan solihin termasuklah As-Saiyid Ahmad Ar-Rifaie -moga Allah mengkuduskan *sirr*nya yang mulia-; ketika beliau berdiri berhadapan dengan makam Baginda yang semerbak wangi beliau pun melafazkan:

فِي حَالَةِ البُعدِ رُوحِي كُنتُ أُرسِلُهَا * تُقَبِّلُ الأَرضَ عَنِّي وَهِيَ نَائِبَتِي

وَهَذِهِ دَولَةُ الأَشبَاحِ قَد حَضَرَت * فَامْدُد يَمِينَكَ كَي تَحظَى بِهَا شَفَتِي


*Saat berjauhan ku utus rohku sebagai ganti,*
*datang ke sini mencium bumi,*
*kini tubuhku telah hadir berdiri,*
*maka hulurkanlah tangan kananmu,*
*agar dikucup oleh bibirku*

riwayat menyebut: "...lalu terpancarlah cahaya dari tangan Baginda yang mulia hingga takjublah yang hadir dan Sidi Ahmad pun



menciumnya…" dan bertuahlah beliau beroleh kabul, semoga Allah merezekikan kita mahabbah kepada Nabi yang mulia ini, semoga Allah mematikan kita di atas agama Baginda, semoga Allah memasukkan kita dalam golongannya yang berjaya, amin. Adapun kisah ini amat masyhur lagi bertaraf *mutawatir* di kalangan khas dan am.

Diriwayatkan juga dari Sidi Ahmad Al-Qusyasyi Al-Madani ketika beliau sedang berada di Raudhah menziarahi junjungan beliau berdiri berhadapan dengan pihak kepala Baginda ﷺ. Tiba-tiba kedengaran seorang lelaki Mesir yang datang berziarah meneriakkan: "Al-Fatihah untuk Saiyid Ahmad Al-Badawi!", maka menegurlah Sidi Al-Qusyasyi kepadanya: "Hai saudara! Rendahkan suaramu…", lalu terdengarlah beliau suara dari dalam Hujrah yang suci berkata: "Sebaik-baik anak lelaki adalah anak kami si Ahmad", Sidi Al-Qusyasyi merasa lazat mendengar suara yang mulia itu lantas beliau pun berkata kembali kepada lelaki Mesir tadi: "Ulangkan perkataanmu saudara!", dia pun mengulangnya dan beliau pun sekali lagi mendengar seruan: "Sebaik-baik anak lelaki adalah anak kami si Ahmad".




Demikianlah juga halnya dengan As-Syeikh Muhammad bin Sulaiman Al-Kurdi seorang tokoh ulama kurun ke 12H dan pengarang kitab **Hasyiah Fi Mazhab Al-Imam As-Syafie**; ketikamana beliau berdiri berziarah dan mengucap salam seorang tokoh yang turut berada di situ mendengar suara dari dalam Hujrah yang mulia berkata: "Wa 'alaikas salam ya Muhammad bin Sulaiman!". Hal keadaan ini juga telah banyak berlaku sejak zaman berzaman namun tidak dapat kami datangkan semua butirannya di sini agar tidak kepanjangan dan tanpa mengesyaki sedikitpun bahawa junjungan Baginda ﷺ itu sesudah kewafatannya -begitu jua halnya dengan seluruh anbiya -'alaihimus solatu was salam- masih tetap

hidup dengan kehidupan yang lebih sempurna dari arwah para syuhada' seperti yang telah dikhabarkan Allah kepada kita dalam kitabNya yang mulia, bahkan Baginda ﷺ merupakan penghulu para syuhada' dan amalan kebajikan para syuhada' itu tercatat pada timbangan kebajikan Baginda jua.

Al-Hafiz Al-Munziri meriwayatkan sabda junjungan Rasulullah ﷺ:

عِلمِي بَعدَ وَفَاتِي كَعِلمِي فِي حَيَاتِي.

*"Pengetahuanku sesudah matiku sama seperti pengetahuanku waktu hidupku".*

Adapun soal makan minum para syuhada' di alam barzakh maka itu bukanlah kerana keperluan mereka terhadap makan minum, bahkan ia semata-mata kemuliaan dari Allah. Manakala soal mengapa para syuhada' yang dikhususkan kemuliaan ini dan tidak kepada para anbiya' -'alaihimus solatu was salam- maka itu tidak menjadi apa-apa halangan kerana yang kurang mulia barangkali diberi kurniaan yang tiada pada yang terlebih mulia darinya, sebagai contoh para anbiya' -'alaihumus solatu was salam- disyariatkan agar jenazah mereka disembahyangkan dengan hukum wajib manakala para syuhada' haram sembahyang jenazah ke atas mereka.

Sebahagian ulama menghujahkan hayat para anbiya' (di dalam kubur mereka) melalui firman Allah Taala:

وَلَا تَحسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللهِ أَموَاتًا بَل أَحيَاءٌ عِندَ رَبِّهِم يُرزَقُونَ

*"Dan janganlah engkau mengira bahawa mereka yang terbunuh di jalan Allah itu sebagai mati, bahkan mereka hidup di sisi Tuhan mereka lagi beroleh rezeki"-* ***Aali Imran: 169***


maka para anbiya' terlebih utama beroleh kehidupan itu kerana mereka lebih mulia dan agung dari para syuhada'. Dan tidaklah seorang nabi itu melainkan terhimpun pada dirinya sifat-sifat kenabian dan kesyahidan yang melayakkan mereka tergolong dalam lafaz umum bagi ayat tadi, bahkan Baginda Nabi ﷺ ketika sakit wafatnya telah bersabda:

لَـم أَزَل أَجِد أَلَـمَ الطَّعَامِ الَّذِي أَكَلتُهُ بِخَيبَر،
فَهَذَا أَوَانُ انْقِطَاعِ أَبهرِي مِن ذَلِكَ السُّمِّ.

*"Sakit dari kesan makan di Khaibar dahulu masih ku rasai hingga sekarang, kini mulalah urat darahku putus akibat dari racun itu".*

Maka sabitlah keadaan Baginda ﷺ itu hidup di dalam makamnya dengan nas Al-Quran tadi dari sudut umum lafaz ayat mahupun secara *mafhum muwafaqah*.

## Hubungan Saiyidina Rasulullah ﷺ Dengan Umatnya Sesudah Kewafatan Baginda




Imam Al-Bazzar meriwayat hadis *marfu'* dari para perawi yang bertaraf sahih, dari Saiyidina Ibnu Mas'ud رضي الله عنه; sabda junjungan Rasulullah ﷺ:

إِنَّ لِلهِ تَعَالَى مَلَائِكَةٌ سَيَّاحِينَ يُبَلِّغُونِي عَن أُمَّتِي.

*"Sesungguhnya bagi Allah ada golongan malaikat yang berkelana, mereka menyampaikan padaku ucapan salam dari umatku".*

Hadis ini turut diriwayatkan oleh Al-Imam As-Suyuthi dalam kitab **Al-Jami' As-Soghir** dari Ibnu Sa'ad yang mencatat dalam kitabnya **At-Thabaqat** dari Bakr bin Abdillah Al-Muzani dengan taraf *mursal*. Imam Al-Munawi yang mensyarah hadis ini dalam kitabnya memberi komentar bahawa para perawi hadis ini kesemuanya *tsiqah* (terpercaya), dan demikian jua komentar dari As-Syeikh Al-Azizi.

Lagi sabda Saiyidina Rasulullah ﷺ:

حَيَاتِي خَيرٌ لَكُم، تُحَدِّثُونَ وَيُحَدَّثُ لَكُم. وَوَفَاتِي خَيرٌ لَكُم، تُعرَضُ عَلَيَّ أَعمَالُكُم فَمَا رَأَيتُ مِن خَيرٍ حَمِدتُ اللهَ عَلَيهِ، وَمَا رَأَيتُ مِن شَرٍّ اِستَغفَرتُ اللهَ لَكُم.

*"Hidupku adalah kebaikan untukmu; berlaku berbagai peristiwa kepadamu dan kamu beroleh perkhabaran wahyu. Dan kewafatanku adalah kebaikan untukmu; segala amalanmu dipamer kepadaku, maka mana-mana yang ku dapati baik aku memuji-muji Allah atasnya, mana yang ku dapati buruk aku bermohon istighfar kepada Allah untukmu".*

Al-Quthb As-Sya'rani meriwayatkan dari tokoh pilihan kalangan awliya' tercinta iaitu Sidi Muhammad Wafa -moga Allah mengurniai kita manfaatnya- beliau bercerita: "Aku bermimpi bertemu Saiyidina Rasulullah ﷺ, Baginda bersabda kepadaku tentang dirinya yang mulia: "Tiadalah aku ini mati, sesungguhnya kematianku hanyalah ibarat aku menutup diriku dari mereka yang tidak mengerti Allah Taala, adapun bagi yang mengerti Allah Taala maka inilah aku melihat dia dan dia melihat aku", demikianlah riwayat dengan lafaznya seperti yang tercatat dalam **At-Thabaqat Al-Kubro**. Moga Allah menjadikan kita di kalangan ahli cinta dan kemesraan Baginda, iaitu mereka yang beroleh *zauq* kelazatan minuman hubungan


dengan hadratnya, dengan berkat tuah ahli keluarga, para sahabat dan pecintanya, amin.

Maka ayuhai insan yang berwalang duka, lihatlah betapa indah sifat Nabi Kekasih kita, betapa mulianya Baginda di sisi Allah yang Maha Dekat lagi maha menjawab doa. Lihatlah betapa engkau mengucap salam kepada Baginda dari hujung kejauhan lalu salam-mu dijawabnya, engkau memohon syafaat Baginda lalu dikurnianya kepada sisi Tuhan yang Maha Raja, engkau putus dari menziarah hadratnya maka rindu Baginda padamu sentiasa. Engkau duduk dengan kesibukan duniamu dan menghimpun puing-puingnya lalu tak punya masa untuk pergi mengadap hadratnya maka dalam mimpi Baginda datang menziarahmu pula.

Betapa jika engkau memutus azam untuk pergi mengadap Baginda nescaya berkenderaan engkau ke sana. Betapa jika engkau insafi dirimu nescaya engkau akan ke sana berjalan dengan kepala bukan dengan kakimu lagi. Bagindalah yang menutupmu dari akibat segala salah dosamu di dunia ini dengan istighfarnya untukmu, dan esok di Akhirat Bagindalah yang akan mensyafaatkanmu masuk ke syurga Darus Salam.

Maka kami beriman dan percaya bahawa sesungguhnya Baginda junjungan ﷺ hidup di dalam kuburnya lagi beroleh rezeki, dan sesungguhnya jasad Baginda yang mulia tidak dimakan bumi, demikianlah jua dengan seluruh anbiya' -'alaihimus solatu was salam- dan kenyataan ini adalah hukum ijmak, begitulah jua halnya dengan para syuhada', para ulama yang beramal dengan ilmu mereka dan para muazzin yang tulus mengerjakan tugasnya.

Telah sahih perkhabaran yang berlaku [berulang-kali] apabila digali semula perkuburan ulama, awliya dan sahabat didapati bahawa jasad mereka tidak berubah seperti mana yang berlaku zaman-zaman dahulu. Benar, bahawa yang zahir dari segala dalil memberi pengertian bahawa hayat syuhada' [selepas matinya



mereka] lebih kuat dari hayat para awliya' kerana Al-Quran menyebut tentang syuhada'. Adapun perbandingan syuhada' dengan para anbiya' pula maka para anbiya'-lah yang terlebih kuat hayatnya kerana mereka terlebih utama dan patut; Soal tingkatan kelas pada permasalahan ini adalah dengan pengertian tingkatan buah pencapaian. Demikianlah seperti yang telah difatwakan oleh para Imam; As-Subki, Al-Baihaqi, Ibnu Hajar dan lain-lain ulama agama kita dan para pemuka kaum Muslimin.

# Fasal 2

# Hukum Bertawassul Kepada Baginda Junjungan ﷺ Serta Mengadap Kepada Baginda Tika Salam dan Doa

Adapun hukum bertawassul (meminta kepada Allah dengan perantaraan) junjungan Baginda ﷺ, begitu juga memohon syafaat kepada Baginda dan meminta dengan keberkatan dan tuahnya maka kesemua itu adalah perbuatan sunnah yang diamalkan oleh para rasul dan amalan yang dikerjakan oleh para salaf yang solihin.



Imam Al-Hakim meriwayatkan dengan hukum sahih hadis tentang kisah Saiyidina Adam عليه السلام:

لَـمَّا اقْتَرَفَ آدَمُ الخَطِيئَةَ قَالَ: يَا رَبِّ أَسأَلُكَ بِحَقِّ مُحَمَّدٍ لَـمَا غفرتَ لِي. فَقَالَ يَا آدَمُ كَيفَ عَرَفتَ مُحَمَّدًا وَلَم أَخلُقهُ؟ قَالَ: يَا رَبِّ لِأَنَّكَ لَـمَّا خَلَقتَنِي بِيَدِكَ وَنَفَختَ فِيَّ مِن رُوحِكَ رَفَعتُ رَأسِي فَرَأَيتُ عَلَى قَوَائِمِ العَرشِ مَكتُوبًا لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللهِ، فَعَرَفتُ أَنَّكَ لَم تُضِف إِلَى اسْمِكَ إِلَّا أَحَبَّ الخَلقِ إِلَيكَ. فَقَالَ اللهُ تَعَالَى: صَدَقتَ يَا آدَمُ، أَنَّهُ

لَأَحَبُّ الخَلقِ إِلَيَّ، إِذ سَأَلتَنِي بِحَقِّهِ فَقَد غَفَرتُ لَكَ، وَلَولَا مُحَمَّدٌ مَا خَلَقتُكَ.

*"Ketika mana Saiyidina Adam jatuh dalam keterlanjurannya maka Baginda pun berdoa: "Ya Robbi hamba bermohon padaMu dengan hak Muhammad maka sudilah mengampuni hamba", lalu Allah pun berfirman: "Wahai Adam, bagaimana engkau kenal Muhammad sedangkan Aku belum menciptanya?", maka jawab Baginda: "Ya Robbi, kerana tika Engkau menciptakanku dengan tanganMu dan Engkau meniup dari rohMu ke dalam jasadku, maka aku pun mengangkat kepalaku lalu melihat tertulis di tiang-tiang arasy*

لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللهِ

*Maka tahulah aku bahawa Engkau tidak menggandingkan kepada namaMu melainkan makhluk yang paling Kau cintai". Lalu Allah Taala pun berfirman: "Benarlah engkau wahai Adam, sesungguhnya dia adalah makhluk yang paling Ku cintai, bilamana kamu memohon padaKu dengan haknya maka Aku telah mengampunimu, dan jika tidak kerana Muhammad nescaya tidaklah Aku menciptakanmu".*




## Saiyidina Rasulullah ﷺ Mengajar Sahabatnya Bertawassul

Dan lagi antara peristiwa tawassul dengan Baginda junjungan ﷺ waktu masih hidup dan sesudah kewafatan Baginda adalah seperti yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Thabrani dalam **Al-Mu'jam Al-Kabir** dari Saiyidina Othman bin Hunaif رضي الله عنه:


"Ada seorang lelaki berulang-kali datang kepada

Saiyidina Othman bin Affan رضي الله عنه bagi meminta hajatnya namun Saiyidina Othman tidak melayan si lelaki hinggalah dia menemui Saiyidina Othman Bin Hunaif maka mengadulah dia kepada beliau. Saiyidina Othman Ibnu Hunaif berkata kepadanya: "Pergilah ke tempat wuduk, ambillah wuduk yang paling sempurna, kemudian datangilah masjid dan solatlah dua rakaat. Sesudah itu hendaklah engkau berdoa dengan doa ini:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسأَلُكَ وَأَتَوَجَّهُ إِلَيكَ بِنَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم نَبِيِّ الرَّحمَةِ يَا مُحَمَّد إِنِّي أَتَوَجَّهُ بِكَ إِلَى رَبِّي أَن تَقْضِي حَاجَتِي

*Allahumma sesungguhnya hamba bermohon kepadaMu dan bertawajjuh kepadaMu dengan Nabi kami Muhammad ﷺ yang merupakan nabi pembawa rahmat, ya Muhammad hamba bertawajjuh denganmu Tuan kepada Tuhanku bahawa engkau menunaikan hajatku… dan engkau sebutkanlah hajatmu itu".*

Maka pergilah si lelaki dan melakukan seperti yang ditunjuk kepadanya kemudian sekali lagi dia mendatangi pintu Saiyidina Othman رضي الله عنه, kali ini dia disambut oleh penjaga pintu yang membawanya masuk terus mengadap dan Saiyidina Othman رضي الله عنه pula mendudukkan si lelaki bersama-samanya berkongsi satu hamparan. Kata Saiyidina Othman kepadanya: "Apa hajatmu?", maka dia pun menceritakan hajatnya lalu segera ditunaikan oleh beliau, kemudian beliau mengujar pula kepada lelaki itu: "Baru sekaranglah hajatmu itu disebut padaku… Jika ada apa lagi hajatmu maka datanglah memintanya padaku".




Sesudah itu keluarlah si lelaki lalu bertemu kembali dengan Saiyidina Ibnu Hunaif رضي الله عنه, maka ujarnya kepada

beliau: “Moga Allah mengurnia ganjaran kebaikan bagimu, sebelum ini baginda Khalifah tidaklah memandang kepada hajatku lagi tiada memperdulikanku sehinggalah tuan berbicara kepadanya tentang diriku”, maka jawab Saiydina Ibnu Hunaif: “Demi Allah tidaklah aku pergi berbicara kepada Saiyidina Othman, akan tetapi aku pernah menyaksikan Baginda Rasulullah ﷺ didatangi oleh seorang buta mengadu kepada Baginda tentang penglihatan yang hilang, lalu Baginda ﷺ bersabda kepadanya: *“Jika kamu mahu aku mendoakanmu, atau engkau bersabar”, maka berkatalah si buta: “Ya Rasulallah, sesungguhnya hamba ini tiada orang yang memimpin dan itu menyusahkan hamba”, maka bersabdalah Baginda ﷺ kepadanya: “Pergilah ke tempat wuduk dan ambillah air sembahyang, kemudian solatlah dua rakaat lalu berdoalah dengan doa ini…”* iaitu dengan doa yang telah ku ajarkan kepadamu tadi”.

Saiyidina Ibnu Hunaif رضي الله عنه menyambung: “Maka demi Allah belumlah kami beredar dan tidaklah panjang bicara kami lalu masuk kembali si lelaki buta tadi dalam keadaan sudah dapat melihat seolah-olah dia tidak pernah buta sebelum ini”.

Hadis ini turut diberitakan oleh Al-Imam Al-Baihaqi melalui dua jalan riwayat. Al-Imam As-Subki memberi komentar: “Dengan *atsar* ini hujah [amalan tawassul] ditegakkan atas kefahaman Saiyidina Othman dan mereka yang hadir bersama [waktu peristiwa tersebut], dan mereka sekalian lebih mengetahui [dari kita] tentang Allah dan RasulNya dan segala amalan mereka”.

Sekumpulan ulama hadis termasuk Al-Imam An-Nasai dan Al-Imam At-Tirmizi meriwayatkan sebuah hadis dalam bab doa dari Saiyidina Othman Bin Hunaif رضي الله عنه:

أَنَّ رَجُلًا ضَرِيرَ البَصَرِ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم فَقَالَ: ادعُ اللهَ لِي

أَن يُعَافِيَنِي. قَالَ: إِن شِئتَ دَعَوتُ وَإِن شِئتَ صَبَرتَ فَهُوَ خَيرٌ لَّكَ. قَالَ: فَادعُهُ. فَأَمَرَهُ أَن يَتَوَضَّأَ فَيُحسِنُ وُضُوءَهُ وَيَدعُو بِهَذَا الدُّعَاءِ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَسأَلُكَ وَأَتَوَجَّهُ إِلَيكَ بِنَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم نَبِيِّ الرَحمَةِ يَا مُحَمَّد إِنِّي أَتَوَجَّهُ بِكَ إِلَى رَبِّي أَن تَقْضِي حَاجَتِي . وَفِي رِوَايَةٍ: اللَّهُمَّ شَفِّعهُ فِيَّ وَشَفِّعنِي فِي نَفسِي.

*"Bahawa seorang lelaki buta mendatangi junjungan Nabi ﷺ lalu berkata: "Ya Rasulallah, doakanlah kepada Allah agar diafiatkan hamba ini", maka sabda Baginda: "Jika kamu mahu akan ku doakan, dan jika kamu mahu kamu bersabar dan itu lebih baik bagimu", maka kata lelaki itu: "Mohonlah Tuan berdoa". Baginda pun menyuruh lelaki itu berwuduk, dia pun berwuduk dengan baik lalu disuruh berdoa dengan doa ini:*

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسأَلُكَ وَأَتَوَجَّهُ إِلَيكَ بِنَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم نَبِيِّ الرَحمَةِ يَا مُحَمَّد إِنِّي أَتَوَجَّهُ بِكَ إِلَى رَبِّي أَن تَقْضِي حَاجَتِي...

*Allahumma sesungguhnya hamba bermohon kepadaMu dan bertawajjuh kepadaMu dengan Nabi kami Muhammad ﷺ yang merupakan nabi pembawa rahmat, ya Muhammad hamba bertawajjuh denganmu Tuan kepada Tuhanku bahawa engkau menunaikan hajatku…*



Dalam satu riwayat lain ditambah:

اللَّهُمَّ شَفِّعهُ فِيَّ وَشَفِّعنِي فِي نَفسِي.

*"Allahumma syafaatkanlah Baginda kepadaku dan syafaatkanlah aku kepada diriku sendiri".*

Sesungguhnya junjungan Nabi ﷺ mengajar si buta doa tadi dan Baginda sendiri tidak mendoakannya kerana Baginda ﷺ mahu dia beroleh keadaan tawajjuh dan berdoanya itu dengan rasa hina diri, kefakiran, remuk redam hati dan terdesak benar dengan mendapatkan sokongan dari Baginda ﷺ lalu dengan itu tercapai bagi peminta akan maksudnya dengan sempurna. Makna kehendak Baginda ﷺ terhadap si peminta ini berlaku sewaktu hayat Baginda dan berlaku jua selepas kewafatan Baginda ﷺ. Atas dasar itulah para salafus soleh menggunakan doa ini bagi meminta hajat-hajat mereka selepas kewafatan Baginda junjungan ﷺ maka terkabul segala hajat mereka berkat doa ini dengan syarat sempurna ikhlas dan hadir niat.

Imam Al-Baihaqi dan Ibnu Abi Syaibah meriwayatkan dari Saiyidina Malik Ad-Daar yang merupakan penjaga Baitul Mal Khalifah Saiyidina Umar Ibnul Khattab رضي الله عنه, kata Saiyidina Malik:

أَصَابَ النَّاسَ قَحطٌ زَمَانَ ابنِ الخَطَّابِ فَجَاءَ رَجُلٌ إِلَى قَبرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ اِستَسقِ لِأُمَّتِكَ فَإِنَّهُم قَد هَلَكُوا. فَأَتَاهُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم فِي المَنَام فَقَالَ: إِئتِ عُمَرَ فَأَقرِئهُ السَّلَامَ وَأَخبِرهُ أَنَّهُم مُسقوْنَ، وَقُل لَهُ عَلَيكَ الكَيْسَ الْكَيْسَ. فَأَتَى الرَّجُلُ عُمَرَ فَأَخبَرَهُ فَبَكَى عُمَرُ رَضِيَ اللهُ عَنهُ ثُمَّ قَالَ: يَا رَبِّ إِلَّا مَا عَجَزْتُ عَنهُ.

*"Di zaman Khalifah Umar Ibnul Khattab berlaku kemarau yang menyusahkan masyarakat, maka datanglah seorang lelaki ke makam junjungan Nabi ﷺ lalu mengadu: "Ya Rasulallah, tolonglah minta hujan untuk umatmu, sesungguhnya mereka binasa". Maka datanglah Baginda Rasulullah ﷺ didalam mimpi si lelaki dan bersabda: "Pergilah kepada Umar dan*

*sampaikan salam, khabarkan padanya bahawa mereka akan beroleh hujan, dan katakan padanya : "Hendaklah kamu bijaksana, bijaksana". Lelaki itu pun mendatangi Saiyidina Umar lalu mengkhabarkannya, maka menangislah beliau* رضي الله عنه *seraya berkata: 'Ya Robbi, yang ini hamba tidak mampu".*

Saiyidina Umar juga telah bertawassul dengan Saiyidina Al-Abbas -radhiyallahu 'anhuma- memohon *istisqa'* dan tawassulnya itu tidak pula diengkari oleh para sahabat. Adapun hikmah dari tawassul beliau itu ialah menzahirkan kesungguhan tawadhu' dari dirinya dan ketinggian makam kerabat Baginda Rasulullah ﷺ. Demikianlah diriwayatkan hadisnya di dalam kitab sahih dari Saiyidina Anas رضي الله عنه:

أَنَّ عُمَرَ ابنَ الخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنهُ كَانَ إِذَا قَحَطُوا اِستَسقَى بِالعَبَّاسِ بنِ عَبدِ المُطَّلِبِ، فَقَالَ: اللَّهُمَّ إِنَّا كُنَّا نَتَوَسَّلُ إِلَيكَ بِنَبِيِّنَا صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم فتَسقِيَنَا، وَإِنَّا نَتَوَسَّلُ إِلَيكَ بِعَمِّ نَبِيِّنَا فَاسقِنَا. قَالَ فَيُسقَونَ.

*"Bahawa Saiyidina Umar Ibnul Khattab* رضي الله عنه *jika datang musim kemarau akan memohon istisqa' dengan Saiyidina Al-Abbas bin Abdul Muttholib, beliau akan berdoa: "Allahumma sesungguhnya kami dahulu bertawassul kepadaMu dengan Nabi kami* ﷺ *lalu Engkau pun menurunkan hujan untuk kami, maka sekarang kami bertawassul kepadaMu dengan paman Nabi kami lalu turunkanlah hujan untuk kami", kata Saiyidina Anas: "Maka masyarakat pun diturunkan hujan".*

Demikian juga Saiyidatina Aisyah رضي الله عنها waktu bumi kontang telah menyuruh dipohonkan *istisqa'* dengan berkat pusara Baginda Nabi ﷺ. Al-Imam As-Subki bahkan berfatwa bahawa dibolehkan tawassul

dengan para solihin iaitu mereka yang punya hubungan baik dengan Allah Taala, maka barang siapa tidak senang hati dengan kenyataan ini dipersilakanlah menangisi dirinya sendiri.

Telah sahih riwayat dari Saiyidina Ibnu Abbas -radhiyallahu 'anhuma- bahawa beliau berkata:

أَوحَى اللهُ تَعَالَى إِلَى عِيسَى عَلَيهِ السَّلَامُ: آمِنْ بِمُحَمَّدٍ وَمُر مَن أَدرَكَهُ مِن أُمَّتِكَ أَن يُؤمِنُوا. فَلَولَا مُحَمَّدٌ مَا خَلَقتُ الجَنَّةَ وَالنَّارَ. وَلَقَد خَلَقتُ العَرشَ فَاضْطَرَبَ فَكَتَبتُ عَلَيهِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللهِ فَسَكَنَ.

*"Allah Taala mewahyukan kepada Saiyidina Isa 'alaihis salam: "Berimanlah kamu kepada Muhammad dan perintahkanlah umatmu yang hidup di masanya untuk beriman dengannya. Jika bukan kerana Muhammad tidaklah Aku menciptakan syurga dan neraka. Sesungguhnya telah Aku ciptakan Arasy maka bergegar dia, lalu aku menuliskan di atasnya* لا إله إلا الله محمد رسول الله *maka tenanglah dia".*

Lalu bagaimana mungkin untuk tidak bertawassul dan minta syafaat kepada Baginda yang sebegini luas tuahnya dan amat hebat kedudukannya di sisi Tuhannya yang mengurniai Baginda segala limpahan dan keutamaan?! Moga Allah merezekikan kita keredhaan Baginda Nabi lagi tetap kita mengikut syariat Baginda yang suci.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كُلَّمَا ذَكَرَهُ الذَّاكِرُونَ وَغَفَلَ عَن ذِكرِهِ الغَافِلُونَ.

*"Allah berselawat ke atas Saiyidina Muhammad selagi orang berzikir mengingatinya dan selagi orang lupa melupainya".*

# Fasal 3

# Keutamaan Berziarah Kepada Baginda Nabi ﷺ, Ancaman Jika Tidak Berziarah dan Keutamaan Kota Madinah Al-Munawwarah Serta Penghuninya

Dalam fasal ini akan diperturunkan hadis-hadis mulia tentang keutamaan berziarah kepada Baginda Nabi ﷺ, ancaman bagi yang meninggalkan ziarah, fadhilat kota Madinah Al-Munawwarah serta kelebihan warganya.



Ketahuilah bahawa antara kecukupan bahagia dan kesempurnaan jaya beroleh kebaikan dan segala tambahan yang berlipat kali ganda adalah bilamana engkau direzekikan dapat berziarah kepada Baginda junjungan pemberi syafaat Saiyidina Muhammad ﷺ dan melawat kepada masjidnya yang suci. Sesungguhnya kitab suci Al-Quran telah memberi petunjuk menuntut agar dikerjakan amalan ini dan banyak riwayat hadis bertaraf *mutawatir*[2] memberi dorongan dan menyukakan pekerjaan

[2] - Hadis Mutawatir bererti perkhabaran yang mendatangkan ilmu yang bersifat yakin, diriwayatkan dengan jalan yang banyak dari generasi ke generasi dan kebiasaannya tidak berlaku pembohongan secara itu. Lihat (Nuzhatun Nazhar Fi Tawdhih Nukhbatul Fikar ms 14).

ini. Seluruh umat telah ijmak bahawa menziarahi Baginda adalah amalan yang disyariatkan, manakala para imam ulama berselisih pendapat apakah menziarahi Baginda itu hukumnya wajib [atau sekadar sunnah]? Adapun para ahli mahabbah mereka melihat amalan berziarah kepada junjungan Baginda ﷺ sebagai kefardhuan dan tanggungjawab kesetiaan, dengan amalan ini sempurna cahaya mereka serta dengannya terhimpunlah segala kelebihan dan nikmat.

Firman Allah Taala:

وَلَو أَنَّهُم إِذ ظَلَمُوا أَنفُسَهُم جَاءُوكَ فَاستَغفَرُوا اللهَ وَاستَغفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا.

*"Dan kalaulah mereka ketika menzalimi diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani"- **An-Nisa': 64***

Ayat mulia ini memberi galakan kepada umat untuk mendatangi Baginda ﷺ dan beristighfar di sisi Baginda serta Baginda beristighfar untuk mereka. Amalan ini takkan putus selama-lamanya kerana Baginda ﷺ hidup di dalam kuburnya yang mulia lagi mendengar bicara penziarah yang berdiri di sisinya dan Baginda menjawab salam si penziarah. Sabda junjungan Saiyidina Rasulullah ﷺ:

مَن زَارَ قَبرِي وَجَبَت لَهُ شَفَاعَتِي.

*"Barangsiapa menziarahi kuburku wajiblah baginya mendapat syafaatku". **Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ad-Daarqutni, Imam Al-Baihaqi dan lain-lain.***

Lagi Sabda Baginda ﷺ:

مَن جَاءَنِي زَائِرًا لَا تَعمَدُهُ حَاجَةٌ إِلَّا زِيَارَتِي كَانَ لَهُ حَقٌّ عَلَى اللهِ عَزَّ وَجَلَّ أَن أَكُونَ لَهُ شَفِيعًا يَومَ القِيَامَةِ.

*"Barangsiapa datang menziarahiku dan tiada baginya hajat selain menziarahiku nescaya berhaklah dia ke atas Allah Azza Wajalla bahawa aku menjadi pensyafaatnya di Hari Kiamat".* ***Hadis ini diriwayatkan oleh Imam At-Thabrani dalam Al-Kabir manakala Imam Ad-Daarqutni meriwayatkannya dalam Al-Amaali.***

Lagi sabda Baginda ﷺ:

مَن حَجَّ فَزَارَ قَبرِي بَعدَ وَفَاتِي كَانَ كَمَن زَارَنِي فِي حَيَاتِي.

*"Barangsiapa naik haji lalu datang menziarahi makamku sesudah kewafatanku maka seolah-olah sama seperti menziarahiku waktu hayatku".* ***Hadis riwayat At-Thabrani****, dan dalam satu riwayat lain dari beliau:*

مَن زَارَنِي بَعدَ مَوتِي فَكَأَنَّمَا زَارَنِي فِي حَيَاتِي.

*"Barangsiapa menziarahiku sesudah kematianku maka sesungguhnya dia seolah-olah menziarahiku waktu hayatku".*

Saiyidina Hathib رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Saiyidina Rasulullah ﷺ bersabda:

مَن زَارَنِي بَعدَ مَوتِي فَكَأَنَّمَا زَارَنِي فِي حَيَاتِي. وَمَن مَاتَ بِأَحَدِ الحَرَمَينِ بُعِثَ مِنَ الآمِنِينَ يَومَ القِيَامَةِ.

*"Barangsiapa menziarahiku selepas kematianku maka sesungguhnya umpama dia menziarahiku waktu hidupku. Dan barangsiapa meninggal dunia di salah satu dari dua kota suci nescaya akan dibangkitkan dari golongan yang aman di Hari Kiamat".* ***Hadis riwayat Imam Al-Baihaqi.***

Saiyidina Umar رضي الله عنه berkata bahawa aku telah mendengar Baginda Rasulullah ﷺ bersabda:

مَن زَارَ قَبرِي أَو قَالَ مَن زَارَنِي كُنتُ لَهُ شَفِيعًا أَو شَهِيدًا. وَمَن مَاتَ بِأَحَدِ الحَرَمَينِ بَعَثَهُ اللهُ مِنَ الآمِنِينَ يَومَ القِيَامَةِ.


*"Barangsiapa menziarahi kuburku atau barangsiapa menziarahiku nescaya aku akan menjadi pensyafaatnya atau saksinya. Dan barangsiapa mati di salah satu dari dua kota suci nescaya akan dibangkitkan Allah dari golongan yang aman di Hari Kiamat".* ***Hadis riwayat Imam Al-Baihaqi dan lain-lain.***

Al-Imam Ibnu Mandah meriwayatkan dari Saiyidina Ibnu Abbas -radhiyallahu 'anhuma- bahawa beliau mendengar Saiyidina Rasulullah ﷺ bersabda:

مَن حَجَّ إِلَى مَكَّةَ ثُمَّ قَصَدَنِي فِي مَسجِدِي كُتِبَت لَهُ حَجَّتَانِ مَبرُورَتَانِ.

*"Barangsiapa naik haji ke Makkah kemudian dia datang menziarahiku di masjidku nescaya akan ditulis baginya dua haji yang mabrur".* ***Hadis ini tercatat dalam Musnad Al-Firdaus.***

Dalam satu riwayat disebutkan sabda Baginda ﷺ:



مَن زَارَنِي مُحتَسِبًا إِلَى المَدِينَةِ كَانَ فِي جِوَارِي يومَ القِيَامَةِ.

*"Barangsiapa datang ke Madinah semata-mata untuk menziarahiku nescaya akan menjadi jiranku di Hari Kiamat".*

Al-Hafiz Abu Abdullah Muhammad bin Mahmud bin An-Najjar telah menyebut dalam kitab **Ad-Durrotus Tsaminah Fi Fadhoilil Madinah** riwayat dari Saiyidina Anas ﵁ bahawa Saiyidina Rasulullah ﷺ telah bersabda:

مَن زَارَنِي مَيِّتًا فَكَأَنَّمَا زَارَنِي حَيًّا، وَمَن زَارَ قَبرِي وَجَبَت لَهُ شَفَاعَتِي يومَ القِيَامَةِ، وَمَا مِن أَحَدٍ مِن أُمَّتِي لَهُ سَعَةٌ ثُمَّ لَم يَزُرنِي فَلَيسَ لَهُ عُذرٌ.

*"Barangsiapa menziarahiku sesudah kewafatanku maka sesungguhnya dia seolah-olah menziarahiku waktu hidupku, dab barangsiapa menziarahi kuburku wajiblah baginya mendapat syafaatku, dan tiada siapa pun di kalangan umatku yang punya kelapangan lalu tidak datang menziarahi maka tiada keuzuran baginya".*



Dalam hadis lain diriwayatkan:

مَن زَارَنِي مُعتَمِدًا كَانَ فِي جِوَارِي يومَ القِيَامَةِ.

*"Barangsiapa dengan sengaja datang menziarahiku maka dia akan menjadi jiranku di hari kiamat". **Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Jaafar Al-Uqaili dan lain-lain.***

Dalam satu riwayat disebutkan sabda Baginda ﷺ:

وَمَن سَكَنَ المَدِينَةَ وَصَبَرَ عَلَى بَلَائِهَا كُنتُ لَهُ شَهِيدًا وَشَفِيعًا يومَ القِيَامَةِ.

*'Barangsiapa menghuni kota Madinah dan sabar terhadap balanya maka aku akan menjadi saksi dan pensyafaatnya di hari kiamat".*

Sidi Yahya bin Al-Husein meriwayatkan hadis *marfu'* dari jalan Sidi Nu'man bin Syibl yang berkata: "Muhammad Ibnu Al-Fadhl Al-Madini telah menghadiskan kepada kami dari Jabir, dari Muhammad bin Ali, dari Saiyidina Ali -karramallahu wajhahu wa rodhiya 'anhu- sabda junjungan Baginda ﷺ:

مَن زَارَ قَبرِي بَعدَ مَوتِي فَكَأَنَّمَا زَارَنِي فِي حَيَاتِي، وَمَن لَم يَزُرنِي فَقَد جَفَانِي.

*"Barangsiapa menziarahi kuburku selepas kematianku sesungguhnya seolah-olah dia menziarahiku waktu hayatku. Dan barangsiapa tidak menziarahiku sesungguhnya dia telah menjauhiku".*

Lalu jelaslah bagimu sekarang bahawa tidak pergi menziarahi Baginda itu adalah merenggangkan hubungan.

Adapun ziarah kepada Baginda ﷺ tidak mempunyai waktu tertentu, hanya sanya tuntutan melakukannya lebih ditekankan bagi yang mengerjakan haji, terlebih utama jika ziarah dilakukan selepas selesai manasik haji, jika ziarah dibuat sebelum dan selepas manasik maka itulah kebahagiaan dan fadhilat yang lebih agung. Semoga Allah merezekikan kita mengulang-ulang ziarah dan merasai kelazatannya. Moga Allah dengan kemuliaan dan budiNya memakaikan kita perhiasan kemesraan dari halaman Baginda, demi kehormatan Rasul agung yang bergelar Al-Habib Al-Musthafa nan mulia ﷺ, amin Allahumma amin.

# Kisah Ziarah Saiyidina Bilal رضي الله عنه

Para sahabat bermusafir dari kejauhan untuk datang menziarahi Baginda Rasulullah ﷺ di makamnya. Antara yang melakukannya adalah Saiyidina Bilal bin Rabah juru azan Saiyidina Rasulullah ﷺ yang bertolak dari Syam sepertimana tersebut dalam riwayat Al-Imam Ibnu 'Asakir dengan sanad yang baik dari Saiyidina Abu Ad-Darda' رضي الله عنه yang menceritakan:

> "Apabila Khalifah Saiyidina Umar Ibnul Khattab رضي الله عنه sudah selesai urusan membuka kota Baitul Maqdis, beliau dan rombongan kembali pulang. Ketika sampai di Jabiyah bermohonlah Saiyidina Bilal kepada Khalifah agar menetapkannya di Syam maka permintaannya diperkenankan.
>
> (Saiyidina Abu Ad-Darda' menceritakan kisah bagaimana Saiyidina Bilal memutuskan untuk tinggal di Dariyya kemudian berkata): Tidak berapa lama dari itu Saiyidina Bilal bermimpi bertemu junjungan Nabi ﷺ, sabda Baginda kepadanya: "Kenapa engkau menjauhiku ya Bilal? Belumkah sampai masanya engkau datang menziarahiku ya Bilal?", maka terbangunlah beliau dari mimpinya dengan sedih, gementar dan bimbang lalu segera menunggang kenderaannya menuju Madinah.
>
> Di Madinah beliau terus pergi ke makam Nabi ﷺ lalu menangis dan menyembamkan wajahnya ke pusara Baginda. Datang Saiyidina Hasan dan Saiyidina Husein -radhiyallahu 'anhuma-, maka dipeluk cium keduanya oleh Saiyidina Bilal, kedua cucunda Nabi itu berkata padanya: "Hai paman, ingin benar kami mendengar kembali azan seperti yang paman laungkan untuk Baginda Rasulullah ﷺ di masjid ini". Permintaan itu disambutnya; beliau naik ke bumbung masjid Nabi lalu berdiri di tempatnya dahulu.

> Apabila Saiyidina Bilal melaungkan "Allahu Akbarullahu Akbar!" bergegarlah kota Madinah. Apabila beliau melaungkan "Asyhadu an la Ilaha illallah!" gegaran itu bertambah kuat. Apabila beliau melaungkan "Asyhadu anna Muhammadan Rasulullah!" keluarlah wanita-wanita merdeka dari balik tabir-tabir mereka seraya tertanya-tanya: "Apakah Baginda Rasulullah ﷺ diutuskan kembali?!". Begitulah tidak pernah dilihat ramai lelaki dan wanita menangis di Madinah lebih daripada hari itu sejak pemergian Baginda Rasulullah ﷺ".

Demikianlah disebut oleh Al-Imam Ibnu 'Asakir seperti yang dinukil oleh Al-Imam As-Subki.


Dalam kitab **Futuh As-Syam** mengkhabarkan bahawa Khalifah Saiyidina Umar رضي الله عنه telah datang ke Baitul Maqdis untuk menerima perjanjian damai penduduknya. Di situ Ka'ab Al-Ahbaar turut hadir dan masuk Islam. Khalifah gembira dengan Islamnya Ka'ab lalu berkata padanya: "Mahukah kamu mengikutku pulang ke Madinah, berziarah pusara junjungan Nabi ﷺ dan bergembira dengan penziarahan itu?", maka kata Ka'ab: "Ya Amirul Mukminin, sukalah hamba untuk melakukannya", dan apabila sampai saja ke Madinah yang mula-mula dilakukan oleh Saiyidina Umar رضي الله عنه adalah menuju ke masjidnya dan mengucap salam kepada Saiyidina Rasulullah ﷺ.

Kitab **Futuh As-Syam** juga meriwayatkan bahawa ketikamana Saiyidina Abu 'Ubaidah رضي الله عنه dalam operasi perang membuka Baitul Maqdis beliau mengutus Saiyidina Maysarah Ibnu Masruq رضي الله عنه membawa surat kepada Khalifah Saiyidina Umar رضي الله عنه untuk menjemputnya datang ke Baitul Maqdis. Saiyidina Maysarah sampai ke Kota Madinah waktu malam lalu masuk ke masjidnya mengucap salam kepada Baginda Rasulullah ﷺ dan Saiyidina Abu Bakar رضي الله عنه.

## Utusan Berkirim Salam Kepada Baginda ﷺ

Kalangan salafus soleh juga menghantar utusan khas dari Syam ke Madinah Al-Munawwarah khusus bagi mengucap salam kepada junjungan Nabi ﷺ dan utusan segera kembali setelah melaksanakan tugas khasnya ini. Antara yang menghantar utusan sebegini adalah Khalifah Saiyidina Umar Ibnu Abdul Aziz -rahimahullahu Taala-; selepas menyampaikan salam, utusan beliau segera kembali dan tiada tujuan lain dari perutusannya itu; tidak kerana pekerjaan dunia, tidak juga kerana mendatangi Masjid Nabawi dan tidak juga kerana lainnya, [bahkan semata-mata menyampaikan salam kepada junjungan Rasulullah ﷺ]. Kami tegaskan kenyataan ini supaya jangan ada nanti orang yang tak berilmu mendakwa konon bermusafir semata-mata tujuan ziarah Rasul ﷺ adalah tidak sunnah!.

Telah datang riwayat dari Yazid bin Abi Sa'id Maula Al-Mahriy berkata: "Aku datang mengadap Saiyidina Umar bin Abdul Aziz, apabila aku mengucap selamat tinggal kepadanya beliau berkata: "Aku ada hajat kepadamu, apabila engkau sampai ke Kota Madinah engkau akan melihat pusara Baginda Nabi ﷺ, maka sampaikanlah salam dariku kepada Baginda". Amalan berkirim salam kepada Baginda ﷺ juga telah datang perkhabarannya dari tokoh-tokoh selain Saiyidina Umar bin Abdul Aziz.




Dalam kitab **Al-Fatawa** karya Sidi Abu Laits As-Samarqandi Al-Hanafi beliau menyebut dalam Bab Al-Hajj: "Abul Qasim berkata: "Ketika aku bersiap untuk berangkat ke Makkah berkatalah padaku Al-Qasim bin Ghassan: "Aku punya hajat kepadamu [wahai Abul Qasim], bila nanti engkau mendatangai pusara junjungan Nabi ﷺ tolonglah sampaikan salamku kepada Baginda", kata Abul Qasim: "Maka apabila kakiku menjejak masjid junjungan Nabi ﷺ aku pun menyampaikannya". Al-Faqih Sidi Abu Laits berkata: "Pekerjaan [salafus soleh] ini memberi petunjuk bahawa orang yang tidak mampu untuk berpergian lalu meminta orang lain mengirimkan

salamnya di sisi Baginda ﷺ, maka Insya Allah yang berkirim salam itu akan beroleh fadhilat mengucap salam kepada Baginda".

## Penegasan Ulama' Ahlus Sunnah Wal Jamaah Berkenaan Ziarah Junjungan Baginda ﷺ


As-Syeikh Abu Bakr Muhammad bin Al-Husein Al-Ajurri menyebut dalam kitab **As-Syari'ah** pada Bab Saiyidina Abu Bakar dan Saiyidina Umar -radhiyallahu 'anhuma- dikebumikan bersebelahan dengan Junjungan Nabi ﷺ, kata beliau:

> "…Sejak dari zaman awal hingga sekarang tiadalah seorang pun ahli ilmu kalangan fuqaha' muslimin yang mengarang kitab lalu menulis padanya **Bab Manasik Haji** melainkan si pengarang akan menyuruh semua orang yang mendatangi Kota Madinah Al-Munawwarah, baik dalam pekerjaan haji atau umrah, atau orang yang datang bukan kerana haji maupun umrah tapi kerana hendak berziarah makam junjungan Nabi ﷺ dan bermukim di Madinah kerana kelebihannya, maka setiap ulama yang mengarang itu telah menuliskan dalam kitab-kitab mereka mengajar kepada orang yang mendatangi Kota Madinah bagaimana tatacara mengucap salam kepada junjungan Nabi ﷺ, dan bagaimana mengucap salam kepada Saiyidina Abu Bakar dan Saiyidina Umar -radhiyallahu 'anhuma-, dan mereka itu adalah para ulama Tanah Hijaz dari dahulu hingga sekarang, para ulama Iraq dari dahulu hingga sekarang, para ulama Syam dari dahulu hingga sekarang, para ulama Khurasan dari dahulu hingga sekarang, para ulama Ma Wara'un Nahr dari dahulu hingga sekarang, para ulama Mesir dari dahulu hingga sekarang, para ulama India dan Sind dari dahulu hingga sekarang, para ulama Maghribi dari dahulu hingga sekarang, para ulama Yaman dari dahulu hingga sekarang.

> Maka segala pujian bagi Allah atas hakikat ini. Allahumma kurniakan kami hidayat bersama mereka yang Engkau kurniai hidayat, Allahumma beri taufik pada yang Engkau cinta dan redhai. Amin".

Demikianlah kami kutip dari kitab **Syifa'us Siqam Fi Ziyaroti Khairil Anam** karya Al-Imam As-Subki -rahimahullahu Taala-.

Al-Imam Al-Qasthalani menyebut dalam kitab **Al-Mawahib Al-Ladunniyyah**: "Adapun amalan bertawassul kepada junjungan Baginda ﷺ di alam barzakh dan hari kiamat adalah perkara yang telah disepakati dengan ijmak dan perkhabaran mengenainya telah *mutawatir*...". Maka wahai penuntut yang mencitakan kebaikan dan tambahannya, hendaklah engkau menggapai kebahagiaan ini dengan berpegang teguh kepada peri kemurahan budi junjungan Nabi ﷺ dan dengan bertawassul dengan tuah Baginda yang mulia, lagi dengan memohon syafaat pada martabat ketinggian Baginda. Sesungguhnya Saiyidina Muhammad ﷺ adalah *wasilah* (perantara) bagi mencapai kedudukan yang tinggi. Perkara ini digambarkan dalam bentuk syair bahawa lisan *hadrah an-nabawiyyah* seolah-olah mengungkapkan:




تَـمَتَّع إِن ظَـفِرتَ بِـنَيلِ قُـربِي * وَحَصِّل مَا اسْتَطَعتَ مِنَ الذِّخَارِي

فَهَأَنَا قَـد أَبَحتُ لَكُم عَطَائِي * وَهَـــا قَد صِـرتَ عِندِي فِي جِوَارِي

فَخُذ مَا شِئتَ مِن كَرَمٍ وَجُودٍ * وَنِل مَا شِـــئتَ مِـن نِعَم غِــــزَارِي

فَقَد وَسَـعَّتُ أَبوَابَ التَّدَانِي * وَقَـــد قَـــرَّبتُ لِلـــزُّوَّارِ دَارِي

فَمَـتِّع نَاظِرِيكَ فَهَا جَمَــــالِي * تَـجَلَّى لِلقُـلُوبِ بِـــلَا اسْــــتِتَارِي

*Bergembiralah jika kau capai dampinganku,*
*dapatkan semampumu dari kurniaku,*
*sekarang telah ku izinkanmu beroleh pemberianku,*


*sekarang engkau berada di sampingku,*
*maka ambillah apa yang kau mahu dari kemuliaan dan budi,*
*capailah apa yang kau cita dari limpahan nikmati,*
*telah ku luaskan pintu dampingan,*
*dan ku dekatkan rumah ku kepada penziarah,*
*nikmatkanlah pandanganmu, inilah keindahanku,*
*yang tajalli kepada hati tiada sembunyi*

Satu bait lain yang senada dengan rangkap tadi juga menyebut:

وَحُط فِي بَابِنَا مَا شِئتَ مِن ثِقَلٍ * فَكُلُّ شَيءٍ يَرَى صَعبًا يَهُونُ بِنَا

*Di pintu kami,*
*turunkanlah apa saja muatan berat,*
*semahumu,*
*di sisi kami segala yang payah menjadi mudah*

Peristiwa orang yang mencapai maksud dan hajatnya dengan bertawassul kepada Baginda Nabi ﷺ adalah terlalu banyak berlaku lagi berjela-jela hikayatnya. Jika sidang pembaca mahu mengetahuinya dengan terperinci silakanlah membaca kitab **Syawahidul Haq Fil Istighatsati Bi Saiyidil Khalq** ﷺ karya Al-'Allamah An-Nabhani.



# Fasal 4

# Kemuliaan Kota Madinah Al-Munawwarah dan Kelebihannya

Ketahuilah bahawa Kota Madinah Al-Munawwarah adalah negeri yang paling afdhal selepas Kota Makkah Al-Mukarromah, bahkan Al-Imam Malik رضي الله عنه telah menghukum wajib bahawa Kota Madinah itu lebih tinggi kemuliaan dan kehormatan dari Kota Makkah.

Sesungguhnya Allah Taala telah mengistimewakan Madinah dengan seagung-agung kemuliaan, Allah telah memberi kota ini semulia-mulia kenangan dan sifat, lagi Allah telah membaguskan tanah kota ini dengan menjadikannya tempat tinggal bagi NabiNya waktu hidup Baginda ﷺ dan kediaman baginya ﷺ sejak wafatnya, maka dikeranakan itulah Madinah digelar Thoibah yang bererti yang bagus.

Allah juga telah mengistimewakan kota ini dengan kehormatan teragung dan mengistimewakannya dengan para sahabat Baginda ﷺ yang merupakan sebaik-baik umat.

Allah telah menamakan kota ini di dalam kitabNya sebagai *Ad-Daar Wal-Iman* (negeri tempat kediaman dan iman), dan *Mudkhala Sidqin* (tempat masuk yang jujur). Demikianlah seperti yang difirmankan olehNya:

وَالَّذِينَ تَبَـوَّؤُا الدَّارَ وَالإِيمَانَ

*"Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman…"* ***Al-Hasyr: 9***

Sidi Othman Bin Abd. Rahman dan Sidi Abdullah bin Jaafar berkata: "Bahawa Allah Taala menamakan Madinah sebagai Ad-Daar Wal-Iman kerana kota ini merupakan gambaran kepada iman dan masa depannya".

Saiyidina Abu Hurairah ﵁ meriwayatkan sabda Saiyidina Rasulullah ﷺ:

المَدِينَةُ قُبَّةُ الإِسلَامِ وَدَارُ الإِيمَانِ وَأَرضُ الهِجرَةِ وَمَثوَى الحَلَالِ وَالحَرَامِ.

*"Madinah adalah kubah Islam, negeri iman, bumi hijrah dan tempat turun halal dan haram".* ***Hadis ini diriwayatkan oleh At-Thabrani dalam kitabnya Al-Ausath dengan sanad yang dapat diterima.***

Dalam hadis lain diriwayatkan sabda Baginda ﷺ:

إِنَّ الإِيمَانَ لَيَأرِزُ إِلَى المَدِينَةِ كَمَا تَأرِزُ الحَيَّةُ إِلَى جُحرِهَا.

*"Sesungguhnya iman itu akan menyusur pulang ke Madinah umpama ular menyusur pulang ke lubangnya".* ***Demikianlah riwayat oleh Al-Imam Al-Bukhari dalam sahihnya.***

Kalimat يَأرِزُ dalam dalam hadis ini juga memberi pengertian mengecut, berkumpul dan berhimpun kembali serta berlindung. Memang demikianlah kami saksikan pada setiap orang mukmin ada dorongan dari dalam dirinya untuk mendatangi Kota Madinah kerana cintanya kepada junjungan Nabi ﷺ. Makna hadis ini juga

meliputi tiap zaman kerana di zaman Baginda ﷺ kotanya didatangi untuk belajar dari Baginda, di zaman sahabat dan tabi'in untuk mengikut contoh tauladan mereka, dan pada zaman seterusnya untuk berziarah kepada Baginda ﷺ dan untuk beroleh kemuliaan negerinya ﷺ, mengambil tabarruk dengan menyaksikan kesan peninggalan Baginda ﷺ dan mencontohi perbuatan Baginda dengan menghuni kotanya.

Allah Taala berfirman:

وَقُل رَبِّ أَدخِلنِي مُدخَلَ صِدقٍ وَأَخرِجنِي مُخرَجَ صِدقٍ وَاجعَلنِي مِن لَدُنكَ سُلطَانًا نَصِيرًا.

*"Dan katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai Tuhanku! masukkanlah daku (ke dalam urusan agamaku) dengan kemasukan yang benar lagi mulia, serta keluarkanlah daku (daripadanya) dengan cara keluar yang benar lagi mulia ; dan berikanlah kepadaku dari sisiMu hujah keterangan serta kekuasaan yang menolongku".* ***Al-Isra: 80***

maka tafsir "kemasukan yang benar" dalam ayat ini adalah kota Madinah manakala "keluar yang benar" bererti kepada Kota Makkah, manakala "kekuasaan yang menolongku" adalah kaum Ansar seperti yang diriwayatkan dari Saiyidina Zaid bin Aslam.

Al-Imam Al-Bukhari meriwayatkan dari Baginda junjungan ﷺ:

إِنَّ إِبرَاهِيمَ حَرَّمَ مَكَّةَ وَدَعَا لَهَا وَحَرَّمتُ المَدِينَةَ كَمَا حَرَّمَ إِبرَاهِيمُ مَكَّةَ وَدَعَوتُ لَهَا فِي مُدِّهَا وَصَاعِهَا مِثلَ مَا دَعَا إِبرَاهِيمُ لِمَكَّةَ.

*"Sesungguhnya Nabi Ibrahim telah menjadikan Makkah sebagai tanah suci dan mendoakannya. Aku pula menjadikan*

*Madinah sebagai tanah suci sepertimana Nabi Ibrahim telah menjadikan Makkah tanah suci, dan aku mendoakan Madinah pada cupak dan gantangnya sepertimana Nabi Ibrahim telah mendoakan Makkah".*

Lagi sabda Baginda ﷺ:


**اللَّهُمَّ بَارِك لَنَا فِي مَدِينَتِنَا، اللَّهُمَّ بَارِك لَنَا فِي صَاعِنَا، اللَّهُمَّ بَارِك لَنَا فِي مُدِّنَا، اللَّهُمَّ اجْعَل مَعَ البَرَكَةِ بَرَكَتَين.**

*"Allahumma berkatilah kami pada Madinah kami, Allahumma berkatilah kami pada timbangan gantang kami, Allahumma berkatilah kami pada timbangan cupak kami, Allahumma jadikanlah satu keberkatan (di Madinah) menjadi dua keberkatan".*

Saiyidina Ali -karramallahu wajhahu- meriwayatkan:

**خَرَجنَا مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم حَتَّى كُنَّا عِندَ السُّقيَا الَّتِي كَانَت لِسَعد، قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم: اللَّهُمَّ إِنَّ إِبرَاهِيمَ عَبدُكَ وَخَلِيلُكَ دَعَاكَ لِأَهلِ مَكَّةَ بِالبَرَكَةِ وَأَنَا مُحَمَّدٌ عَبدُكَ وَرَسُولُكَ وَإِنِّي أَدعُوكَ لِأَهلِ المَدِينَةِ أَن تُبَارِكَ لَهُم فِي صَاعِهِم وَمُدِّهِم مِثلَ مَا بَارَكتَ لِأَهلِ مَكَّةَ وَاجْعَل مَعَ البَرَكَةِ بَرَكَتَين.**

*"Kami keluar bersama Baginda Rasulullah hingga sampai ke tempat mengambil air yang dimiliki oleh Saad, maka berdoalah Baginda Rasulullah ﷺ: "Allahumma sesungguhnya Ibrahim; Nabi dan teman rapatMu telah berdoa kepadaMu memohon keberkatan untuk ahli Makkah, maka aku*



*Muhammad hambaMu dan RasulMu berdoa kepadaMu untuk ahli Madinah agar Engkau memberkati mereka pada gantang dan cupak mereka sepertimana Engkau telah memberkati ahli Makkah, dan jadikanlah ya Allah bersama satu keberkatan (di Madinah) menjadi dua keberkatan".* ***Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam At-Thabrani dalam kitab Al-Ausath dengan sanad yang baik lagi kuat.***

Adapun perkataan Baginda ﷺ: "…pada gantang dan cupak kami" ertinya pada makanan kami yang ditimbang dengan gantang dan cupak. Di dalam hadis ini Saiyidina Rasulullah ﷺ telah mendoakan keberkatan untuk ahli Madinah pada semua makanan mereka. Alhamdulillah sesungguhnya keberkatan yang Baginda doakan ini dapat disaksikan pada zahir dan maknawi, bahkan pada menuntut ilmu di Madinah juga terasa keberkatannya dengan berkat doa dari junjungan Nabi ﷺ, semoga Allah jua yang mengganjari Baginda ﷺ dengan kebaikan bagi pihak kita.

Sabda junjungan Rasulullah ﷺ:

مَن اسْتَطَاعَ أَن يَمُوتَ بِالمَدِينَةِ فَلْيَمُت فَإِنَّهُ مَن يُمُوتُ بِهَا أَشفَعُ لَهُ وَأَشهَدُ لَهُ. وَفِي رِوَايَةٍ: فَإِنَّهُ مَن مَاتَ بِهَا كُنتُ لَهُ شَفِيعًا أَو شَهِيدًا يَومَ القِيَامَةِ.

*"Barangsiapa yang dapat meninggal dunia di Madinah maka silakanlah, sesungguhnya siapa yang meninggal dunia di Madinah nescaya aku akan mensyafaatkannya atau menjadi saksi baginya", dalam satu riwayat lain disebut: "… sesungguhnya barangsiapa meninggal dunia di Madinah nescaya aku akan menjadi pensyafaat atau saksi baginya di hari kiamat".*

Dalam satu riwayat lain hadis ini bersambung lagi dengan sabda Baginda ﷺ:

وَإِنِّي أَوَّلُ مَن تَنشَقُّ عَنهُ الأَرضُ ثُمَّ أَبُو بَكرٍ ثُمَّ عُمَر ثُمَّ آتِي أَهلَ البَقِيعِ ثُمَّ أَنتَظِرُ أَهلَ مَكَّةَ.

*"...dan sesungguhnya aku adalah yang pertama dibangkitkan dari bumi, kemudian, Abu Bakar, kemudian Umar, selepas itu aku akan mendatangi ahli perkuburan Baqi' dan sesudah itu aku menunggu ahli Makkah".*

Dalam kitab **Sahih Al-Imam Al-Bukhari** beliau meriwayatkan hadis dari Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه bahawa Baginda Rasulullah ﷺ telah bersabda:

عَلَى أَنقَابِ المَدِينَةِ مَلاَئِكَةٌ لَا يَدخُلُهَا الطَّاعُونَ وَلَا الدَّجَّالُ.


*"Pada lubang-lubang Kota Madinah ada para malaikat yang menjaganya, penyakit taun dan Dajjal takkan dapat memasuki kota ini".*

Al-Imam Muslim meriwayatkan sabda junjungan Baginda ﷺ:

مَن أَخَافَ أَهلَ المَدِينَةِ أَخَافَهُ اللهُ وَكَانَت عَلَيهِ لَعنَةُ اللهِ وَالمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجمَعِينَ.

*"Barangsiapa menakut-nakuti ahli Madinah nescaya dia akan ditakutkan Allah, dan ke atasnya laknat Allah dan para malaikat serta seluruh manusia".*

Di dalam kitab **Fadhailul Madinah** karya As-Syeikh Al-Janadi tercatat sebuah hadis:



أَيُّمَا جَبَّارٌ أَرَادَ المَدِينَةَ بِسُوءٍ أَذَابَهُ اللهُ تَعَالَى كَمَا يَذُوبُ المِلحُ فِي المَاءِ.

*“Mana-mana orang bongkak yang mahu melakukan kejahatan kepada Madinah nescaya dia akan dicairkan Allah sepertimana garam cair di dalam air”.*

Sidi Ibnu Zabalah menyebut sanad riwayat dari Sidi Said bin Al-Musayyib ﷺ bahawa dalam satu peristiwa Baginda Rasulullah ﷺ telah memandang ke Kota Madinah lalu mengangkat kedua tangannya hingga kelihatan gebu dua ketiak Baginda seraya berdoa:

اللَّهُمَّ مَن أَرَادَنِي وَأَهلَ بَلَدِي بِسُوءٍ فَعَجِّل هَلَاكَهُ.

*“Allahumma barangsiapa yang mahu membuat jahat ke atasku dan ahli kampung halamanku maka Engkau segerakanlah kebinasaannya”.*

Imam At-Thabrani meriwayatkan dalam **Al-Ausath** sebuah hadis yang para rijal perawinya bertaraf sahih:

اللَّهُمَّ مَن ظَلَمَ أَهلَ المَدِينَةِ وَأَخَافَهُم فَأَخِفهُ وَعَلَيهِ لَعنَةُ اللهِ وَالمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجمَعِينَ لَا يُقبَلُ مِنهُ صَرفٌ وَلَا عَدلٌ.

*“Allahumma sesiapa yang menzalimi ahli Madinah dan menakut-nakuti mereka maka Engkau takutkanlah dia. Ke atasnya laknat Allah dan para malaikat serta seluruh manusia lagi takkan diterima darinya amalan wajib mahupun sunat”.*

Dalam hadis lain diriwayatkan:

مَن أَخَافَ أَهلَ المَدِينَةِ أَخَافَهُ اللهُ يَومَ القِيَامَةِ وَغَضِبَ عَلَيهِ وَلَم يُقبَل مِنهُ

صَرفًا وَلَا عَدلاً.

*"Barangsiapa menakut-nakuti ahli Madinah nescaya Allah akan menakutkannya di hari kiamat, Allah murka padanya dan takkan diterima darinya amalan baik yang fardhu mahupun sunat".*

Imam An-Nasa'i meriwayatkan hadis:

مَن أَخَافَ أَهلَ المَدِينَةِ ظَالِمًا لَـهُم أَخَافَهُ اللهُ وَكَانَت عَلَيهِ لَعنَةُ اللهِ.

*"Barangsiapa dengan zalim menakut-nakuti ahli Madinah nescaya Allah akan menakutkannya dan ke atasnya laknat dari Allah".*

Adapun hadis-hadis yang bersangkutan dengan perkara ini amat banyak riwayatnya. Di dalam **Sahih Bukhari** dan **Muslim** pada Bab Madinah Tanah Suci diriwayatkan hadis:

فَمَن أَحدَثَ فِيهَا حَدَثًا أَو آوَى مُحدِثًا فَعَلَيهِ لَعنَةُ اللهِ وَالمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجمَعِينَ لَا يَقبَلُ اللهُ مِنهُ يَومَ القِيَامَةِ صَرفًا وَلَا عَدلًا.

*"...maka barangsiapa melakukan satu kejahatan di Madinah atau melindungi pembuat kejahatan nescaya ke atasnya laknat Allah dan para malaikatnya serta seluruh manusia, lagi di hari kiamat nanti takkan diterima amal fardhu dan sunat darinya".*


Dalam riwayat Imam Al-Bukhari terdapat sedikit perbezaan harakat iaitu pada kalimat صَرفٌ وَلَا عَدلٌ. Para ulama mentafsirkan makna perkataan صَرفٌ sebagai amalan fardhu manakala عَدلٌ bererti amalan sunat dan ini adalah pendapat majoriti. Ada pendapat

lain yang menyebut sebaliknya. Ada juga yang berpendapat makna صَرفٌ adalah taubat manakala عَدلٌ bererti tebusan.

Satu pendapat lain mentafsirkan bahawa makna kenyataan ini ialah amalan fardhu dan sunat/taubat si polan itu takkan diterima di sisi Allah dengan penerimaan redha dan di hari kiamat nanti dia takkan beroleh tebusan yang akan menebusnya baik tebusan itu Yahudi maupun Nasrani, halnya berbeza dengan orang berdosa lain. Terdapat juga tafsiran yang lain mengenai kenyataan ini.

Adapun makna laknat yang begitu berat ini adalah menyungguhkan bahwa orang yang berbuat zalim ke atas Madinah dan ahlinya itu terjauh dari rahmat Allah dan dihalau dari memasuki syurga sejak mula kerana laknat sebegini setaraf dengan laknat ke atas orang yang kafir.

Mengenai hadis yang menyebut orang yang membuat kejahatan dan zalim di Madinah, atau melakukan satu dosa di sana, atau melindungi, bersekongkol dengan penjahat dan penzalim di sana… Al-Qadhi 'Iyadh berkata mengenainya bahawa para ulama mengambil dalil dari hadis ini bahawa semua perbuatan tersebut adalah dosa besar kerana tahap laknat itu tidak dihukumkan melainkan pada dosa besar.




Lagi yang dapat kami fahami di sini ialah dosa kecil di Madinah dikira sama dengan dosa besar… bahkan Al-Imam Az-Zarkasyi menukil dari Al-Imam Malik -rahimahullahu Taala- bahawa ancaman hadis ini turut meliputi pekerjaan makruh di Madinah seperti yang telah kami jelaskan pada asalnya, ini kerana perbuatan tidak baik jika dilakukan di ibukota raja tidak sama tarafnya jika berlaku di tempat lain dalam negara. Semoga Allah Taala dengan budi dan kemurahanNya mengurniakan kita taufik untuk beradab di hadrat yang mulia ini, amin.

# Fasal 5

# Dorongan Untuk Menjaga Ahli Madinah dan Memuliakan Mereka dan Gesaan Untuk Mati Di Madinah Serta Menjadikannya Sebagai Kampung Halaman

Tersebut dalam kitab Sidi Ibnu An-Najjar riwayat dari Saiyidina Ma'qil bin Yasar ﵁ sabda Baginda Rasulullah ﷺ:

المَدِينَةُ مُهَاجِرِي، فِيهَا مَضجَعِي وَمِنهَا مَبعَثِي، حَقِيقٌ عَلَى أُمَّتِي حِفظَ جِيرَانِي مَا اجْتَنَبُوا الكَبَائِرَ، مَن حَفِظَهُم كُنتُ لَهُ شَهِيدًا أَو شَفِيعًا يَومَ القِيَامَةِ، وَمَن لَم يَحفَظهُم سُقِيَ مِن طِينَةِ الخَبَالِ.

*"Madinah adalah tempat hijrahku, padanya tempat pembaringan (kubur)ku, darinya aku akan dibangkitkan, maka berhaklah bagi umatku untuk menjaga jiran-jiranku (warga Kota Madinah) selagi mereka menjauhi dosa besar. Barangsiapa menjaga mereka nescaya aku akan menjadi saksi atau pensyafaatnya di hari kiamat, barangsiapa tidak menjaga mereka nescaya dia akan diberi minum thinatul khabal".*

Sidi Al-Muzani ditanya: 'Apakah *thinatul khabal* itu?", jawab beliau: "Jus ahli neraka". Tafsir *thinatul khabal* sebagai jus ahli neraka telah dicatat oleh Al-Imam Muslim dengan hadis bertaraf *marfu'*, hadis ini dicatat oleh Al-Imam At-Thabrani dalam kitabnya **Al-Kabir**, hanya pada sanadnya ada perawi yang bertaraf *matruk* dan teks lengkapnya seperti berikut:

الْمَدِينَةُ مُهَاجِرِي وَمَضجَعِي فِي الأَرضِ، حَقٌّ عَلَى أُمَّتِي أَن يُكرِمُوا جِيرَانِي مَا اجْتَنَبُوا الكَبَائِرَ، فَمَن لَم يَفعَل ذَلِكَ سَقَاهُ اللهُ مِن طِينَةِ الخَبَالِ. قُلنَا: يَا أَبَا يَسَار وَمَا طِينَةُ الخَبَالِ؟ قَالَ: عُصَارَةُ أَهلِ النَّارِ.

*"[Saiyidina Abu Yasar ﵁ meriwayatkan bahawa Baginda Rasulullah ﷺ telah bersabda:] Madinah adalah negeri hijrahku dan padanya tempat pembaringan (kubur)ku di bumi, maka berhaklah ke atas umatku untuk memuliakan jiran-jiranku (warga Kota Madinah) selagi mereka menjauhi dosa-dosa besar. Barangsiapa tidak melakukan itu nescaya Allah akan memberinya minum thinatul khabal", perawi bertanya kepada sahabat: "Wahai Abu Yasar, apakah thinatul khabal itu?", maka jawab beliau: "Jus ahli neraka".*



Al-Qadhi Abul Hasan Ali Al-Hasyimi meriwayatkan dalam kitab **Fawaid**-nya dari Saiyidina Kharijah bin Zaid, dari ayahnya ﵁ bahawa Saiyidina Rasulullah ﷺ telah bersabda:

الْمَدِينَةُ مُهَاجِرِي وَفِيهَا مَضجَعِي وَمِنهَا مَخرَجِي، حَقٌّ عَلَى أُمَّتِي حِفظَ جِيرَانِي فِيهَا. مَن حَفِظَ وَصِيَّتِي كُنتُ لَهُ شَهِيدًا يَومَ القِيَامَةِ، وَمَن ضَيَّعَهَا أَورَدَهُ اللهُ حَوضَ الخَبَالِ. قِيلَ وَمَا حَوضُ الخَبَالِ يَا رَسُولَ اللهِ؟ قَالَ حَوضٌ مِن صَدِيدِ أَهلِ النَّارِ.

*“Madinah adalah negeri hijrahku, padanya tempat pembaringan (pusara)ku dan darinya aku dikeluarkan. Maka berhaklah ke atas umatku menjaga para jiranku warga Kota Madinah. Barangsiapa menjaga wasiatku ini nescaya aku menjadi saksinya di hari kiamat, dan barangsiapa mensia-siakan wasiatku ini nescaya Allah akan menyampaikannya ke Kolam Al-Khabal”, sahabat bertanya: “Apakah Kolam Al-Khabal itu ya Rasulullah?”, jawab Baginda: “Kolam yang dipenuhi danur ahli neraka”.*

Kitab **Al-Madarik** karya Al-Qadhi ‘Iyadh mencatat riwayat Sidi Muhammad bin Maslamah dari Al-Imam Malik bin Anas -rahimahullahu Taala-, kata beliau: “Aku masuk mengadap Khalifah Al-Mahdi lalu beliau bertitah kepadaku: “Berilah wasiat kepadaku”, maka berkatalah aku: “Aku berwasiat padamu untuk bertaqwa kepada Allah semata-mata, lagi hendaklah engkau simpati kepada ahli negeri Rasulullah ﷺ (Madinah) dan para jiran Baginda, kerana sesungguhnya telah sampai perkhabaran kepada kami bahawa Baginda Rasulullah ﷺ telah bersabda:

الْمَدِينَةُ مُهَاجِرِي وَفِيهَا مَبعَثِي وَبِهَا قَبرِي وَأَهلُهَا جِيرَانِي، فَمَن حَفِظَهُم فِيَّ كُنتُ لَهُ شَفِيعًا أَو شَهِيدًا يومَ القِيَامَةِ، وَمَن لَم يَحفَظ وَصِيَّتِي فِي جِيرَانِي سَقَاهُ اللهُ مِن طِينَةِ الخَبَالِ.




*“Bermula Kota Madinah itu adalah tempat hijrahku, padanya aku dibangkitkan, di situ tanah kuburku dan para warganya adalah jiranku, lalu barangsiapa menjaga mereka kerana aku, maka akulah yang akan menjadi pensyafaatnya atau saksinya di hari Kiamat, dan barangsiapa yang tidak menjaga wasiatku terhadap para jiranku nescaya Allah akan menuang*

*kepadanya minuman thinatul khabal". Maka khalifah pun mengerjakan sepertimana wasiat Imam Malik itu".*

Al-Imam Malik -rahimahullahu Taala- meriwayatkan sebuah hadis dalam kitab **Al-Muwattha'** yang berbunyi:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ كَانَ جَالِسَا وَقَبرٌ يُحفَرُ بِالمَدِينَةِ فَاطَّلَعَ رَجُلٌ فِي القَبرِ فَقَالَ بِئسَ مَضجَعُ المُؤمِنِ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ: بِئسَ مَا قُلتَ. قَالَ الرَّجُلُ: إِنِّي لَم أُرِد هَذَا، إِنَّمَا أَرَدتُ القَتلَ فِي سَبِيلِ اللهِ. فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ: (لَا مَثَلَ لِلقَتلِ فِي سَبِيلِ اللهِ، مَا عَلَى الأَرضِ بُقعَةٌ أَحَبُّ إِلَيَّ مِن أَن يَكُونَ قَبرِي بِهَا مِنهَا يَعنِي المَدِينَةَ) ثَلَاثَ مَرَّاتٍ.

*"Bahawa junjungan Nabi ﷺ sedang duduk melihat sebuah lubang kubur digali di Madinah, maka seorang lelaki melihat ke dalamnya seraya mengujar: "Seburuk-buruk tempat pembaringan mukmin", lalu sabda Rasulullah ﷺ: "Buruk benar kata-katamu", maka kata lelaki itu: "Bukan itu yang hamba maksudkan, adapun maksud hamba adalah mati fi sabilillah", maka sabda Rasulullah ﷺ: "Tiada bandingannya mati fi sabilillah, tiadalah permukaan di bumi yang terlebih aku cintai untuk menjadi kuburanku dari bumi Madinah ini", Baginda mengulang sabdanya tiga kali".*

Para Imam; Malik, Bukhari dan Razin Al-'Abdi meriwayatkan bahawa Saiyidina Umar Ibnul Khatthab رضي الله عنه berkata:

اللَّهُمَّ ارْزُقنِي شَهَادَةً فِي سَبِيلِكَ وَاجعَل مَوتِي فِي بَلَدِ رَسُولِكَ.

*"Allahumma rezekikanlah aku syahid di jalanMu dan jadikanlah kematianku di negeri RasulMu".*

Al-Imam At-Thabrani meriwayatkan dalam **Al-Kabir** dengan sanad bertaraf hasan dan lafaznya:

مَنِ اسْتَطَاعَ مِنكُم أَن يَمُوتَ بِالمَدِينَةِ فَليَمُت، فَإِنَّهُ مَن مَاتَ بِهَا كُنتُ لَهُ شَهِيدًا أَو شَفِيعًا يَومَ القِيَامَةِ.

*"Barangsiapa yang dapat memilih kematiannya di Kota Madinah maka hendaklah dia mati di situ, sesungguhnya barangsiapa yang mati di Madinah akulah yang akan menjadi saksi atau pensyafaatnya di hari Kiamat". Dengan makna yang sama hadis ini turut diriwayat oleh Ibnu Razin beserta tambahan:*

وَإِنِّي أَوَّلُ مَن تَنشَقُّ عَنهُ الأَرضُ ثُمَّ أَبُو بَكرٍ ثُمَّ عُمَرَ ثُمَّ آتِي أَهلَ البَقِيعِ فَيُحشَرُونَ، ثُمَّ أَنتَظِرُ أَهلَ مَكَّةَ فَأُحشَرُ بَينَ الحَرَمَينِ.

*"...dan bahawa yang pertama terbelah bumi kepadanya adalah aku, kemudian Abu Bakar, kemudian Umar, kemudian aku mendatangi ahli Baqi' lalu mereka pun dibangkitkan, kemudian aku menunggu ahli Makkah maka aku pun dibangkitkan antara dua Tanah Suci".*

Di dalam **Sahih Muslim**, **Al-Muwattha'** dan **At-Tirmizi** meriwayatkan dari Sidi Bakhis maula Saiyidina Mus'ab bin Az-Zubeir bahawa dia sedang duduk bersama Saiyidina Ibnu Umar ketika zaman huru-hara, lalu datanglah seorang hamba perempuan mengucap salam kepada Saiyidina Ibnu Umar seraya berkata: "Ya

Abu Abdur Rahman, hamba ingin keluar dari sini, sungguh telah benar deritanya hidup kita", maka kata Saiyidina Ibnu Umar:

اُقعُدِي لُكَاع

*"Duduklah hai perempuan dungu"*

dalam riwayat At-Tirmizi pula dengan lafaz:

اِصبِرِي لُكَاع

*"Sabarlah hai perempuan dungu,*

sesungguhnya aku telah mendengar Baginda Rasulullah ﷺ bersabda:

لَا يَصبِرُ عَلَى لَأوَائِهَا وَشِدَّتِهَا أَحَدٌ إِلَّا كُنتُ لَهُ شَهِيدًا أَو شَفِيعًا يَومَ القِيَامَةِ.

*"Tidaklah bagi sesiapa yang bersabar menanggung kesempitan hidup di Madinah dan kesusahannya melainkan aku akan menjadi saksinya atau pensyafaatnya di hari Kiamat".*



## Pengertian Syafaat dan Saksi

Jikalau ditanya dalam hadis-hadis yang telah diriwayatkan pada fasal ini kedapatan lafaz syafaat dan saksi berulangkali, maka apakah maknanya? Apa pula makna syafaat yang disebut dalam hadis-hadis ini dengan umum syafaat Baginda ﷺ?

Kami datangkan dengan ringkas jawapan dari Al-Qadhi 'Iyadh -rahimahullahu Taala- bahawa para masyaikh yang meriwayatkan hadis-hadis tersebut keliru mana satukah lafaz yang datang dari perawi hadis, namun pada zahir isu ini jelas bahawa ia bukan satu kekeliruan kerana perawi hadis-hadis ini ramai sekali, bahkan zahir

juga bahawa lafaz <u>syafaat</u> dan <u>saksi</u> keduanya dari ucapan Baginda ﷺ. Maka kebarangkaliannya adalah:

- Demikian teks hadis ini disebut.
- Kalimat "atau" memberi erti pembahagian; Baginda akan mensyafaatkan ahli maksiat dan menjadi saksi bagi yang taat, atau menjadi saksi bagi yang mati waktu hayat Baginda dan menjadi pensyafaat bagi yang mati sesudah Baginda ﷺ.

Al-Qadhi 'Iyadh berkata lagi: "Syafaat atau saksi yang terdapat dalam teks hadis ini adalah lain dari syafaat untuk ahli maksiat dan ahli amal di hari Kiamat, dan lain dari kesaksian Baginda ﷺ ke atas seluruh umat. Syafaat dan kesaksian Baginda yang diperuntukkan kepada yang meninggal dunia di Madinah merupakan satu keistimewaan, tambahan darjat dan kedudukan".

Al-Qadhi 'Iyadh turut menyebut satu lagi kebarangkalian bahawa lafaz "atau" dalam riwayat hadis ini memberi erti "dan". Aku (pengarang) berkata bahawa dalil kebarangkalian ini diambil dari hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bazzar dengan para perawinya yang bertaraf sahih dari Saiyidina Umar رضي الله عنه dengan lafaz:

فَمَن صَبَـرَ عَلَى لَأْوَائِهَا وَشِدَّتِهَا كُنتُ لَهُ شَفِيعًا وَشَهِيدًا يَومَ القِيَامَةِ.

*"Maka barangsiapa yang bersabar menanggung kesempitan hidup di Madinah dan kesusahannya nescaya aku akan menjadi saksi dan pensyafaatnya di hari Kiamat".*

Hadis ini disandarkan oleh Al-Imam Al-Fadhl Al-Janadi dalam kitab **Fadhailul Madinah** kepada Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه dengan lafaz:

لَا يَصبِرُ أَحَدٌ عَلَى لَأْوَاءِ المَدِينَةِ (-وَفِي نُسخَةٍ- وَحَرِّهَا) إِلَّا كُنتُ لَهُ

شَفِيعًا وَشَهِيدًا.

*"Tidaklah seseorang itu sabar dengan kesempitan hidup di Madinah (-dalam satu naskhah ditambah- serta kepanasannya) melainkan aku akan menjadi pensyafaat dan saksinya".*

Al-Qadhi 'Iyadh berkata: "Jika kita mengertikan kalimat atau sebagai keraguan maka makna lafaz saksi (kesaksian Baginda ﷺ) menjadi tambahan kepada syafaat yang juga secara dasarnya turut disediakan kepada umat selain ahli Madinah. Adapun jika atau itu digandingkan dengan lafaz syafaat maka syafaat ini tidak untuk umum, ia hanya untuk ahli Madinah yang memberi erti tambahan darjat, atau meringankan hisab, atau kurniaan khas pelbagai jenis kemuliaan di hari Kiamat seperti berteduh di bawah lindungan 'Arasy, dalam kerehatan dan ditempatkan di atas mimbar-mimbar, disegerakan masuk syurga dan lain-lain kemuliaan istimewa disana".

Berkemungkinan jua dengan keberkatan Baginda ﷺ [mereka yang meninggal dunia di Madinah] akan beroleh kedua-dua syafaat dan kesaksian yang teristimewa dari segala kelebihan di Akhirat itu. Sesungguhnya berkat tuah Baginda ﷺ adalah agung, budi kurniaan Baginda amat luas dan penegasan wasiat terhadap para jiran Baginda mendokong kenyataan ini.

Dapat ditanggungkan juga makna syafaat dan kesaksian dari Baginda adalah berita gembira bagi yang meninggal dunia di Madinah bahawa mati mereka itu di atas Islam kerana syafaat dan dan kesaksian Baginda ﷺ itu khas untuk kaum Muslimin, aduhai betapa cukuplah ia sebagai nikmat dan kelebihan. Allahumma rezekikanlah kami tempat kediaman dan rezeki yang baik di Kota Madinah, amin.

## Galakan Memiliki Hartanah Di Madinah

Ibnu Abi Haitsumah meriwayatkan hadis:

مَن كَانَ لَهُ بِالمَدِينَةِ أَصلٌ فَليَتَمَسَّك بِهِ، وَمَن لَم يَكُن لَهُ بِهَا أَصلٌ فَليَجعَل لَهُ بِهَا أَصلًا وَلَو قَصَرَة...

*"Barangsiapa yang memiliki asal (hartanah) di Madinah maka hendaklah dia berpegang teguh dengannya. Bagi yang tidak punya asal di Madinah maka hendaklah dia mendapatkan asal di sana walaupun qasharah…"*

Sidi Ibnul Atsir menjelaskan bahawa *qasharah* adalah perdu pokok, dalam teks ini memberi erti sepohon tamar, hadis ini bersambung selanjutnya:

فَلَيَأتِيَنَّ عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ يَكُونُ الَّذِي لَيسَ لَهُ بِهَا أَصلٌ كَالخَارِجِ مِنهَا المُجتَازِ إِلَى غَيرِهَا.

*"…akan datang satu zaman di mana orang yang tidak punya asal di Madinah menjadi seperti orang yang keluar darinya melintas ke negeri lain".*

Imam At-Tirmizi meriwayatkan sabda Baginda junjungan ﷺ:

آخِرُ قَريَةٍ مِن قُرَى الإِسلَامِ خَرَابًا المَدِينَةُ

*"Perkampungan Islam yang terakhir binasanya adalah Kota Madinah".*

## Keberkatan Tanah Madinah Dan Buah-buahannya

Ibnu Al-Bukhari dan Ibnu Al-Jauzi keduanya meriwayatkan sabda junjungan Baginda ﷺ dalam kitab **Al-Wafa'**:

غُبَارُ المَدِينَةِ شِفَاءٌ مِنَ الجُذَامِ.

*"Debu Madinah adalah penawar sakit kusta".*

Adapun buah-buahan Madinah pula berkatnya melimpah ruah dan amat banyak hadis diriwayatkan mengenainya –semoga Allah menambah ketinggian, takzim, kelebihan dan kemuliaan kota ini-, antara perkhabaran yang datang mengenainya ialah hadis yang diriwayatkan dalam **Sahih Muslim**:

مَن تَصَبَّحَ بِسَبعِ تَـمَرَاتٍ مِـمَّا بَينَ لَابَتَيهَا حِينَ يُصبِحُ لَم يَضُرهُ شَيءٌ حَتَّى يُمسِي.

*"Barangsiapa memulakan hari paginya dengan makan tujuh butir tamar yang tumbuh antara dua sempadan Madinah nescaya dia takkan ditimpa apa-apa mudarat hingga ke petangnya".*



Di dalam **Sahih Bukhari** dan **Muslim** diriwayatkan hadis:

مَن تَصَبَّحَ بِسَبعِ تَـمَرَاتٍ عَجوَة لَم يَضُرهُ ذَلِكَ اليَومَ سُمٌّ وَلَا سِحرٌ.

*"Barangsiapa berpagi-pagi dengan makan tujuh butir tamar 'ajwah nescaya takkan ditimpa mudarat racun dan sihir pada hari itu".*

Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dan perawinya dari rijal

Bukhari dan Muslim dengan lafaz:

مَن أَكَلَ سَبعَ تَـمَراتِ عَجوَة مِمَّا بَينَ لَابَتَي المَدِينَةِ عَلَى الرِّيقِ لَم يَضُرهُ يَومَهُ ذَلِك شَيءٌ حَتَّى يُمسِي.

*"Barangsiapa memulakan hari paginya dengan makan tujuh butir tamar 'ajwah yang tumbuh antara dua sempadan Madinah nescaya dia takkan ditimpa mudarat pada hari itu hingga ke petang".*

Saiyidina Fulaih ﵁ yang meriwayatkan hadis ini menyambung:

...وَأَظُنُّهُ قَالَ: وإِن أَكَلَهَا حِينَ يُمسِي لَم يَضُرهُ شَيءٌ حَتَّى يُصبِح.

*"...dan aku merasa zhan bahawa Baginda turut bersabda: "Dan jika dia makan tujuh butir tamar 'ajwah ketika petang nescaya dia takkan ditimpa apa-apa mudarat hingga ke pagi".*

Ibnu Zibalah pula meriwayatkan hadis ini dengan lafaz:

مَن تَصَبَّحَ بِسَبع تَـمَرَاتٍ مِنَ العَجوَةٍ –لَا أَعلَمُهُ إِلَّا قَالَ مِنَ العَالِيَةِ– لَم يَضُرهُ يَومَئِذٍ سُمٌّ وَلَا سِحرٌ.

*"Barangsiapa berpagi-pagi dengan makan tujuh butir tamar 'ajwah (perawi mengujar: tidaklah aku tahu hadis ini melainkan Baginda berkata bahawa tamar itu dari Al-'Aliyah) nescaya dia takkan ditimpa mudarat dari racun dan sihir pada hari itu".*

Al-'Aliyah adalah sebuah kawasan di selatan Madinah.

Dalam Sahih Muslim diriwayatkan hadis:

إِنَّ عَجوَةَ العَالِيَةِ شِفَاءٌ أَو أَنَّهَا تِريَاقٌ أَوَّلَ البُكرَةِ.

*"Sesungguhnya buah awal dari tamar 'ajwah yang ditanam di Al-'Aliyah adalah penyembuh, atau sesungguhnya ia penawar".*

Al-Imam Ahmad -rahimahullahu Taala- meriwayatkan sebuah hadis dengan rijal perawinya yang bertaraf sahih, sabda Baginda ﷺ:

...وَاعلَمُوا أَنَّ الكَمأَةَ دَوَاءُ العَينِ وَأَنَّ العَجوَةَ مِن فَاكِهَةِ الجَنَّةِ.

*"...dan ketahuilah bahawa kam'ah itu ubat bagi mata, dan tamar 'ajwah itu dari buah-buahan syurga".*

Para Imam; An-Nasa'i, Abu Daud At-Thayalisi dan At-Thabrani ketiga-tiganya meriwayatkan sebuah hadis dengan sanad yang baik:

الكَمأَةُ مِنَ المَنِّ وَمَاؤُهَا شِفَاءٌ لِلعَينِ وَالعَجوَةُ مِنَ الجَنَّةِ وَهِيَ شِفَاءٌ مِنَ السُّم.

*"Bermula kam'ah itu dari manna dan airnya penyembuh sakit mata, 'ajwah pula buah dari syurga dan ia penawar racun".*

Al-Imam Ibnu Hibban meriwayatkan dari Saiyidina Ibnu Abbas -radhiyallahu 'anhuma- bahawa beliau berkata:

كَانَ أَحَبُّ التَّمرِ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم العَجوَةَ.

*"Adapun tamar yang paling disukai oleh Rasulullah ﷺ adalah 'ajwah".*

Tamar ini sekarang (waktu kitab ini terkarang) biasa dinamakan Tamar Al-Jadiy, atau Syibhis Sofawi. Tamar jenis ini dapat dikenal oleh ahli perkebunan di kawasan Al-Fuqayyir hingga ke hari ini.

Dalam sebuah hadis sahih disebut riwayat:

خَيرُ تَـمرِكُم اَلبَرنِيُّ يُخرِجُ الدَّاءَ وَلَا دَاءَ فِيهِ.

*"Jenis buah tamar kamu yang terbaik adalah al-barniy; ia mengeluarkan penyakit dan ia sendiri tidak berpenyakit".*

Adapun riwayat hadis telah menyebut secara umum:

...مَا بَينَ لَابَتَيهَا شِفَاءٌ.

*"...Apa yang tumbuh antara dua sempadan Madinah adalah penawar",*

bererti meliputi semua makanan yang ada di Madinah Al-Munawwarah. Yang dimaksudkan dengan dua sempadan Madinah pula adalah Al-Harrah As-Syarqiyyah dan Al-Harrah Al-Gharbiyyah[3].

Dalam Sahih Muslim diriwayatkan sabda Baginda ﷺ:

يَا عَائِشَة، بَيتٌ لَا تَمرَ فِيهِ جِيَاعٌ أَهلُهُ. قَالَـهَا مَرَّتَينِ أَو ثَلَاثًا.

*"Wahai Aisyah, rumah yang tiada tamar kelaparanlah penghuninya". Baginda menyebutnya dua atau tiga kali.*

Pada riwayat lain dalam Sahih Muslim Baginda Nabi ﷺ bersabda:

---

3 - Al-Harrah bererti kawasan berbatu. Al-Harrah As-Syarqiyyah adalah kawasan berbatu sebelah timur Madinah manakala Al-Harrah As-Syarqiyyah pula kawasan berbatu di sebelah baratnya. Dua Harrah ini adalah sempadan tanah suci Al-Madinah Al-Munawwarah dari sebelah timur dan baratnya.

لَا يَجُوعُ أَهلُ بَيتٍ عِندَهُم التَّمرُ.

*"Rumah yang menyimpan tamar takkan lapar ahlinya".*

Imam At-Thabrani meriwayatkan dalam **Mu'jam Al-Kabir** dan **Mu'jam As-Soghir**; dengan catatan bahawa para perawi **Mu'jam As-Soghir** bertaraf sahih, dari Saiyidina Ibnu Abbas -radhiyallahu 'anhuma-:

كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم إِذَا أُتِيَ بِالبَاكُورَةِ مِنَ الثِّمَارِ وَضَعَهَا عَلَى عَينَيهِ ثُمَّ قَالَ (اللَّهُمَّ كَمَا أَطعَمتَنَا أَوَّلَهُ فَاطعِمنَا آخِرَهُ) ثُمَّ يَأمُرُ بِهِ لِلمَولُودِ مِن أَهلِهِ.

*"Apabila dibawakan kepada Baginda Rasulullah ﷺ hasil buah pertama di awal musim Baginda akan menghantarkan buah itu kepada dua matanya seraya berdoa: "Allahumma sepertimana Engkau memberi kami makan dari yang awalnya maka berilah kami makan dari yang akhirnya", kemudian Baginda akan menyuruh buah itu diberi kepada bayi yang baru lahir di kalangan ahli keluarganya".*



Manakala lafaz hadis ini dalam **Mu'jam Al-Kabir** pula adalah:

كَانَ إِذَا أُتِيَ بِالبَاكُورَةُ مِنَ التَّمرِ قَبِلَهَا وَجَعَلَهَا عَلَى عَينَيهِ... اَلحَدِيثُ.

*"Apabila dibawakan kepada Baginda hasil buah tamar pertama di awal musim Baginda akan menciumnya dan menghantarkan buah itu kepada dua matanya…". Al-Hadis.*

Al-Imam Al-Hakim At-Tirmizi meriwayatkan dalam kitabnya **An-Nawadir** dari Saiyidina Anas bin Malik رضي الله عنه bahawa beliau

berkata:

كَانَ رَسُولُ اللهُ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم إِذَا أُتِيَ بِالبَاكُورَةِ مِن كُلِّ شَيءٍ قَبلَهَا وَوَضَعَهَا عَلَى عَينِهِ اليُمنَى ثَلَاثًا ثُمَّ عَلَى عَينِهِ اليُسرَى ثَلَاثًا ثُمَّ يَقُولُ: (اللَّهُمَّ...). اَلحِدِيثُ.

*"Apabila dibawakan kepada Baginda Rasulullah ﷺ apa-apa hasil buah pertama di awal musim Baginda akan mencium buah itu lalu menghantarkannya ke mata kanan Baginda sebanyak tiga kali, kemudian ke mata kiri tiga kali, kemudian Baginda akan berdoa: "Allahumma…". Al-Hadis.*

Hingga saat ini[4] para pekebun di Madinah apabila memetik hasil pertama dari buah-buahan mereka akan membawa dan meletakkannya di dalam Hujrah Nabawi yang mulia sebagai mengambil keberkatan dan untung baik, kemudian buah-buahan itu akan diambil oleh para khadam Hujrah Nabawi.


Al-Imam Al-Bazzar meriwayatkan sebuah hadis bersanad dhaif, sabda Baginda Nabi ﷺ:

يَا عَائِشَةَ إِذَا جَاءَ الرُّطَبُ فَهَنِّينِي.

*"Wahai Aisyah, jika datang ruthob (tamar segar) maka ucapkanlah tahniah kepadaku".*

Hadis ini kami riwayatkannya dalam himpunan **Al-Ghailaniyyat**, dalam himpunan yang sama juga terdapat hadis:

كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم يُعجِبُهُ أَن يَفطُرَ عَلَى الرُّطَبِ فِي أَيَّامِ




4 - iaitu di zaman pengarang.

الرُّطَبِ، وَعَلَى التَّمرِ إِذَا لَم يَكُن رُطَبٌ، وَيُختِّمُ بِهِنَّ وَيَجعَلُهُنَّ وِترًا ثَلَاثًا أَو خَمسًا أَو سَبعًا.

*"Adalah Baginda Rasulullah ﷺ gemar berbuka puasa dengan ruthob pada musimnya, jika tiada ruthob maka Baginda akan berbuka dengan tamar. Baginda akan menutup hidangannya dengan buah ini dan memakannya dengan bilangan ganjil; tiga, atau lima, atau tujuh".*

Sebuah lagi hadis dari himpunan **Al-Ghailaniyyat** berbunyi:

كُلُوا التَّمرَ عَلَى الرِّيقِ فَإِنَّهُ يَقتُلُ الدُّودَ.

*"Jadikanlah tamar makananmu yang pertama waktu pagi, sesungguhnya ia membunuh cacing".*

Adapun tamar Madinah itu banyak jenisnya, antaranya jenis As-Soihani dan makna kalimat ini ialah yang berteriak. As-Sodr Ibrahim bin Muhammad bin Mu'ayyad Al-Hamawi meriwayatkan dalam kitabnya **Fadhl Ahlil Bait** sebuah hadis dari Saiyidina Jabir رضي الله عنه, kata beliau:




كُنتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم يومًا فِي بَعضِ حِيطَانِ المَدِينَةِ وَيَدُ عَلِيٍّ فِي يَدِهِ. قَالَ فَمَرَرنَا بِنَخلٍ فَصَاحَ النَّخلُ: هَذَا مُحَمَّدٌ سَيِّدُ الأَنبِيَاءِ وَهَذَا عَلِيٌّ سَيِّدُ الأَولِيَاءِ أَبُو الأَئِمَّةِ الطَّاهِرِينَ! ثُمَّ مَررنَا بِنَخلٍ فَصَاحَ النَّخلُ: هَذَا مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللهِ وَهَذَا عَلِيٌّ سَيفُ اللهِ! فَالتَفَتَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم إِلَى عَلِيٍّ فَقَالَ لَهُ: يَا عَلِيّ، سَمِّهِ الصَّيحَانِيّ.

*"Pernah aku bersama Baginda Nabi ﷺ berjalan di satu*

*perkebunan Madinah, waktu itu Baginda berpimpin tangan dengan Saiyidina Ali. Ketika kami melewati sebatang pohon tamar tiba-tiba pohon itu menjerit: "Ini Muhammad penghulu anbiya' dan ini Ali penghulu awliya' lagi bapa kepada para imam yang suci!", kemudian kami berjalan lagi melewati sebatang pohon tamar yang lain lalu pohon itu menjerit pula: "Ini Muhammad pesuruh Allah dan ini Ali pedang Allah!", lalu Baginda pun berpaling kepada Saiyidina Ali dan bersabda kepadanya: "Wahai Ali, namakanlah tamar ini As-Soihani (yang menjerit)".*

Status hadis ini *gharib*[5], dan peristiwa ini menjadi sebab ia dinamakan tamar As-Soihani kerana pohon tamar yang menjerit itu dari jenis yang sama dengannya. Sekarang ada jenis tamar yang tidak diketahui namanya lalu disebut orang sebagai Laun.




5 - Hadis Gharib bererti perkhabaran yang hanya diriwayatkan oleh seorang perawi. Lihat (Nuzhatun Nazhar Fi Tawdhih Nukhbatul Fikar ms 25).

## Fasal 6

# Adab Sopan dan Tatakrama Yang Patut Dipelihara Oleh Penziarah Junjungan Baginda ﷺ Dan Kotanya Yang Mulia

### Menyematkan Niat Mulia Dalam Hati

Hendaklah insan yang bermaksud menziarahi junjungan Baginda ﷺ memasang niat di dalam hati bahawa perginya itu kerana *taqarrub* dan ibadah dengan menziarahi makam Baginda yang mulia, dan hendaklah dia menyertakan niat *taqarrub* dengan menempuh perjalanan menuju ke masjid Baginda yang suci, dan untuk mengerjakan solat di dalamnya serta mengucap salam kepada Baginda Nabi ﷺ kerana yang demikian itu sangat disuruh oleh Baginda ﷺ seperti yang datang dalam sabdanya:

مَن صَلَّى عَلَيَّ عِندَ قَبرِي سَمِعتُهُ.

*"Barangsiapa berselawat ke atasku di sisi makamku nescaya aku mendengarnya".*


Dan lagi hendaklah dia berniat bahawa perginya itu untuk beristighfar di sisi Baginda dan memohon Baginda beristighfar untuknya kerana Allah Taala berfirman:

وَلَو أَنَّهُم إِذ ظَلَمُوا أَنفُسَهُم جَاءُوكَ فَاستَغفَرُوا اللهَ وَاستَغفَرَ لَـهُمُ
الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا.

*"…dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (Wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha menerima taubat, lagi Maha Mengasihani"- An-Nisa:64*

Lagi hendaklah dia berniat perginya itu untuk memohon syafaat dan mencapainya dari Baginda ﷺ kerana perkhabaran hadis yang menyatakan barangsiapa berziarah kepada Baginda akan beroleh syafaatnya -'alaihis solatu was salam-. Juga hendaklah dia berniat iktikaf di masjid Baginda, dan memasang niat untuk belajar, menuntut ilmu, zikrullah, khatam Al-Quran di sisi Baginda ﷺ.

Lagi hendaklah dia berniat memberi sedekah kepada para jiran Baginda ﷺ serta memuliakan dan menghormatkan mereka kerana ia amat disuruh oleh Baginda -'alaihis solatu was salam- seperti yang akan disebut dalam hadis-hadis mendatang.




Dan lagi hendaklah dia berniat mengambil berkat dari kesan peninggalan mulia junjungan Baginda ﷺ seperti yang digalakkan kepada para penziarah untuk melakukannya sepertimana tersebut dalam khabar:

نِيَّةُ المَرءِ خَيرٌ مِن عَمَلِهِ.


*"Niat seorang [mukmin] itu lebih baik dari amalannya".*

## Membanyakkan Selawat dan Amal Soleh

Hendaklah dia banyak berpergian untuk mengucap selawat dan salam kepada Baginda ﷺ, bahkan waktu lapangnya di Madinah harus dipenuhi dengan amalan ini beserta segala amal soleh yang lainnya.

Sayugia bagi penziarah melazimi rasa rindu dendam yang membara [kepada junjungan Baginda ﷺ]; makin hampir dia dengan tanah suci Madinah makin bertambah asyik rindunya kerana rindu yang membara dan keinginan untuk mendatangi segala kesan peninggalan Baginda adalah sebahagian dari petanda cinta kepadanya ﷺ.

Kalau mampu maka sayugia baginya menjejak dalam perjalanannya masjid-masjid dan kesan peninggalan yang dinisbahkan kepada Baginda ﷺ, hendaklah dia menghormatkan peninggalan itu dengan berziarah dan solat padanya. Dalam perjalanannya hendaklah dia menjadikan sifat tenang, khusyuk dan merendah diri sebagai syiarnya. Apabila sudah dekat kepada tanah suci Madinah dan mula melihat bukit-bukaunya hendaklah dia merasa gembira dengan kesukacitaan, kalau tika itu sedang berada di atas binatang tunggangan maka hendaklah dia menggerakkan tunggangannya terus menuju ke Madinah. Sesungguhnya junjungan Nabi ﷺ apabila kembali ke Madinah dari peperangan atau selainnya akan menggerakkan tunggangan ke arah Madinah apabila melihatnya kerana cinta Baginda kepada tanah airnya ini.




## Mentakzim Kota Madinah

Apabila semakin mendekati Madinah maka hendaklah dia bersungguh-sungguh menambah wirid selawat dan salamnya dan mengulang-ulang membacanya. Apabila sudah makin hampir maka hendaklah dia turun dari kenderaannya dan berjalan kaki

kerana beradab, menghormati, membesar dan mengagungkan Madinah. Jika berpeluang maka hendaklah dia mandi terlebih dahulu sebelum masuk ke tanah suci, jika tidak maka mandilah sesudah masuknya. Kemudian hendaklah dia berwangi-wangian dan memakai pakaiannya yang paling bagus.

Tika mana sudah dilihatnya Kota Madinah yang mulia dan nampak padanya kubah Hujrah Nabawi yang suci maka hendaklah si penziarah menghadirkan di dalam hati betapa agung dan besar fadhilat tempat ini dan betapa ia permukaan bumi yang dipilih Allah untuk NabiNya ﷺ. Waktu itu berdoalah memohon apa-apa hajat dan digerakkan Allah di hatinya.

## Memulakan Dengan Masjid Baginda

Hendaklah dia membayangkan bekas jejak telapak kaki Baginda yang mulia di Madinah kerana sesungguhnya tidaklah mana-mana permukaan yang dipijak oleh telapak kaki Baginda ﷺ melainkan ia tempat yang mulia. Hendaklah dia memulakan tujuannya ke Masjid Baginda yang mulia, bukan ke tempat lain yang tiada kepentingannya di situ dan segeralah berziarah kepada Baginda ﷺ. Tiap kali melewati pihak makam yang mulia walaupun dari luar masjid hendaklah dia berhenti dan mengucap salam.

## Menziarahi Baqi' dan Uhud

Hendaklah dia setiap hari pergi menziarahi Baqi' selepas mengucap salam kepada junjungan Nabi ﷺ khususnya pada hari Jumaat. Pergilah juga menziarahi tempat-tempat bersejarah yang terkenal di Madinah dan hendaklah dia pergi menziarahi permakaman syuhada' Uhud dan mendatangi bukitnya kerana datang dalam hadis Baginda ﷺ:

أُحُدٌ جَبَلٌ يُحِبُّنَا وَنُحِبُّهُ.

*"Uhud adalah bukit yang mencintai kami dan kami mencintainya".*

Yang lebih afdhal ialah menziarahi syuhada' Uhud pada hari Khamis jika berpeluang, kalau tidak maka tak mengapa jika pada hari-hari yang lain.

## Menziarahi Masjid Quba'

Hendaklah dia mendatangi Masjid Quba' kerana pergi menziarahinya adalah sunnah yang amat digalakkan. Adapun Baginda Rasulullah ﷺ pergi menziarahi Masjid Quba' dengan menunggang kenderaan dan berjalan kaki. Sabda Baginda ﷺ:

لِأَن أُصَلِّيَ فِي قُبَاءٍ رَكعَتَينِ أَحَبُّ إِلَيَّ مِن أَن آتِي بَيتَ المَقدِسِ مَرَّتَينِ. لَو يَعلَمُونَ مَا فِي قُبَاء لَضَرَبُوا إِلَيهِ أَكبَادَ الإِبِلِ.

*"Solat dua rakaat di Masjid Quba' lebih aku cintai dari mendatangi Baitul Maqdis dua kali. Kalaulah mereka tahu kelebihan yang ada di Quba' nescaya mereka akan memukul hati unta untuk mendatanginya".*



Imam At-Thabrani meriwayatkan dalam **Mu'jam Al-Kabir** dengan lafaz:

مَن تَوَضَّأَ فَأَسبَغَ الوُضُوءَ ثُمَّ جَاءَ مَسجِدَ قُبَاءٍ فَصَلَّى فِيهِ رَكعَتَينِ كَانَ لَـهُ عَدلُ عُمرَةٍ.

*"Barangsiapa ber dengan sempurna kemudian*

*mendatangi Masjid Quba' lalu solat di situ dua rakaat maka yang demikian itu menyamai baginya ibadah umrah".*

Yang lebih afdhal ialah menziarahi Masjid Quba' pada hari Sabtu jika berpeluang melakukannya, jika tidak maka tak mengapa pada hari-hari yang lain. Hendaklah ziarahnya itu dengan niat *taqarrub*[6] dan untuk solat di dalamnya. Waktu keluar dari penginapannya hendaklah dia dalam keadaan wuduk.


## Mahabbah Kepada Warga Madinah

Dan lagi antara adab kesantunan yang perlu dijaga ialah sikap mahabbah kepada warga Madinah, para penduduk dan mereka yang bermukim serta yang tinggal di sana. Hendaklah mentakzim para ahli Madinah terutama alim-ulama'nya, para solihinnya dan para syarif keturunan Ahlul Baitnya, para fuqara'nya dan para khadam yang mengkhidmati Hujrah Nabawi dan Masjid Baginda yang mulia, dan seterusnya hinggalah kepada golongan awam dan *khawas* kecil dan besarnya yang tinggal di Madinah, masing-masing dengan kadar kedudukan, taraf dan kekerabatannya, hinggalah kepada mereka yang tiada apa-apa keistimewaan melainkan kerana dia bertempat di kota yang agung ini dan menjadi jiran kepada junjungan Nabi yang Karim ﷺ. Telah sabit pada mereka sekalian itu hak berjiran dengan Baginda ﷺ, hatta walau bagi yang amat jahat sekalipun tetap kekal pangkat kejiranannya dengan Baginda ﷺ.

Mereka sekalian telah umum beroleh makna dari sabda Baginda ﷺ:

مَا زَالَ يُوصِينِي جِبرِيل بِالجَار...

*"Jibril terus menerus berwasiat kepadaku tentang jiran…"*




6 - Mendamping diri kepada Allah.


Yang jelasnya hadis ini adalah umum dan tidak membezakan antara jiran-jiran itu. Bahkan jika ada jiran Baginda ﷺ yang ahli bid'ah sekalipun, atau yang tidak mengikut sunnah Baginda sekalipun maka tidaklah patut dia tidak dihormati kerana kedudukannya yang masih dalam hukum kejiranan dengan Baginda ﷺ walau amalannya tidak molek, kemuliaan si jiran bertempat tinggal di negeri Baginda ﷺ tetap sabit padanya walau bagaimana keadaannya, tetaplah diharap baginya beroleh keinsafan dan berakhir hayatnya dengan kebaikan demi berkat dampingan lahirnya dengan Baginda moga dia juga akan beroleh dampingan yang maknawi.

فَيَا سَاكِنِي أَكنَافَ طَيبَةَ كُلُّكُم * إِلَى القَلبِ مِن أَجلِ الحَبِيبِ حَبِيبُ

*Duhai sekalian warga kota nan damai*
*demi Al-Habib kekasihku kalian pun dikasihi oleh hatiku*

## Bersedekah Di Madinah

Dan lagi sayugialah bagi penziarah untuk bersedekah kepada penduduk Madinah sekadar termampu kerana amalan ini digalakkan seperti yang disebut oleh Al-Imam An-Nawawi, Ibnu 'Asakir dan ulama lain. Sedia maklum bahawa ganjaran bersedekah dan amal kebajikan di Madinah itu berlipat kali ganda sepertimana solat di masjidnya yang mulia.




## *Mujawarah* Di Madinah

Sayugia juga bagi yang mampu untuk *mujawarah* (bertempat tinggal) di Kota Madinah dengan menjaga adab-adabnya, berlapang dada, sentiasa sukacita dan tetap gembira kerana dapat berjiran dengan junjungan Nabi yang Karim dan berada di hadratnya yang mulia. Hendaklah dia banyak berdoa mengharap taufik bagi mensyukuri nikmat berjiran dengan Baginda ﷺ serta memakai peradaban mulia yang selayaknya bagi hadrat ini.

Hendaklah dia meminta kepada Allah menampung segala kekurangan pada menunaikan kewajibannya dalam berjiran dengan Baginda ﷺ, lagi dia mengakui kelemahannya mengerjakan sepertimana hal para salafus soleh di zaman dahulu dan hendaklah dia banyak bertafakkur mengenangkan ehwal dan *manaqib* mereka serta adab tatakrama mereka kepada junjungan Baginda ﷺ.

## Melazimi Takzim dan Adab Di Madinah

Sepanjang tempoh bermukim di Kota Madinah yang mulia hendaklah dia melazimkan dirinya sifat takut [kepada Allah] serta menjunjung sikap hormat dan takzim. Sayugia baginya merenung-renung firman Allah Taala:

إِنَّ الَّذِينَ يَغُضُّونَ أَصوَاتَهُم عِندَ رَسُولِ اللهِ أُولَئِكَ الَّذِينَ
امْتَحَنَ اللهُ قُلُوبَهُم لِلتَّقوَى لَهُم مَغفِرَةٌ وَأَجرٌ عَظِيمٌ.

*"Sesungguhnya mereka yang merendahkan suaranya semasa berada di sisi Rasulullah (ﷺ), - merekalah orang-orang yang telah dibersihkan Allah hati mereka untuk bertaqwa; mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar"*- **Al-Hujurat: 3**

Berhati-hatilah jangan sampai mengangkat suara di hadrat Baginda ﷺ, dan hendaklah beriktikad bahawa kehormatan Baginda selepas wafatnya sama seperti kehormatan waktu hidupnya, bahkan kehormatan Baginda sesudah wafat adalah lebih besar.

Sepertimana engkau akan bertatakrama kepada Baginda ﷺ waktu hayatnya maka begitu jualah yang wajib kau lakukan selepas wafatnya, lalu wajiblah bagimu menghormatkan Baginda ﷺ, menundukkan kepala waktu berada di hadapannya, tidak bertengkar dan meninggalkan segala yang tidak patut engkau

sertai ketika engkau berada di majlis Baginda ﷺ. Jika tidak mahu mengikut tatasusila ini maka beredar lebih baik dari engkau duduk di situ.

## Solat Lima Waktu Di Masjid Nabawi

Lagi sayugia bagi penziarah Kota Madinah untuk loba menunaikan solat lima waktu di Masjid Nabawi dengan berjemaah kerana disebut dalam hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dan Imam At-Thabrani dalam **Mu'jam Al-Ausath** dengan para perawi yang terpercaya dari Saiyidina Anas bin Malik رضي الله عنه; sabda Saiyidina Rasulullah ﷺ:

مَن صَلَّى فِي مَسجِدِي أَربَعِينَ صَلَاةً (زَادَ الطَّبَرَانِي: لَا تَفُوتُهُ صَلَاةٌ) كُتِبَت لَهُ بَرَاءَةٌ مِنَ النَّارِ وَبَرَاءَةٌ مِنَ العَذَابِ وَبَرَاءَةٌ مِنَ النِّفَاقِ.

*"Barangsiapa solat di masjidku empat puluh waktu (dalam teks At-Thabrani ditambah: dengan tidak tertinggal barang satu waktu pun) nescaya akan dituliskan baginya bebas dari api neraka, bebas dari azab dan bebas dari sifat munafik".*



Imam Ibnu Hibban meriwayatkan dalam kitab **Sahih**-nya dari Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه, sabda Baginda ﷺ:

أَنَّ مِن حِينَ يَخرُجُ أَحَدُكُم مِن مَنزِلِهِ إِلَى مَسجِدِي فَرِجلٌ تَكتُبُ لَهُ حَسَنَةً وَرِجلٌ تَحُطُّ عَنهُ سَيِّئَةً.

*"Apabila keluar kamu dari kediamanmu menuju masjidku maka sebelah langkah kakinya akan menuliskan satu kebaikan buatnya dan langkah kakinya yang kedua memadamkan satu kejahatannya".*

Dalam sebuah riwayat lain Saiyidina Rasulullah ﷺ bersabda:

مَن دَخَلَ مَسجِدِي هَذَا لِصَلَاةٍ أَو لِذِكرِ اللهِ تَعَالَى أَو لِيَتَعَلَّمَ خَيرًا أَو يُعَلِّمَهُ كَانَ بِمَنزِلَةِ المُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللهِ تَعَالَى.

*"Barangsiapa masuk ke masjidku ini untuk solat, atau untuk berzikir mengingat Allah Taala, atau untuk mempelajari kebaikan, atau untuk mengajarkannya maka dia sama seperti mujahid yang berjuang di jalan Allah Taala".*

Adapun keistimewaan ini hanya Baginda peruntukkan bagi masjidnya sahaja, tidak kepada masjid-masjid lain. Bagi yang masuk ke Masjid Nabawi tidak dengan niat tadi, tapi kerana borak sembang dan segala tujuan yang sebagainya maka perumpamaannya seperti orang yang takjub melihat barang orang lain sedang dia sendiri tidak memiliki barang itu, dia sibuk meneliti keelokan barang orang lain sedangkan dia berada di dalam Masjid Nabawi dan berlalulah masanya sia-sia tidak berpahala jua.

## Fadhilat Solat Di Masjid Nabawi

Sabda junjungan Nabi alaihis -solatu was salam-:

صَلَاةٌ فِي مَسجِدِ المَدِينَةِ بِعَشرَةِ آلَافِ صَلَاةٍ، وَصَلَاةٌ فِي المَسجِدِ الحَرَامِ بِمِائَةِ أَلف صَلَاةٍ.

*"Satu solat di Masjid Madinah kadarnya sebanyak sepuluh ribu solat, satu solat di Masjidil Haram kadarnya sebanyak seratus ribu solat".*

Imam Al-Baihaqi meriwayatkan dari Saiyidina Jabir ؓ sabda junjungan Nabi ﷺ:

الصَّلَاةُ بِمَسجِدِي هَذَا أَفضَلُ مِن أَلفِ صَلَاةٍ فِيمَا سِوَاهُ، إِلَّا المَسجِدِ الحَرَامِ، وَشَهرُ رَمَضَانَ فِي مَسجِدِي هَذَا أَفضَلُ مِن أَلفِ شَهرِ رَمَضَانَ فِيمَا سِوَاهَ إِلاَّ المَسجِدِ الحَرَامِ.

*"Satu solat di masjidku ini terlebih afdhal dari seribu solat di tempat lain melainkan di Masjidil Haram, dan bulan Ramadhan di masjidku ini terlebih afdhal dari seribu bulan Ramadhan di tempat lain melainkan di Masjidil Haram".*

## Adab Kesopanan di Masjid Nabawi

Dan sayugialah bagi penziarah menghadirkan dalam jiwanya kemuliaan dan kebesaran Masjid Nabawi yang terpancar dari kebesaran Baginda Nabi ﷺ. Hendaklah dia sedar betapa masjid ini merupakan tempat turunnya wahyu dan ia dipilih Allah menjadi tempat NabiNya beribadat sepanjang hayat Baginda di Kota Madinah Al-Munawwarah selama hampir sepuluh tahun.

Hendaklah penziarah menghadirkan dalam dirinya bahawa masjid ini telah dibina dengan tangan Baginda ﷺ yang diagungkan, Baginda sendiri dan para sahabat telah mengangkat batu-batanya bersama-sama. Maka hendaklah orang yang datang berziarah serta solat di sini menyedari kemuliaan masjid ini yang bertitik-tolak dari kemuliaan junjungan Baginda ﷺ kerana telah datang perkhabaran sahih dari Baginda yang bersabda:

خَيرُ مَا رُكِبَت إِلَيهِ الرَّوَاحِلُ مَسجِدِي هَذَا وَالبَيتُ العَتِيق.

*"Sebaik-baik tempat yang patut dtunggangi kenderaan*

*menuju kepadanya adalah masjidku ini dan Al-Baitul Atiq (Kaabah)".*


Dan hendaklah penziarah Masjid Nabawi banyak mengerjakan solat-solat *nafilah* dengan berusaha sedapatnya mendirikan solat di lokasi masjid yang asal serta tempat-tempat yang afdhal di situ.

Hendaklah dia banyak berdoa, taubat dan memohon lindungan Allah dari segala yang dipohon perlindungan darinya oleh junjungan Nabi ﷺ. Setiap kali masuk ke masjid hendaklah dia berniat iktikaf. Sepanjang tempoh dia berada di Madinah hendaklah dia melazimi Masjid Nabawi terutamanya jika tidak lama dia di kota ini, kecuali jika ada keperluan yang patut.

## Qiyamul Lail dan Ibadah Di Masjid Nabawi

Bagi yang berpeluang dapat bermalam di Masjid Nabawi -walau cuma semalaman sekalipun- hendaklah dia menghidupkan malamnya itu dengan ibadat. Digalakkan baginya untuk bersedia di siang hari qiyam itu dengan tidur *qailulah*, menjamah makan tengah hari yang ringan.

Hendaklah dia mengerjakan apa yang dapat membantunya berjaga malam itu kerana sesungguhnya malam dia berqiyamullail di Masjid Nabawi dalam hidupnya umpama malam Lailatul Qadar. Bagaimana pula tidaknya; pada malam itu seorang pecinta dapat berdua-duaan dengan kekasihnya, hati si pecinta beroleh mesra dan kegembiraan kerana cita-citanya untuk bertemu kekasih tercapai sudah.




Maka hendaklah dia memperbanyakkan ibadat di Masjid Nabawi terutamanya amalan selawat dan khatam Al-Quran serta berusahalah untuk menjalani puasa dan janganlah sekali-kali alpa dari menempuh jalan istiqamah dan kemuliaan akhlak selagi termampu. Semoga Allah mengurniai taufik.

# Tatacara Berziarah Kepada Saiyidina Rasulullah ﷺ

## Sedekah Sebelum Berziarah

Apabila penziarah bermaksud untuk mengadap junjungan Baginda -'alaihis solatu was salam- maka sebelum pergi bermunajat kepada Baginda ﷺ sayugialah baginya mengeluarkan sedekah kepada para fuqara' yang berjiran dengan Baginda, kemudian barulah mendatangi Masjid Nabawi dan masuk dari Babus Salam atau Bab Jibril عليه السلام.

Sambil melangkah masuk hendaklah dia menghadirkan dalam hatinya betapa agung pekerjaan yang akan dilakukannya sebentar lagi [iaitu menziarahi junjungan Baginda yang termulia ﷺ] dan betapa dia sekarang ini mendatangi halaman yang didatangi oleh Al-Amin Saiyidina Jibril عليه السلام; tempat turunnya wahyu, kediaman khatam para nabi dan rasul lagi hamba yang paling mulia di sisi Tuhan semesta alam.

Hendaklah menginsafi betapa sekarang dia akan mengadap junjungan yang tak mungkin makhluk dapat sampai kepada Allah kalau bukan melaluinya, dan tidak terbit nikmat kepada seluruh alam buana melainkan darinya sepertimana yang telah disabdakan Baginda 'alaihis solatu was salam-:

اللهُ المُعطِي وَأَنَا القَاسِمُ.

*"Allah Taala yang Maha Memberi sedangkan aku yang membahagikannya".*


Semoga Allah mengurniakan selawat dan salam kepada Baginda dan membalaskan kepadanya bagi pihak umatnya akan balasan yang terbaik.

## Doa Masuk Ke Masjid Nabawi

Ketika sudah sampai di muka pintu hendaklah dia berhenti sebentar dengan tenang dan tunduk sepertimana yang dilakukan ketika mahu masuk mengadap para muliawan. Sambil melangkah masuk dengan kaki kanan bacalah doa yang diriwayatkan iaitu :

أَعُوذُ بِاللهِ العَظِيم وَبِوَجهِهِ الكَرِيم وَبِنُورِهِ القَدِيم مِنَ الشَّيطَانِ الرَّجِيم بِاسمِ اللهِ وَالحَمدُ لِلهِ وَلَا حَولَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِالله. اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبدِكَ وَرَسُولِكَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّم تَسلِيمًا كَثِيرًا. بِسمِ اللهِ مَا شَاءَ اللهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ. آمَنتُ بِاللهِ حَسبِيَ الله تَوَكَّلتُ عَلَى اللهِ.

*"Aku bermohon perlindungan Allah yang Maha Agung dan dengan wajahNya yang mulia dan cahayaNya yang qadim dari syaitan yang direjam. Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, tiada daya dan upaya melainkan dengan Allah. Allahumma kurniakanlah selawat ke atas Saiyidina Muhammad; abdi dan RasulMu, berserta ahli keluarga dan para sahabatnya, berserta salam yang sempurna dengan sebanyak-banyaknya. Dengan nama Allah, Allah maha berkehendak, tiada daya dan upaya melainkan dengan Allah, aku beriman dengan Allah, cukuplah Allah bagiku dan aku bertawakkal kepada Allah.*




أَسأَلُكَ أَن تُنقِذَنِي مِنَ النَّارِ وَأَن تَغفِرَ لِي ذُنُوبِي وَذُنُوبَ وَالِدَيَّ إِنَّهُ لَا يَغفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنتَ. وَافتَح لِي أَبوَابَ رَحمَتِكَ وَوَفِّقنِي وَسَدِّدنِي وَأَعِنِّي عَلَى مَا يُرضِيكَ وَمُنْ عَلَيَّ بِحُسنِ الأَدَبِ فِي هَذِهِ الحَضرَةِ النَّبَوِيَّةِ بِرَحمَتِكَ يَا أَرحَمَ الرَّاحِمِينَ وَيَا أَكرَمَ الأَكرَمِينَ.

*Aku bermohon kepadaMu ya Allah selamatkanlah aku dari neraka, ampunilah segala dosaku dan kedua orang tuaku, sesungguhnya tiada yang mengampun dosa-dosa melainkan Engkau. Bukakanlah bagiku pintu-pintu rahmatMu, berilah taufik padaku, pandulah perjalananku, tolonglah aku melakukan apa yang Engkau redhai, kurniakanlah aku dapat beradab dengan peradaban mulia di hadrat NabiMu dengan rahmatMu wahai Tuhan yang Maha Merahmati, wahai Tuhan yang Maha Mulia.*

اللَّهُمَّ أَنتَ السَّلَامُ وَمِنكَ السَّلَامُ وَإِلَيكَ يَرجِعُ السَّلَامُ فَحَيِّنَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ وَأَدخِلنَا الجَنَّـةَ دَارَكَ دَارَ السَّلَامِ تَبَارَكتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيتَ يَا ذَا الجَلَالِ وَالإِكرَامِ.

*Allahumma Engkaulah kesejahteraan, dariMu kesejahteraan, kepadaMu kembali kesejahteraan, sambutlah kami wahai Tuhan kami dengan kesejahteraan, masukkanlah kami ke dalam syurgaMu Darus Salam, Maha Suci Engkau ya Tuhan kami, Engkau Maha Tinggi wahai Tuhan yang memiliki kebesaran dan kemuliaan.*



رَبِّ أَدخِلنِي مُدخَلَ صِدقٍ وَأَخرِجنِي مُخرَجَ صِدقٍ وَاجْعَل لِي مِن لَدُنكَ سُلطَانًا نَصِيرًا. وَقُل جَاءَ الحَقُّ وَزَهَقَ البَاطِلُ إِنَّ البَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا. وَنُنَزِّلُ مِنَ القُرآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحمَةٌ لِلمُؤمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِـمِينَ إِلا خَسَارًا. رَبِّ اغفِر لِي وَلِوَالِدَيَّ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا.

*"Wahai Tuhanku! Masukkanlah daku ke dalam urusan ugamaku dengan kemasukan yang benar lagi mulia, serta keluarkanlah daku daripadanya dengan cara keluar yang benar lagi mulia; dan berikanlah kepadaku dari sisiMu hujah keterangan serta*

*kekuasaan yang menolongku", dan Katakanlah: "Telah datang kebenaran (Islam), dan hilang lenyaplah yang batil (kufur dan syirik); sesungguhnya kebatilan itu sememangnya satu perkara yang tetap lenyap". Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua". Ya Tuhan ampunilah daku dan kedua orang tuaku, ya Tuhan kasihanilah mereka berdua sepertimana mereka telah membesarkanku waktu kecil".*


## Berniat Iktikaf

Apabila sudah berada di dalam Masjid Nabawi hendaklah dia niat iktikaf walau tidak berlama-lama sekalipun kerana berhasil pahala iktikaf itu dengan niat. Kemudian pergilah menuju ke Raudhah mulia yang berkedudukan antara mimbar dan makam Baginda ﷺ. Sabda Baginda -'alaihis solatu was salam-:

مَا بَينَ بَيتِي وَمِنبَرِي رَوضَةٌ مِن رِيَاضِ الجَنَّةِ.

*"Di antara rumah dan dan mimbarku ada satu taman dari taman-taman syurga".*





Hadis ini diriwayatkan oleh para Imam: Al-Bukhari, Muslim, An-Nasa'i, At-Tirmizi dan Ahmad. Tersebut dalam rangkapan syair:

إِذَا قُمتَ فِيهَا بَينَ قَبرٍ وَمِنبَرٍ * بِطَيبَةَ فَاعرِف أَنَّ مَنزِلَكَ الأَرقَى

لَقَد قُمتَ فِي دَارِ النَّعِيمِ بِرَوضَةٍ * وَمَن قَامَ فِي دَارِ النَّعِيمِ فَلَا يَشقَى

*Jika engkau berada di Kota Madinah*
*lalu berdiri antara makam dan mimbarnya*
*ketahuliah bahawa tempatmu itu paling mulia*
*sebenarnya engkau sedang berada*
*di sebuah taman di dalam syurga*
*dan siapa berada di dalam syurga*
*nescaya dia takkan celaka*


## Solat Sunat Tahiyyatul Masjid

Kemudian pergilah ke *musholla* (tempat solat) Baginda Nabi ﷺ jika ada kekosongan di situ, lokasinya di sisi mihrab sebelah arah mimbar, tertulis padanya:

مُصَلَّى النَّبِي صَلَى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم

*"Ini adalah musolla junjungan Nabi ﷺ".*

jika tiada kekosongan maka berdirilah di tempat berdekatan dengannya, atau berdekatan dengan mimbar, jika tiada tempat jua maka berdirilah di mana-mana yang dapat di dalam Raudhah yang mulia atau di mana-mana tempat di dalam masjid terutamanya di kawasan asal zaman Baginda ﷺ kerana itu lebih afdhal dan pahalanya lebih banyak.




Jika waktu itu solat fadhu sedang akan didirikan, atau dibimbangi akan terlepas jemaah maka teruslah masuk kepada solat fardhu dan dengannya sudah dikira solat sunat tahiyyatul masjid. Jika tidak maka solatlah dua rakaat sunat tahiyyatul masjid; di rakaat pertama bacalah "Qul ya ayyuhal kafirun…" dan di rakaat kedua bacalah Surah Al-Ikhlas kerana datang khabar bahawa junjungan Baginda ﷺ memilih dua surah ini untuk dibaca dalam banyak solatnya kerana kedua surah ini mengandungi pengertian

berlepas diri dari sifat ragu dan syirik serta mengesakan zat dan sifat Allah Taala, disamping itu juga membaca sekali Surah Al-Ikhlas menyamai sepertiga Al-Quran.

## Sujud Syukur


Sesudah itu hendaklah si penziarah memuji-muji Allah Taala dan bersyukur padaNya, pohonlah redha, taufik dan qabul dan bersujudlah mensyukuri Allah atas nikmatNya menyampaikanmu ke halaman mulia ini dengan pemberian dan budi dariNya jua. Di dalam kitab **At-Tashwiq** karya As-Syeikh Al-Jamal Ibnul Muhibb At-Thobari tercatat fatwa para ulama Hanafiyyah yang menyetujui sujud syukur disini.

Dan bacalah doanya:

الحَمدُ للهِ حَمدًا يُوَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ وَكَرَمَهُ. الحَمدُ للهِ كَمَا هُوَ أَهلُهُ. أَحمَدُهُ بِجَمِيعِ مَحَامِدِهِ مَا عَلِمتُ مِنهَا وَمَا لَم أَعلَم. اللَّهُمَّ لَكَ الحَمدُ مِلءَ السَّمَوَاتِ وَمِلءَ الأَرضِ وَمِلءَ مَا بَينَهُمَا وَمِلءَ مَا شِئتَ مِن شَيءٍ بَعدُ. أَنتَ أَهلُ الحَمدِ وَأَنتَ أَحَقُّ بِالحَمدِ. لَا أَحَدَ أَولَى مِنكَ بِالحَمدِ. فَلَكَ الحَمدُ كَمَا تُحِبُّ وَتَرضَى وَلَكَ الحَمدُ كَمَا أَنتَ أَهلُهُ.

*"Segala puji bagi Allah dengan kepujian yang meliputi segala nikmatNya dan mencukupi tambahan dan budiNya. Segala puji bagi Allah dengan kepujian yang layak bagiNya. Aku memuji-mujinya dengan seluruh kepujian padaNya yang aku ketahui dan yang belum aku ketahui.*

*Allahumma bagiMu segala pujian sepenuh tujuh petala langit dan bumi, sepenuh antara keduanya dan sepenuh apa saja yang Engkau kehendaki sesudah itu. Engkaulah yang maha*




*berhak menerima pujian, Engkaulah yang terlebih berhak dipuji, tiada siapa pun yang lebih berhak dipuji dariMu. Maka bagiMu segala pujian hingga Engkau redha dan bagiMu segala pujian yang selayaknya buatMu.*

اللَّهُمَّ لَكَ الحَمدُ بِمَحَامِدِكَ كُلِّهَا مَا عَلِمتُ مِنهَا وَمَا لَا أَعلَمُ عَلَى جَمِيعِ نِعَمِكَ كُلِّهَا مَا عَلِمتُ مِنهَا وَمَا لَمْ أَعلَمْ وَعَدَدِ خَلقِكَ كُلِّهِمْ مَا عَلِمتُ مِنهُم وَمَا لَمْ أَعلَمْ حَتَّى يَنتَهِي الحَمدُ إِلَى مَا يُحِبُّ رَبُّنَا وَيَرضَى.

*Allahumma bagiMu segala pujian dengan segala kepujianMu yang aku ketahui dan yang tidak aku ketahui, atas segala nikmatMu yang aku ketahui dan yang belum aku ketahui, dan dengan sebanyak bilangan ciptaanMu seluruhnya yang aku ketahui dan yang belum aku ketahui, hinggalah berakhir segala kepujian itu seperti yang disukai oleh Tuhan kami dan diredhaiNya.*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبدِكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّم. اللَّهُمَّ كَمَا مَنَنتَ عَلَيَّ بِالحُلُولِ فِي حَرَمِ رَسُولِكَ وَمَهبَطِ وَحيِكَ وَمَحَلِّ تَنَزُّلَاتِ رَحمَتِكَ وَفَضلِكَ فَامنُن عَلَيَّ بِحُسنِ الأَدَبِ بَينَ يَدَيْ هَذَا النَّبِيِّ الكَرِيمِ وَالرَّسُولِ العَظِيمِ وَاجعَلهُ مُقبِلًا عَلَيَّ رَاضِيًا عَنِّي وَتَقَبَّل إِنَابَتِي وَاجعَلنِي مِن أَهلِ شَفَاعَتِهِ وَمِن أَكرَمِ وَفدِهِ وَقَرَّ عَينِي بِرِضَاكَ وَرِضَاهُ يَا أَرحَمَ الرَّاحِمِينَ.


*Allahumma kurniakanlah selawat ke atas Saiyidina Muhammad abdi dan RasulMu; Nabi yang ummiy, serta ahli keluarga dan para sahabatnya beserta salam.*



*Allahumma sepertimana Engkau telah berbudi memberi izin kepadaku mendarat di tanah suci RasulMu, maka berbudilah padaku jua dengan mengurniaiku adab yang luhur di penghadapan Nabi mulia dan Rasul agung ini. Dan jadikanlah Baginda itu sudi menerimaku, redha denganku. Terimalah ya Allah kembali rujukku padaMu dan jadikanlah aku dalam golongan hamba yang mendapat syafaat Baginda serta kalangan rombongan termulia yang datang mengadapnya, sejukkanlah pandangan mataku dengan beroleh redhaMu dan redha Baginda, wahai Tuhan yang Maha Merahmati.*

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذِهِ رَوضَةٌ مِن رِيَاضِ الجَنَّةِ شَرَّفـتَهَا وَكَرَّمـتَهَا وَمَجَّدتَهَا وَعَظَّمـتَهَا وَنَوَّرْتَهَا بِنُورِ نَبِيِّكَ وَحَبِيبِكَ سَيِّدِنَا وَمولَانَا مُحَمَّدٍ صَلَى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

*Allahumma sesungguhnya Raudhah ini adalah dari taman-taman syurgawi, telah Engkau muliakan dan tinggikan kedudukannya, telah Engkau cemerlangkan dan takzimkan ia, dan telah Engkau cahayakan ia dengan nur Nabi dan kekasihMu; Saiyidina wa Maulana Muhammad ﷺ.*




اللَّهُمَّ كَمَا بَلَّغتَنَا فِي الدُّنيَا زِيَارَةَ نَبِيِّنَا وَمَآثِرَهُ الشَّرِيفَةِ فَلاَ تَحرِمنَا يَا اَللهُ فِي الآخِرَةِ مِن فَضلِ شَفَاعَتِهِ وَاحْشُرنَا فِي زُمرَتِهِ وَتحتَ لِوَائِهِ وَأَمِتنَا عَلَى مَحَبَّتِهِ وَسُنَّتِهِ وَأَسْقِنَا مِن حَوضِهِ المَوْرُودِ بِيَدِهِ الشَّرِيفَةِ الطَّاهِرَةِ المُنِيفَةِ شَربَةً هَنِيئَةً مَرِيئَةً لَا نَظمَأُ بَعدَهَا أَبَدًا إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيءٍ قَدِيرٌ بِرَحمَتِكَ يَا أَرحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*Allahumma sepertimana di dunia ini Engkau telah menyampaikan kami menziarahi Nabi kami dan segala*

*peninggalan Baginda yang mulia, maka janganlah Engkau menghalang kami ya Allah di Akhirat nanti dan mendapat kurnia syafaatnya, bangkitkanlah kami dalam kumpulan Baginda dan di bawah panji-panjinya, matikanlah kami di atas mahabbah dan sunnahnya, berilah kami minum dari telaganya di Padang Mahsyar dengan tuangan tangan Baginda yang mulia, yang suci lagi tinggi martabatnya, iaitu satu minuman yang segar lagi melegakan, minuman yang kami takkan kehausan lagi selepasnya selama-lama, sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap perkara, dengan rahmatMu wahai Tuhan yang Maha Merahmati".*

Sesudah doa ini sambunglah dengan apa-apa doa yang dikehendakinya kerana inilah antara tempat [dan keadaan] yang mustajab doa padanya.

## Doa Tawajjuh Makam Baginda ﷺ

Setelah usai berdoa di situ maka pergilah *tawajjuh* (menuju) ke makam nan kudus dengan maksud berziarah kepada Baginda ﷺ. Ketika melangkahnya itu bacalah:

بِاسم اللهِ وَبِاللهِ وَعَلَى اللهِ وَعَلَى مِلَّةِ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَى اللهُ عَلَيهِ
وَسَلَّمَ. رَبِّ اغفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا.

*"Dengan nama Allah, demi Allah, kerana Allah dan di atas agama Saiyidina Rasulillah ﷺ. Ya Tuhanku, ampuni daku dan kedua ibu bapaku, dan kasihanilah mereka sepertimana mereka telah membesarkanku waktu kecilku".*

## Berdiri Mengadap Baginda ﷺ

Hendaklah penziarah berdiri berhadapan pintu pagar makam dari arah kiblat mengadap kepada Baginda ﷺ sepertimana berdirinya dalam solat; meletak tangan kanan di atas tangan kiri serta menjaga adab kesopanan.

Hendaklah dia berkeadaan tawadhuk, khusyuk, hina diri dan remuk redam hati, takut, sopan, merasa kehebatan makam, kefakiran diri, menundukkan pandangan mata ke hadapannya; tidak menoleh kiri-kanan bahkan tetap melihat ke bumi, atau melihat kepada kaki dinding Hujrah Nabawi yang bertentangan dengannya.

Jaga-jagalah jangan sampai mata terpesona melihat segala perhiasan yang ada di situ. Dan hendaklah engkau hai penziarah membayangkan gambaran Baginda yang mulia dalam khayalmu sambil merasai bahawa Baginda ﷺ mengetahui kehadiranmu, mengetahui berdirinya engkau di sisinya dan mengetahui ucapan salam darimu, bahkan Baginda tahu segala ehwal perbuatan serta gerak diammu, seolah-olah Baginda hadir dan berada dekat denganmu.

Hendaklah engkau menghadirkan keagungan, kebesaran, kemuliaan dan ketinggian martabat Baginda ﷺ dalam jiwamu. Sesudah itu ucapkanlah salam dengan suara yang pilu dan pertengahan, serta tidak meninggikan suara, kerana Allah Taala berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ يَغُضُّونَ أَصوَاتَهُم عِندَ رَسُولِ اللهِ أُولَئِكَ الَّذِينَ
امتَحَنَ اللهُ قُلُوبَهُم لِلتَّقوَى لَـهُم مَغفِرَةٌ وَأَجرٌ عَظِيمٌ.

*"Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya semasa mereka berada di sisi Rasulullah (ﷺ), - merekalah orang-orang yang telah dibersihkan Allah hati mereka untuk*

*bertaqwa; mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar"*- ***Al-Hujurat: 3***

Demikianlah kehormatan Baginda ﷺ sesudah kewafatannya sama seperti waktu hidupnya, bahkan kehormatan Baginda ﷺ sesudah wafat itu lebih tegas.

Sewaktu melafaz salam janganlah suaramu terlalu perlahan hingga tidak dapat mendengarkan kepada Baginda ﷺ, kerana mendengarkan salam adalah sunnah walaupun di hadrat Baginda itu tiada suatu apa yang sembunyi dari pengetahuannya.

## Lafaz Salam Kepada Junjungan Baginda ﷺ

Dengan hati yang hadir, rasa malu dan sambil memejamkan mata ucapkanlah salam kepada hadratnya yang mulia:

السَّلَامُ عَلَيكُم أَيُّهَا النَّبِيُّ السَّيِّدُ الكَرِيمُ وَالرَّسُولُ العَظِيمُ الرَّؤُوفُ الرَّحِيمُ وَرَحـمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه.


*"Salam ke atasmu aduhai Nabi, wahai junjungan mulia lagi Rasul nan agung, yang amat belas ihsan lagi penyayang, serta rahmat Allah dan segala keberkatanNya",*

lalu berhentilah seketika sekira-kira junjungan Baginda menjawab salammu, kemudian ulangilah salam kali kedua dan ketiga, kemudian sambunglah dengan ucapan:

اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ الله. اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم يَا نَبِيَّ الله. اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم يَا حَبِيبَ الله. اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ

عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا وَحَبِيبَنَا وَشَفِيعَنَا وَقُرَّةَ أَعيُنِنَا يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ اللهِ. اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَ المُرسَلِينَ وَخَاتَمَ النَّبِيِّين. اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم يَا شَفِيعَ المُذنِبِينَ عِندَ اللهِ. اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم يَا إِمَامَ المُتَّقِين. اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم يَا قَائِدَ الغُرِّ المُحَجَّلِينَ إِلَى جَنَّاتِ النَّعِيم.

*"Selawat dan salam ke atasmu ya saiyidi ya Rasulallah. Selawat dan salam ke atasmu ya Nabiyyallah. Selawat dan salam ke atasmu wahai kekasih Allah. Selawat dan salam ke atasmu wahai junjungan kami, wahai Nabi kami, wahai kekasih kami, wahai pensyafaat kami, wahai penyejuk mata kami, ya tuanku ya Rasulallah. Selawat dan salam ke atasmu wahai penghulu para rasul dan penutup para nabi. Selawat dan salam ke atasmu wahai pemberi syafaat kepada hamba berdosa di sisi Allah. Selawat dan salam ke atasmu wahai Imam para hamba yang bertaqwa. Selawat dan salam ke atasmu wahai pemimpin mereka yang sempurna wuduknya masuk ke syurga na'im.*




اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم أَيُّهَا المَبعُوثُ رَحمَةً لِلعَالَمِين. اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم أَيُّهَا الهَادِي إِلَى صِرَاطٍ مُستَقِيم. اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم يَا مَن سَبَّحَ الحَصَى فِي يَدَيهِ وَحَنَّ الجِذعُ إِلَيهِ. اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم يَا بَشِيرُ. اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم يَا نَذِيرُ. اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا يَا مُحَمَّد. اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا يَا أَحمَد.


*Selawat dan salam ke atasmu aduhai Baginda yang diutus sebagai rahmat kepada alam semesta. Selawat dan salam*

*ke atasmu wahai petunjuk kepada jalan yang lurus. Selawat dan salam ke atasmu wahai Baginda yang batu-batuan kecil bertasbih di tangannya dan tunggul kayu menangis merinduinya. Selawat dan salam ke atasmu wahai Baginda yang membawa berita gembira. Selawat dan salam ke atasmu wahai Baginda yang memberi ancaman siksa. Selawat dan salam ke atasmu wahai junjungan kami ya Ahmad.*

اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم وَعَلَى آلِ بَيتِكُمُ الطَّاهِرِينَ وَأَزوَاجِكُمُ الطَّاهِرَاتِ المُبَرَّآتِ أُمَّهَاتِ المُؤمِنِينَ وَالمَلَائِكَةِ المُقَرَّبِينَ وَأَصحَابِكُم أَجـمَعِين.

*Selawat dan salam ke atasmu dan ahli keluargamu yang suci, juga isteri-isterimu yang bersih lagi murni; para bonda bagi kaum mukminin, juga ke atas para malaikat muqorrobin dan sahabatmu sekalian.*

اَلصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم وَعَلَى سَائِرِ الأَنبِيَاءِ وَالمُرسَلِينَ وَعَلَى جَمِيعِ عِبَادِ اللهِ الصَّالِـحِينَ يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ الله.





*Selawat dan salam ke atasmu dan seluruh nabi dan rasul, serta ke atas pada hamba Allah yang solihin ya saiyidi ya Rasulallah.*

جَزَاكُمُ اللهُ عَنَّا أَفضَلَ مَا جَزَى نَبِيًّا عَن قَومِهِ وَرَسُولًا عَن أُمَّتِهِ. وَصَلى اللهُ عَلَيكُم أَفضَلَ وَأَكمَلَ وَأَزكَى وَأَنمَى صَلَاةٍ صَلَّاهَا عَلَى أَحَدٍ مِن خَلقِهِ. وَأَشهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشهَدُ أَنَّكُم قَد بَلَّغـتُمُ الرِّسَالَةَ وَأَدَّيتُمُ الأَمَانَةَ وَنَصَحتُمُ الأُمَّةَ وَكَشَفتُمُ الغُمَّةَ وَأَقَمتُمُ الحُجَّةَ وَأَوضَحتُمُ المَحَجَّةَ وَجَاهَدتُم فِي اللهِ حَقَّ جِهَادِهِ وَقَاتَلتُم فِي

دِينِ اللهِ حَتَّى أَتَاكُمُ اليَقِينُ وَكُنتُم كَمَا نَعَتَكُمُ اللهُ فِي كِتَابِهِ حَيثُ قَالَ (لَقَد جَاءَكُم رَسُولٌ مِن أَنفُسِكُم عَزِيزٌ عَلَيهِ مَا عَنِتُّم حَرِيصٌ عَلَيكُم بِالمُؤمِنِينَ رَؤُوفٌ رَّحِيمٌ. فَإِن تَوَلَّوا فَقُل حَسبِيَ اللهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيهِ تَوَكَّلتُ وَهُوَ رَبُّ العَرشِ العَظِيمِ).

*Semoga Allah mengurniakan balasan kebajikan buatmu atas segala jasamu pada kami, dengan balasan terbaik yang diberikan kepada seorang Nabi atas jasa pada kaumnya, dan seorang rasul atas jasa pada umatnya. Semoga Allah mengurniakan ke atasmu selawat yang paling afdhal, paling sempurna, paling murni dan paling subur yang pernah dikurniakan kepada seorang makhluk ciptaanNya. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkah Allah yang Maha Esa tiada sekutu bagiNya, dan aku bersaksi bahawa engkau ya Rasulallah telah menyampaikan risalah, engkau telah menasihati ummah, engkau telah menyingkap duka, engkau telah mendirikan hujah, engkau telah menerangi perjalanan, engkau telah berjihad kerana Allah dengan jihad yang sebenarnya, engkau telah berperang demi menegak agama Allah hinggalah datang ajalmu. Dan aku bersaksi bahawa engkau adalah seperti yang disifatkan Allah di dalam kitab suciNya: "Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari kalanganmu sendiri, sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung olehmu, sangat tamak dia menginginkan kebaikan bagimu, dan dia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman. Kemudian jika mereka berpaling ingkar, maka katakanlah (Wahai Muhammad): "Cukuplah Allah bagiku (yang menolong dan memeliharaku), tiada Tuhan selain Dia; kepadaNya aku berserah diri, dan Dia lah yang mempunyai arasy yang besar."*




فَصَلَوَاتُ اللهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَجَمِيعِ خَلْقِهِ فِي سَمَوَاتِهِ وَأَرْضِهِ عَلَيكُم وَعَلى رُوحِكُمُ الطَّاهِرَةِ الزَّكِيَّةِ وَجَسَدِكُم وَقَبرِكُم صَلَاةً دَائِمَةً إِلَى يَومِ الدِّينِ عَلَيكُم يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ اللهِ.

*Maka ke atas dirimu ya Rasulallah curahan selawat dari Allah dan para malaikatNya serta seluruh ciptaanNya yang di petala langit dan bumiNya, juga ke atas rohmu yang suci lagi murni, juga ke atas jasad dan makam-mu, dengan selawat yang berkekalan hingga ke hari pembalasan ya saiyidi ya Rasulallah.*

اللَّهُمَّ آتِهِ الوَسِيلَةَ وَالفَضِيلَةَ وَابْعَثْهُ مَقَامًا مَحْمُودًا الَّذِي وَعَدتَهُ وَآتِهِ نِهَايَةَ مَا يَنبَغِي أَن يَسأَلَهُ السَّائِلُونَ (رَبَّنَا ءَامَنَّا بِمَا أَنزَلتَ وَاتَّبَعنَا الرَّسُولَ فَاكْتُبْنَا مَعَ الشَّاهِدِينَ). آمَنتُ بِاللهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَاليَومِ الآخِرِ وَبِالقَدَرِ خَيرِهِ وَشَرِّهِ.

*Allahumma kurniakanlah kepada Baginda wasilah dan kelebihan, utuskan baginya makam yang terpuji yang telah Engkau janjikan, anugerahilah Baginda puncak permintaan yang dapat diminta oleh para hambaMu. Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami telah beriman dengan apa yang Engkau turunkan dan kami mengikut RasulMu, maka tuliskanlah kami dalam golongan hambaMu yang bersaksi. Aku beriman kepada Allah dan para malaikatNya, dengan kitab-kitab dan para rasulNya, dengan hari Akhirat dan qadha' qadar yang baik dan yang buruknya.*




اللَّهُمَّ فَثَبِّتنِي عَلَى ذَلِكَ وَلَا تَرُدَّنَا عَلَى أَعقَابِنَا وَلَا تُزِغ قُلُوبَنَا بَعدَ إِذ

هَدَيتَنَا وَهَب لَنَا مِن لَدُنكَ رَحمَةً إِنَّكَ أَنتَ الوَهَّابُ.

*Allahumma maka tetapkanlah aku di atas kesaksian ini dan janganlah Engkau menghampakan harapan kami, janganlah Engkau menggelincirkan hati-hati kami setelah mana Engkau memberi kami hidayah, kurniakanlah bagi kami rahmat dari sisiMu sesungguhnya Engkaulah Tuhan yang maha memberi kurnia.*

يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ اللهِ نَحنُ وَفدُكُم وَزُوَّارُكُم، جِئنَاكُم مِن بِلَادٍ بَعِيدَةٍ قَاصِدِينَ قَضَاءَ حَقِّكُم وَالنَّظَرَ إِلَى مَآثِرِكُم وَالتَيَمُّنَ بِزِيَارَتِكُم وَالاِستِشفَاعَ بِكُم إِلَى رَبِّنَا مِمَّا أَثقَلَ ظُهُورَنَا وَأَظلَمَ قُلُوبَنَا، فَلَيسَ لَنَا يَا رَسُولَ اللهِ شَفِيعٌ غَيرَكُم نُؤَمِّلُهُ وَلاَ رَجَاءَ غَيرَ بَابِكُم نَصِلُهُ.

*Ya saiyidi ya Rasulallah, kami perutusan datang mengadap dan menziarahimu. Kami mendatangimu dari negeri-negeri yang jauh, maksud kami adalah untuk menunaikan hakmu ke atas kami, untuk memandang kepada segala peninggalanmu, untuk mengambil keberkatan menziarahimu dan meminta syafaatmu kepada Tuhan kami agar diringankan tanggungan beratnya dosa kami dan terhapus zulmat dari hati-hati kami. lalu tiadalah pensyafaat yang dapat kami harapkan selain darimu ya Rasulallah, dan tiada tempat bagi kami mendaratkan harapan kami melainkan di pintumu.*

فَاستَغْفِرُوا لَنَا وَاشفَعُوا لَنَا عِندَ رَبِّكُم وَاسْأَلُوهُ أَن يَمُنَّ عَلَينا بِسَائِرِ طَلَبَاتِنَا وَيَحشُرَنَا فِي زُمرَةِ عِبَادِهِ الصَّالِحِينَ وَالعُلَمَاءِ العَامِلِينَ وَأَنتُمُ الشَّافِعُ المُشَفَّعُ المَوعُودُ بِالشَّفَاعَةِ وَالمَقَامِ المَحمُودِ. وَقَد قَالَ اللهُ تَعَالَى

فِي حَقِّكُمُ العَظِيمِ (وَلَو أَنَّهُم إِذ ظَلَمُوا أَنفُسَهُم جَاءُوكَ فَاستَغفَرُوا اللهَ وَاستَغفَرَ لَـهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا).

*"Maka pohonkanlah istighfar untuk kami di sisi Tuhanmu, pohonkanlah padaNya agar Dia sudi menganugerahi kami segala permintaan kami dan membangkitkan kami bersama para abdiNya yang solihin dan ulama yang 'amilin. Engkaulah sebagai pensyafaat yang makbul syafaatnya lagi dijanjikan akan memberi syafaat dan beroleh makam yang terpuji. Allah Taala berfirman menyatakan hakmu yang agung: "Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (Wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah maha menerima taubat, lagi Maha Mengasihani."*

وَقَد جِئنَاكُم يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ اللهِ ظَالِـمِينَ لِأَنفُسِنَا مُستَغفِرِينَ لِذُنُوبِنَا مُستَشفِعِينَ بِكُم إِلَى رَبِّنَا فَاشفَعُوا لَنَا عِندَ رَبِّكُم وَاسأَلُوهُ أَن يُمِيتَنَا عَلَى سُنَّتِكُم وَيَـحشُرَنَا فِي زُمرَتِكُم وَأَن يُورِدَنَا عَلَى حَوضِكُم وَيَسقِيَنَا بِكَأسِكُم غَيرَ خَزَايَا وَلَا نَادِمِينَ.


*Maka inilah kami mendatangimu ya saiyidi ya Rasulallah, dalam keadaan zalim pada diri kami sendiri lagi memohon ampun atas segala dosa kami dan meminta syafaatmu kepada Tuhan kami. Syafaatkanlah kami di sisi Tuhanmu dan pohonkanlah padanya agar mematikan kami di atas sunnahmu, membangkitkan kami dalam kumpulanmu, menyampaikan kami pada telaga Kautsar-mu, dan memberi kami minum dari gelasmu, dengan tidak hina dan sesal.*

اَلشَّفَاعَةَ الشَّفَاعَةَ يَا رَسُولَ اللهِ. أَتَينَاكُم زَائِرِينَ وَقَصَدنَاكُم رَاغِبِينَ وَبِحَقِّكُم عَارِفِينَ وَبِدِينِكُم مُستَمسِكِينَ وَبِكُم إِلَى اللهِ تَعَالَى مُستَشْفِعِينَ فَلَا تَرُدُّونَا خَائِبِينَ وَلَا عَن بَابِ جُودِكُم وَكَرَمِكُم مَحرُومِينَ.

*Kurniakan kami syafaat ya Rasulallah, kurniakan kami syafaat ya Rasulallah. Kami datang menziarahimu, kami menuju padamu dengan sepenuh harapan dan tahu akan hakmu, kami berpegang teguh dengan agamamu, darimu kami memohon syafaat kepada Allah, maka janganlah engkau kecewakan permintaan kami, janganlah engkau hampakan harapan kami di pintu budi dan kemurahan hatimu.*

اَلحَمدُ لِلّٰهِ الَّذِي أَسعَدَنِي وَأَوعَدَنِي وَبَلَّغَنِي زِيَارَتَكُم فِي الحَيَاةِ قَبلَ المَمَاتِ وَأَقَرَّ عَينِي بِحُلُولِ حَضرَتِكُم وَالوُقُوفِ بَينَ يَدَيكُم.

*Segala puji bagi Allah yang telah membahagiakan diriku, menganugerahiku janji mulia dan menyampaikanku berziarah kepadamu waktu hidup dan sebelum mati. Segala puji bagi Allah yang telah menyejukkan mataku dengan dapat aku mendarat di halaman hadratmu dan berdiri di penghadapanmu.*




جَزَاكُمُ اللهُ تَعَالَى عَنَّا وَعَن وَالِدِينَا وَعَنِ الإِسلَامِ أَفضَلَ الجَزَاءِ. وَنَسأَلُكُمُ الشَّفَاعَةَ أَن تَشفَعُوا لَنَا عِندَ اللهِ يَومَ العَرَضِ عَلَى اللهِ يَومَ الحَسرَةِ وَالنَّدَامَةِ يَومَ الفَزَعِ الأَكبَرِ يَومَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ إِلَّا مَن أَتَى اللهَ بِقَلبٍ سَلِيمٍ.

*Semoga Allah mengurnia balasan kebajikan kepadamu atas segala jasamu pada kami dan kedua ibu bapa kami serta kepada agama Islam dengan sebaik-baik balasan. Kami bermohon syafaat kepadamu, moga sudi Tuan memsyafaatkan kami di sisi Allah dihari segala amalan dibentang kepada Allah; hari keluhan dan penyesalan, hari kejutan terbesar, hari tidak berguna lagi harta dan anak-pinak melainkan bagi mereka yang datang kepada Allah dengan hati yang sejahtera.*

اِشْفَعُوا لَنَا يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ اللهِ وَلِوَالِدِينَا وَلِوَالِدِ وَالِدِينَا وَلِأَولَادِنَا وَلِأَهلِ بَيتِنَا وَلِـجِيرَانِنَا وَلِـمَشَايِـخِنَا وَلِأُستَاذِنَا وَلِـمَن لَهُ حَقٌّ عَلَينَا وَلِفَاعِلِينَ الخَيرَ فِينَا وَلِـمَن أَوصَانَا وَقَلَّدَنَا عِندَكُم بِدُعَاءِ الخَيرِ وَالزِّيَارَةِ.

*Syafaatkanlah kami ya saiyidi ya Rasulallah, juga buat kedua orang tua kami dan ibu bapa mereka, juga buat anak-anak kami, ahli keluarga kami, para jiran kami, para masyaikh kami, guru-guru kami, mereka yang punya hak ke atas kami, mereka yang berbuat baik kepada kami, mereka yang berwasiat kepada kami serta mereka yang mengamanahkan kami berdoa memohon kebaikan di sisimu dan ziarah".*



## Menyampai Kiriman Salam

Dan sayugialah bagi penziarah menyampaikan kiriman salam dari mereka yang berkirim melaluinya dengan ucapan:

السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ اللهِ مِن فُلَانِ ابْنِ فُلَانٍ يُسَلِّمُ عَلَيكُم وَيَستَشفِعُ بِكُم إِلَى رَبِّكُم فَاشفَعُوا لَهُ وَلِـجَمِيعِ المُسلِمِينَ. الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكُم وَعَلَى سَائِرِ الأَنبِيَاءِ وَالمُرسَلِينَ وَعَلَى أَهلِ بَيتِكُم

وَأَصحَابِكُم أَجمَعِينَ وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

*“Salam ke atasmu ya saiyidi ya Rasulallah dari fulan bin fulan; dia berkirim salam kepadamu dan memohon syafaatmu kepada Tuhanmu. Moga sudilah Tuan memberi syafaat kepadanya dan kepada seluruh Muslimin. Selawat dan salam ke atasmu dan atas seluruh nabi dan rasul, juga Ahlul Bait dan para sahabatmu sekalian, beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya”.*

## Membaca Al-Fatihah Kepada Rohaniah Baginda ﷺ

Kemudian bacalah Surah Al-Fatihah diniatkan kepada rohaniah Baginda Al-Musthafa ﷺ. Ketika mengucap salam elakkanlah perbuatan menunduk badan ke arah makam yang mulia kerana ia perbuatan bid’ah, nanti disangka pula oleh orang tak berilmu bahawa itu sebagai satu bentuk takzim. Begitu juga tidak boleh tunduk mencium bendul pagar makam seperti keadaan sujud dalam solat, ini juga perbuatan bid’ah, bahkan haram kalau diniatkan sujud.

## Salam Kepada Saiyidina Abu Bakar رضي الله عنه

Kemudian beralih-lah pula ke sebelah kanan Baginda sekadar satu hasta, di situ berhadapanlah penziarah dengan Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq رضي الله عنه, lalu ucapkanlah salam kepadanya dengan lafaz:

اَلسَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا أَبَا بَكرٍ الصِّدِّيقِ. اَلسَّلَام عَلَيكُم يَا خَلِيفَةَ رَسُولِ اللهِ عَلَى التَّحقِيقِ. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم يَا صَاحِبَ رَسُولِ اللهِ فِي الغَارِ وَرَفِيقَهُ فِي الأَسفَارِ وَأَمِينَهُ عَلَى الأَسرَارِ.

*"Salam ke atasmu wahai Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq. Salam ke atasmu wahai khalifah Rasulullah dengan sebenarnya. Salam ke atasmu wahai sahabat Rasulullah di dalam gua, wahai teman Baginda di permusafiran, wahai pemegang amanah rahsia kenabian.*

جَزَاكُم اللهُ عَنَّا أَفضَلَ مَا جَزَى إِمَامًا عَن أُمَّةِ نَبِيِّهِ. فَلَقَد خَلَفتُمُوهُ أَحسَنَ الخَلَفِ وَسَلَكتُم طَرِيقَهُ وَمِنهَاجَهُ خَيرَ سُلُوكٍ. فَقَاتَلتُم أَهلَ الرِّدَّةِ وَالبِدَعِ وَنَصرتُمُ الإِسلَامَ وَكَفَلتُمُ الأَيتَامَ وَوَصَلتُمُ الأَرحَامَ وَلَم تَزَالُوا قَائِمًا بِالحَقِّ نَاصِرًا لِأَهلِهِ حَتَّى أَتَاكُمُ اليَقِينُ.

*Semoga Allah mengurnia balasan kebajikan kepadamu atas segala jasamu pada kami dengan balasan kepada seorang Imam yang berjasa pada umat nabinya. Sesungguhnya engkau telah menjadi pengganti Baginda dengan sebaik-baiknya, engkau telah menempuh perjalanan Baginda dengan baik. Engkau telah memerangi golongan murtad dan ahli bid'ah, engkau telah membela Islam dan menjaga anak yatim, engkau telah menyambung tali silatur rahim dan engkau tetap berdiri menegakkan keadilan dan membela ahlinya hinggalah ajal datang menjemputmu.*



وَقَد قَالَ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم فِيكُم: لَو كُنتُ مُتَّخِذًا خَلِيلًا غَيرَ رَبِّي لَاتَّخَذتُ أَبَا بَكرٍ. رَضِيَ اللهُ عَنكُم وَأَرضَاكُم أَحسَنَ الرِّضَاءِ وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَنزِلَكُم وَمَسكَنَكُم وَمَحَلَّكُم وَمَأوَاكُم. أَمَاتَنَا اللهُ عَلَى مَحَبَّتِكُم. حَشَرَنَا اللهُ فِي زُمرَتِكُم. استَعمَلَنَا اللهُ فِي سُنَّتِكُم.

*Sesungguhnya junjungan Baginda ﷺ telah bersabda mengenaimu: "Jikalau aku dapat mengambil teman setia selain Tuhanku, nescaya aku akan mengambil Abu Bakar". Semoga Allah meredhaimu dan mengurnia restuNya padamu dengan keredhaan yang terbaik, semoga Allah menjadikan syurga sebagai kediaman dan rumahmu, tempat tinggal dan keteduhanmu. Semoga Allah mematikan kami di atas mahabbahmu. Semoga Allah membangkitkan kami dalam kumpulanmu. Semoga Allah menjadikan kami beramal mencontohimu.*

اللَّهُمَّ لَا تُـخَيِّب سَعيَنَا فِي زِيَارَتِهِ يَا أَرحَمَ الرَّاحِمِينَ. فَالسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحـمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. الفَاتِحَةُ الشَّرِيفَةُ إِلَى رَوحَانِيَّتِهِ.

*Allahumma janganlah Engkau menghampakan usaha kami menziarahinya, wahai Tuhan yang maha memberi rahmat. Salam ke atasmu [wahai Saiyidina Abu bakar] beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Bacaan Al-fatihah yang mulia buat rohaniahnya". (Al-Fatihah).*

## Salam Kepada Saiyidina Umar رضي الله عنه

Kemudian beralih-lah pula ke sebelah kanan sekadar satu hasta, di situ berhadapanlah penziarah dengan kepala Amirul Mukminin Saiyidina Umar bin Al-Khattab رضي الله عنه, maka ucapkanlah salam kepadanya dengan lafaz:

السَّلَامُ عَلَيكُم أَمِيرَ المُؤمِنِينَ سَيِّدَنَا عُمَرَ بنَ الخَطَّابِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مُظهِرَ الإِسلَامِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مُكَسِّرَ الأَصنَامِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا

مَن استَجَابَ اللهُ فِيهِ دَعوَةَ خَاتَمِ النَّبِيِّينَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مَن أَظهَرَ اللهُ بِهِ الدِّينَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مَن أَعَزَّ اللهُ بِهِ الدِّينَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مَن نَطَقَ بِالصَّوَابِ وَوَافَقَ قَولُهُ مُحكَمَ الكِتَابِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مَن عَاشَ حَمِيدًا وَخَرَجَ مِنَ الدُّنيَا شَهِيدًا.

*"Salam ke atasmu ya Amirul Mukminin Saiyidina Umar Ibnul Khattab. Salam ke atasmu wahai yang mendaulatkan agama Islam. Salam ke atasmu wahai penghancur patung berhala. Salam ke atasmu wahai tuan; padamu Allah telah mengkabul doa penutup para nabi. Salam ke atasmu; denganmu Allah telah menzahirkan agamaNya. Salam ke atasmu; denganmu Allah telah memuliakan agamaNya. Salam ke atasmu wahai tuan yang melafaz kebenaran dan kata-katamu tepat dengan hukum Al-Quran. Salam ke atasmu wahai tuan yang hidup terpuji dan keluar dari dunia sebagai syahid.*


جَزَاكُم اللهُ عَنَّا أَفضَلَ الجَزَاءِ وَرَضِيَ عَمَّنِ استَخْلَفَكُم. فَلَقَد نَظَرَ إِلَى الإِسلَامِ وَالمُسلِمِينَ حَيًّا وَمَيِّتًا فَكَفَلتُم مِثلَهُ الأَيتَامَ وَوَصَلتُمُ الأَرحَامَ وَقَوِيَ بِكُمُ الإِسلَامُ وَكُنتُم لِأَهلِ الإِسلَامِ هَادِيًا مَهدِيًّا. جَمَعتُم شَملَهُم وَأَغنَيتُم فَقْرَهُم وَجَبَرتُم كَسرَهُم.

*Semoga Allah mengurnia balasan kebajikan kepadamu atas segala jasamu pada kami dengan balasan yang paling afdhal, dan semoga Allah meredhai Saiyidina Abu Bakar yang memilihmu menjadi penggantinya. Sesungguhnya hidup mati beliau telah menjaga Islam dan kaum Muslimin lalu engkau pun membela anak yatim sepertinya, engkau menghubung*

*silatur rahim, Islam menjadi kuat denganmu dan engkau menjadi petunjuk yang membimbing ahli Islam. Engkau telah menghimpun mereka dalam kekuatan, engkau kayakan yang fakir dari kalangan mereka dan engkau menampung kelemahan mereka.*

أَنتُمُ الَّذِي قَالَ فِي حَقِّكُم سَيِّدُ البَشَر: اللَّهُمَّ أَعِزَّ الإِسلَامَ بِعُمَر. رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُم وَأَرضَاكُم أَحسَنَ الرِّضَاءِ وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَنزِلَكُم وَمَحَلَّكُم وَمَأوَاكُم. أَمَاتَنَا اللهُ عَلَى مَحَبَّتِكُم. حَشَرَنَا اللهُ فِي زُمرَتِكُم. اِستَعمَلَنَا اللهُ فِي سُنَّتِكُم. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. الفَاتِحَةُ إِلَى رَوحَانِيَّتِهِ.

*Engkaulah yang telah disebut dalam sabda junjungan: "Allahumma muliakanlah Islam dengan Umar". Semoga Allah meredhaimu dan mengurnia restuNya padamu dengan keredhaan yang terbaik, semoga Allah menjadikan syurga sebagai kediamanmu, rumahmu, dan keteduhanmu. Semoga Allah mematikan kami di atas mahabbahmu. Semoga Allah membangkitkan kami dalam kumpulanmu. Semoga Allah menjadikan kami beramal mencontohimu. Salam ke atasmu [wahai Saiyidina Umar] beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Bacaan Al-fatihah buat rohaniahnya". (Al-Fatihah).*





## Salam Kepada Dua Khalifah; Saiyidina Abu Bakar & Saiyidina Umar -radhiyallahu 'anhuma-

Kemudian kembalilah ke sebelah kiri sekadar setengah hasta, di situ penziarah berhadapan dengan kedua kepala sahabat mulia; Saiyidina Abu Bakar dan Saiyidina Umar -radhiyallahu 'anhuma-, maka ucapkanlah salam kepada mereka berdua dengan lafaz:

السَّلَامُ عَلَيكُمَا يَا ضَجِيعَيْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم وَرَفِيقَيْهِ وَوَزِيرَيْهِ وَمُشِيرَيْهِ وَالْمُعَاوِنَينِ لَهُ عَلَى القِيَامِ بِالدِّينِ وَالقَائِمَينَ بَعدَهُ بِمَصَالِحِ المُسلِمِينَ عَلَى الحَقِّ المُبِينِ حَتَّى أَتَاكُمَا اليَقِينُ. جَزَاكُمَا اللهُ تَعَالَى عَنَّا أَفضَلَ الجَزَاءِ. إِنِّي جِئتُكُمَا أَتَوَسَّلُ بِجَنَابِكُمَا إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم لِيَشفَعَ لِي وَيَسأَلَ رَبِّي أَن يَتَقَبَّلَ سَعْيِي وَيُحيِينِيْ عَلَى مِلَّتِهِ وَيُمِيتَنِي عَلَيهَا وَيَحشُرَنِي فِي زُمرَتِهِ.

*"Salam ke atas tuan-tuan wahai dua rakan pembaringan Baginda Rasulullah ﷺ, wahai dua temannya, wahai dua wazirnya, wahai dua ahli musyawarahnya, wahai dua pembantunya dalam menegakkan urusan agama, wahai dua sahabat yang telah menjadi pengganti selepas Baginda dalam mengurus kemaslahatan kaum Muslimin di atas jalan kebenaran yang nyata. Semoga Allah mengurnia balasan kebajikan kepada tuan-tuan berdua atas segala jasa tuan-tuan pada kami dengan balasan yang paling afdhal. Sesungguhnya aku datang kepada tuan-tuan berdua dan bertawassul dengan hadrat tuan-tuan berdua kepada Baginda Rasulullah ﷺ moga Baginda sudi mensyafaatkan daku, dan moga Baginda sudi memohon kepada Tuhanku agar Dia menerima usahaku, dan menghidupkan aku di atas agama NabiNya dan mematikan aku di atas agama Baginda dan membangkitkan aku di dalam kumpulannya…*




Sesudah itu berdoalah si penziarah untuk dirinya, untuk kedua ibu-bapanya, untuk mereka yang berpesan doa padanya dan untuk seluruh kaum Muslimin. Berdoalah untuk hajat dirinya dan berselawatlah ke atas junjungan Nabi ﷺ.


## Hendaklah Mengucap Salam Di Tempat Yang Sepatutnya

Tidak patut bagi penziarah untuk berdiri di sisi kaki Baginda yang mulia lalu mengucap salam kepada para malaikat di situ. Di dalam Masjid Nabawi tidak sayugia baginya mengucap salam kepada Ahlul Baqi', juga tidak kepada Syuhada' Uhud. Hendaklah dia mengucap salam kepada Ahlul Baqi' di perkuburan Baqi' dan mengucap salam kepada Syuhada' Uhud di medan mereka di Jabal Uhud.

Adapun apa yang dilakukan oleh para pemandu ziarah sekarang[7]; mentalkin kepada jemaah bacaan-bacaan salam tadi di dalam Masjid Nabawi maka ini adalah pekerjaan bid'ah, tidak kami dapati mana-mana sejarahwan Madinah yang menulis mengenai ziarah menyebut tentangnya. Demikianlah seperti yang telah dinyatakan oleh As-Syeikh Al-Kurdi dalam kitab **Az-Zukhrun Nafi'**, As-Saiyid Jamalul Lail dalam kitab **Az-Zakhirah**, dan As-Saiyid Al-Barzanji dalam kitab **An-Nuzhah**; kesemua mereka menyatakan bahawa ia adalah perbuatan bid'ah yang tiada asalnya.

## Ziarah Saiyidatina Fatimah ﵂

Kemudian sayugialah baginya menziarahi Saiyidatina Fatimah Az-Zahra' puteri Saiyidina Rasulillah ﷺ. Ucapkanlah salam kepadanya dengan lafaz:





السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا سَيِّدَةَ نِسَاءِ العَالَمِينَ وَبِضعَةَ سَيِّدِ المُرسَلِينَ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ أَيَّتُهَا الدُّرَّةُ الفَاخِرَةُ وَالبِضعَةَ الطَّاهِرَةَ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا سَيِّدَتَنَا فَاطِمَةَ الزَّهرَاءِ يَا بِنتَ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا بِنتَ نَبِيِّ

7 - iaitu di zaman pengarang, sekitar tahun 1300H.

اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا بِنتَ حَبِيبِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا بِنتَ المُصطَفَى. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا خَامِسَةَ أَهلِ الكِسَا وَالمَحبُوبَةِ العُظمَى لِلحَبِيبِ الأَعظَمِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا زَوجَةَ أَمِيرِ المُؤمِنِينَ سَيِّدِنَا عَلِيٍّ المُرتَضَى كَرَّمَ اللهُ وَجهَهُ وَوَجهَكِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا بِنتَ سَيِّدَتِنَا خَدِيجَةَ الكُبرَى. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا أُمَّ سَيِّدِنَا الحَسَنِ وَسَيِّدِنَا الحُسَينِ السَّيِّدَينِ السَّعِيدَينِ الشَّهِيدَينِ الكَوكَبَينِ القَمَرَينِ النَّيِّرَينِ سَيِّدَيْ شَبَابِ أَهلِ الجَنَّةِ فِي الجَنَّةِ وَقُرَّةِ أَعيُنِ أَهلِ السُّنَّةِ وَرَيحَانَتَيْ سَيِّدِ الكَونَينِ أَبِي مُحَمَّد سَيِّدِنَا الحَسَنِ وَأَبِي عَبدِ اللهِ سَيِّدِنَا الحُسَينِ رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنهُمَا وَعَنكُنَّ وَأَرضَاكُنَّ أَحسَنَ الرِّضَى وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَسكَنَكُنَّ وَمَحَلَّكُنَّ. أَمَدَّنَا اللهُ بِمَدَدِكُنَّ. حَشَرَنَا اللهُ فِي زُمرَتِكُنَّ. أَمَاتَنَا اللهُ عَلَى مَحَبَّتِكُنَّ وَسُنَّتِكُنَّ. اِشفَعِي لَنَا إِلَى أَبِيكُنَّ وَهُوَ صَاحِبُ الشَّفَاعَةِ يَشفَعُ لَنَا عِندَ اللهِ يَومَ العَرضِ عَلَى اللهِ وَفِي قَضَاءِ حَوَائِجِنَا وَفِي تَكفِيرِ سَيِّئَاتِنَا وَفِي إِصلَاحِ أَحوَالِنَا وَأَولَادِنَا. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ وَعَلَى أَبِيكُنَّ المُصطَفَى وَبَعلِكُنَّ سَيِّدِنَا عَلِيٍّ المُرتَضَى وَابنَيكُنَّ الحَسَنَينِ وَوَالِدَتِكُنَّ سَيِّدَتِنَا خَدِيجَةَ الكُبرَى وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. الفَاتِحَةُ الشَّرِيفَةُ إِلَى رُوحَانِيَّتِهَا.

*"Salam ke atasmu wahai penghulu wanita seluruh alam. Salam ke atasmu wahai belahan jiwa Saiyidil Mursalin. Salam ke atasmu wahai permata yang gemerlapan dan keturunan suci. Salam ke atasmu wahai Saiyidatina Fatimah Az-Zahra' duhai puteri junjungan kami Rasulullah. Salam ke atasmu*

*wahai puteri Nabiyyullah. Salam ke atasmu wahai puteri Kekasih Allah. Salam ke atasmu wahai puteri Al-Musthafa. Salam ke atasmu wahai sosok kelima Ahlul Kisa' dan kesayangan terbesar dari kekasih teragung. Salam ke atasmu wahai isteri Amirul Mukminin Saiyidina Ali Al-Murtadha moga Allah memuliakan wajahnya dan wajahmu. Salam ke atasmu wahai puteri Saiyidatina Khadijah Al-Kubro. Salam ke atasmu wahai bonda Saiyidina Al-Hasan dan Saiyidina Al-Husein; dua sayyid yang bahagia, yang syahid, umpama bintang dan rembulan yang terang bercahaya, dua penghulu kepada para pemuda ahli syurga, dua kuntum bunga raihan kepada junjungan penghulu dunia dan Akhirat; Abu Muhammad Saiyidina Al-Hasan dan Abu Abdullah Saiyidina Al-Husein, moga Allah meredhai mereka berdua dan meredhaimu jua, dan semoga Allah meredhaimu dengan keredhaan terbaik, dan menjadikan syurga sebagai tempat tinggal dan kediamanmu. Semoga Allah mengurniai kami bantuan rohani darimu. Semoga Allah membangkitkan kami dalam kumpulanmu. Semoga Allah mematikan kami di atas mahabbah dan mencontohi amalanmu. Syafaatkanlah kami di sisi ayahandamu, Bagindalah pemilik syafaat, moga sudi Baginda mensyafaatkan kami di sisi Allah dihari segala amalan dibentangkan kepada Allah, semoga Baginda mensyafaatkan kami dalam menunai segala hajat kami, menebus segala kejahatan kami, memperbaiki segala ahwal kami. Salam ke atasmu, juga ayahandamu Al-Musthafa, suamimu Saiyidina Ali Al-Murtadho, kedua puteramu Saiyidina Hasan dan Saiyidina Husein, bondamu Saiyidatina Khadijah Al-Kubro beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Bacaan Al-Fatihah yang mulia buat rohaniahnya. (Al-Fatihah) ".*



## Kembali Mengadap Baginda ﷺ

Kemudian kembalilah semula ke tempat pertama berhadapan dengan wajah Baginda Nabi ﷺ, lalu ucapkanlah:

إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِي يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيهِ وَسَلِّمُوا تَسلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاتَكَ الَّتِي صَلَّيتَ بِهَا عَلَيهِ وَسَلِّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ سَلَامَكَ الَّذِي سَلَّمتَ عَلَيهِ وَاجزِهِ عَنَّا مَا هُوَ أَهلُهُ.

*"Sesungguhnya Allah dan para malaikatNya (terus) berselawat ke atas Nabi, wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu berselawat ke atas Baginda dan ucapkanlah salam akan sebagai salam yang sempurna". Allahumma kurniakanlah selawat ke atas Saiyidina Muhammad dengan selawat yang Engkau berikan kepadanya, dan kurniakanlah salam ke atas Saiyidina Muhammad dengan salam yang Engkau kurniakan kepadanya, dan anugerahilah Baginda atas jasa-jasanya pada kami dengan balasan yang layak buatnya".*



Kemudian ucapkanlah sebanyak tujuh puluh kali:

صَلَّى اللهُ وَسَلَّمَ عَلَيكُم يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ الله

*"Allah mengucap selawat dan salam ke atasmu ya saiyidi ya Rasulallah".*

Barangsiapa mengerjakan kaifiat selawat ini dia akan diseru oleh satu malaikat: "Allah berselawat ke atasmu wahai si fulan", dengan menyebut namanya dan tiada satu pun hajatmu pada hari itu melainkan kabul. Kaifiat ini diriwayatkan oleh Sidi Ibnu Fudaik,

beliau mengambilnya dari ahli zamannya, demikian seperti yang dinukil dalam kitab **Khulasatul Wafa’** karya Al-Imam As-Samhudi -rahimahullahu Taala-. Boleh juga disebut dengan lafaz:

صَلَّى اللهُ وَسَلَّمَ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا يَا مُحَمَّد

*“Allah mengucap selawat dan salam ke atasmu wahai junjungan kami ya Muhammad”,*

atau boleh juga dengan lafaz:

...يَا نَبِيَّ اللهِ

*“...wahai Nabiyyallah”.*

## Riwayat Arab Desa

Al-Imam Al-‘Utbiy adalah guru kepada Al-Imam As-Syafie -radhiyallahu ‘anhuma-. Dikisahkan riwayat dari beliau:

“Pada satu hari aku sedang duduk di sisi makam junjungan Nabi ﷺ lalu datanglah seorang lelaki Arab dari desa mengucap salam dengan katanya:

السَّلَامُ عَلَيكُم يَا رَسُولَ اللهِ. اللَّهُمَّ إِنَّكَ قُلتَ وَأَنتَ أَصدَقُ القَائِلِينَ: (وَلَو أَنَّهُم إِذ ظَلَمُوا أَنفُسَهُم جَاءُوكَ فَاستَغفَرُوا اللهَ وَاستَغفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا). وَقَد جِئتُكُم مُستَغفِرًا مِن ذَنبِي مُستَشفِعًا بِكُم إِلَى رَبِّي.

*“Salam ke atasmu ya Rasulallah. Allahumma sesungguhnya Engkau telah berfirman dan Engkau adalah yang paling benar kata-kataNya: “Dan kalaulah mereka ketika menganiaya*

*diri mereka sendiri datang kepadamu (Wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah maha menerima taubat, lagi Maha Mengasihani." Inilah hamba datang kepadamu ya Rasulallah memohon ampunan terhadap dosaku dan meminta syafaatmu kepada Tuhanku".*

Kemudian si Arab desa berkata pula:

يَا خَيرَ مَن دُفِنَت فِي التُّربِ أَعظُمُهُ ❋ فَطَابَ مِن طِيبِهِنَّ القَاعُ وَالأَكَمُ

نَفسِي الفِدَاءُ لِقَبرٍ أَنتَ سَاكِنُهُ ❋ فِيهِ العَفَافُ وَفِيهِ الجُودُ وَالكَرَمُ

*Duhai junjungan termulia yang bersemadi di bumi akan tubuhnya*
*lalu semerbaklah keharuman lembah dan bukit kerananya*
*jiwaku jadi tebusan kepada kubur yang engkau menghuninya*
*padanya ada peribadi suci, yang pemurah lagi mulia*

Dalam satu versi lain syair ini diriwayatkan lebih panjang, iaitu :

يَا خَيرَ مَن دُفِنَت فِي القَاعِ أَعظُمُهُ ❋ فَطَابَ مِن طِيبِهِنَّ القَاعُ وَالأَكَمُ

أَنتَ النَّبِيُّ الَّذِي تُرجَى شَفَاعَتُهُ ❋ عِندَ الصِّرَاطِ إِذَا مَا زَلَّتِ القَدَمُ

أَنتَ البَشِيرُ النَّذِيرُ المُستَضَاءُ بِهِ ❋ وَشَافِعُ الخَلقِ إِذ يَغشَاهُمُ النَّدَمُ

تَخُصُّهُم بِنَعِيمٍ لَا نَفَادَ لَهُ ❋ وَالحُورُ فِي جَنَّةِ المَأوَى لَهُم خَدَمُ

تُعطِي الوَسِيلَةَ يَومَ العَرضِ مُغتَبِطًا ❋ عِندَ المُهَيمِنِ إِذ مَا تُحشَرُ الأُمَمُ

وَالحَوضُ قَد خَصَّكَ المَولَى الكَرِيمُ بِهِ ❋ يَومًا عَلَيهِ جَمِيعُ الخَلقِ تَزدَحِمُ

تَسقِي لِمَن شِئتَ يَا خَيرَ الأَنَامِ وَكَم ❋ قَومٍ لِعُظمِ الشَّقَا وَالبُعدِ قَد حُرِمُوا

نَفسي الفِدَاءُ لِقَبرٍ أَنتَ سَاكِنُهُ * فِيهِ العَفَافُ وَفِيهِ الجُودُ وَالكَرَمُ


وَصَاحِبَاكَ فَلَا أَنسَاهُمَا أَبَدًا * مِنِّي السَّلَامُ عَلَيكُم مَا جَرَى القَلَمُ

صَلَّى اللهُ عَلَيكَ إِلَهَ العَرشِ مَا طَلَعَت * شَمسٌ وَحَنَّ إِلَيكَ الضَّالُ وَالسَّلَمُ

*Duhai junjungan termulia yang bersemadi di bumi akan tubuhnya*
*lalu semerbaklah keharuman lembah dan bukit kerananya*
*engkaulah Nabi yang diharapkan syafaatnya*
*tika melewati shirat agar tak gelincir kaki darinya*
*engkaulah Nabi pembawa khabar gembira dan duka*
*engkaulah cahaya terangi buana*
*pensyafaat makhluk tika penyesalan datang melanda*
*darimu dikurnia kenikmatan tak terkira kepada mereka*
*berupa bidadari, taman syurgawi dengan segala pelayannya*
*Allah Al-Muhaimin mengurniaimu wasilah dariNya*
*di hari kiamat tika seluruh umat manusia dibangkitkanNya*
*di saat itu Allah mengistimewakanmu beroleh telaga*
*Al-Kautsar yang didatangi oleh seluruh umat manusia*
*engkau pun memberi minum kepada pilihanmu dari hambaNya*
*berapa ramai yang celaka, yang jauh terhalang daripadanya*
*jiwaku jadi tebusan kepada kubur yang engkau menghuninya*
*padanya ada peribadi suci, yang pemurah lagi mulia*
*dan kedua sahabatmu pada mereka takkan ku lupa*
*assalamu alaikum selagi pena masih berkerja*
*Allah berselawat kepadamu Tuhan Arash yang Maha Kuasa*
*selagi mentari masih menjelma*
*dan selagi ranting sidir dan pohon salam*
*masih merinduimu.*


Kemudian si Arab desa berdoa:

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا حَبِيبُكَ وَأَنَا عَبدُكَ وَالشَّيطَانُ عَدُوُّكَ. فَإِن غَفَرتَ لِي سُرَّ



حَبِيبُكَ وَفَازَ عَبدُكَ وَغَضِبَ عَدُوُّكَ. وَإن لَمْ تَغفِرْ لِي حَزِنَ حَبِيبُكَ وَرَضِيَ عَدُوُّكَ وَهَلَكَ عَبدُكَ وَأَنتَ أَكرَمُ مِن أَن تُحزِنَ حَبِيبَكَ وَتُرضِيَ عَدُوَّكَ وَتُهلِكَ عَبدَكَ. اللَّهُمَّ إِنَّ العَرَبَ الكِرَام إِذَا مَاتَ فِيهِم سَيِّدٌ أَعتَقُوا عَلَى قَبرِهِ عَبِيدًا وَإِمَاءً وَإِنَّ هَذَا سَيِّدُ العَالَمِينَ وَأَنتَ أَكرَمُ الأَكرَمِينَ. أَعتِقنِي عَلَى قَبرِهِ مِنَ النَّارِ.

*"Allahumma sesungguhnya ini kekasihMu, aku hambaMu dan syaitan musuhMu. Jika Engkau mengampuniKu gembiralah kekasihMu, berjayalah hambaMu dan masarahlah musuhMu. Jika Engkau tidak mengampuniku sedihlah kekasihMu, sukalah musuhMu dan binasalah hambaMu sedangkan Engkau terlebih mulia dari membuat kekasihMu sedih, menyukakan musuhMu dan membinasa hambaMu. Allahumma sesungguhnya bangsa Arab yang budiman jika penghulu mereka meninggal dunia mereka akan memerdekakan ramai sahaya lelaki dan perempuan di atas kubur si penghulu. Maka ini penghulu seluruh alam sedangkan engkau Tuhan yang Maha Berbudi, lalu di atas kubur Baginda ini bebaskanlah hamba dari neraka".*




Al-Imam Al-'Utbiy berkata: "Sesudah itu aku rasa mengantuk lalu tertidur maka bermimpilah aku bertemu junjungan Nabi ﷺ. Baginda bersabda kepadaku: "Ya 'Utbiy, dapatkanlah si Arab desa itu dan khabarkan berita gembira kepadanya bahawa dia beroleh syafaatku".

## Riwayat Kedua

Kisah tadi telah disebut oleh Al-Imam Al-Azraqi, Al-Imam An-Nawawi dan para ulama lain. Dalam satu riwayat lain yang

bersumber juga dari Imam Al-'Utbiy diceritakan bahawa ada seorang lelaki Arab desa datang ke Madinah menunggang unta. Dia mendaratkan kenderaannya di pintu Masjid Nabawi lalu masuk dan berdiri di makam Baginda Rasulullah ﷺ. Dia lalu berkata:

السَّلَامُ عَلَيكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. السَّلَامُ عَلَيكَ يَا رَسُولَ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكَ يَا مُحَمَّدُ ابْنُ عَبدِ اللهِ. جَزَاكَ اللهُ عَن أُمَّتِكَ أَفضَلَ مَا جَزَى نَبِيًّا عَن أُمَّتِهِ. أَشهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشهَدُ أَنَّكَ رَسُولُ اللهِ. قَد بَلَّغتَ رِسَالَةَ رَبِّكَ وَنَصَحتَ لِأُمَّتِكَ وَعَبَدتَ رَبَّكَ حَتَّى أَتَاكَ اليَقِينُ. فَصَلَّى اللهُ عَلَى رُوحِكَ فِي الأَروَاحِ وَجَسَدِكَ فِي الأَجسَادِ.

*"Salam ke atasmu wahai Nabi beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Salam ke atasmu ya Rasulallah. Salam ke atasmu ya Muhammad Ibnu Abdullah. Semoga Allah mengurnia balasan kebajikan buatmu atas segala jasamu kepada umatmu dengan balasan terbaik yang dikurniakan kepada seorang Nabi yang berjasa ke atas umatnya.*

*Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya. Dan aku bersaksi bahawa engkau adalah Pesuruh Allah. Sesungguhnya engkau telah menyampaikan risalah Tuhanmu, engkau telah menasihati umatmu, engkau telah beribadat kepada Tuhanmu hingga ajal datang menjemputmu. Semoga Allah berselawat ke atas rohmu pada segala roh, dan ke atas jasadmu pada segala jasad".*

Kemudian lelaki itu mengadap Saiyidina Abu Bakar dan Saiyidina Umar -radhiyallahu 'anhuma- lalu berkata:

السَّلَامُ عَلَيكَ يا أبا بكر الصديق. السَّلَامُ عَلَيكَ يا عمر الفاروق. السَّلَامُ عَلَيكُمَا يَا صَاحِبَيْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم فِي حَيَاتِهِ وَضَجِيعَيهِ بَعدَ مَمَاتِهِ. جَزَاكُمَا اللهُ عَن نَبِيِّنَا خَيرًا وَعَنِ الإِسلَامِ.

*"Salam ke atasmu wahai Abu Bakar. Salam ke atasmu wahai Umar Al-Faruq. Salam ke atas tuan-tuan wahai dua sahabat Rasulullah ﷺ waktu hayat Baginda dan dua teman pembaringan Baginda selepas wafatnya. Semoga Allah mengurnia balasan kebajian buat tuan-tuan berdua atas kebaikan tuan-tuan kepada Nabi kita dan agama Islam".*

Sesudah itu si Arab desa kembali mengadap Baginda Rasulullah ﷺ seraya berkata:

بِأَبِي أَنتَ وَأُمِّي يَا رَسُولَ اللهِ جِئتُكَ مُثقلًا بِالذُّنُوبِ وَالخَطَايَا. أَستَشْفِعُكَ إِلَى رَبِّي فَيُشَفِّعُكَ فِيَّ فَإِنَّ اللهَ تَعَالَى يَقُولُ فِي كِتَابِهِ الكَرِيمِ وَقَولُهُ الحَقُّ:

*"Aku menebusmu dengan kedua ayah ibuku ya Rasulallah. Kini ku mendatangimu membawa diri yang menanggung beban dosa dan kesalahan. Aku bermohon syafaatmu kepada Tuhanku agar Dia menjadikan Engkau pensyafaatku, kerana sesungguhnya Allah yang maha Benar firmanNya menyatakan dalam Al-Quranul Karim:*

وَلَو أَنَّهُم إِذ ظَلَمُوا أَنفُسَهُم جَاءُوكَ فَاستَغفَرُوا اللهَ وَاستَغفَرَ لَهُمُ

الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا.


*"Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (Wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah maha menerima taubat, lagi Maha Mengasihani."*

وَأَنَا قَد ظَلَمتُ نَفسِي وَجِئتُكَ أَستَشفِعُ بِكَ إِلَى رَبِّي وَأَستَغفِرُ اللهَ وَأَتُوبُ إِلَيهِ.

*Inilah aku yang telah menzalimi diri sendiri lalu mendatangimu ya Rasulallah, memohon syafaatmu kepada Tuhanku, aku istighfar kepada Allah dan bertaubat kepadaNya".*

Dia lalu mengadap kiblat dan mengangkat dua tangannya seraya membaca ayat tadi dan berdoa:

إِلَهِي جِئتُ مُحَمَّدًا صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم وَمُحَمَّدٌ قَد مَاتَ، وَإِن كَانَ قَد مَاتَ فَأَنتَ حَيٌّ لَا تَـمُوتُ. أَتَوَسَّلُ إِلَيكَ بِصَاحِبِ هَذَا القَبرِ، اَللَّهُمَّ شَفِّعهُ فِيَّ. إِلَهِي إِذَا مَاتَ لَنَا مَيِّتٌ وَلَهُ عِندَنَا إِجلَالٌ وَحُرمَةٌ أَعتَقنَا عِندَ قَبرِهِ عَبِيدًا وَإِمَاءً وَأَنتَ قَد أَخبَرتَنَا بِإِجلَالِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبدِكَ وَرَسُولِكَ عِندَكَ فَأَسأَلُكَ بِحُرمَتِهِ أَن تَعتِقَ عَبدَكَ الخَاطِئَ عَلَى رَأسِ قَبرِهِ إِجلَالًا.




*"Ya Ilahi, aku mendatangi Saiyidina Muhammad ﷺ dan Baginda telah wafat, walau Baginda sudah tiada namun Engkau Maha Hidup dan tidak mati. Aku merayu kepadaMu dengan bertawassul kepada empunya makam ini. Allahumma*

*jadikanlah Baginda mensyafaatkanku. Ya Ilahi, kami di desa jika orang yang kami besarkan dan hormati meninggal dunia maka kami akan memerdekakan di atas kuburnya ramai sahaya lelaki dan perempuan. Sesungguhnya Engkau pula telah mengkhabarkan kami untuk membesarkan junjungan kami Saiyidina Muhammad abdi dan rasulMu di sisiMu. Maka di kepala makam Baginda ini aku bermohon kepadaMu dengan kehormatan Baginda Engkau merdekakanlah aku hambaMu yang bersalah sebagai membesarkan Baginda".*

Seusai doa ini si Arab desa beredar seraya berkata:

يَا خَـيرَ مَن دُفِنَت فِي القَاعِ أَعظُمُهُ * فَطَابَ مِن طِيبِهِنَّ القَاعُ وَالأَكَمُ

نَفسِـي الفِدَاءُ لِقَبـرٍ أَنتَ سَـــاكِنُهُ * فِيهِ العَفَافُ وَفِـيهِ الجُودُ وَالكَرَمُ

*Duhai junjungan termulia yang bersemadi di bumi akan tubuhnya*
*lalu semerbaklah keharuman lembah dan bukit kerananya*
*jiwaku jadi tebusan kepada kubur yang engkau menghuninya*
*padanya ada peribadi suci, yang pemurah lagi mulia*



Al-Imam Al-'Utbiy berkata: "Sesudah itu aku diserang ngantuk lalu terlelap seketika, maka bermimpilah aku bertemu Saiyidina Rasulullah ﷺ. Baginda bersabda kepadaku: "Wahai 'Utbiy, dapatkanlah si Arab desa itu dan khabarkan padanya bahawa Allah 'azza wajalla telah mengampuninya dengan rahmatNya".

## Sambungan Doa Penziarah

Barangkali lelaki Arab desa dalam riwayat kedua bukan orang yang sama dengan yang sebelumnya, maka sayugia bagi penziarah

membaca kedua-dua doa mereka waktu ziarah. Kemudian sambunglah dengan doa berikut:

قَد ظَلَمتُ نَفسي ظُلمًا كَثِيرًا وَأَتَيتُ بِجَهلِي وَغَفلَتِي أَمرًا كَبِيرًا. وَقَد وَفَدتُ عَلَيكُم زَائِرًا وَبِكُم مُستَجِيرًا وَجِئتُكُم مُستَغفِرًا مِن ذَنبِي سَائِلًا مِنكُم أَن تَشفَعُوا لِي إِلَى رَبِّي وَأَنتُم شَفِيعُ المُذنِبِينَ المَقبُولُ الوَجِيهُ عِندَ رَبِّ العَالَمِينَ.

*"Sesungguhnya aku telah terlalu banyak menzalimi diriku sendiri, kejahilan dan kealpaanku amat besar. Sekarang aku tiba kepadamu berziarah dan memohon lindunganmu, aku datang padamu meminta ampun dari dosaku, memohon padamu Tuan agar sudilah mensyafaatkanku kepada Tuhan. Engkaulah pensyafaat para hamba berdosa yang makbul lagi empunya kedudukan di sisi Robbul 'Alamin.*

وَهَا أَنَا مُعتَرِفٌ بِخَطَايَا مُقِرٌّ بِذَنبِي مُتَوَسِّلٌ بِكُم إِلَى اللهِ مُستَشفِعٌ بِكُم إِلَيهِ وَأَسأَلُ اللهَ البَرَّ الرَّحِيمَ بِكُم أَن يَغفِرَ لِي وَيُمِيتَنِي عَلَى سُنَّتِكُم وَمَحَبَّتِكُم وَيَحشُرَنِي فِي زُمرَتِكُم وَيُورِدَنِي وَأَحِبَّائِي حَوضَكُم غَيرَ خَزَايَا وَلَا نَادِمِينَ فَاشْفَعُوا لِي يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ رَبِّ العَالَمِينَ وَشَفِيعَ المُذنِبِينَ.

*Inilah hamba yang mengaku segala kesalahan dan dosa, bertawassul denganmu kepada Allah, meminta syafaatmu kepadaNya. Lagi hamba bermohon kepada Allah yang Maha Berbudi lagi Maha Penyayang; moga dengan keberkatanmu Dia mengampuniku, dan mematikan aku di atas sunnah dan mahabbahmu, dan membangkitkanku dalam golonganmu,*



*dan menyampaikan aku bersama para kekasihku kepada telaga Kausar-mu dengan tidak terhina dan menyesal. Maka syafaatkanlah hamba ya saiyidi wahai Rasul Tuhan alam semesta lagi pensyafaat kepada hamba berdosa.*

فَهَا أَنَا فِي حَضرَتِكُم وَجَوارِكُم وَنَزِيلَ بَابِكُم وَعَلَّقتُ بِكَرَمِ رَبِّي الرَّجَاءَ لَعَلَّهُ يَرحَمُ عَبدَهُ وَإِن أَسَاءَ وَيَعفُو عَمَّا جَنَا وَيَعصِمُهُ مِمَّا بَقِيَ فِي الدُّنيَا بِبَـرَكَتِكُم وَشَفَاعَتِكُم يَا خَاتَمَ النَّبِيِّينَ وَشَفِيعَ المُذنِبِينَ.

*Inilah hamba sekarang sudah berada di hadratmu, di dalam lindungan dan telah mendarat di pintumu. Ku gantungkan harapan pada limpahan kurnia Ilahi moga Dia sudi mengasihani hambaNya ini walaupun jahat, moga Dia sudi memaafkan keterlanjuranku dan menjagaku pada yang masih baik dari hidupku di dunia dengan keberkatan dan syafaatmu wahai penutup para nabi, wahai pensyafaat hamba berdosa.*

اللَّهُمَّ إِنِّي أُشهِدُكَ وَأُشهِدُ رَسُولَكَ وَأَبَا بَكرٍ وَعُمَرَ وَأُشهِدُ المَلَائِكَةَ النَّازِلِينَ عَلَى هَذِهِ الرَّوضَةِ الشَّرِيفَةِ العَاكِفِينَ عَلَيهَا وَالحَافِلِينَ بِهَذِهِ الحُجرَةِ المُعَطَّرَةِ بِأَنِّي أَشهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا أَنتَ وَحدَكَ لَا شَرِيكَ لَكَ، وَأَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبدُكَ وَرَسُولُكَ وَأَشهَدُ أَنَّ مَا جَاءَ بِهِ مِن أَمرٍ وَنَهيٍ وَخَبَرٍ مِمَّا كَانَ مِنَ الأُمُورِ المَاضِيَةِ وَيَكُونُ مِنَ الأَحوَالِ الآتِيَةِ فَهُوَ حَقٌّ ثَابِتٌ وَصِدقٌ لَا كَذِبَ فِيهِ وَلَا امْتِرَاءَ، وَإِنِّي مُقِرٌّ بِجِنَايَتِي وَمَعصِيَتِي فَاغْفِر لِي وَامْنُن عَلَيَّ بِالَّذِي مَنَنتَ بِهِ عَلَى أَولِيَائِكَ فَإِنَّكَ المَنَّانُ الغَفُورُ الرَّحِيمُ. وَصَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيكُم يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ اللهِ وَعَلَى آلِكُم وَصَحبِكُم

أَجْمَعِينَ وَالحَمدُ للهِ رَبِّ العَالَمِينَ.

*Allahumma sesungguhnya aku bersaksi kepadaMu, Aku bersaksi kepada RasulMu, aku bersaksi kepada Saiyidina Abu Bakar dan Saiyidina Umar, aku bersaksi kepada para malaikat yang turun ke taman nan mulia ini, lagi berdiri di sini dan memeriahkan kamar yang semerbak keharumannya ini; bahawa aku naik saksi tiada Tuhan melainkan Engkau ya Allah, Maha Esa dan tiada sekutu bagiMu, aku bersaksi bahawa Saiyidina Muhammad itu abdi dan RasulMu, aku bersaksi bahawa segala ajaran yang dibawa oleh Baginda dari perintah dan larangan, perkhabaran segala yang telah berlalu dan ehwal yang akan datang kesemuanya adalah benar lagi sabit dan jujur, tidak dusta dan tiada reka-rekaan padanya. Dan sesungguhnya aku mengakui kejahatan dan maksiat yang telah aku lakukan, maka ampunilah aku dengan kurnia yang Engkau anugerahi kepada para awliya'Mu. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan yang Maha Memberi, Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Moga Allah berselawat ke atasmu ya saiyidi ya Rasulallah, dan ke atas ahli keluarga dan para sahabatmu sekalian, walhamdu lillahi robbil 'alamin".*



## Ingatan Untuk Tidak Membelakangi Makam Junjungan Mulia ﷺ

Sesudah selesai doa tadi maka berpindahlah dari kedudukanmu ke tempat lain dalam Masjid Nabawi lalu mengadaplah arah kiblat, tapi jangan dirimu membelakangi makam Baginda ﷺ. Begitu juga tidak harus kamu membelakangi makam Baginda ﷺ waktu mengerjakan solat sebagai menjaga adab, melainkan jika keadaan terdesak atau ketika jemaah penuh sesak di musim kedatangan penziarah yang begitu ramai.

Sekarang dengan mengadap kiblat maka berdoalah dengan doa ini:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسأَلُكَ بِأَنَّكَ أَنتَ اللهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنتَ الأَحَدُ الصَّمَدُ الَّذِي لَم يَلِد وَلَم يُولَد وَلَم يَكُن لَّهُ كُفُوًا أَحَد، يَا ذَا الجَلَالِ وَالإِكرَام يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ يَا أَرحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ أَنتَ أَحَقُّ مَن ذُكِرَ وَأَحَقُّ مَن عُبِدَ وَأَنصَرُ مَنِ ابتُغِي وَأَرأَفُ مَن مَلَكَ وَأَجوَدُ مَن سُئِلَ وَأَوسَعُ مَن أَعطَى.

*"Allahumma sesungguhnya aku bermohon padaMu; bahawa Engkau-lah Allah tiada Tuhan selainMu, Engkau Maha Esa, tempat bergantung, tidak beranak dan tidak diperanakkan dan tiada suatu apa pun yang setara denganNya, wahai Tuhan yang maha memiliki kekuasaan dan kemuliaan, wahai yang Maha Hidup dan Maha Kekal, wahai Tuhan yang maha merahmati. Allahumma Engkau-lah yang maha berhak diingati, Engkau yang maha berhak disembah, Engkau-lah yang maha menolong hamba yang berharap kepadaMu, Engkau-lah Raja yang Maha Santun, Engkau jika diminta padaMu Maha Budiman dan Engkau-lah yang Maha Luas pada pemberian.*



اللَّهُمَّ إِنِّي أَسأَلُكَ وَأَتَوَجَّهُ إِلَيكَ بِنَبِيِّكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحمَةِ أَن تَتُوبَ عَلَيَّ تَوبَةً نَصُوحًا لَا أَنقُضُ عُقدَهَا أَبَدًا وَأَن تَتَقَبَّلَ إِنَابَتِي وَتَستَجِيبَ دُعَائِي وَتُحَقِّقَ رَجَائِي وَتُجزِلَ كَرَامَتِي بِرِضَاكَ عَنِّي وَرِضَا نَبِيِّكَ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم فِي حَيَاتِي وَبَعدَ مَمَاتِي. يَا سَيِّدَنَا يَا مُحَمَّد

إِنِّي أَتَوَجَّهُ بِكُم إِلَى رَبِّي لِيُنِيلَنِي مَقصَدِي هَذَا وَبُغيَتِي.(اللَّهُمَّ شَفِّعهُ فِيَّ بِجَاهِهِ عِندَكَ ٣×) يَا رَبَّ العَالَمِينَ.


*Allahumma sesungguhnya aku bermohon dan bertawajjuh kepadaMu dengan NabiMu Saiyidina Muhammad; Nabi pembawa rahmat, agar Engkau mengurnia taubat nasuha padaku, taubat yang takkan ku cabuli janjinya selama-lama, terimalah kembali rujuknya aku padaMu, mustajabkanlah doaku, tunaikanlah pengharapanku, limpahkanlah kemuliaan bagiku dengan Engkau meredhaiku dan Nabi ﷺ turut meredhaiku waktu hidup dan selepas mati. Ya Saiyidana ya Muhammad sesungguhnya aku bertawajjuh denganmu kepada Tuhanku semoga Dia sudi menganugerahi maksud dan permintaanku. (Allahumma jadikanlah Baginda mensyafaatkanku dengan berkat tuahnya di sisimu 3X) ya robbal 'alamin.*

اللَّهُمَّ لَا تَدَع لَنَا فِي مَقَامِنَا هَذَا الشَّرِيفِ بَينَ يَدَي سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم ذَنبًا إِلَّا غَفرَتَهُ وَلَا هَمًّا يَا اَللهُ إِلَّا فَرَّجتَهُ وَلَا عَيبًا إِلَّا سَتَرتَهُ وَلَا مَرِيضًا إِلَّا شَفَيتَهُ وَعَافَيتَهُ وَلَا غَائِبًا يَا اَللهُ إِلَّا رَدَدتَهُ وَلَا عَدُوًّا إِلَّا خَذَلتَهُ وَدَمَّرتَهُ وَلَا فَقِيرًا يَا اَللهُ إِلَّا أَغنَيتَهُ وَلَا سُلطَانًا مُجَاهِدًا إِلَّا نَصَرتَهُ وَأَعَنتَهُ وَلَا حَاجَةً مِن حَوَائِجِ الدُّنيَا وَالآخِرَةِ لَكَ فِيهَا رِضًى وَلَنَا فِيهَا صَلَاحٌ إِلَّا قَضَيتَهَا وَيَسَّرتَهَا.

*Allahumma di kedudukan mulia ini; di penghadapan Saiyidina Rasulullah ﷺ, janganlah Engkau membiarkan kami begitu saja; lalu di penghadapan mulia ini janganlah kami berdosa melainkan Engkau ampunkan, janganlah ada dukacita kami ya Allah melainkan Engkau lepaskan, janganlah ada keaiban kami melainkan Engkau tutupkan, janganlah ada sakit kami melainkan Engkau sembuhkan dan afiatkan, janganlah ada yang hilang dari kami ya Allah melainkan Engkau kembalikan, janganlah ada musuh kami melainkan Engkau kecewakan dan musnahkan, janganlah ada fakir kami ya Allah melainkan Engkau kayakan, janganlah ada pemimpin kami yang berjihad melainkan Engkau menangkan dia dan Engkau tolongi dia, janganlah ada hajat kami baik duniawi maupun ukhrawi yang Engkau redhai dan ia baik bagi kami melainkan Engkau tunaikan dan mudahkan.*

اللَّهُمَّ بِفَضلِكَ وَجُودِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحسَانِكَ أَقضِ حَوَائِجَنَا وَيَسِّر أُمُورَنَا وَاشرَح صُدُورَنَا وَتَقَبَّل زِيَارَتَنَا وَآمِن خَوفَنَا وَاستُر عُيُوبَنَا وَاغفِر ذُنُوبَنَا وَاكشِف كُرُوبَنَا وَاختِم بِالصَّالِحَاتِ أَعمَالَنَا وَرُدَّ غُربَتَنَا إِلَى أَهلِنَا وَأَولَادِنَا سَالِمِينَ غَانِمِينَ مَستُورِينَ مَجبُورِينَ مِن عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ مِنَ الَّذِينَ لَا خَوفٌ عَلَيهِم وَلَا هُم يَحزَنُونَ بِرَحمَتِكَ يَا أَرحَمَ الرَّاحِمِينَ يَا رَبَّ العَالَمِينَ.

*Allahumma dengan kemurahan budi, pemberian dan ihsan dariMu tunaikanlah segala hajat kami, mudahkan segala urusan kami, lapangkan dada kami, makbulkanlah ziarah kami, amankan ketakutan kami, tutuplah keaiban kami, singkapkan segala kesusahan dari kami, jadikanlah penutup*



*amalan kami segala kebaikan, kembalikanlah kami dari perantauan ini kepada ahli keluarga dan anak-anak kami dengan keselamatan dan beroleh keberuntungan, ditampung segala kekurangan dan kelemahan, kembali sebagai hamba-hambaMu yang solihin, iaitu mereka yang tiada takut dan sedih di dunia Akhirat, dengan rahmatMu ya arhamar rohimin ya robbal 'alamin.*

Kemudian berdoalah memohon segala apa hajat dirinya, pohonkanlah jua istighfar kepada dua ibu bapa, para saudara dan seluruh kaum muslimin serta mendoakan kebaikan untuk mereka semua.

## Berdoa Di Sisi Mimbar

Kemudian pergilah ke mimbar di Raudhah yang suci, berdoalah di situ sambil mengadap kiblat. Adapun amalan berdoa di sisi mimbar Nabawi ini adalah pekerjaan para salafus soleh, maka tidak sayugia ia ditinggalkan kerana alasan kaum Syiah turut mengerjakannya. Ada kaul menyebut bahawa doa di tempat ini mustajab, Allahumma taufikkan kami untuk mengerjakan apa yang Engkau cinta dan redha, amin. Bacalah doa ini:

اللَّهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الحَمدُ مِلءَ السَّمَوَاتِ وَالأَرضِ وَمِلءَ مَا بَينَهُمَا وَمِلءَ
مَا شِئتَ بَعدُ أَهلُ الثَّنَاءِ وَالكِبرِيَاءِ وَالمَجدِ لَا مَانعَ لِـمَا أَعطَيتَ وَلَا يَنفَعُ
ذَا الجَدِّ مِنكَ الجَدُّ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسأَلُكَ خَيرَ المَسأَلَةِ وَخَيرَ الدُّعَاءِ وَخَيرَ
النَّجَاحِ وَخَيرَ العَمَلِ وَخَيرَ الثَّوَابِ وَخَيرَ الحَيَاةِ وَخَيرَ المَمَاتِ وَثَبِّتنِي
وَثَقِّل مَوَازِينِي وَحَقِّق إِيمَانِي وَارْفَع دَرَجَتِي وَتَقَبَّل صَلَاتِي وَاغفِر

خَطِيئَتِي وَأَسأَلُكَ الدَّرَجَاتِ العُلَا مِنَ الجَنَّةِ آمِين.

*"Allahumma Robbana bagiMu segala pujian sepenuh petala langit dan bumi, sepenuh antara keduanya dan sepenuh apa yang Engkau kehendaki sesudahnya. Allahumma Engkaulah yang maha layak dipuji, Maha Besar Engkau dan Maha Gemilang, tiada yang dapat menghalang apabila Engkau memberi dan tiada gunanya kesungguhan makhluk disbanding kesungguhanMu. Allahumma sesungguhnya aku meminta padaMu permohonan terbaik, doa terbaik, kejayaan terbaik, amalan terbaik, ganjaran terbaik, kehidupan terbaik dan kematian terbaik. Tetapkanlah aku, beratkanlah timbangan kebaikanku, tahqiqkan imanku, tinggikan darjatku, terimalah solatku, ampunilah kesalahanku dan aku bermohon padaMu darjat-darjat tertinggi di syurga, amin.*

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسأَلُكَ فَوَاتِحَ الخَيرِ وَخَوَاتِمَهُ وَأَوَّلَهُ وَآخِرَهُ وَظَاهِرَهُ وَبَاطِنَهُ وَأَسأَلُكَ الدَّرَجَاتِ العُلَى مِنَ الجَنَّةِ آمِين. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسأَلُكَ خَيرَ مَا آتِي وَخَيرَ مَا أَفعَلُ وَخَيرَ مَا أَعمَلُ وَخَيرَ مَا بَطَنَ وَخَيرَ مَا ظَهَرَ وَأَسأَلُكَ الدَّرَجَاتِ العُلَا مِنَ الجَنَّةِ آمِين.

*Allahumma sesungguhnya aku bermohon padaMu segala pembuka kebaikan dan segala penutupnya, awalnya dan akhirnya, zahirnya dan batinnya, dan aku bermohon padaMu darjat-darjat tertinggi di syurga, amin.*

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسأَلُكَ أَن تُبَارِكَ لِي فِي سَمعِي وَفِي بَصَرِي وَفِي رُوحِي وَفِي خَلقِي وَفِي خُلُقِي وَفِي أَهلِي وَفِي مَحيَايَ وَفِي مَمَاتِي وَفِي عَمَلِي وَتَقَبَّل

حَسَنَاتِي وَأَسأَلُكَ الدَّرَجَاتِ العُلَى مِنَ الجَنَّةِ آمِين. وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الأُمِّي وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَأَزوَاجِهِ وَأَهلِ بَيتِهِ أَجمَعِينَ. وَالحَمدُ لله رَبِّ العَالَمِينَ.

*Allahumma sesungguhnya aku bermohon agar Engkau memberkatiku pada pendengaranku, pada pengelihatanku, pada rohaniku, pada kejadianku, pada akhlakku, pada keluargaku, pada kehidupanku, pada kematianku dan pada amalanku. Terimalah segala kebaikanku dan aku bermohon padaMu darjat-darjat tertinggi di syurga, amin. Moga Allah berselawat ke atas Saiyidina wa Maulana Muhammad; Nabi yang ummiy, serta keluarganya, para sahabatnya, isteri-isterinya dan Ahlul Bait-nya sekalian, walhamdu lillahi robbil 'alamin".*

## Solat Di Usthuwanah Al-Hannanah

Dan sayugialah bagi penziarah untuk solat di Usthuwanah (tiang) Al-Hannanah kerana di situ tempat tunggul pohon tamar yang menangisi junjungan Nabi ﷺ apabila Baginda sudah tidak lagi menggunakannya sebagai tempat khutbah dan beralih kepada mimbar, Baginda turun lalu mendapatkan tunggul itu dan memeluknya. Hadis mengenai kisah ini dikenali sebagai Hadis Hanin Al-Jaz' diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari -rahimahullahu Taala- dalam Sahih-nya.

Ada kaul yang menyebut bahawa hadis ini bertaraf *mutawatir* dan ia sebahagian dari jumlah mukjizat yang terbesar. Satu lagi kaul menyebut bahawa tunggul kayu itu telah ditanam di lokasi tiang ini selepas ia diberi pilihan oleh Baginda ﷺ apakah ia mahu dikembalikan ke kebunnya lalu tumbuh semula dan berbuah, atau Baginda menanamnya di syurga lalu buahnya dimakan oleh

para awliya' Allah Taala. Maka si tunggul telah memilih yang kekal menolak yang fana' dan di situlah ia ditanam.

Renungilah wahai hamba Allah dan ambillah pengajaran dari kisah ini, betapa benda keras tak bernyawa rindu kepada Baginda ﷺ dan memilih yang kekal menolak yang fana'. Pendapat lain menyebut bahawa nama bagi tiang ini adalah Al-Mukhallaqoh (yang diharumi wangian) kerana para sahabat suka mewangikan tiang ini dengan minyak athar. Inilah nama yang tertulis pada tiang ini sekarang dan lokasinya di kiblat *musholla* Nabi ﷺ.

## Bertaubat Di Usthuwanah Abi Lubabah

Kemudian datangilah Usthuwanah Abi Lubabah yang dikenali juga dengan Usthuwanah At-Taubah. Solatlah di situ dan bertaubatlah kepada Allah serta berdoa meminta hajatmu dalam keadaan sujud. Banyakkanlah tasbih dan puji-pujian kepada Allah Taala beserta istighfar.

## Solat Di Usthuwanah Saiyidah Aisyah رضي الله عنها



Kemudian datangilah pula Usthuwanah As-Saiyidah Aisyah رضي الله عنها. Diriwayatkan bahawa Baginda junjungan ﷺ telah solat di situ selama beberapa belas hari selepas peristiwa peralihan kiblat, kemudian barulah Baginda beranjak ke *musholla*nya seperti yang ada sekarang. Begitu juga ramai kalangan sahabat-sahabat besar yang suka bersolat di tiang ini. Imam At-Thabrani meriwayatkan dalam **Mu'jam Al-Ausath** sabda Rasulullah ﷺ:

إِنَّ فِي مَسجِدِي هَذَا لَبُقعَةٌ لَو يَعلَمُ النَّاسُ مَا صَلُّوا فِيهَا إِلَّا أَن تَطِيرَ لَهُم قُرعَةٌ.

*"Sesungguhnya di masjidku ini ada satu tempat, kalaulah*

*manusia tahu ganjaran bersolat di situ nescaya akan lobalah mereka untuk solat di situ hingga mencabut undi".*

Ada satu kaul menyebut bahawa tempat itu ialah di lokasi Al-Labbah (tempat gantungan) di Masjid Nabawi. Dalam satu riwayat Saiyidatina Aisyah -radhiyallahu 'anha- telah memperkatakan tentang tiang ini dan menerangkan keistimewaannya, maka sebab inilah ia dinisbahkan kepada beliau dan nama Saiyidatina Aisyah tertulis padanya. Sesungguhnya Baginda Rasulullah ﷺ banyak bersolat di situ dan dikatakan bahawa berdoa di belakang tiang ini adalah mustajab.

Maka rebutlah peluang -hai saudaraku- bersolat di tiang ini dan pohonlah apa-apa hajatmu dari kebaikan dunia dan Akhirat, mudah-mudahan segala permintaanmu tercapai Insya Allahu Taala.


## Tempat Solat Baginda ﷺ Ke Arah Baitul Maqdis Di Masjid Nabawi

Dan ketahuilah bahawa jika engkau menjadikan Usthuwanah As-Saiyidah Aisyah ini di belakangmu lalu engkau melangkah ke arah Syam (utara Masjid Nabawi) hingga sampai bertentangan dengan Bab (pintu) Jibril عليه السلام [pada sebelah kanan punggungmu][8] maka di situlah musholla junjungan Nabi ﷺ mengadap ke Baitul Maqdis sebelum pertukaran kiblat.

## Kaifiat Solat Di Sisi Usthuwanah

Apabila mahu mengerjakan solat di tiang-tiang bersejarah Masjid Nabawi atau di tiang-tiangnya yang lain maka sayugialah engkau menjadikan kedudukanmu berdiri di sebelah kanan tiang itu atau kirinya jika engkau solat bersendirian.

8 - seperti yang dijelaskan oleh Al-Ustaz Ali Hafidz dalam bukunya "Beberapa Bagian Dari Sejarah Madinah" ms 41.




## Usthuwanah As-Sarir

Kemudian pergilah ke Usthuwanah As-Sarir. Adapun tiang ini bercantum dengan pagar Hujrah Nabawi yang diharumkan. Diriwayatkan dalam hadis bahawa Baginda ﷺ telah mengerjakan solat di sini, Baginda juga telah bersandar di tiang ini dengan mengadap kiblat dan tidak membelakanginya. Di tiang ini juga tempat Baginda ﷺ mengerjakan iktikaf di sepuluh malam akhir Ramadhan, di situ juga diletakkan *sarir* (tempat tidur Baginda) yang mulia, maka inilah sebab tiang ini dinamakan As-Sarir dan tertulis padanya demikian.

Orang yang berdiri di sisi tiang ini bererti kedudukannya dekat dengan kepala junjungan Nabi kita yang mulia ﷺ. Maka dari situ sekaligus dia dapat berziarah kepada Baginda ﷺ dan dua sahabatnya yang mulia, kemudian mengadap kiblat lalu berdoa memohon apa-apa hajatnya, atau memohon doa-doa yang telah kami sebutkan sebelum ini. Kerjakanlah solat di tempat ini lalu berdoalah lagi memohon kebaikan dunia dan Akhirat.

## Ziarah Dari Arah Bertentangan Dan Usthuwanah Saiyidina Ali رضي الله عنه




Dapat juga dilakukan pada waktu-waktu lain berziarah dari arah bertentangan dengan mengadap kepada kaki Baginda yang mulia, kemudian datangilah Usthuwanah Saiyidina Ali -karramallahu wajhahu- yang juga dinamakan sebagai Usthuwanah Al-Haras (pengawal), dan di sinilah Saiyidina Ali -karramallahu wajhahu- selalu solat dan duduk. Lokasi usthuwanah ini di belakang Usthuwanah At-Taubah dari sebelah utara dan inilah lokasi yang *tahqiq* baginya, ia bukan tiang yang bercantum dengan Bab Al-Wufud[9].

9 - Bab Al-Wufud bukan salah sebuah pintu masuk ke Masjid Nabawi, sebaliknya ia merupakan salah sebuah pintu kamar Baginda Nabi ﷺ dan darinyalah Baginda keluar ke Raudhah (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwrah ms 87).

Adapun Bab Al-Wufud (pintu perutusan) asalnya merupakan *khaukhah* (lubang cahaya), di situlah pintu keluar Baginda dari kamarnya yang mulia untuk masuk ke Raudhah yang suci. Nama yang tertulis di tiang yang bercantum dengan Bab Al-Wufud ini adalah suatu kesilapan yang tidak disengajakan, demikianlah aku dikhabarkan oleh guruku Al-Marhum Al-Allamah As-Saiyid Muhammad Ali Zohir Al-Watri.


## Usthuwanah Al-Wufud

Kemudian pergilah pula ke Usthuwanah Al-Wufud[10] yang terletak di belakang Usthuwanah Saiyidina Ali -karramallahu wajhahu-. Boleh jadi asal nama Al-Wufud itu kerana Baginda Rasulullah ﷺ duduk di tiang ini untuk bertemu dengan para perutusan yang datang dan menunaikan maksud mereka.

Baginda Rasulullah ﷺ dan para bangsawan di kalangan sahabat juga selalu duduk di tiang ini. Maka demikianlah juga nama [Al-Wufud] yang tertulis di tiang yang bercantum dengan Bab Al-Wufud adalah satu kesilapan.

## Usthuwanah At-Tahajjud

Kemudian pergilah ke Usthuwanah At-Tahajjud yang terletak di belakang rumah As-Saiyidah Fatimah Az-Zahra' -radhiyallahu 'anha-. Di situ ada sebuah mihrab kecil yang tertulis di atasnya ayat tahajjud. Solatlah di situ dua rakaat dan berdoalah memohon hajatmu.




10 - Usthuwanah As-Sarir, Usthuwanah Al-Haras dan Usthuwanah Al-Wufud merupakan tiga tiang empat segi yang bercantum dengan dinding dan pagar Hujrah Nabawi yang di sebelah barat (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwrah ms 87).

## Usthuwanah Segi Empat Makam Mulia

Adapun Usthuwanah Murobba'ah Al-Qabrus Syarif (Tiang Segi Empat Makam Mulia) juga dinamakan sebagai Makam Jibril. Lokasinya berjajaran dengan Hujrah Nabawi yang mulia di penjuru lantai sebelah baratnya yang mengadap utara. Namun para jamaah terhalang dari mengambil keberkatan usthuwanah ini melainkan bagi yang mendapat kemuliaan masuk ke dalam Hujrah Nabawi yang mulia.

Maka tiang-tiang istimewa ini seperti yang disebut oleh para ahli sejarah dan alim-ulama serta kesemua tiang-tiang masjid junjungan Al-Musthafa ﷺ adalah tempat-tempat yang disunatkan solat di sisinya kerana kesemua tempat-tempat itu pernah dipandang oleh mata Baginda ﷺ dan para sahabat pernah menunaikan solat di situ.

Dan lagi sayugialah untuk banyak mengerjakan solat-solat sunat dan *nafilah* di tiang-tiang mulia yang telah kami sebutkan sebelum ini.

## Batas Sempadan Raudhah Masjid Nabawi



Adapun pendapat yang kuat mengenai batas sempadan Raudhah seperti yang disebut dalam kitab **An-Nuzhah** adalah tiang-tiang marmar putih dan merah yang disepuh dengan warna emas hingga ke separuh tingginya, terukir mengitari tiang-tiang itu untaian sebuah qasidah indah dalam Bahasa Turki dengan tulisan bersepuh tinta emas. Kononnya pengarang qasidah tersebut adalah Maulana Al-Marhum As-Sultan Salim Khan.

## Mimbar Masjid Nabawi

Adapun mimbar marmar yang yang ada sekarang merupakan peninggalan Maulana As-Sultan Murad Khan III, baginda telah


menghantarnya dari Istanbul ke Madinah Al-Munawwarah lalu dipasang pada tahun 899H (1593M) di tempat asal mimbar Nabi ﷺ. Benar, mimbar baru ini letaknya terkehadapan sedikit ke arah kiblat dari posisi mimbar asal sejauh dua puluh inci.

## Batas Asal Sempadan Masjid Nabawi

Adapun batas asal Masjid Nabawi [sepertimana adanya di zaman Saiyidina Rasulullah ﷺ]; batas dari arah kiblat adalah birai logam berwarna kuning yang ruang antara jalinannya dijadikan umpama tetingkap kecil[11].

Batas dari arah Syam (utara) pula adalah garis yang bertentangan dengan Bab An-Nisa' seperti yang diriwayatkan oleh Al-Imam Malik -rahimahullahu Taala- dan dipersetujui oleh para alim-ulama[12], dan batas inilah yang dimaksudkan oleh perkataan mereka yang terdahulu:

...قُبَيلَ مِيزَابِ الشَّمسِ عَن مُؤَخَّرِ المُسَقَّفِ القِبْلِيِّ مِنَ المَسجِدِ وَبِأَعلَى مُؤَخَّرِ هَذَا المُسَقَّفِ مِمَّا يَلِي صَحنِ المَسجِدِ مَوضُوعٌ قِطعَةٌ كَبِيرَةٌ مِنَ الحَجَرِ الأَحمَرِ نَحَتُوهُ وَفَرَّغُوا فِيهِ تَفرِيغًا حَسَنًا وَكَتَبُوا فِيهِ قَولَهُ صَلَّى اللهُ



11 - Al-Ustaz Ali Hafidh mencatat bahawa posisi dinding selatan (arah kiblat) masjid yang dibangun oleh Saiyidina Rasulullah ﷺ letaknya setelah sekitar 50 centimeter dari tempat Baginda ﷺ menunaikan solat di Mihrab Nabawi. Dinding ini memanjang dari arah timur ke barat. Adapun birai logam berwarna kuning emas yang kelihatan sekarang memanjang dari timur ke barat, letaknya sejauh satu hasta atau lebih sedikit dari Mimbar Nabawi (Beberapa Bagian Dari Sejarah Madinah ms 38).

12 - Mengenai batas ini Al-Ustaz Ali Hafidh mencatat: "Posisinya terletak pada posisi tiang-tiang bundar sebelah utara yang dibangun pada masa Sultan Abdul Majid Al-'Utsmani yang menjorok ke halaman Masjid Nabawi. Tiang-tiang bundar ini memanjang dari timur ke barat berdiri tegak menopang pintu Masjid Nabawi sekarang ini yang dinamai dengan Bab An-Nisa", (beberapa Bagian Dari Sejarah Madinah ms 38).

عَلَيهِ وَسَلَّم: صَلَاةٌ فِي مَسجِدِي هَذَا أَفضَلُ مِن أَلفِ صَلَاة فِيمَا سِوَاهُ إِلاَّ المَسجِدَ الحَرَامِ.

*"...tak berapa jauh sebelum pancuran matahari dekat hujung bumbung masjid yang mengarah ke kiblat. Di bahagian atas dinding bersambung bumbung yang berturut dengan halaman masjid terpasang sepotong batu merah berukuran besar yang dipahat dengan amat halus dan indah, terukir di atas batu itu sabda junjungan Baginda ﷺ: "Solat di masjidku ini lebih afdhal dari seribu solat di tempat lain melainkan di Masjidil Haram".*

Batas dari sebelah timur[13] adalah Hujrah Nabawi yang mulia manakala batas dari sebelah barat pula adalah barisan tiang-tiang dari arah kiblat menganjur ke arah Syam (utara), di atas tiang-tiang ini tertulis:

حَدُّ مَسجِدِ النَّبِيِّ صَلَى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم

*Batas Masjid Nabi ﷺ*

## Batas Masjid Nabi ﷺ



Panjang Masjid Baginda yang asal diukur dari arah kiblat ke belakangnya ialah seratus hasta dan lebarnya juga seratus hasta, maka ia merupakan ukuran empat segi sama seratus hasta darab seratus[14].

13 - Batas dari sebelah timur dicatat oleh Al-Ustaz Ali Hafidh seperti berikut: "Posisinya terletak sejauh 4 hasta setelah tiang bundar yang kelima dari sebelah kanan Mimbar Nabawi di arah timur dan sejajar dengan lampu-lampu gantung yang memanjang dari arah kiblat (selatan) ke arah Syam (utara) di dalam jendela yang membatasi kamar suci (Hujrah Nabawi). Jika anda meneliti dan mencarinya niscaya anda akan menjumpainya", (beberapa Bagian Dari Sejarah Madinah ms 38).

14 - As-Saiyid Ahmad Yasin Al-Khiyari -rahimahullahu Taala-mencatat bahawa keluasan Masjid Nabawi yang dibina zaman Saiyidina Rasulullah ﷺ adalah 2475 meter persegi (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 110).

## Keutamaan Empat Puluh Solat Di Masjid Nabawi

Maka seharusnya bagi insan yang beroleh taufik untuk merebut peluang menunaikan solat di masjid Baginda ﷺ kerana telah sabit kenyataan bahawa solat padanya menyamai seribu-ribu solat, yang demikian itu adalah kerana hadis yang menyatakan bahawa solat di Masjidil Aqsa menyamai seribu solat dan dalam sebuah hadis lain yang bertaraf hasan diriwayatkan bahawa solat di masjid Baginda ﷺ menyamai seribu solat di Masjidil Aqsa, maka jadilah solat di masjid Baginda lebih lebih afdhal dari tempat lain dengan gandaan seribu-ribu (seribu darab seribu). Perkara ini telah dijelaskan keterangannya dalam kitab **Al-Minah**.

Demikian juga telah sabit seperti yang diriwayatkan oleh At-Thabrani dalam **Mu'jam Al-Ausath** dengan perawi yang bertaraf *tsiqah* (terpercaya) dan hadis yang sama turut tercatat dalam kitab **Al-Jauhar**, **Husnut Tawassul** dan lain-lain bahawa junjungan Nabi ﷺ telah bersabda:

مَن صَلَّى فِي مَسجِدِي أَربَعِينَ صَلَاةً لَا تَفُوتُهُ صَلَاةٌ كُتِبَ لَهُ بَرَاءَةٌ مِنَ النَّارِ وَبَرَاءَةٌ مِنَ العَذَابِ وَبَرَاءَةٌ مِنَ النِّفَاقِ.

*"Barangsiapa menunaikan empat puluh solat di masjidku dengan tidak terlepas satu solat pun nescaya akan dituliskan baginya lepas dari api neraka, lepas dari azab dan lepas dari sifat munafik".*

Zahir hadis ini ialah empat puluh solat lima waktu kerana makna "tidak terlepas" lebih jelas padanya dan *muwalat* (berturut-turut) padanya lebih utama dan makna ini secocok dijumlahkan [empat puluh solat lima waktu berturut-turut] [15].


15 - Dari zahir makna hadis ini empat puluh solat dengan tidak terlepas satu solat pun bererti harus mengerjakan solat lima waktu di Masjid Nabawi selama lapan hari berturut-turut.

Di dalam kitab **Az-Zakhirah** dinukil tulisan As-Syeikh Abi Salim Ahmad bin Muhammad bin Nashir Al-'Ayyasyi Al-Fasi Al-Maghribi dalam pengembaraannya bahawa beliau telah membuat kiraan rambang jumlah solat nafilah yang maklum waktunya seperti sunat rawatib, witir dan lain-lain digabung dengan fardhu lima waktu bagi memenuhi tuntutan hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dengan perawinya yang *tsiqah*, maka beliau mendapati jumlahnya tepat empat puluh solat dengan tidak tertinggal satu solat pun.

Beliau mengujar: "Dengan ini orang yang pendek tempoh masa berada di Madinah, misalnya sehari saja juga dapat memperolehi fadhilat yang agung ini jika dia iltizam menunaikan solat-solat itu di Masjid Nabawi". Maka maklumat yang seni ini haruslah diambil perhatian dan patutlah bagi orang yang pendek tempoh masanya berada di Madinah berjaga-jaga mengerjakannya agar dia beroleh fadhilat agung yang memberinya kebahagiaan dunia Akhirat.

## Saripati Adab Ziarah

Sayugialah bagi penziarah untuk memperbanyakkan amalan zikir, syukur dan istighfar. Sepanjang hari-hari berada di Madinah hendaklah dia bersungguh-sungguh untuk tidak terlepas solat berjemaah di Masjid Nabawi yang mulia dan di malam-malamnya pula pergilah selalu untuk solat malam, tilawah Al-Quran, doa dan zikir.




Hendaklah dia banyak berziarah kepada Baginda ﷺ; Imam Abu Hanifah, Imam As-Syafie dan Imam Ahmad berkata bahawa memperbanyak ziarah itu tidak makruh hukumnya kerana memperbanyak kebaikan adalah baik. Hanya Imam Malik -rahimahullahu Taala- melihatnya sebagai makruh, secara zahirnya pendapat beliau ini disandarkan kepada makna hadis:

زُرْ غِبًّا تَزْدَدْ حُبًّا.

*"Ziarahlah berselang-selang (tidak sentiasa) nescaya kamu bertambah kasih".*

Adapun asal perkataan غِبًّا dari الغِبُّ yang bererti unta mendatangi tempat minumnya pada hari ini, esok tidak datang, lusa datang…[16] Persamaan sebegini adalah dilarang. Kemudian yang lebih cocok dikatakan di sini ialah keharusan berziarah kepada Baginda ﷺ pada tiap solat lima waktu sebagai mengambil hukum kias para sahabat yang sentiasa bersama Baginda ﷺ waktu hayatnya tika solat lima waktu itu.

Namun wajiblah menjaga syarat jangan mengeraskan suara ketika berziarah. Sesungguhnya mengeraskan suara di hadrat Baginda ﷺ adalah perbuatan yang menggugurkan amal soleh, *wal'iyazu billah*. Kami juga telah mengingatkan sebelum ini bahawa penziarah tidak boleh mengusap dinding Hujrah Nabawi kerana ia bertentangan dengan adab kesopanan di makam ini, begitu juga tidak boleh mengucup dinding kerana amalan mengusap dan mencium adalah khusus untuk bahagian-bahagian tertentu bangunan Kaabah dan Hajarul Aswad.

Begitu juga jangan menempelkan badan ke dinding Hujrah Baginda ﷺ kerana perbuatan ini tidak ada [dalam sunnah], jangan tawaf mengelilingi Hujrah Nabawi; permukaan bumi yang mulia ini kerana amalan tawaf adalah khusus untuk Kaabah, maka haramlah hukumnya bertawaf mengelilingi makam para anbiya' dan awliya'.

16 - Apabila berziarah tidak selalu perasaan kasih akan mendalam, tapi ziarah yang terlalu kerap mungkin akan menyebabkan tuan rumah merasa bosan dengan penziarah, demikianlah adat dalam kehidupan masyarakat manusia. Namun adat ini tidak dapat disamakan dengan hubungan antara seorang kekasih dengan kekasihnya, apalagi hubungan antara seorang Rasul yang sifatnya amat pengasih penyayang dengan kaum Mukminin dan amat berat hatinya melihat penderitaan yang ditanggung oleh umatnya.

Apa yang dilakukan oleh orang awam yang jahil tidak dapat dijadikan pegangan walau pun mereka memakai pakaian masyaikh.

Begitu juga tidak boleh menundukkan badan ke arah makam dan tidak boleh mencium buminya. Sesungguhnya semua perbuatan yang disebut tadi adalah bid'ah yang tidak baik dan hukumnya makruh. Adapun sujud [kepada makam] seperti keadaan solat maka tidak ragu lagi ia perbuatan yang haram, maka janganlah si penziarah terpesona melihat perbuatan orang-orang jahil, bahkan hendaklah dia mengikut ulama yang '*amilin*.

## Jangan Lalu Begitu Saja

Dan janganlah seorang yang berjalan berdekatan dengan makam Baginda -'alaihis solatu was salam- dari semua arahnya lewat begitu saja melainkan hendaklah dia berhenti dan mengucap salam kepada Baginda ﷺ walaupun dari luar masjid dan dari luar dindingnya.

Diriwayatkan dari Sidi Abu Hazim -rahimahullahu Taala- bahawa seorang lelaki datang memberitahu beliau satu mimpi; lelaki itu bermimpi bertemu junjungan Nabi ﷺ dan Baginda bersabda kepadanya: "Sampaikan kepada Abu Hazim: "Engkau berjalan melewatiku begitu saja tanpa berhenti mengucap salam kepadaku!". Maka semenjak dari mendengar mimpi ini Sidi Abu Hazim tidak pernah mencuaikannya.

Hendaklah penziarah memperbanyak amalan selawat dan salam kepada Baginda ﷺ dengan mana-mana formula selawat khususnya selawat yang memberi makna berganda-ganda. Kalau boleh kerjakanlah puasa sunat sepanjang keberadaannya di Madinah kerana amalan soleh di sini nilainya berganda-ganda. Bersedekahlah kepada fakir miskin yang ber*mujawarah* dan para mustautin yang berhak menerima sedekah kerana mereka lebih

berhak menerimanya dari orang lain. Kerana mahabbah kepada warga Kota Madinah Al-Munawwarah adalah wajib berdasarkan tingkat kedudukan mereka, bahkan sayugia untuk tidak membenci warga Madinah yang berbuat jahat, ahli kebaikan di Madinah hendaklah dimuliakan dan janganlah menyakiti orang-orang Madinah sama sekali. Semua ini telah kami sebutkan pada fasal yang lalu beserta hadis-hadisnya dalam perkara memuliakan jiran-jiran Baginda ﷺ di Kota Madinah dan wasiatnya terhadap mereka.

# Fasal 7

# Ziarah Ahlil Baqi'

Digalakkan bagi penziarah keluar setiap hari melawat Ahlil Baqi' selepas menziarahi junjungan Nabi -'alaihis solatu was salam- dan dua sahabatnya yang mulia serta As-Saiyidah Fatimah Az-Zahra' semoga Allah meredhainya dan mencapaikan redhanya.

Di Baqi'[17] ziarahilah pusara para sahabat, Ahlil Bait, para ulama dan solihin khususnya makam penghulu junjungan ulama Al-Imam Malik yang merupakan imam Mazhab Maliki semoga Allah meredhai mereka sekelian.



اللَّهُمَّ اجْعَل تُربَتَنَا عِندَ انْتِهَاءِ آجَالِنَا بِهَذَا البَقِيع الشَّرِيفِ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ وَاحشُرنَا مَعَهُم وَفِي زُمرَتِهِم آمِينَ اللَّهُمَّ آمِين.

*Allahumma kami bermohon budi dan kemurahan hatiMu, apabila nanti datang ajal kami maka kau jadikanlah tanah kubur kami di Tanah Baqi' yang mulia ini, dan bangkitkanlah*

17 - Baqi' Al-Gharqad terletak di arah tenggara Masjid Nabawi dan di arah timur Kota Madinah Al-Munawwarah. Inilah tanah perkuburan Madinah yang sudah ada sejak zaman Saiyidina Rasulullah ﷺ dan mafhum dari riwayat hadis menyebut bahawa Baginda mengunjunginya waktu siang dan malam.

*kami bersama Ahlil Baqi’ dalam kumpulan mereka, amin Allahumma amin.*

Ziarahilah permakaman Baqi’ khususnya pada hari yang diadatkan oleh orang ramai berziarah perkuburan iaitu pada hari Jumaat. Adapun yang sebenarnya memang terdapat galakan menziarahi perkuburan sekali tiap minggu dan hari yang paling afdhal ialah Jumaat, Sabtu, Isnin dan Khamis. Sidi Muhammad Bin Wasi’ berkata: “Bahawa para ahli kubur itu mengetahui orang datang menziarahi mereka pada hari Jumaat, sehari sebelumnya dan sehari selepasnya”. Maka hasillah dari kenyataan ini bahawa hari Jumaat lebih afdhal dan pengetahuan ahli kubur terhadap yang datang berziarah pada hari itu lebih sempurna.

Disebut dalam sejarah bahawa para sahabat yang meninggal dunia di Madinah berjumlah sekitar sepuluh ribu orang, namun kebanyakan mereka tidak dapat dikenal pasti namanya, dan apatah lagi tanah pusaranya di mana. Maka apabila penziarah sampai di Baqi’ niatkanlah berziarah kepada sekalian sahabat yang mulia itu dan selain mereka yang dikebumikan di situ dari kalangan Muslimin secara keseluruhan.



## Salam Kepada Seluruh Ahlil Baqi’

Apabila penziarah tiba di pintu Baqi’ maka ucapkanlah salam yang datang riwayatnya ini:

السَّلَامُ عَلَيكُم دَارَ قَومٍ مُؤمِنِينَ. أَنتُمُ السَّابِقُونَ وَنَحنُ إِن شَاءَ اللهُ بِكُم لَاحِقُونَ. اللَّهُمَّ اغفِر لِأَهلِ البَقِيعِ بَقِيعِ الغَرقَدِ. اللَّهُمَّ اغْفِر لَنَا وَلَـهُم. اللَّهُمَّ لَا تَحرِمنَا أَجرَهُم وَلَا تَفتِنَّا بَعدَهُم. السَّلَامُ عَلَيكُم أَهلَ الدِّيَارِ

مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسلِمِينَ. وَيَرحَمُ اللهُ الْمُستَقدِمِينَ مِنكُم وَالْمُستَأخِرِينَ.

*Salam ke atasmu wahai negeri orang beriman. Tuan-tuan telah mendahului dan kami Insya Allah akan menyusul kemudian. Allahumma ampunilah ahli permakaman Baqi', Baqi' Al-Gharqad. Allahumma ampuni kami dan mereka. Allahumma janganlah Engkau mengharamkan kami beroleh ganjaran mereka, dan janganlah Engkau menguji kami sesudah mereka. Salam ke atasmu wahai negeri kaum Mukminin dan Muslimin. Semoga Allah merahmati golongan terdahulu darimu dan yang terkemudian.*

آنَسَ اللهُ وَحشَتَكُم وَرَحِمَ غُربَتَكُم وَضَاعَفَ حَسَنَاتِكُم وَكَفَّرَ سَيِّئَاتِكُم. رَبَّنَا اغْفِر لَنَا وَلِوَالِدِينَا وَلِأَسَاتِذَتِنَا وَلِإِخوَانِنَا وَلِأَخَوَاتِنَا وَلِأَولَادِنَا وَلِأَحفَادِنَا وَلِأَقَارِبِنَا وَلِأَصحَابِنَا وَلِأَحبَابِنَا وَلِفَاعِلِينَ الخَيرَ فِينَا وَلِمَن لَهُ حَقٌّ عَلَينَا وَلِمَن أَوصَانَا وَلِلمُؤمِنِينَ وَالْمُؤمِنَاتِ وَالْمُسلِمِينَ وَالْمُسلِمَاتِ الأَحيَاءِ مِنهُم وَالأَموَاتِ.

*Semoga Allah menganugerahi kemesraan dari kesunyianmu, semoga Allah merahmati perantauanmu, semoga Allah menggandakan kebaikanmu, semoga Allah menebus segala kejahatanmu. Robbana ampuni kami dan kedua ibu bapa kami, guru-guru kami, saudara-saudara-saudari kami, anak-anak kami, cucu-cucu kami, kaum kerabat kami, teman-teman kami, para kekasih kami, mereka yang berbuat baik kepada kami, mereka yang punya hak ke atas kami, mereka yang berwasiat kepada kami, dan seluruh kaum mukminin mukminat, muslimin muslimat yang masih hidup dan yang telah meninggal dunia.*

رَبَّنَا اغْفِر لَنَا وَلِإِخوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالإِيمَانِ وَلَا تَجعَل فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَؤُوفٌ رَّحِيمٌ.

*Robbana ampunilah kami dan para saudara kami yang telah mendahului kami dengan iman, janganlah Engkau menjadikan didalam hati kami ada rasa belot terhadap mereka yang beriman, Robbana sesungguhnya Engkaulah Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.*


اللَّهُمَّ رَبَّ الأَجسَادِ البَالِيَةِ وَالعِظَامِ النَّخِرَةِ وَالأَروَاحِ الَّتِي خَرَجَت مِنَ الدُّنيَا وَهِيَ بِكَ مُؤمِنَةٌ أَدخِل عَلَيهَا رَوحًا مِنكَ وَسَلَامًا مِنِّي.

*Allahumma wahai Tuhan segala jasad yang hancur, tulang belulang yang luluh dan arwah yang keluar dari dunia dalam keadaan beriman denganMu, masukkanlah kedalam pusaranya ketenangan dariMu dan ucapan salam dariku.*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى رُوحِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِي الأَروَاحِ وَصَلِّ عَلَى جَسَدِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِي الأَجسَادِ وَصَلِّ عَلَى قَبرِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِي القُبُورِ.

*Allahumma selawatkanlah ke atas roh Saiyidina Muhammad dalam segala arwah, selawatkanlah ke atas jasad Saiyidina Muhammad dalam segala jasad, selawatkanlah ke atas pusara Saiyidina Muhammad dalam tiap pusara.*

رَبَّنَا تَوَفَّنَا مُسلِمِينَ وَالْحِقنَا بِالصَّالِحِينَ وَأَدخِلنَا الجَنَّةَ آمِنِينَ بِرَحمَتِكَ يَا أَرحَمَ الرَّاحِمِينَ آمِين وَصَلِّ عَلَى جَمِيعِ الأَنبِيَاءِ وَالمُرسَلِينَ وَعَلَى مَلَائِكَتِكَ



الْمُقَرَّبِينَ وَارْحَمنَا مَعَهُم وَارْزُقنَا شَفَاعَتَهُم وَاحْشُرنَا مَعَهُم وَالحَمدُ لِلّٰهِ رَبِّ العَالَـمِينَ.

*Robbana matikanlah kami sebagai Muslimin, gabungkan kami kepada kaum solihin, masukkan kami ke dalam syurga dengan keamanan, dengan rahmatMu ya arhamar rohimin, amin. Selawatkanlah ya Ilahi ke atas para nabi dan rasul, beserta malaikat yang muqorrobin, rahmatilah kami bersama mereka, rezekikanlah kami syafaat mereka dan bangkitkanlah kami bersama mereka, walhamdu lillahi robbil 'alamin.*

Yang lebih afdhal ialah penziarah membaca Surah Al-Ikhlas sebelas kali kerana membacanya sunnah. Disebut dalam khabar bahawa barangsiapa membacanya dengan bilangan tadi di tanah perkuburan kemudian menghadiahkan pahalanya kepada ahli kubur itu maka baginya pahala sebanyak bilangan semua lelaki dan perempuan yang dikebumikan di situ. Dengan itu sayugialah penziarah membaca Surah Al-Ikhlas sebelas kali dan menghadiahkan bacaannya kepada penghuni Baqi', dan tidak lupa juga Surah Al-Fatihah yang mulia kerana ia mempunyai sirr yang besar.



## Ziarah Saiyidina Othman رضي الله عنه

Kemudian pergilah berziarah kepada Amirul Mukminin Saiyidina Othman Ibni 'Affan, adapun beliau merupakan yang paling afdhal bersemadi di Baqi' di kalangan sahabat. Maka sayugialah untuk tidak mendahulukan selain beliau selepas salam yang umum kepada seluruh Ahlil Baqi'. Mulakanlah dengan beliau dan ucapkanlah salamnya:

السَّلَامُ عَلَيكُم يَا أَمِيرَ المُؤمِنِينَ أَبَا عَمرٍو سَيِّدِنَا عُثمَانَ بنِ عَفَّان. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا أَمِيرَ المُؤمِنِينَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا إِمَامَ المُسلِمِينَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا ثَالِثَ الخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا ذَا النُّورَينِ النَّيِّرَتَينِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مُجَهِّزَ جَيشِ العُسرَةِ بِالنَقدِ وَالعَينِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا صَبُورًا عَلَى الأَكدَارِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا شَاهِدَ الدَّارِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مَن بَشَّرَهُ النَّبِيُّ المُختَارِ بِدُخُولِ الجَنَّةِ مَعَ الأَبرَارِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا صَاحِبَ الهِجرَتَينِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مَن جَمَعَ القُرآنَ بَينَ الدَّفَّتَينِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مَنِ اسْتَحيَت مِنكُم مَلَائِكَةُ الرَّحمَن. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مَن زَيَّنَ القُرآنَ بِتِلَاوَتِهِ وَنَوَّرَ المِحرَابَ بِإِمَامَتِهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مَن قَالَ فِي حَقِّهِ سَيِّدُ وَلَدِ عَدنَانِ (لِكُلِّ نَبِي فِي الجَنَّةِ رَفِيقٌ وَرَفِيقِي فِيهَا عُثمَانُ بنُ عَفَّان). رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُم وَأَرضَاكُم أَحسَنَ الرِّضَى وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَسكَنَكُم وَمَحَلَّكُم وَمَأوَاكُم. السَّلَامُ عَلَيكُم وَعَلَى مَن حَولَكُم مِن أَصحَابِ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا أَصحَابَ رَسُولِ اللهِ وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى أَروَاحِهِمُ الفَاتِحَةُ.

*"Salam ke atasmu ya Amiral Mukminin Aba 'Amrin Saiyidina Othman Ibni Affan. Salam ke atasmu ya Amiral Mukminin. Salam ke atasmu wahai yang ketiga dari Khulafa'ur Rasyidin. Salam ke atasmu ya Zun Nurain yang sinarnya gemerlapan. Salam ke atasmu wahai sahabat yang mempersiapkan bala tentera waktu kesusahan dengan wang dan peralatan. Salam ke atasmu wahai yang amat sabar menempuh cabaran. Salam*

*ke atasmu wahai yang syahid di rumah kediaman. Salam ke atasmu wahai yang diberitakan Nabi junjungan engkau akan masuk syurga bersama para abrar. Salam ke atasmu wahai sahabat yang dua kali berhijrah. Salam ke atasmu wahai yang menghimpun Al-Quran di dalam mashaf. Salam ke atasmu wahai yang Tuan yang malu denganmu para malaikat Ar-Rahman. Salam ke atasmu wahai yang menghias Al-Quran dengan tilawahnya dan menerangi mihrab dengan menjadi imamnya. Salam ke atasmu wahai sahabat yang disabdakan oleh Saiyidina Muhammad ﷺ penghulu anak keturunan Adnan: (Setiap nabi ada teman di dalam syurga dan temanku di sana adalah Othman Bin Affan). Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan yang terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu dan rumahmu. Salam ke atasmu dan ke atas semua yang berada di kelilingmu dari kalangan sahabat Saiyidina Rasulullah ﷺ . Salam ke atasmu wahai para sahabat Rasulullah beserta rahmat dari Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah kepada arwah mereka sekalian".*



## Ziarah Saiyidina Abu Saeed Al-Khudri رضي الله عنه

Kemudian pergilah berziarah kepada Saiyidina Abu Saeed Al-Khudri رضي الله عنه, makamnya berdekatan Saiyidina Othman رضي الله عنه di dalam kubah di luar pagar Baqi'. Ucapkanlah salam kepada beliau:

السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا أَبَا سَعِيدٍ اَلخُدْرِيّ السَّلَامُ عَلَيكُم يَا رَاوِيَ أَحَادِيثَ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا صَاحِبَ حَبِيبِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا صَاحِبَ المُصطَفَى رَضِيَ اللهُ

عَنكُم وَأَرضَاكُم أَحسَنَ الرِّضَا وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَنزِلَكُم وَمَسكَنَكُم وَمَحَلَّكُم وَمَأوَاكُم. أَفَاضَ اللهُ عَلَينَا مِن بَرَكَاتِكُم وَبَرَكَاتِ عُلُومِكُم فِي الدُّنيَا وَالآخِرَةِ. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى رُوحِهِ الفَاتِحَةُ.

*"Salam ke atasmu ya Saiyidana Aba Saeed Al-Khudriy. Salam ke atasmu wahai perawi hadis-hadis Saiyidina Rasulillah ﷺ. Salam ke atasmu wahai sahabat Habibullah. Salam ke atasmu wahai sahabat Al-Musthafa. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu dan rumahmu. Semoga Allah melimpahkan kepada kami keberkatan darimu dan keberkatan dari ilmu-mu dunia Akhirat. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat rohnya".*

## Ziarah Saiyidatina Fatimah Binti Asad dan Saiyidina Saad Bin Muaz -radhiyallahu 'anhuma-

Selepas itu pergilah berziarah kepada Saiyidatina Fatimah binti Asad -radhiyallahu 'anha- iaitu bonda kepada Saiyidina Ali -karramallahu wajhah-, makamnya di sebelah kubah Saiyidina Abu Saeed Al-Khudri رضي الله عنه, (demikianlah kedudukan makamnya pada satu pendapat, satu lagi pendapat yang lebih kuat mengatakan bahawa makam beliau di bawah kubah Saiyidina Ibrahim Ibnu Saiyidina Rasulullah ﷺ), ada juga pendapat yang mengatakan bahawa makam Saiyidina Saad Bin Muaz juga di bawah kubah yang sama maka sayugialah berziarah kepada beliau dan mengucapkan salamnya:

السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا سَعدَ بنَ مُعَاذٍ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا صَاحِبَ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُم وَأَرضَاكُم أَحسَنَ

الرِّضَى. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى رُوحِهِ الفَاتِحَةُ.

*"Salam ke atasmu ya Saiyidana Saad bin Muaz. Salam ke atasmu wahai sahabat Saiyidina Rasulullah ﷺ. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat rohnya".*

السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا سَيِّدَتَنَا فَاطِمَة بِنتَ أَسَدٍ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا زَوجَةَ عَمِّ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا زَوجَةَ عَمِّ حَبِيبِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا أُمَّ سَيِّدِنَا عَلِيٍّ الْمُرتَضَى كَرَّمَ اللهُ وَجهَهُ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا مَن كَفَنَكُنَّ النَّبِيُّ بِقَمِيصِهِ وَأَلحَدَكُنَّ بِيَمِينِهِ. رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُنَّ وَأَرضَاكُنَّ أَحسَنَ الرِّضَى وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَنزِلَكُنَّ وَمَسكَنكُنَّ وَمَحَلَّكُنَّ وَمَأوَاكُنَّ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى رُوحِهَا الفَاتِحَةُ.

*"Salam ke atasmu wahai Saiyidatina Fatimah Binti Asad. Salam ke atasmu wahai isteri paman Saiyidina Rasulullah. Salam ke atasmu wahai isteri paman Habibullah. Salam ke atasmu wahai bonda Saiyidina Ali Al-Murtadho -moga Allah memuliakan wajahnya-. Salam ke atasmu wahai wanita yang dikafankan oleh junjungan Nabi dengan jubah Baginda dan Baginda sendiri yang meletakkanmu di liang lahad. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu dan rumahmu. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat rohnya".*

## Ziarah Saiyidatina Halimah As-Sa’diyyah رضي الله عنها

Kemudian ziarahilah Saiyidatina Halimah As-Sa’diyyah رضي الله عنها dan ucapkanlah salamnya:

السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا سَيِّدَتَنَا حَلِيمَةَ السَّعدِيَّة يَا مُرضِعَةَ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا مُرضِعَةَ نَبِيَّ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا مُرضِعَةَ حَبِيبِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا مُرضِعَةَ المُصطَفَى. رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُنَّ وَأَرضَاكُنَّ أَحسَنَ الرِّضَى وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَنزِلَكُنَّ وَمَسكَنَكُنَّ وَمَحَلَّكُنَّ وَمَأوَاكُنَّ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى رُوحِهَا الفَاتِحَةُ.

*“Salam ke atasmu ya Saiyidatina Halimah As-Sa’diyyah wahai ibu susu Saiyidina Rasulillah ﷺ. Salam ke atasmu wahai ibu susu Nabiyyullah. Salam ke atasmu wahai ibu susu Habibullah. Salam ke atasmu wahai ibu susu Al-Musthafa. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu dan rumahmu. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat rohnya”.*



## Ziarah Syuhada’ Baqi’

Selepas itu pergilah berziarah kepada para syuhada’ yang bermakam dekat pintu Baqi’ dari arah Syam (utara). Ucapkanlah salamnya:

السَّلَامُ عَلَيكُم يَا شُهَدَاءَ يَا سُعَدَاءَ يَا نُجَبَاءَ يَا نُقَبَاءَ يَا أَهلَ الصِّدقِ وَالوَفَاءِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مُجَاهِدِينَ فِي سَبِيلِ اللهِ حَقَّ جِهَادِهِ. (سَلَامٌ

عَلَيكُم بِمَا صَبَرتُم فَنِعمَ عُقبَى الدَّارِ). رَضِيَ اللهُ عَنكُم وَأَرضَاكُم أَحسَنَ الرِّضَى. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا شُهَدَاءَ أَهلِ البَقِيعِ كَافَّةً عَامَّةً وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى أَروَاحِهِمُ الفَاتِحَةُ.

*"Salam ke atasmu sekalian syuhada', ya su'ada', ya nujaba', ya nuqoba', wahai ahli ketulusan dan kesetiaan. Salam ke atasmu wahai para mujahidin fi sabilillah dengan jihad yang sebenarnya. Salam ke atasmu kerana kesabaranmu maka tempat kembalimu adalah syurga yang penuh kenikmatan. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu. Salam ke atasmu wahai para syuhada' Ahlil Baqi' dengan salam yang rata meliputi semua beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat arwah mereka sekalian".*

## Ziarah Saiyidina Ibrahim Putera Junjungan Nabi ﷺ

Kemudian berziarahlah kepada Saiyidina Ibrahim putera Saiyidina Rasulullah ﷺ, juga berziarah kepada para sahabat yang berada di sekitar makamnya -semoga Allah meredhai mereka sekalian-. Ucapkanlah salamnya:



السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا إِبرَاهِيمَ بنَ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهِ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا ابْنَ حَبِيبِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا ابْنَ المُصطَفَى. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا جَوهَرَةَ الشَّرَفِ الأَعلَى. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.


*"Salam ke atasmu ya Saiyidana Ibrahim putera Saiyidina*

*Rasulillah ﷺ. Salam ke atasmu wahai putera Habibullah. Salam ke atasmu wahai putera Al-Musthafa. Salam ke atasmu wahai permata kemuliaan tertinggi. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya.*

**السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا عُثمَانَ بنَ مَظعُونٍ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا عَبدَ الرَّحمَنِ بنَ عَوفٍ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا سَعدَ بنَ وَقَّاصٍ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا عَبدَ اللهِ بنَ مَسعُودٍ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا خُنَيس بنَ حُذَافَةَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا أَسعَدَ بنَ زُرَارَةَ.**

*Salam ke atasmu ya Saiyidana Othman Bin Maz'un. Salam ke atasmu ya Saiyidana Abdur Rahman bin 'Auf. Salam ke atasmu ya Saiyidana Saad bin Waqqas. Salam ke atasmu ya Saiyidana Abdullah bin Mas'ud. Salam ke atasmu ya Saiyidana Khunais bin Hudzafah. Salam ke atasmu ya Saiyidana As'ad bin Zurarah.*

**السَّلَامُ عَلَيكُم يَا أَصحَابَ رَسُولِ اللهِ الفَائِزِينَ بِأَنوَارِ طَلعَتِهِ وَحُسنِ مُحَادَثَتِهِ وَسُلُوكِ لَـهجَتِهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم أَيُّهَا المُهتَدُونَ بِكَمَالِ هَديهِ وَحُسنِ إِرشَادِهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مُجَاهِدِينَ فِي اللهِ حَقَّ جِهَادِهِ. رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُم وَأَرضَاكُم أَحسَنَ الرِّضَى وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَنزِلَكُم وَمَحَلَّكُم وَمَأوَاكُم. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى أَروَاحِهِمُ الفَاتِحَةُ.**





*Salam ke atasmu wahai para sahabat Rasulullah yang dilimpahi gemerlapan seri dari wajah Baginda, menikmati kemanisan bicara dengan Baginda dan menempuhi jejak kehidupannya. Salam ke atasmu wahai para sahabat yang*

*beroleh kesempurnaan hidayah dan keelokan petunjuk dari Baginda. Salam ke atasmu wahai para mujahidin di jalan Allah dengan jihad yang sebenarnya. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu dan rumahmu. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat arwah mereka sekalian".*

## Ziarah Saiyidina Nafi' Maula Ibnu Umar ﵁

Sesudah itu ziarahilah Saiyidina Nafi' Maula Ibnu Umar ﵁, beliau adalah kalangan tabi'in yang termulia dan bukannya Al-Imam Nafi' salah seorang dari tujuh mahaguru ilmu qira'at Al-Quran. Banyak ditulis dalam buku-buku doa ziarah bahawa ini makam Nafi' mahaguru qira'at; ia maklumat keliru dan kami telah mengesahkannya dengan merujuk kepada kitab-kitab sejarah Madinah Al-Munawwarah. Saiyidina Nafi' Maula Ibnu Umar ﵁ adalah guru kepada Al-Imam Malik -rahimahullahu Taala-. Ucapkanlah salamnya:

السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا نَافِعَ مَولَى ابنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُم وَأَرضَاكُم أَحسَنَ الرِّضَى وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَنزِلَكُم وَمَسكَنَكُم وَمَحَلَّكُم وَمَأوَاكُم. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى رُوحِهِ الفَاتِحَةُ.




*"Salam ke atasmu ya Saiyidana Nafi' Maula Ibnu Umar ﵁. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu, perteduhanmu dan rumahmu. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat rohnya".*

## Ziarah Imam Malik bin Anas ﵁

Kemudian berziarahlah pula kepada Al-Imam Malik bin Anas ﵁ imam Mazhab Maliki dan ucapkanlah salamnya:

السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا مَالِكَ بنَ أَنَسٍ يَا إِمَامَ المَذهَبِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا إِمَامَ دَارِ الهِجرَةِ رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُم وَأَرضَاكَ أَحسَنَ الرِّضَى وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَنزِلَكُم وَمَسكَنَكُم وَمَحَلَّكُم وَمَأوَاكُم. أَعَادَ اللهُ عَلَينَا مِن بَرَكَاتِكُم وَبَرَكَاتِ عُلُومِكُم فِي الدِّينِ وَالدُّنيَا وَالآخِرَةِ. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى رُوحِهِ الفَاتِحَةُ.

*"Salam ke atasmu ya Saiyidana Malik bin Anas wahai imam mazhab. Salam ke atasmu wahai Imam Darul hijrah. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu, perteduhanmu dan rumahmu. Semoga Allah mengurniai kami keberkatanmu dan keberkatan ilmu-mu pada agama, dunia dan Akhirat. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat rohnya".*

## Ziarah Kerabat Ahlul Bait

Kemudian pergilah menziarahi Saiyidina 'Aqil bin Abi Tholib, Saiyidina Abdullah bin Jaafar At-Thayyar, Saiyidina Sufian bin Al-Harits bin Abdul Muttholib -radhiyallahu 'anhum- dan mereka semua di bawah satu kubah. Ucapkanlah salamnya:

السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا عَقِيلَ بنَ أَبِي طَالِبٍ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا ابْنَ عَمِّ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا ابْنَ عَمِّ نَبِيِّ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا ابْنَ عَمِّ المُصطَفَى. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا أَخَا سَيِّدِنَا عَلِيٍّ المُرتَضَى. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا عَبدَاللهِ بنَ جَعفَرٍ الطَّيَّارِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا سُفيَان بْنَ الحَارِثِ. السَّلَامُ عَلَيكُم وَعَلَى مَن حَولَكُم مِن أَصحَابِ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهِ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُم وَأَرضَاكُم أَحسَنَ الرِّضَى وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَسكَنَكُم وَمَحَلَّكُم وَمَأوَاكُم. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى أَروَاحِهِمُ الفَاتِحَةُ.

*"Salam ke atasmu ya Saiyidana 'Aqil bin Abi Tholib. Salam ke atasmu wahai putera paman Saiyidina Rasulillah ﷺ. Salam ke atasmu wahai putera paman Nabiyyullah. Salam ke atasmu wahai putera paman Al-Musthafa. Salam ke atasmu wahai saudara Saiyidina Ali Al-Murtadho. Salam ke atasmu ya Saiyidana Abdullah bin Jaafar At-Thayyar. Salam ke atasmu ya Saiyidana Sufian bin Al-Harits. Salam ke atasmu dan ke atas para sahabat Saiyidina Rasulillah ﷺ yang berada di sekelilingmu. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu, dan rumahmu. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat arwah mereka sekalian".*


## Ziarah Para Isteri Saiyidina Rasulullah ﷺ

Sesudah itu pergilah berziarah kepada junjungan para isteri Saiyidina Rasulillah ﷺ. Mereka semua berada di bawah satu kubah

jua. As-Saiyidah Aisyah, As-Saiyidah Hafsah, As-Saiyidah Zainab binti Jahsy, As-Saiyidah Zainab binti Khuzaimah, As-Saiyidah Saudah, As-Saiyidah Ummu Habibah, As-Saiyidah Juwairiyyah, As-Saiyidah Ramlah, As-Saiyidah Ummu Salamah, As-Saiyidah Sofiyyah, As-Saiyidah Mariah dan As-Saiyidah Raihanah -semoga Allah meredhai mereka sekalian-. Ucapkanlah salam kepada mereka:

السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا أَزوَاجَ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ الطَّاهِرَاتُ المُبَرَّآتُ أُمَّهَاتُ المُؤمِنِينَ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا أَزوَاجَ نَبِيِّ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا أَزوَاجَ حَبِيبِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا أَزوَاجَ المُصطَفَى رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُنَّ وَأَرضَاكُنَّ أَحسَنَ الرِّضَى وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَنزِلَكُنَّ وَمَحَلَّكُنَّ وَمَأوَاكُنَّ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى أَروَاحِهِنَّ الفَاتِحَةُ.

*"Salam ke atasmu wahai para isteri Saiyidina Rasulillah ﷺ ; wahai para wanita suci, yang dimurnikan, wahai para Ummahatul Mukminin. Salam ke atasmu wahai para isteri Nabiyyullah. Salam ke atasmu wahai para isteri Habibullah. Salam ke atasmu wahai para isteri Al-Musthafa. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu, dan rumahmu. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat arwah mereka sekalian".*




## Ziarah Puteri-puteri Saiyidina Rasulullah ﷺ

Kemudian pergilah menziarahi para junjungan puteri-puteri Saiyidina Rasulillah ﷺ di bawah satu kubah jua. Mereka ialah

As-Saiyidah Ruqaiyyah, As-Saiyidah Zainab dan As-Saiyidah Ummu Kultsum. Ucapkanlah salam kepada mereka:

السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا بَنَاتَ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا بَنَاتَ نَبِيِّ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا بَنَاتَ حَبِيبِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا بَنَاتُ الْمُصطَفَى. رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُنَّ وَأَرضَاكُنَّ أَحسَنَ الرِّضَى وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَسكَنَكُنَّ وَمَحَلَّكُنَّ وَمَأوَاكُنَّ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى أَروَاحِهِنَّ الفَاتِحَةُ.

*"Salam ke atasmu wahai puteri-puteri Saiyidina Rasulillah ﷺ . Salam ke atasmu wahai puteri-puteri Nabiyyullah. Salam ke atasmu wahai puteri-puteri Habibullah. Salam ke atasmu wahai puteri-puteri Al-Musthafa. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu, dan rumahmu. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat arwah mereka sekalian".*



## Ziarah Kubah Saiyidina Abbas رضي الله عنه

Kemudian berziarahlah kepada Saiyidina Abbas bin Abdul Muttholib paman junjungan Rasulullah ﷺ dan para Ahlul Bait yang bersama beliau di bawah kubah besar. Ucapkanlah salamnya:


السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا عَبَّاسَ بنَ عَبدِ الْمُطَّلِبِ أَبَا الفَضلِ طَيِّبَ الأَنفَاسِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا عَمَّ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا عَمَّ نَبِيِّ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا عَمَّ حَبِيبِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا عَمَّ

المُصطَفَى. السَّلَامُ عَلَيكُم أَيُّهَا البَرُّ الزَّكِيُّ. السَّلَامُ عَلَيكُم أَيُّهَا العَمُّ الحَفِيُّ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَاقِيَ الحَجِيجِ بِمَكَّةَ الأَمِينَةِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مَن سَقَى اللهُ بِشَفَاعَتِهِ أَهلَ المَدِينَةِ. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

*"Salam ke atasmu ya Saiyidana Abbas bin Abdul Muttholib, Abal Fadhl yang mulia jiwanya. Salam ke atasmu wahai paman Saiyidina Rasulillah. Salam ke atasmu wahai paman Nabiyyullah. Salam ke atasmu wahai paman Habibullah. Salam ke atasmu wahai paman Al-Musthafa. Salam ke atasmu wahai yang budiman nan murni. Salam ke atasmu wahai paman yang terhormat. Salam ke atasmu wahai penuang minuman kepada jemaah haji di Makkah yang aman. Salam ke atasmu wahai yang dengan syafaatnya Allah menurunkan hujan kepada warga Madinah. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan keberkatanNya".*

## Salam Kepada Saiyidina Hasan bin Ali ﵁

Kemudian ucapkanlah salam keapda Saiyidina Al-Hasan Al-Mujtaba putera Saiyidina Ali Al-Murtadho dan As-Saiyidah Fatimah Az-Zahra' Al-Batul binti Saiyidina Ar-Rasul. Pusara beliau di sebelah Saiyidina Abbas. Maka ucapkanlah salamnya:




السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا الإِمَامَ الحَسَنَ المُجتَبَى. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سِبطَ نَبِيِّ الهُدَى. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا قُرَّةَ عَينِ المُصطَفَى. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا ابنَ سَيفِ اللهِ المَسلُولِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا ابنَ بِنتَ الرَّسُولِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا جَدَّ الأَشرَافِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا كَامِلَ العَفَافِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مَن

أَصلَحَ اللهُ بِهِ بَينَ المُسلِمِينَ وَبَشَّرَ بِذَلِكَ سَيِّدُ المُرسَلِينَ. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

*"Salam ke atasmu ya Saiyidana Al-Imam Al-Hasan Al-Mujtaba. Salam ke atasmu wahai cucunda Nabiyyul Huda. Salam ke atasmu wahai penyejuk mata Al-Musthafa. Salam ke atasmu wahai putera pedang Allah yang terhunus. Salam ke atasmu wahai anakanda puteri Rasul. Salam ke atasmu wahai nenda para syarif. Salam ke atasmu wahai Tuan yang sempurna keperibadian amat jauh dari yang terlarang. Salam ke atasmu wahai Tuan yang denganmu Allah mendamaikan antara kaum Muslimin dan demikianlah telah dikhabarkan oleh junjungan mursalin. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya".*

## Salam Kepada Saiyidina Zainal Abidin Ali bin Al-Husein ﵁

Kemudian ucapkanlah salam kepada Saiyidina Zainal Abidin Ali bin Al-Husein yang bersebelahan dengan Saiyidina Hasan dengan lafaz salam:



السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا زَينَ العَابِدِينَ ابْنَ سَيِّدِنَا الحُسَينِ الشَّهِيدِ قُرَّةِ عَينِ سَيِّدِ المُرسَلِينَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا إِمَامَ العُلَمَاءِ العَامِلِينَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا بَهجَةَ الأَتقِيَاءِ الزَّاهِدِينَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سُلَالَةَ النُّبُوَّةِ يَا شَرِيفَ الأُبُوَّةِ. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

*"Salam ke atasmu ya Saiyidana Zainal Abidin Ibni Saiyidina*

*Al-Husein As-Syahid buah hati Saiyidil Mursalin. Salam ke atasmu wahai imam para ulama' yang 'amilin. Salam ke atasmu wahai kesegakan ahli taqwa nan zuhud. Salam ke atasmu wahai jurai kenabian lagi termulia ayahnya. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan keberkatanNya".*

## Salam Kepada Saiyidina Muhammad Al-Baqir رضي الله عنه


Kemudian ucapkanlah salam kepada Saiyidina Muhammad Al-Baqir yang bersebelahan dengan ayahandanya Saiyidina Zainal Abidin bin Al-Husein dengan lafaz salam:

السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا أَبَا جَعفَرٍ مُحَمَّدًا البَاقِرَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مَن عَلَى ذِكرُهُ حَتَّى فَاقَ الأَكَابِرَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا ذَا الشَّرَفِ الأَصِيلِ وَالفَضلِ الجَلِيلِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا ابْنَ زَينَ العَابِدِينَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا فَخرَ العُلَمَاءِ العَامِلِينَ. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

*"Salam ke atasmu ya Saiyidana Aba Jaafar Muhammad Al-Baqir. Salam ke atasmu wahai Tuan yang tinggi namanya mengatasi ahli martabat kebesaran. Salam ke atasmu wahai pemilik kemuliaan sejati dan kelebihan yang tinggi. Salam ke atasmu wahai putera Zainal Abidin. Salam ke atasmu wahai kebanggaan ulama'ul 'amilin. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya".*

## Salam Kepada Saiyidina Jaafar As-Sodiq رضي الله عنه

Kemudian ucapkanlah salam kepada Saiyidina Jaafar As-Sodiq رضي الله عنه yang berkedudukan di sebelah Saiyidina Abbas, dengan lafaz salam:



السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا جعفرًا الصَّادِقَ يَا مَن جِهَادُهُ فِي اللهِ صَادِقٌ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا كَثِيرَ المَعَارِفِ وَالأَسرَارِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مَنبَعَ الحَقَائِقِ وَالأَنوَارِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مَن كَانَ عَلَمُ اهتِدَا وَبِهِ فِي العِلمِ وَالعَمَلِ يُقتَدَى. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا أَهلَ بَيتِ النُّبُوَّةِ وَمَعدِنِ الرِّسَالَةِ وَمَهبِطِ الوَحيِ (إِنَّمَا يُرِيدُ اللهُ لِيُذهِبَ عَنكُمُ الرِّجسَ أَهلَ البَيتِ وَيُطَهِّرَكُم تَطهِيرًا). أَمَدَّنَا اللهُ تَعَالَى بِمَدَدِكُم حَشَرَنَا اللهُ فِي زُمرَتِكُم أَمَاتَنَا اللهُ عَلَى مَحَبَّتِكُم وَسُنَّتِكُم وَرَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُم وَأَرضَاكُم أَحسَنَ الرِّضَى وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَنزِلَكُم وَمَحَلَّكُم وَمَأوَاكُم. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى أَروَاحِهِمُ الفَاتِحَةُ.

*"Salam ke atasmu ya Saiyidana Jaafar As-Sodiq, wahai Tuan yang jihadnya benar di jalan Allah. Salam ke atasmu wahai Tuan yang luas makrifat dan sirrnya. Salam ke atasmu wahai pancaran segala hakikat dan cahaya. Salam ke atasmu wahai Tuan yang menjadi teras petunjuk dan menjadi ikutan pada ilmu dan amal. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Salam ke atasmu wahai Ahlil Bait kenabian, galian risalah dan tempat turun wahyu. Demi sesungguhnya Allah mahu menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu -wahai Ahlul Bait- dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya dari segala perkara yang keji. Semoga Allah Taala mengurniakan kami madad[18]-mu wahai para Ahlul Bait, semoga Allah membangkitkan kami dalam golonganmu. Semoga Allah mematikan kami di atas mahabbah dan perjalanan tuan-tuan sekalian. Semoga Allah*



18 - Madad ertinya bantuan rohani.

*meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu, dan rumahmu. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat arwah mereka sekalian".*

## Salam Kepada Saiyidatina Fatimah Az-Zahra' رضي الله عنها

Kemudian berziarahlah kepada Saiyidatina Fatimah Az-Zahra' رضي الله عنها (atas satu kaul yang mengatakan bahawa beliau dikebumikan di bawah kubah yang sama) di sebelah kiblat pusara Saiyidina Abbas رضي الله عنه. Ucapkanlah salamnya:

السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا سَيِّدَتَنَا فَاطِمَةَ الزَّهرَاءَ يَا بِنتَ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا بِنتَ المُصطَفَى. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا أُمَّ السِبطَينِ الجَلِيلَينِ سَيِّدِنَا الحَسَنِ وَسَيِّدِنَا الحُسَينِ. السَّلَامُ عَلَيكُم أَيَّتُهَا الزَّهرَاءَ البَتُولَ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا بِنتَ المُصطَفَى الرَّسُولَ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا سَيِّدَةَ النِّسَاءِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا خَامِسَةَ أَهلِ الكِسَا. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا جَدَّةَ الشُّرَفَاءِ سَلِيلِي الفَخرِ وَالاِصطِفَاءِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا مَن فَطَمَكُنَّ اللهُ تَعَالَى مُحِبِّيكُنَّ مِنَ النَّارِ وَأَدخَلَهُم بِبَرَكَةِ مَحَبَّتِكُنَّ الجَنَّةَ مَنَازِلَ الأَبرَارِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ أَيَّتُهَا الجَوهَرَةُ المَصُونَةُ وَالدُّرَّةُ المَكنُونَةُ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ وَعَلَى أَبنَائِكُنَّ الطَّاهِرِينَ وَذُرِّيَّتِكُنَّ المُبَارَكِينَ الطَّيِّبِينَ وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

*"Salam ke atasmu ya Saiyidatina Fatimah Az-Zahra' wahai puteri Saiyidina Rasulillah ﷺ. Salam ke atasmu wahai puteri*

*Nabiyyullah. Salam ke atasmu wahai puteri Al-Musthafa. Salam ke atasmu wahai bonda dua cucunda lelaki Baginda yang mulia Saiyidina Al-Hasan dan Saiyidina Al-Husein. Salam ke atasmu wahai Zahra' wanita suci. Salam ke atasmu wahai puteri Al-Musthafa Ar-Rasul. Salam ke atasmu wahai penghulu sekalian wanita. Salam ke atasmu wahai yang kelima dari Ahlil Kisa'. Salam ke atasmu wahai nenda para syarif, titihan kebanggaan dan pilihan. Salam ke atasmu wahai Puan yang dijauhkan Allah dari neraka beserta mereka yang mencintaimu, dengan berkat cinta kepadamu Allah masukkan mereka ke dalam syurga dan menempatkan mereka di kediaman para abrar. Salam ke atasmu wahai manikam terpelihara dan permata yang tersimpan. Salam ke atasmu beserta para keturunanmu yang suci, dan zuriatmu yang diberkati dan baik dengan rahmat Allah dan segala keberkatanNya".*

Begitu juga hendaklah penziarah berdoa kepada Allah memohon hajatnya yang berupa kebaikan di dunia dan Akhirat. Bertawassul-lah dengan para Ahlil Baqi' kepada Baginda Kekasih Allah -'alaihis solatu was salam-.



## Ziarah Saiyidatina Sofiyyah Ibu Saudara Rasulullah ﷺ

Kemudian berziarahlah kepada Saiyidatina Sofiyyah; ibu saudara sebelah bapa kepada Baginda Rasulullah ﷺ. Beliau adalah ibu kepada Saiyidina Az-Zubeir رضي الله عنه dan makamnya di bawah kubah di sebelah kiri ketika keluar dari Bab Al-Jumu'ah. Ucapkanlah salamnya:

السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا سَيِّدَتَنَا صَفِيَّةَ بِنتَ عَبدِ المُطَّلِبِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا

عَمَّةَ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا عَمَّةَ نَبِيِّ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا عَمَّةَ حَبِيبِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ يَا عَمَّةَ الْمُصطَفَى رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُنَّ وَأَرضَاكُنَّ أَحسَنَ الرِّضَى وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَسكَنَكُنَّ وَمَحَلَّكُنَّ وَمَأوَاكُنَّ. السَّلَامُ عَلَيكُنَّ وَعَلَى مَن حَولَكُنَّ مِن أَصحَابِ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهِ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةَ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى أَروَاحِهِمُ الفَاتِحَةُ.

*"Salam ke atasmu ya Saiyidatina Sofiyyah binti Abdul Muttholib. Salam ke atasmu wahai ibu saudara Saiyidina Rasulullah ﷺ. Salam ke atasmu wahai ibu saudara Nabiyyullah. Salam ke atasmu wahai ibu saudara Habibullah. Salam ke atasmu wahai ibu saudara Al-Musthafa. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu, dan rumahmu. Salam ke atasmu dan para sahabat Saiyidina Rasulullah ﷺ yang berada di sekitarmu. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat arwah mereka sekalian".*



## Ziarah Saiyidina Ismail bin Jaafar As-Sodiq رضي الله عنه

Kemudian berziarahlah kepada Saiyidina Ismail bin Al-Imam Jaafar As-Sodiq رضي الله عنه, pusara beliau di dalam pagar di bawah kubah yang bertentangan dengan kubah Saiyidina Abbas dari pihak barat. Ucapkanlah salamnya:

السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا إِسمَاعِيلَ بنَ سَيِّدِنَا الإِمَامِ جَعفَرِ الصَّادِقِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا أَهلَ بَيتِ النُّبُوَّةِ وَمَعدِنِ الرِّسَالَةِ وَمَهبِطِ الوَحيِ.

رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُم وَأَرضَاكُم أَحسَنَ الرِّضَى وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَسكَنَكُم
وَمَحَلَّكُم وَمَأوَاكُم. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه. إِلَى رُوحِهِ الفَاتِحَةُ.

*"Salam ke atasmu ya Saiyidana Ismail Ibnu Saiyidina Al-Imam Jaafar As-Sodiq. Salam ke atasmu wahai Alhul Bait An-Nubuwwah, galian risalah dan tempat turun wahyu. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu, dan rumahmu. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat rohnya".*

## Ziarah Saiyidina Abdullah Ayahanda Junjungan Nabi ﷺ

Sesudah itu pergilah berziarah kepada Saiyidina Abdullah bin Abdul Muttholib ayahanda junjungan Nabi kita ﷺ[19]. Pusaranya masyhur di Zuqaq At-Thiwal dan ucapkanlah salam kepadanya:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَرِيمِ الآبَاءِ وَالأُمَّهَات. السَّلَامُ عَلَيكُم
يَا سَيِّدَنَا عَبدَاللهِ يَا أَبَا سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا أَبَا حَبِيبِ
اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا أَبَا المُصطَفَى. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا أَبَا سَيِّدِ المُرسَلِينَ
وَخَاتَمِ النَّبِيِّين. السَّلَامُ عَلَينَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِين وَرَحمَةُ اللهِ
وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى رُوحِهِ الفَاتِحَةُ.




19 - Makam Saiyidina Abdullah bin Abdul Muttholib ayahanda junjungan Nabi kita ﷺ terletak di dalam sebuah rumah yang dipanggil Daar An-Nabighah. Lokasi rumah ini yang dahulunya di Zuqaq (lorong) At-Thiwal, sekarang telah termasuk dalam kawasan Masjid Nabawi yang mulia selepas projek perluasannya.

*"Allahumma kurniakanlah selawat ke atas junjungan kami Saiyidina Muhammad yang mulia ayah bonda dan nenek moyangnya. Salam ke atasmu ya Saiyidana Abdullah wahai ayahanda junjungan Rasulullah. Salam ke atasmu wahai ayahanda Habibullah. Salam ke atasmu wahai ayahanda Al-Musthafa. Salam ke atasmu wahai ayahanda penghulu para rasul dan penutup para nabi. Salam ke atas kami dan ke atas para hamba Allah yang solihin beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat rohnya".*

## Ziarah Saiyidina Malik bin Sinan ﵁

Kemudian ziarahilah Saiyidina Malik bin Sinan yang merupakan ayah kepada Saiyidina Abu Saeed Al-Khudriy -radhiyallahu 'anhuma-, beliau adalah salah seorang sahabat yang syahid di medan Uhud dan telah di kebumikan di Kota Madinah sebelum sampai perintah Saiyidina Rasulullah ﷺ yang mengarahkan para syuhada dikebumikan di tempat mereka gugur di medan Uhud. Makamnya masyhur menempel ke dinding pagar sebelah barat pusara Baqi'. Ucapkanlah salamnya:

السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا مَالِكَ بنَ سِنَان الأَنصَارِيّ الشَّهِيدَ بِأُحُدٍ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا صَاحِبَ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا صَاحِبَ نَبِيِّ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا صَاحِبَ حَبِيبِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا صَاحِبَ المُصطَفَى. رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُم وَأَرضَاكُم أَحسَنَ الرِّضَى وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَنزِلَكُم وَمَحَلَّكُم وَمَأوَاكُم. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه. إِلَى رُوحِهِ الفَاتِحَةُ.


159

*"Salam ke atasmu ya Saiyidana Malik bin Sinan Al-Ansori yang*

*syahid di Uhud. Salam ke atasmu wahai sahabat Saiyidina Rasulillah. Salam ke atasmu wahai sahabat Nabiyyullah. Salam ke atasmu wahai sahabat Habibullah Salam ke atasmu wahai sahabat Al-Musthafa. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu, dan rumahmu. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat rohnya".*

## Ziarah Saiyidina Muhammad An-Nafsuz Zakiyyah ﵁

Kemudian berziarahlah kepada tokoh Ahlul Bait yang murni agamanya bergelar An-Nafsuz Zakiyyah (yang berjiwa suci) iaitu Saiyidina Muhammad bin Abdullah. Pusaranya terletak di luar benteng kota Madinah, di bawah satu kubah arah sebelah kiri di luar gerbang Bab As-Syami[20] bagi yang mahu keluar berziarah kepada Saiyid As-Syuhada' Saiyidina Hamzah ﵁. Maka ucapkanlah salam kepadanya:

السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا مُحَمَّدَ بْنَ عَبدِ اللهِ النَّفسِ الزَّكِيَّةِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا أَهلَ بَيتِ النُّبُوَّةِ وَمَعدِنِ الرِّسَالَةِ. رَضيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُم وَأَرضَاكُم وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَنزِلَكُم وَمَسكَنَكُم وَمَحَلَّكُم وَمَأوَاكُم. السَّلَامُ عَلَيكُم

20 - Lokasi asal makam Saiyidina Muhammad An-Nafs Az-Zakiyyah ﵁ terletak di Hayy Al-'Athn di kawasan Al-Munakhah, persimpangan Jalan Saiyidina Abu Bakr As-Siddiq (sekarang Sulthanah) dengan Jalan As-Sittin, dari arah lain lokasi makam ini terletak di utara kawasan As-Syamiyyah berdepan dengan Madrasah An-Najah dan Stesyen Pengangkutan Awam. Sekarang seluruh kawasan ini telah digusur untuk memberi laluan kepada projek peluasan jalanraya, pusara Saiyidina Muhammad An-Nafs Az-Zakiyyah turut dipindah ke Jannatul Baqi'. Sumber lisan yang jujur di Madinah menyebut bahawa ketika mereka membongkar makam tersebut didapati jasad Saiyidina Muhammad An-Nafs Az-Zakiyyah masih utuh dan luka kesan tikaman di badannya masih mengalir darah, -semoga Allah meredhainya dan mengurniakan kita manfaatnya serta seluruh Ahlul Bait-.


وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى رُوحِهِ الفَاتِحَةُ.

*"Salam ke atasmu ya Saiyidana Muhammad bin Abdullah An-Nafsuz Zakiyyah. Salam ke atasmu wahai Ahlil Bait An-Nubuwwah dan galian risalah. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, perteduhanmu, tempat rehatmu dan rumahmu. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat rohnya".*

## Ziarah Saiyidina Ali Al-'Uraidhiy رضي الله عنه

Sesudah itu pergilah berziarah kepada Saiyidina Ali Al-Uraidhiy yang bermakam di Al-Harrah As-Syarqiyyah[21]. Kalau dapat maka turunlah berziarah ke makamnya, jika tidak maka ucapkanlah salam ketika melewati masjidnya dalam perjalananmu menuju kepada Saiyid As-Syuhada' di Uhud. Dan ucapkanlah salamnya:

السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا عَلِيًّا العُرَيضِيّ بنَ سَيِّدِنَا الإِمَامِ جَعفَر الصَّادِق.
السَّلَامُ عَلَيكُم يَا أَهلَ بَيتِ النُّبُوَّةِ وَمَعدِنِ الرِّسَالَةِ. رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكَم
وَأَرضَاكَم أَحسَنَ الرِّضَى وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَنزِلَكَم وَمَحَلَّكَم وَمَأوَاكَم.
السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى رُوحِهِ الفَاتِحَةُ.





*"Salam ke atasmu ya Saiyidana Ali Al-'Uraidhiy Ibnu Saiyidina Al-Imam Jaafar As-Sodiq. Salam ke atasmu wahai Ahlul Bait An-Nubuwwah dan galian risalah. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan*

21 - Masjid dan makam Saiyidina Ali Al-'Uraidhiy terletak di di kawasan pertanian, empat kilometer di luar Kota Madinah Al-Munawwarah di jalanraya yang menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Al-Amir Muhammad bin Abd. Aziz. Masjid dan makam ini juga telah digusur.

*syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu, dan rumahmu. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah buat rohnya".*

## Ziarah Saiyidina Hamzah dan Para Syuhada' Uhud -radhiyallahu 'anhum-


Berziarah kepada Saiyidina Hamzah penghulu syuhada' yang paling afdhal dilakukan pada hari Khamis. Setelah bersuci diri keluarlah awal pagi supaya pulangnya tidak terlepas solat zohor berjemaah di Masjid Nabawi.

Pergilah berziarah kepada Saiydidina Hamzah ﵁ dan ucapkanlah salam kepadanya dengan khusyu' dan merendah diri dengan menjaga adab, tatakrama, kesopanan dan takzim yang sempurna dihadratnya:

السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا حَمزَةَ بنَ عَبدِ المُطَّلِب أَبَا عُمَارَةَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا عَمَّ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا عَمَّ نَبِيِّ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا عَمَّ حَبِيبِ اللهِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا عَمَّ المُصطَفَى. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا عَمَّ نُورِ الهُدَى. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَ الشُّهَدَاءِ وَيَا أَسَدَ اللهِ وَأَسَدَ رَسُولِهِ يَا حَمزَةُ يَا فَاعِلَ الخَيرَاتِ. يَا حَمزَةُ يَا كَاشِفَ الكُرُبَاتِ. يَا حَمزَةُ يَا ذَابًّا عَن وَجهِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مَن جَاهَدَ فِي اللهِ حَقَّ جِهَادِهِ وَبَاعَ نَفسَهُ فِي اللهِ وَبَذَلَهَا فِي مُرَادِهِ. أَشهَدُ أَنَّكُم جَاهَدتُم فِي اللهِ حَقَّ جِهَادِهِ حَتَّى أَتَاكُمُ اليَقِينُ. جَزَاكُمُ اللهُ خَيرًا عَنِ الإِسلَامِ وَالمُسلِمِينَ.

*"Salam ke atasmu ya Saiyidana Hamzah bin Abdul Muttholib; Abu Umarah. Salam ke atasmu wahai paman Saiyidina Rasulillah ﷺ. Salam ke atasmu wahai paman Nabiyyullah. Salam ke atasmu wahai paman Habibullah. Salam ke atasmu wahai paman Al-Musthafa. Salam ke atasmu wahai paman cahaya hidayat. Salam ke atasmu wahai penghulu syuhada', wahai singa Allah dan RasulNya, ya Hamzah wahai yang membuat segala kebajikan, ya Hamzah wahai yang menyingkap segala duka, ya Hamzah wahai yang mempertahankan wajah Baginda Rasulullah ﷺ. Salam ke atasmu wahai Tuan yang berjuang kerana Allah dengan jihad yang sebenarnya, wahai Tuan yang menjual jiwanya kepada Allah dan mengorbankan diri kepada perintah Allah. Aku bersaksi bahawa dirimu telah berjuang dengan jihad yang sebenarnya hingga ajal datang menjemputmu. Semoga Allah memberi ganjaran padamu atas segala jasamu kepada agama Islam dan kaum Muslimin.*

**السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا عَبدَ اللهِ بنَ جَحشٍ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا مُصعَبَ بنَ عُمَير. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدَنَا شَمَّاسَ بنَ عُثمَانَ. (سَلَامٌ عَلَيكُم بِمَا صَبَرتُم فَنِعمَ عُقبَى الدَّارِ. سَلَامٌ عَلَيكُم طِبتُم فَادخُلُوهَا خَالِدِينَ). أَمَدَّنَا اللهُ بِمَدَدِكُم حَشَرَنَا اللهُ فِي زُمرَتِكُم أَمَاتَنَا اللهُ عَلَى مَحَبَّتِكُم وَسُنَّتِكُم. وَرَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنكُم وَأَرضَاكُم وَجَعَل الجَنَّةَ مَنزِلَكُم وَمَحَلَّكُم وَمَأوَاكُم. السَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.**




*Salam ke atasmu ya Saiyidana Abdullah bin Jahsy. Salam ke atasmu ya Saiyidana Mus'ab bin Umair. Salam ke atasmu ya Saiyidana Syammas bin Othman. Salam untukmu di atas kesabaranmu, maka tempat kembalimu adalah syurga yang*

*penuh kenikmatan. Salam ke atasmu, berbahagialah kamu dan masuklah kamu ke dalam syurga kekal abadi. Semoga Allah mengurniakan kami madad dari tuan-tuan sekalian, semoga Allah membangkitkan kami dalam golonganmu, semoga Allah mematikan kami di atas mahabbah dan perjalananmu. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu, dan rumahmu. Salam ke atasmu beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya.*

Dan hendaklah penziarah menyertakan doanya memohon kebaikan dunia Akhirat serta berdoa untuk mereka yang berpesan doa kepadanya dan bacalah Al-Fatehah kepada arwah mereka sekalian. Selepas itu keluarlah menziarahi baki para syuhada' yang ada di luar Masjid Saiyidina Hamzah[22] di sebelah arah Syam (utara) dengan ucapan salamnya:

السَّلَامُ عَلَيكُم يَا شُهَدَاءَ يَا سُعَدَاءَ يَا نُجبَاءَ يَا نُقَبَاءَ يَا أَهلَ الصِّدقِ وَالوَفَاءِ. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا مُجَاهِدِينَ فِي سَبِيلِ اللهِ حَقَّ جِهَادِهِ وَعَبَدتُم رَبَّكُم حَتَّى أَتَاكُمُ اليَقِينُ. (سَلَامٌ عَلَيكُم بِمَا صَبَرتُم فَنِعمَ عُقبَى الدَّارِ). وَرَضِيَ اللهُ عَنكُم وَأَرضَاكُم وَجَعَلَ الجَنَّةَ مَنزِلَكُم وَمَحَلَّكُم وَمَأوَاكُم. أَمَاتَنَا اللهُ عَلَى مَحَبَّتِكُم وَسُنَّتِكُم حَشَرَنَا اللهُ فِي زُمرَتِكُم. السَّلَامُ عَلَيكُم يَا

22 - Pada tahun 570H bonda Al-Khalifah An-Nasir Lidinillah Abul Abbas Ahmad bin Al-Mustadhi' telah membina masjid di pusara Saiyidina Hamzah ﷺ. Masjid tersebut mengalami renovasi berkali-kali dan yang terakhir kerajaan Othmaniyyah Turki menggantinya dengan bangunan masjid yang indah. Binaan Turki ini telah digusur, kemudian pada tahun 1383H kerajaan Arab Saudi membangun tembok yang kukuh dan indah bagi memelihara pusara Saiyidina Hamzah dan anak saudaranya Saiyidina Abdullah bin Jahsy (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 185).

شُهَدَاءَ أُحُدٍ كَافَةً عَامَّةً وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إِلَى أَرْوَاحِهِمُ الفَاتِحَةُ.

*Salam ke atasmu wahai para syuhada', wahai yang berbahagia, wahai nujaba', wahai nuqoba', wahai ahli ketulusan dan kesetiaan. Salam ke atasmu wahai para mujahidin fi sabilillah dengan jihad yang sebenar, sesungguhnya Tuan-tuan telah mengabdikan diri kepada Allah hingga ajal datang menjemput. Salam untukmu di atas kesabaranmu, maka tempat kembalimu adalah syurga yang penuh kenikmatan. Semoga Allah meredhaimu dan mencapaikan keredhaan terbaik bagimu, dan menjadikan syurga sebagai kediamanmu, tempat rehatmu, dan rumahmu. Moga Allah mematikan kami di atas mahabbah dan perjalananmu serta membangkitkan kami dalam golonganmu. Salam ke atasmu wahai semua syuhada' Uhud beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya. Al-Fatehah kepada arwah mereka sekalian".*

# Fasal 9

# Masjid[23]-masjid Bersejarah Peninggalan Saiyidina Rasulullah ﷺ

## Masjid Qubbah As-Tsanaya

Setelah sempurna menziarahi syuhada' Uhud maka mulakanlah dengan menziarahi masjid[23] yang masyhur dengan nama Qubbah As-Tsanaya[24]. Setelah solat sunat tahiyyatul masjid dua rakaat bacalah doa berikut:


---

23 - Dalam Bahasa Arab kalimat masjid memberi pengertian umum terhadap bangunan yang dikhaskan untuk mengerjakan ibadah solat walaupun tidak untuk solat jumaat.

24 - Qubbah As-Tsanaya adalah sebuah masjid kecil di jalan berdekatan Jabal Uhud. Tsanaya bererti gigi manis; di lokasi masjid inilah sewaktu perang Uhud pada bulan Syawal tahun ketiga hijrah gigi manis Saiyidina Rasulullah ﷺ patah dan Baginda luka di wajahnya. As-Saiyid Ahmad Yasin Al-Khiyari -rahimahullah- yang wafat tahun 1380H melaporkan bahawa di masanya masjid ini telah pun roboh namun puing-puingnya masih ada (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 187).

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذِهِ قُبَّةُ الثَّنَايَا وَمَأْثَرٌ مِن مَآثِرِ نَبِيِّنَا وَشَفِيعِنَا سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. اللَّهُمَّ كَمَا بَلَّغتَنَا فِي الدُّنيَا زِيَارَتَهُ وَمَآثِرَهُ الشَّرِيفَةَ فَلَا تَحرِمنَا يَا اَللهُ فِي الآخِرَةِ مِن فَضلِ شَفَاعَتِهِ وَاحشُرنَا يَا اَللهُ فِي زُمرَتِهِ وَتَحتَ لِوَائِهِ وَاسْقِنَا مِن حَوضِهِ المَورُودِ بِيَدِهِ الشَّرِيفَةِ الطَّاهِرَةِ المُنِيفَةِ شَربَةً هَنِيئَةً لَا نَظمَأُ بَعدَهَا أَبَدًا إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيءٍ قَدِيرٌ بِرَحمَتِكَ يَا أَرحَمَ الرَّاحِمِينَ وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلَّمَ.

*"Allahumma sesungguhnya ini Qubbah As-Tsanaya yang juga peninggalan dari Nabi dan pensyafaat kami Saiyidina Muhammad ﷺ. Allahumma sepertimana Engkau telah menyampaikan kami di dunia dapat berziarah kepada Baginda dan peninggalan warisannya yang mulia, maka di Akhirat nanti janganlah ya Allah Engkau menghalang kami dari kurnia syafaatnya. Ya Allah bangkitkanlah kami nanti dalam golongan Baginda dan di bawah benderanya. Tuangkanlah minuman kepada kami dari Telaga Kautsar Baginda dengan tangannya yang suci mulia, minuman yang dengannya kami takkan haus lagi selama-lama. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap perkara, dengan rahmatMu wahai Tuhan yang maha memberi rahmat. Semoga Allah mengurnia selawat dan salam ke atas Saiyidina Muhammad serta ahli keluarga dan para sahabat Baginda".*




## Jabal Uhud

Dari Qubbah As-Tsanaya majulah terus ke Jabal Uhud dan berdoalah di situ:

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا جَبَلُ أُحُدٍ مِن جِبَالِ الجَنَّةِ يُحِبُّنَا وَنُحِبُّهُ. اللَّهُمَّ أَحسِنْ

عَاقِبَتَنَا فِي الأُمُورِ كُلِّهَا وَأَجِرنَا مِن خِزيِ الدُّنيَا وَعَذَابِ الآخِرَةِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسأَلُكَ رِضَاكَ وَالجَنَّةَ وَنَعُوذُ بِكَ مِن سَخَطِكَ وَالنَّارِ.

*"Allahumma sesungguhnya ini Jabal Uhud, sebuah gunung dari syurga, ia mencintai kami dan kami menyintainya. Allahumma baikkanlah penghujung kami dalam tiap perkara, jauhkan kami dari kehinaan dunia dan azab Akhirat. Allahumma sesungguhnya kami bermohon keredhaan dan syurgaMu, dan kami berlindung denganMu dari murkaMu dan api neraka".*

Al-Imam Al-Bukhari meriwayatkan dalam **Sahih**-nya, begitu juga para imam lain meriwayatkan dari Baginda ﷺ:

أُحُدٌ جَبَلٌ يُحِبُّنَا وَنُحِبُّهُ.

*"Uhud adalah sebuah gunung yang mencintai kami dan kami menyintainya".*

Al-Imam At-Thayyalisi meriwayatkan tambah teks hadis ini dari Saiyidina Anas رضي الله عنه iaitu :

...فَإِذَا جِئتُمُوهُ فَكُلُوا مِن شَجَرِهِ وَلَو مِن عِضَاهِهِ.

*"...maka jika kamu mendatanginya makanlah dari pokoknya, walau dari pokok yang berduri", ertinya sebagai mengambil berkat darinya.* Dalam satu riwayat lain yang bersamaan disebut:

...كُلُوا مِن نَبَاتِهِ.

*"...makanlah dari tumbuhannya".*

## Masjid Al-Fash

Antara masjid bersejarah yang ada di sini ialah sebuah masjid kecil yang menempel ke Jabal Uhud. Kedudukannya di sebelah kanan apabila engkau mengambil jalan bukit menuju ke Al-Mihras. Dikatakan bahawa di masjid inilah turunnya ayat Al-Fash iaitu firman Allah Taala:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا قِيلَ لَكُمۡ تَفَسَّحُواْ فِي ٱلۡمَجَٰلِسِ فَٱفۡسَحُواْ يَفۡسَحِ ٱللَّهُ لَكُمۡۖ وَإِذَا قِيلَ ٱنشُزُواْ فَٱنشُزُواْ يَرۡفَعِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنكُمۡ وَٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡعِلۡمَ دَرَجَٰتٖۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ خَبِيرٞ ﴿١١﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halNya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. dan (ingatlah), Allah maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan"- **Al-Mujaadilah: 11.***

Diriwayatkan juga bahawa Baginda Nabi ﷺ telah menunaikan solat Zohor dan Asar di sini setelah Baginda selesai dari pekerjaan perang di medan Uhud.

Maka sayugialah bagi penziarah untuk solat dua rakaat di masjid ini dan berdoa:

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا مَسجِدُ نُزُولِ آيَةِ الفَسحِ وَمَأْثَرٌ مِن مَآثِرِ نَبِيِّكَ وَحَبِيبِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. اللَّهُمَّ كَمَا بَلَّغتَنَا فِي الدُّنيَا زِيَارَتَهُ

وَمَآثِرَهُ الشَّرِيفَةِ فَلَا تَحرِمنَا فِي الآخِرَةِ مِن فَضلِ شَفَاعَتِهِ وَاحشُرنَا تَحت لِوَائِهِ بِرَحمَتِكَ يَا أَرحَمَ الرَّاحِمِينَ. وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلَّمَ.

*"Allahumma sesungguhnya inilah masjid tempat turun ayat Al-Fash dan satu peninggalan dari Nabi dan kekasihMu Saiyidina Muhammad ﷺ. Allahumma sepertimana Engkau telah menyampaikan kami di dunia dapat berziarah kepada Baginda dan peninggalan warisannya yang mulia, maka di Akhirat nanti janganlah Engkau menghalang kami dari kurnia syafaatnya, bangkitkanlah kami nanti dalam golongan Baginda dan di bawah benderanya, dengan rahmatMu wahai Tuhan yang maha memberi rahmat. Semoga Allah mengurnia selawat dan salam ke atas Saiyidina wa Maulana Muhammad serta ahli keluarga dan para sahabat Baginda".*

Bersebelahan dengan masjid ini terdapat lekuk sebesar ukuran kepala di dinding gunung, konon dikatakan bahawa lekuk itu telah menjadi tempat letak kopiah Baginda Rasulullah ﷺ dan Baginda telah duduk di bawahnya, namun kami tidak pula mendapati maklumat ini dalam sirah. Wallahu a'lam.



## Masjid Rukun Jabal 'Aynain

Masjid Rukun Jabal 'Aynain sebelah timur terletak di satu permukaan Bukit 'Aynain[25] yang berdepan dengan arah kiblat tempat gugurnya Saiyidina Hamzah رضي الله عنه. Dikatakan bahawa di kawasan masjid inilah tempat beliau ditikam dan junjungan Nabi

25 - Jabal (Bukit) 'Aynain adalah nama lain bagi Jabal Rumah iaitu bukit tempat pasukan pemanah yang masyhur kisahnya dalam perang Uhud.


 telah solat di situ. Maka sayugialah ziarah dan bertabarruk dengannya serta berdoa di situ:

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا مَسجِدُ رُكنِ جَبَلِ عَينَينِ وَمَشهَدُ سَيِّدِنَا حَمزَةُ رَضيَ اللهُ عَنهُ وَمَأثَرٌ مِن مَآثِرِ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. اللَّهُمَّ كَمَا بَلَّغتَنَا فِي الدُّنيَا زِيَارَةَ نَبِيِّنَا وَمَآثِرَهُ الشَّرِيفَةِ فَلَا تَحرِمنَا فِي الآخِرَةِ مِن فَضلِ شَفَاعَتِهِ وَاحشُرنَا تَحتَ لِوَائِهِ بِرَحمَتِكَ يَا أَرحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*"Allahumma sesungguhnya ini adalah Masjid Rukun Jabal Aynain dan tempat gugurnya Saiyidina Hamzah ﵁. Ia juga satu peninggalan dari warisan Saiyidina Rasulullah ﷺ . Allahumma sepertimana Engkau telah menyampaikan kami di dunia dapat berziarah kepada Nabi kami dan peninggalan warisannya yang mulia, maka di Akhirat nanti janganlah Engkau menghalang kami dari kurnia syafaatnya, bangkitkanlah kami nanti dalam golongan Baginda dan di bawah benderanya, dengan rahmatMu wahai Tuhan yang maha memberi rahmat".*

## Masjid Al-Masro'

Kemudian pergilah berziarah ke Masjid Al-Wadi yang terletak di sebelah utara Masjid Rukun Jabal 'Aynain. Ialah masjid yang sekarang terkenal dengan nama Al-Masro'[26]; dikatakan bahawa Saiyidina Hamzah telah dapat berjalan dari tempat beliau ditikam




26 - Al-Masro' bererti tempat gugur. Selain dari Al-Wadi dan Al-Masro' masjid ini juga dikenali dalam catatan sejarah sebagai Masjid Al-'Askar. As-Saiyid Ahmad Yasin Al-Khiyari -rahimahullahu Taala- melaporkan bahawa di masa beliau masjid ini masih berdiri dengan eloknya. Sekarang masjid ini dan semua bangunan lain yang pernah ada di Jabal 'Aynain (termasuk Masjid Qubbah As-Tsanaya, Masjid Al-Fash dan Masjid Rukun Jabal 'Aynain) telah diratakan (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 182).

(di Masjid Rukun Jabal 'Aynain) lalu jatuh menemui ajalnya di sini. Kaul lain mengatakan bahawa jenazah beliau telah di bawa ke tempat ini dan Saiyidina Rasulullah juga telah solat di sini.

Maka sayugialah solat di masjid ini dua rakaat tahiyyatul masjid kemudian berdoa:

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا المَسجِدَ مَسجِدُ المَصرَعِ وَمَأثَرٌ مِن مَآثِرِ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. اللَّهُمَّ كَمَا بَلَّغتَنَا فِي الدُّنيَا زِيَارَةَ نَبِيِّنَا وَمَآثِرَهُ الشَّرِيفَةِ فَلَا تَحرِمنَا فِي الآخِرَةِ مِن فَضلِ شَفَاعَتِهِ وَاحشُرنَا تَحتَ لِوَائِهِ بِرَحمَتِكَ يَا أَرحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*"Allahumma sesungguhnya inilah Masjid Al-Masro' yang merupakan satu peninggalan dari warisan Saiyidina Rasulullah ﷺ. Allahumma sepertimana Engkau telah menyampaikan kami di dunia dapat berziarah kepada Nabi kami dan peninggalan warisannya yang mulia, maka di Akhirat nanti janganlah Engkau menghalang kami dari kurnia syafaatnya, bangkitkanlah kami nanti dalam golongan Baginda dan di bawah benderanya, dengan rahmatMu wahai Tuhan yang maha memberi rahmat".*



## Masjid Zubab

Masjid Zubab dikenali juga dengan nama Masjid Ar-Rayah[27]. Terletak di utara Kota Madinah di permukaan sebuah bukit dan berada di sebelah kananmu jika engkau pulang dari menziarahi Sayyid As-Syuhada'. Diriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ pernah

27 - Masjid ini sekarang terletak di atas permukaan sebidang tanah tinggi di belakang Stesyen Az-Zughaibi yang berada di Jalan Sulthanah. Tanah tinggi tersebut dipanggil orang Jabal Ra'ij atau Jabal Zubab (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 179).

solat di sini dan khemah kecilnya yang mulia juga pernah dipasang di sini. Maka sayugialah solat di sini dan berdoa dengan doa yang telah disebut sebelum ini iaitu :

...اللَّهُمَّ كَمَا بَلَّغتَنَا...

## Ziarah Masjid Quba'

Adalah sunat mua'kkad hukumnya mendatangi Masjid Quba', yang terlebih utama pada hari Sabtu. Berwuduklah di kediamanmu kemudian keluarlah mendatangi masjid ini. Al-Imam Al-Bukhari dan An-Nasa'i meriwayatkan bahawa Saiyidina Rasulullah ﷺ pergi ke Masjid Quba' setiap hari Sabtu dengan menunggang kenderaan dan berjalan kaki. Al-Imam Ibnu Syaibah meriwayatkan dengan sanad yang baik dari Saiyidina Sahl bin Hunaif رضي الله عنه bahawa Baginda Rasulullah ﷺ telah bersabda:

مَن تَطَهَّرَ فِي بَيتِهِ ثُمَّ أَتَى مَسجِدَ قُبَاءَ فَصَلَّى فِيهِ صَلَاةً كَانَ كَأَجرِ عُمرَةٍ.

*"Barangsiapa bersuci di rumahnya kemudian mendatangi Masjid Quba' lalu menunaikan satu solat padanya maka ia seumpama pahala mengerjakan umrah".*

Kami juga telah menyebutkan banyak hadis lain mengenai ganjaran pahala solat di Masjid Quba' yang berlipat kali ganda dalam fasal sebelum ini, semoga Allah mengurnia taufik.

Maka sayugialah bagi penziarah mengerjakan solat dua rakaat di sini dan berdoa dengan doa berikut:

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا المَسجِدَ مَسجِدُ قُبَاءَ وَمُصَلَّى نَبِيِّنَا وَحَبِيبِنَا سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. اللَّهُمَّ إِنَّكَ قُلتَ وَقَولُكَ الحَقُّ فِي كِتَابِكَ المُنَزَّلِ عَلَى صَدرِ

نَبِيِّكَ المُرسَلِ (لَـمَسجِدٌ أُسِّسَ عَلَى التَّقوَى مِن أَوَّلِ يوم أَحَقُّ أَن تَقُومَ فِيه، فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَن يَتَطَهَّرُوا وَاللهُ يُحِبُّ المُتَطَهِّرِينَ). اللَّهُمَّ طَهِّر قُلُوبَنَا مِنَ النِّفَاقِ وَأَعمَالَنَا مِنَ الرِّيَاءِ وَفُرُوجَنَا مِنَ الزِّنَاءِ وَأَلسِنَتَنَا مِنَ الكَذِبِ وَالغِيبَةِ وَأَعيُنَنَا مِنَ الخِيَانَةِ. فَإِنَّكَ تَعلَمُ خَائِنَةَ الأَعيُنِ وَمَا تُخفِي الصُّدُورُ. رَبَّنَا إِنَّنَا ظَلَمنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَم تَغفِر لَنَا وَتَرحَمنَا لَنَكُونَنَّا مِنَ الخَاسِرِينَ. رَبَّنَا إِنَّنَا سَمِعنَا مُنَادِيًا يُنَادِي لِلإِيمَانِ أَن آمِنُوا بِرَبِّكُم فَآمَنَّا رَبَّنَا فَاغْفِر لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّر عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ الأَبرَارِ يَا أَرحَمَ الرَّاحِمِينَ. وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلَّمَ.

*"Allahumma sesungguhnya inilah Masjid Quba' dan tempat solat Nabi dan kekasih kami Saiyidina Muhammad ﷺ . Allahumma sesungguhnya Engkau telah berfirman dan kata-kataMu adalah kebenaran dalam kitabMu yang diturunkan ke dalam dada NabiMu yang diutuskan: "…kerana sesungguhnya Masjid (Qubaa' yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula wujudnya, sudah sepatutnya engkau solat padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan dirinya; dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)".*

*Allahumma sucikanlah hati kami dari sifat munafik, bersihkan amalan kami dari riya', jauhkan kemaluan kami dari zina, bersihkan lidah kami dari bohong dan umpat, sucikan mata kami dari khianat, sesungguhnya Engkau mengetahui pengkhianatan mata dan apa yang disembunyi dalam dada. Ya Robbana, sesungguhnya kami telah menzalimi diri kami*

*dan jika Engkau tidak mengampuni kami dan merahmati kami nescaya jadilah kami hamba-hambaMu yang rugi.*

*Ya Robbana, sesungguhnya kami telah mendengar seruan penyeru yang berkata: "Berimanlah kepada Tuhan-mu", maka kami pun beriman. Ya Robbana, maka ampunilah dosa-dosa kami, tebuslah segala kesalahan kami dan matikanlah kami bersama golongan abrar, wahai Tuhan yang maha merahmati. Semoga Allah mengurnia selawat dan salam ke atas Saiyidina Muhammad serta ahli keluarga dan para sahabat Baginda".*

Setelah doa ini pergilah ke Thaqah Al-Kasyf yang terletak di satu sudut Masjid Quba' tempat turun wahyu dan Mabrak An-Naqah[28] Baginda Rasulullah ﷺ ketika sampainya dari Makkah semasa peristiwa hijrah. Sayugialah penziarah solat di tiap tempat ini dua rakaat nafilah dan membaca doa:

اللَّهُمَّ كَمَا بَلَّغتَنَا فِي الدُّنيَا زِيَارَتَهُ...

## Rumah Saiyidina Saad bin Haitsumah رضي الله عنه

Antara tempat lain yang diambil tabarruk darinya di Quba' adalah Daar (rumah) Saiyidina Saad bin Haitsumah رضي الله عنه yang terletak di sebelah kiblat Masjid Quba'. Riwayat memberitakan bahawa baginda Rasulullah ﷺ telah berbaring di rumah ini. Orang ramai menamakan rumah ini sebagai Masjid Al-'Umrah, ia merupakan gelar yang tiada asalnya.

Di kiblat Masjid Quba', di sudut baratnya terdapat satu tempat yang mungkin ianya masjid rumah Saiyidina Saad. Orang ramai

28 - Thaqah Al-Kasyf ialah satu lubang cahaya di Masjid Quba' dan Mabrak An-Naqah pula tempat unta Baginda Rasulullah ﷺ berhenti di situ ketika peristiwa hijrah. Dua tempat ini dapat dikenal pasti dengan bertanya kepada para masyaikh ahli Madinah, dikatakan ianya tempat mustajab doa, wallahu a'lam.

menamakannya sebagai Masjid Saiyidina Ali dan boleh jadi kedua-duanya benar.

## Rumah Saiyidina Kultsum ﵁ dan Telaga Aris.

Di sebelah arah kiblat Masjid Quba' juga terdapat Daar Saiyidina Kultsum bin Hadm ﵁[29]. Baginda Rasulullah ﷺ telah singgah di rumah ini bersama ahli keluarganya serta ahli keluarga Saiyidina Abu Bakar ﵁. Dari rumah ini baginda kemudian mendatangi Telaga Aris yang masyhur sekarang dengan nama Telaga Al-Khatam[30]. Inilah telaga yang jatuh padanya cincin Nabi ﷺ dari tangan Khalifah Saiyidina Othman ﵁, atau jatuh dari tangan pembantunya ketika beliau menghulur cincin kepada si pembantu. Saiyidina Othman bersama para sahabat telah berhabis-habisan mencari cincin itu tapi tidak juga ketemu, demikianlah semata-mata hikmah Allah Taala pada kehilangannya.

Maka sayugialah bagi penziarah untuk berwuduk atau mandi dan minum dari air telaga ini. Dikatakan bahawa fadhilat minum air Telaga Aris sama seperti air Telaga Zamzam; meminumnya dengan suatu niat/doa nescaya Allah akan mengkabulkannya seperti niat untuk menghilang lapar dan dahaga, penawar sakit dan lain-lain. Berdoalah di situ memohon apa-apa hajat atau membaca doa yang telah lalu.



29 - Rumah Saiyidina Saad bin Haitsumah dan rumah Saiyidina Kultsum bin Hadm -radhiyallahu 'anhuma- kedua-duanya berdekatan dan terletak di arah selatan Masjid Quba'. Pada tahun 1405H/1985M kerajaan Arab Saudi telah melakukan perluasan Masjid Quba' lalu menggabungkan lokasi kedua rumah ini beserta bangunan-bangunan lain sekitarnya ke dalam kawasan masjid (Al-Kaukab Ad-Durriy ms 32).


30 - Lokasi telaga ini sekarang di bawah pembahagi jalan tar yang bertentangan dengan pintu tengah sebelah barat Masjid Quba', jauhnya dari pintu ini lebih kurang lima puluh meter (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 248).

## Masjid Al-Jumu'ah

Berdekatan Masjid Quba' di sebelah arah Syam (utara) terdapat Masjid Al-Jumu'ah yang dinamakan juga Masjid Bani An-Najjar. Al-Imam Ibnu Ishaq meriwayatkan apabila junjungan Nabi ﷺ beredar dari Quba' menuju Kota Yatsrib masuklah waktu solat Jumaat ketika Baginda sampai di Bani Salim maka Baginda pun mendirikannya di lembah tersebut dan itulah solat Jumaat pertama yang didirikan oleh Baginda di Madinah Al-Munawwarah. Maka sayugialah hendaknya penziarah solat dua rakaat dan berdoa di situ[31]:

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا المَسجِدَ مَسجِدُ الجُمُعَة وَمُصَلَّى نَبِيِّنَا وَحَبِيبِنَا سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. اللَّهُمَّ كَمَا بَلَّغتَنَا فِي الدُّنيَا زِيَارَةَ نَبِيِّنَا وَمَآثِرَهُ الشَّرِيفَةِ...

*"Allahumma sesungguhnya inilah Masjid Al-Jumu'ah dan tempat solat Nabi dan kekasih kami Saiyidina Muhammad ﷺ . Allahumma sepertimana Engkau telah menyampaikan kami di dunia dapat berziarah kepada Baginda dan peninggalan warisannya yang mulia…"*




## Masjid Al-Fadhikh

Junjungan Nabi ﷺ telah mengerjakan solat di Masjid Fadhikh selama enam malam ketika melakukan sekatan ke atas Yahudi Bani Nadhir. Masjid ini juga dikenali sekarang dengan nama Masjid As-Syams[32].

---

31 - Masjid ini sekarang berada dalam Bustan (Taman) As-Syurbatli dan pintunya berjajaran dengan pagar taman dengan tulisan di atasnya "Masjid Al-Jumu'ah". Lokasinya terletak di sebelah kanan jalan keluar dari Quba' menuju Kolej Al-Banat dan Sekolah As-Tsanawiyyah Lil-Banat (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 159).

32 - Lokasi masjid ini sekarang di Mantiqah As-Syuraibaat; ikut jalan besar Syari'

## Masjid Masyrubah Saiyidatina Ummu Ibrahim

Diriwayatkan bahawa Saiyidatina Mariah Al-Qibthiyyah -radhiyallahu 'anha- telah melahirkan Saiyidina Ibrahim putera Baginda Rasulullah ﷺ di masjid ini. Baginda juga pernah mengerjakan solat di sini[33].

## Masjid Bani Quraizoh

Dari Masjid Masyrubah Ummu Ibrahim pergilah berziarah ke Masjid Bani Quraizoh yang terletak di sebelah timur kawasan perumahan mereka. Junjungan Nabi ﷺ pernah mengerjakan solat di masjid ini[34].

## Masjid Bani Zufar

Bani Zufar adalah satu suku dari golongan Ansar keturunan Kabilah 'Aus. Masjid mereka ini terletak di sebelah timur pusara Baqi'. Masjid ini juga dikenali dengan nama Masjid Al-Baghlah kerana di atas satu permukaan batu di situ terdapat kesan tapak baghal kenaikan Saiyidina Rasulullah ﷺ. Di satu permukaan batu lain di masjid ini[35] terdapat kesan pahatan berbentuk seperti pinggan;



Al-'Awali ke arah Hospital Al-Wathani, di sebelah kanan ada sebatang lorong kecil yang berturap tar menuju ke Masjid Al-Fadhikh, kira-kira seratus meter sebelum lorong ini terdapat premis Qashr Marhaban yang disewakan untuk majlis-majlis keraian (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 168).

33 - Masyrubah ertinya kebun. Dahulu terdapat di situ binaan masjid yang dipagari tembok simen dan kini semuanya telah diratakan. Lokasi masjid ini sekarang berada di sebelah kiri pertengahan jalan dari Hospital Az-Zahra' menuju ke Hospital Al-Wathani, jarak dari jalan besar menuju ke lokasi ini kira-kira seratus meter (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 166).

34 - Lokasi masjid ini terletak di arah timur Masjid Al-Fadhikh dan berdekatan dengan Masjid Masyrubah Saiyidatina Ummu Ibrahim (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 199).

35 - Masjid Bani Zufar @ Masjid Al-Baghl juga dikenali dengan nama Masjid Al-Ma'idah (hidangan) kerana dikatakan berlaku peristiwa turun hidangan dari langit kepada Baginda ﷺ di situ, wallahu a'lam. Riwayat hadis menyebut bahawa

diriwayatkan bahawa Baginda Nabi -'alaihis solatu wassalam- telah makan tamar yang diletakkan di pinggan itu. Maka sayugialah bagi penziarah membawa bersamanya tamar dan roti untuk diletak di pinggan tersebut lalu dimakan sebagai mengambil berkat[36].

## Masjid Al-Ijabah

Di zaman Saiyidina Rasulullah ﷺ Masjid Al-Ijabah adalah tempat solat Bani Mu'awiyah bin Malik bin 'Auf bin Al-Aus. Baginda Nabi ﷺ telah mengerjakan solat dua rakaat di masjid ini lalu bangun berdoa panjang lalu dimustajabkan Allah, kerana peristiwa inilah ia dinamakan Masjid Al-Ijabah[37].

Maka sayugialah bagi penziarah untuk solat nafilah dua rakaat ditiap masjid tadi lalu berdoa memohonkan hajatnya atau membaca doa ziarah yang telah lalu:

...اللَّهُمَّ كَمَا بَلَّغتَنَا...

## Masjid Al-Fath

Masjid Al-Fath terletak di satu permukaan Jabal Sal' di luar Kota Madinah ke arah barat. Ia masjid yang masyhur dan dapat didatangi

---

Saiyidina Rasulullah ﷺ juga pernah duduk di atas batu di masjid ini. Kesan tapak baghal Baginda ada pada permukaan sebuah batu besar di halaman kiblat masjid, manakala pada permukaan batu di sebelah baratnya terdapat satu kesan lekuk; riwayat menyebut Baginda Nabi ﷺ telah menyandarkan sikunya yang mulia ke batu itu lalu ia melembutkan dirinya hingga kekal bekasnya, di atas batu lain terdapat kesan jari-jemari yang turut dinisbahkan kepada Baginda Nabi ﷺ (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 167).


36 - Sekarang masjid ini telah pupus, di atas lokasinya dibina bangunan Markaz Hai'ah Al-Amr Bil-Makruf Wan-Nahyu 'Anil Munkar. Markaz inilah yang ada di sebelah kanan jika melalui Jalan Al-Malik Abdul Aziz ke arah barat selepas simpang As-Sittin yang menghala ke lebuh raya kira-kira lima ratus meter, dari jalan besar ke arah bangunan kira-kira dua ratus meter (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 167).

37 - Masjid Al-Ijabah terletak di utara pusara Baqi'. Lokasinya sekarang di Jalan As-Sittin, atau dekat bulatan pertama di sebelah kanan jalan dari Hotel Ad-Dakheel menuju ke Jalan Abi Dzar (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 175).

melalui dua tangga; sebelah selatan dan timur. Apabila disebut Masjid Al-Fath [di Madinah] maka inilah dia. Nama lain baginya ialah Masjid Al-Ahzaab dan Masjid Al-A'laa.

Al-Imam Ahmad bin Hanbal meriwayatkan dalam kitabnya Al-Musnad dengan para perawi yang *tsiqah* dari Saiyidina Jabir bin Abdullah رضي الله عنه bahawa junjungan Nabi ﷺ telah solat di sini dan mendoakan kehancuran atas tentera Ahzaab. Tempat Baginda berdoa itu berhadapan dengan mihrab masjid dari arah ruang terbuka. Telah sahih perkhabaran yang menyebut bahawa Baginda mendoakan kehancuran tentera Ahzaab di tempat ini pada hari Isnin, Selasa dan Rabu lalu Allah pun mengkabulkan doa Baginda pada hari Rabu antara waktu solat Zohor dan Asar, maka kelihatanlah riak gembira di wajah Baginda -'alaihis solatu wassalam-. Setelah meriwayatkan perkhabaran ini Saiyidina Jabir رضي الله عنه berkata: "Maka tidak pernah aku ditimpa kesusahan yang besar melainkan segera aku pergi ke Masjid Al-Fath dan berdoa di situ dan pasti beroleh kabul".

Maka sayugialah bagi penziarah solat di situ dua rakaat kemudian berdoa[38]:



اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا المَسجِدَ مَسجِدُ الفَتحِ وَمَأثَرٌ مِن مَآثِرِ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ العَظِيمُ الحَلِيم. لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ رَبُّ العَرشِ العَظِيم. لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَرَبُّ الأَرضِينَ وَرَبُّ العَرشِ الكَرِيم.


*"Allahumma sesungguhnya inilah Masjid Al-Fath yang merupakan satu peninggalan dari warisan Saiyidina*

38 - Doa ini turut menghimpun di dalamnya munajat Saiyidina Rasulullah ﷺ yang Baginda rafakkan di Masjid Al-Fath saat berlakunya perang Ahzab, maka amat sayugialah bagi penziarah untuk berdoa dengannya.

*Rasulullah ﷺ. La ilaha illallah yang Maha Agung lagi Maha Santun. La ilaha illallah Tuhan arasy yang agung. La ilaha illallah Tuhan petala segala langit dan bumi lagi Tuhan arasy yang mulia.*

اللَّهُمَّ لَكَ الحَمدُ هَدَيتَنِي مِنَ الضَّلَالَةِ فَلَا مُكرِمَ لِـمَن أَهَنتَ وَلَا مُهِينَ
لِـمَن أَكرَمتَ وَلَا مُعِزَّ لِـمَن أَذلَلتَ وَلَا مُذِلَّ لِـمَن أَعزَزتَ وَلَا نَاصِرَ
لِـمَن خَذَلتَ وَلَا مُعطِيَ لِـمَن مَنَعتَ وَلَا مَانِعَ لِـمَن أَعطَيتَ وَلَا زَارِقَ
لِـمَن حَرَمتَ وَلَا حَارِمَ لِـمَن رَزَقتَ وَلَا رَافِعَ لِـمَن خَفَضتَ وَلَا
خَافِضَ لِـمَن رَفَعتَ وَلَا خَارِقَ لِـمَا سَتَرتَ وَلَا سَاتِرَ لِـمَا خَرَقتَ وَلَا
مُقَرِّبَ لِـمَا بَاعَدتَ وَلَا مُبعِدَ لِـمَا قَرَّبتَ.

*Allahumma bagiMu segala pujian; Engkau memberiku petunjuk dari kesesatan, maka tiada yang dapat memuliakan hamba yang Engkau hinakan, tiada yang dapat menghina siapa yang Engkau muliakan, tiada yang dapat membesar siapa yang Engkau lecehkan, tiada yang dapat memperleceh siapa yang Engkau besarkan, tiada yang dapat menolong siapa yang Engkau kecewakan, tiada yang dapat mengecewa siapa yang Engkau tolongkan, tiada yang dapat memberi siapa yang Engkau halangi, tiada yang dapat menghalang siapa yang Engkau beri, tiada yang dapat merezekikan siapa yang Engkau haramkan, tiada yang dapat mengharam siapa yang Engkau rezekikan, tiada yang dapat mengangkat siapa yang Engkau jatuhkan, tiada yang dapat menjatuh siapa yang Engkau angkatkan, tiada yang dapat menyingkap apa yang Engkau lindungi, tiada yang dapat melindung apa yang Engkau singkapkan, tiada yang dapat mendekat apa yang Engkau jauhkan dan tiada yang dapat menjauh apa yang*



*Engkau dekatkan.*

اللَّهُمَّ أَنتَ عَضُدِي وَنَصِيرِي بِكَ أَحُولُ وَبِكَ أَصُولُ وَبِكَ أُقَاتِلُ. اللَّهُمَّ يَا صَرِيخَ الْمُستَصرِخِينَ وَالمَكرُوبِينَ وَيَا مُجِيبَ دَعوَةَ الْمُضطَرِّينَ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّم وَاكْشِف عَنِّي كَربِي وَغَمِّي وَحُزنِي وَهَمِّي كَمَا كَشَفتَ عَن حَبِيبِكَ وَرَسُولِكَ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ كُربَهُ وَحُزنَهُ وَغَمَّهُ فِي هَذَا المَقَامِ وَأَنَا أَستَشفِعُ إِلَيكَ بِهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ فِي ذَلِكَ. فَقَد تَرَى حَالِي وَتَعلَمُ عَجزِي وَضَعفِي يَا حَنَّانُ يَا مَنَّانُ يَا ذَا الجُودِ وَالإِحسَانِ.


*Allahumma Engkaulah penyangga dan penolongku. DenganMu dapat aku berdaya, denganMu aku menyerang dan denganMu aku melawan. Allahumma wahai Tuhan yang menyahut teriakan hamba yang minta tolong dan ditimpa kesusahan, wahai yang menjawab doa mereka yang kepicikan, kurniakanlah selawat dan salam ke atas Saiyidina Muhammad serta ahli keluarga dan para sahabatnya, singkapkan bencana, dukacita, kesedihan dan kesusahan yang melanda diriku, sepertimana Engkau telah menyingkap bencana, dukacita, kesedihan dan kesusahan yang melanda kekasih dan RasulMu ﷺ di makam ini, dan inilah aku memohon syafaat Baginda ﷺ kepadaMu agar terkabul rintihanku. Sesungguhnya Engkau Maha Melihat betapa hal diriku, Engkau Maha Tahu betapa kelemahan dan kedhaifanku, wahai Tuhan yang Maha Belas Kasihan, Maha Budiman, wahai Tuhan yang bersifat pemurah dan memberi ehsan.*

أَسأَلُكَ مِن خَيرِ مَا سَأَلَكَ مِنهُ عَبدُكَ وَحَبِيبُكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. اللَّهُمَّ اغْفِر لِي ذُنُوبِي كُلَّهَا وَلِوَالِدَيَّ وَلِجَمِيعِ المُسلِمِينَ وَاجْمَع لِي بَينَ خَيرَيِ الدُّنيَا وَالآخِرَةِ. يَا حَنَّانُ يَا مَنَّانُ يَا ذَا المَعرُوفِ وَالإِحسَانِ يَا مَن إِلَيهِ تُرفَعُ أَكُفُّ السَّائِلِينَ يَا دَائِمَ النِّعَمِ يَا أَرحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*Aku bermohon padaMu dari permohonan terbaik yang diminta kepadaMu oleh abdi dan kekasihMu Saiyidina Muhammad ﷺ. Allahumma ampunilah segala dosaku, juga ampunilah kedua ayah ibuku dan seluruh kaum Muslimin, dan himpunkanlah bagiku kebaikan dunia dan Akhirat, wahai Tuhan yang Maha Belas Kasihan, Maha Budiman, wahai Tuhan yang memiliki kebaikan dan ehsan, wahai Tuhan yang kepadaNya dirafakkan telapak tangan para hamba yang berdoa, wahai Tuhan yang kekal sentiasa memberi nikmat, wahai Tuhan yang Maha Merahmati.*

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِن أَن أُشرِكَ بِكَ شَيئًا وَأَنَا أَعلَمُ وَأَستَغفِرُكَ لِمَا لَا أَعلَمُ إِنَّكَ أَنتَ عَلَّامُ الغُيُوبِ وَسَتَّارُ العُيُوبِ. وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلَّمَ.

*Allahumma sesungguhnya aku berlindung denganMu dari aku mensyirikkanMu sedangkan aku tahu, dan aku beristighfar kepadaMu atas apa yang tidak ku tahu, sesungguhnya Engkau Maha Tahu segala yang ghaib lagi maha menutup segala yang aib. Semoga Allah mengurnia selawat dan salam ke atas Saiyidina Muhammad serta ahli keluarga dan para sahabat Baginda".*



Masjid ini dinamakan Al-Fath kerana doa Baginda dimustajabkan di sini; pada malam itu Saiyidina Huzaifah ﷻ mendatangi Baginda di masjid ini dengan khabar bahawa tentera Ahzab telah berundur pulang, maka berpagi-pagilah Baginda Rasulullah ﷺ dan kaum Muslimin beroleh kemenangan dari Allah Azza Wajalla. Allah telah membantu dan menyejukkan mata mereka, Baginda Rasulullah ﷺ bersabda kepada mereka:

أَبشِرُوا بِفَتحِ اللهِ وَنَصرِهِ.

*"Bergembiralah dengan kemenangan dari Allah dan pertolonganNya".*

## Masjid-masjid Di Bawah Masjid Al-Fath

Adapun masjid-masjid yang ada di arah kiblat Masjid Al-Fath berjumlah tiga buah kesemuanya terletak di lembah yang dipanggil Wadi As-Saihi. Masjid yang pertama dipanggil orang Masjid Saiyidina Salman Al-Farisi, kedua Masjid Saiyidina Ali bin Abi Tholib dan yang ketiga[39] Masjid Saiyidina Abu Bakar -radhiyallahu 'anhum-.

As-Syarif As-Samhudi berkata: "Tidak dapat ku temui asal mengapa masjid-masjid ini dinisbahkan kepada para sahabat berkenaan…", namun sayugialah bagi penziarah untuk solat dua rakaat di tiap masjid itu dan berdoa memohonkan hajatnya.



39 - As-Saiyid Ahmad Yasin Al-Khiyari -rahimahullahu Taala- menyebut lima buah masjid selepas Masjid Al-Fath; pertama di bawahnya Masjid Saiyidina Salman Al-Farisi, diikuti pada arah kiblatnya Masjid Saiyidina Omar bin Al-Khattab, seterusnya Masjid Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq yang berhadap-hadapan dengan Masjid Saiyidina Ali bin Abi Tholib, dan yang terakhir Masjid Saiyidatina Fatimah binti Saiyidina Rasulullah ﷺ. Para sejarawan hanya sepakat terhadap nama Masjid Al-Fath, lima masjid selepasnya tidak disepakati nama-namanya. As-Saiyid Ahmad juga berpendapat bahawa kelima-lima masjid ini pernah menjadi tempat solat para khalifah dan sahabat -radhiyallahu 'anhum-. (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 197).

## Masjid Bani Haram dan Gua As-Sal’

Masjid Bani Haram[40] terletak di kanan jalan menuju ke Masjid Al-Fath, berdekatan dengannya pula kedudukan Gua As-Sal’. Telah datang dalam khabar bahawa junjungan Nabi ﷺ pernah beribadah dalam gua ini dan telah turun wahyu di situ[41], Baginda juga telah bermalam di gua ini waktu peristiwa perang Khandak, maka Sayugialah mengambil berkat dan berdoa padanya.

## Masjid Al-Qiblatain

Terletak berdekatan Masjid Al-Fath. Pendapat yang lebih kuat menegaskan bahawa di sinilah berlakunya peristiwa pertukaran kiblat. **Kitab Al-Khulasah** mencatat hadis dari Saiyidina Othman bin Muhammad bin Al-Akhnas bahawa Baginda Rasulullah ﷺ telah menziarahi Saiyidatina Ummu Bisyr (ibu kepada Saiyidina Ibnul Bara’) -radhiyallahu ‘anhuma- di perkampungan Bani Salamah lalu si ibu menghidangkan jamuan buat Baginda ﷺ.

Apabila masuk waktu Zohor Baginda pun bangun mengimami para sahabat di masjid (Al-Qiblatain), ketika sedang mengerjakan rakaat kedua turun wahyu memerintahkan Baginda Rasulullah ﷺ untuk mengadap Kaabah, dengan itu Baginda pun memusingkan badannya mengadap arah Kaabah yang bertepatan dengan kedudukan pancuran air, dan inilah kiblat yang difirmankan Allah dalam ayat:

فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبلَةً تَرضَاهَا

40 - Masjid ini telah pupus dan lokasinya sekarang terletak di kiri sebatang lorong kecil bersebelahan Kolej Al-Mutawassithah Lil-Banat (Tarikh Ma’alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 196).

41 - Gua Jabal Sal’ turut dikenali dengan nama Kahf Bani Haram, masih ada hingga sekarang dan dapat didaki untuk sampai kepadanya melalui sebatang jalan sempit yang berturap dari Sekolah An-Nashiriyyah (Tarikh Ma’alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 192).


*"…maka Kami membenarkanmu berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai"-* ***Al-Baqarah: 144,***

lalu dengan peristiwa ini masjidnya pun diberi nama Al-Qiblatain.

Dalam satu riwayat lain dikhabarkan bahawa Saiyidina Rasulullah ﷺ bersama para sahabatnya sedang berada di perkampungan Bani Salamah lalu masuklah waktu Zohor. Baginda pun mengimami mereka di Masjid Al-Qiblatain dengan dua rakaat pertamanya masih mengadap Baitul Maqdis, ketika sedang rukuk di rakaat kedua turunlah perintah mengadap kiblat maka Baginda pun berpusing mengadapnya lalu para jamaah menurut pergerakan Baginda dan solat pun disempurnakan. Inilah sebab ia dinamakan Masjid Al-Qiblatain.

Riwayat yang sahih menyebut bahawa peristiwa peralihan kiblat berlaku di pertengahan bulan Rejab tahun kedua hijrah.

Satu lagi riwayat lain menyebut bahawa sekumpulan sahabat sedang menunaikan solat mengadap ke Baitul Maqdis lalu datanglah pembawa khabar memberitahu mereka yang sedang solat ini tentang perintah peralihan kiblat ke arah Kaabah. Mereka pun memusingkan dada-dada mereka mengadap kiblat dan terus menyempurnakan solat mereka. Dengan itu jadilah solat yang dikerjakan oleh kumpulan sahabat ini telah mengadap ke arah dua kiblat dan ialah sebab mengapa masjid tempat peristiwa ini berlaku dinamakan Masjid Dua Kiblat (Al-Qiblatain).




Maka sayugialah bagi penziarah mengerjakan solat dua rakaat di sini dengan mengadap kiblat, kemudian berdoa:

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا المَسجِدَ مَسجِدُ القِبلَتَينِ وَمَأثَرٌ مِن مَآثِرِ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. اللَّهُمَّ كَمَا بَلَّغتَنَا فِي الدُّنيَا زِيَارَةَ نَبِيِّنَا وَمَآثِرَهُ الشَّرِيفَةِ...

*"Allahumma sesungguhnya inilah Masjid Al-Qiblatain yang merupakan satu peninggalan dari warisan Saiyidina Rasulullah ﷺ. Allahumma sepertimana Engkau telah menyampaikan kami di dunia dapat berziarah kepada Nabi kami dan peninggalan warisannya yang mulia…*

Asal mulanya sewaktu Saiyidina Rasulullah ﷺ masih di Makkah Baginda mengerjakan solat dengan mengadap kepada kedua-dua kiblat; caranya ialah Baginda solat mengadap Kaabah dari arah yang menjurus ke Baitul Maqdis. Apabila Baginda hijrah ke Madinah Allah memerintahkannya solat mengadap ke Baitul Maqdis, lalu berkatalah kaum Yahudi: "Kalaulah bukan kerana agama kita nescaya takkanlah dia solat mengadap kiblat kita". Maka sukalah Baginda untuk solat mengadap Kaabah lalu turunlah wahyu Allah:

قَد نَرَى تَقَلُّبَ وَجهِكَ فِي السَّمَاءِ (...الآية)


*"Acap kali Kami melihat engkau (ya Muhammad), berulang-ulang mengadah wajahmu ke langit…"- **Al-Baqarah: 144**.*

## Masjid As-Suqya

Kemudian pergilah berziarah ke Masjid As-Suqya yang sekarang[42] terletak di Stesen Keretapi Madinah. Riwayat hadis menyebut bahawa Baginda Rasulullah ﷺ telah solat dan berdoa di masjid ini, warga Kota Madinah pula apabila ditimpa kemarau mereka akan keluar beramai-ramai menunaikan solat *istisqa'* dan berdoa mohon hujan kepada Allah di sisi masjid ini.

Maka sayugialah bagi penziarah menziarahinya, mengerjakan

42 - Lokasi Masjid As-Suqya telah diratakan bagi menyempurnakan projek pelebaran jalanraya dari Bab Al-'Anbariyyah ke 'Urwah. Stesen Keretapi Madinah masih wujud dan terdapat sebuah masjid di dalam kawasannya hingga dipercayai sebahagian orang sebagai Masjid As-Suqya, namun pendapat ini diragukan (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 148).



solat dua rakaat dan berdoa padanya dengan doa yang telah lalu:

...اللَّهُمَّ كَمَا بَلَّغْتَنَا...

## Masjid Al-Musholla

Adapun empat masjid yang ada di Al-Manakhah[43] maka yang pertamanya Masjid Al-Musholla, iaitu masjid yang sekarang dikenali dengan nama Masjid Al-Ghamamah. Dikatakan bahawa di situ berlaku peristiwa Baginda Nabi ﷺ dipayungi awan.

Disebut riwayat dalam kitab **Al-Khulasoh** dari Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه bahawa Saiyidina Rasulullah ﷺ jika kembali dari permusafiran dan melewati Al-Musholla maka Baginda akan berhenti dan berdoa.

## Masjid Saiyidina Abu Bakar رضي الله عنه

Yang kedua Masjid Saiyidina Abu Bakar رضي الله عنه yang terletak dekat *manhal*[44] sebelah syami (utara) Masjid Al-Ghamamah.

## Masjid Saiyidina Ali رضي الله عنه

Yang ketiga Masjid Saiyidina Ali رضي الله عنه yang terletak di arah syami (utara) Masjid Saiyidina Abu Bakar.



43 - Al-Manakhah adalah sebuah kawasan luas di pinggir pusat Kota Madinah sebelah barat, zaman dahulu di sinilah tempatnya pasar-pasar Madinah dan pendaratan unta-unta kafilah yang datang. Sekarang semua kawasan ini telah dibangunkan (Al-Hajj Qabla Mi'at Sanah ms 99, Beberapa Bagian Dari Sejarah Madinah ms 115).

44 - Pada zaman dahulu manhal di Kota Madinah adalah kolam air bawah tanah, dapat dituruni dengan tangga dari permukaannya untuk mengangkut air bagi kegunaan seharian (Beberapa Bagian Dari Sejarah Madinah ms 226).

## Masjid Saiyidina Umar رضي الله عنه

Yang keempat Masjid Saiyidina Umar رضي الله عنه yang kedudukannya di depan arah kiblat Masjid Al-Ghamamah dan menyasar sedikit ke sebelah barat. Itulah masjid yang ada di tebing laluan air yang dikenali sekarang dengan nama Masil Abu Jiydah.

## Masjid Saiyidina Othman رضي الله عنه

Juga Masjid Saiyidina Othman رضي الله عنه yang terletak di arah syami (utara) Madinah dalam benteng kota di sebelah kanan orang yang masuk dari pintu gerbang Bab As-Syami dan sebelah kiri jika orang keluar darinya. Kemungkinan masjid ini juga tempat Musholla Al-A'yaad[45]. Maka sayugialah solat di situ dan berdoa memohon kebaikan dunia Akhirat, atau membaca doa ziarah yang lalu[46].

Maka yang telah kami sebutkan inilah senarai masjid-masjid terkenal di negeri Madinah At-Thoyyibah. Adapun rantaian masjid yang terdapat di sepanjang jalan menuju ke Makkah Al-Musyarrafah dapatlah ditelaah pada kitab-kitab yang besar.



45 - Musholla Al-A'yaad adalah kawasan tanah lapang tempat Saiyidina Rasulullah ﷺ dan para sahabatnya menunaikan solat dua hari raya.

46 - Masjid Al-Musholla @ Masjid Al-Ghamamah, Masjid Saiyidina Abu Bakar رضي الله عنه, Masjid Saiyidina Umar رضي الله عنه dan Masjid Saiyidina Ali رضي الله عنه telah diselenggara dengan baik oleh para pemerintah Madinah Al-Munawwarah dari zaman berzaman hingga kini. Masjid Saiyidina Othman -radhiyaallahu 'anhu- pula tidak begitu terkenal kerana kedudukannya yang berada di dalam benteng militer di era Othmaniyyah Turki. Sekarang seluruh kawasan benteng askar itu (bersama masjidnya) telah diratakan untuk menyempurnakan projek perluasan jalanraya di utara Perpustakaan Al-Malik Abdul Aziz (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 256).

# Fasal 8

# Telaga-telaga Bersejarah Yang Dinisbahkan Kepada Saiyidina Rasulullah ﷺ

Banyak telaga bersejarah yang dinisbahkan kepada junjungan Baginda Rasulullah ﷺ. Adapun yang masyhurnya tujuh buah telaga yang pernah digunakan airnya oleh Baginda -'alaihis solatu was salam- untuk minum dan berwuduk. Tujuh telaga masyhur itu telah dinazamkan orang:



إِذَا رُمـتَ آبَـارَ النَّبِي بِطَـيبَةٍ * فَـعِدَّتُهَا سَـبعٌ مَـقَالًا بِـلَا وَهنِ

أَرِيسٌ وَغَرسٌ رُومةٌ وَبِضَاعَةٌ * كَذَا بُصَّةٌ قُل بِئرُ حَاءِ مَعَ العِهنِ

*Jika kau mahu pergi ke telaga*
*telaga junjungan Nabi di Kota Thoybah*
*bilangannya tujuh tiada ragu terkenal sudah*
*Aris, Ghars, Ruumah, Bidho'ah*
*Telaga 'Ihni, Bi'ru*[47] *Haa' dan juga Bussoh*

47 -Bi'r ertinya telaga.

## Bi’r Aris

Yang pertama Bi’r Aris[48]. Letaknya dekat Masjid Quba’ yang telah disebutkan di fasal yang lalu. Telaga ini juga masyhur dengan nama Bi’r Khatim.

## Bi’r Ghars

Bi’r Ghars juga terletak di sebelah Quba’[49]. Diriwayatkan bahawa Saiyidina Rasulullah ﷺ telah berwuduk dan minum dari telaga ini, Baginda juga telah menuang baki air wuduknya, meludah dan juga menumpahkan madu ke dalam telaga ini. Telah sahih juga perkhabaran yang menyebut bahawa Baginda Rasulullah ﷺ berwasiat agar dimandikan dengan air telaga ini, maka para sahabat pun menunaikan wasiat itu, mereka telah memandikan Baginda dengan air telaga ini sebanyak tujuh geriba[50]. Mengenai telaga ini Saiyidina Rasulullah ﷺ telah bersabda:

إِنَّهَا عَينٌ مِن عُيُونِ الجَنَّةِ.

*“Sesungguhnya ia dari mata air syurga”*

## Bi’r Al-‘Ihn


Bi’r Al-‘Ihn masyhur, letaknya di Qurban, di kawasan ‘Awali Madinah. Dikatakan juga namanya Bi’r Al-Yasirah. Diriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ telah berwuduk dari air telaga ini, Baginda telah meludah ke dalamnya dan telah memberkati telaga ini.

---

48 - Telah dicatat lokasinya pada fasal yang lalu, lihat notakaki nombor 30 di halaman 175.

49 - Lokasinya sekarang di seberang jalan berdepan dengan Ma’had Darul Hijrah. Terdapat juga di situ Bi’r Ghurais yang menempel dengan ma’had di sebelah baratnya (Tarikh Ma’alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 250).

50 - Geriba ertinya bekas air dari kulit biri-biri.



## Bi’r Al-Bussoh

Tempatnya berdekatan Baqi’ di jalan menuju Quba’[51]. Diriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ telah membasuh kepalanya yang mulia dengan air telaga ini, Baginda menuang air basuhan kepala dan sabun rambutnya kembali ke dalam telaga. Maka nyatalah banyaknya kebaikan pada Telaga Al-Bussoh ini.

## Bi’r Al-Budho’ah

Diriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ telah mengambil wuduk darinya[52], Baginda juga telah meludah ke dalamnya dan mendoakan keberkatan air telaga ini bagi yang meminumnya. Di zaman Baginda Rasulullah ﷺ para sahabat memandikan orang sakit di kalangan mereka dengan airnya maka disembuhkan Allah Taala dengan keberkatan telaga ini yang terhasil dari keberkatan Baginda Nabi ﷺ.

## Bi’r Haa’

Sekarang kedudukannya berdepan dengan Bab Al-Majidi, dikelilingi rumah-rumah. Telaga ini masih kekal dan diriwayatkan Baginda Nabi ﷺ telah minum dari airnya[53].



51 - Lokasinya sekarang di Al-Bustan (Taman) Az-Zohir yang terletak berdepan dengan Bank Ar-Riyadh, di sebelah kanan arah menuju ke jambatan dari Al-‘Awali ke Al-‘Anbariyyah. Pintu masuk taman terletak di sebelah barat berdepan dengan medan letak kereta di utara jambatan (Tarikh Ma’alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 258).

52 - Di masa As-Saiyid Ahmad Yasin Al-Khiyari -rahimahullahu Taala- Bi’r Budho’ah masih masih ada dan lokasinya terletak di dalam kawasan rumah As-Syarif Zaid, kemudian tempat itu dan kawasan sekitarnya telah diratakan bagi menyempurnakan projek perluasan menyeluruh Masjid Nabawi pada tahun 1405H/1984M (Tarikh Ma’alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 256).

53 - Bi’r Haa’ sekarang telahpun termasuk dalam perluasan Masjid Nabawi di kawasan utaranya, Bab Al-Majidi yang pernah menjadi antara pintu utama di Masjid Nabawi juga sekarang telah pupus] (Tarikh Ma’alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 260).

## Bi’r Ihaab

Riwayat lisan menyebut telaga ini juga dikenali sebagai Zamzam. Kedudukannya di Al-Harrah Al-Gharbiyyah. Diriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ telah meludah ke dalam telaga ini. Dikatakan bahawa di zaman dahulu air telaga ini dibawa ke merata negeri untuk diambil berkatnya seperti halnya air Zamzam[54].

## Bi’r Saiyidina Anas Bin Malik رضي الله عنه

Tempatnya sekarang di Zuqaq At-Thiwal di Ribath Al-Hadharimah. Diriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ meminta air lalu ditimbakan kepada Baginda air dari rumah Saiyidina Anas, air itu dituang kepada susu maka Baginda pun meminumnya. Dan tiadalah air di Madinah yang terlebih segar dari telaga ini. Di zaman Jahiliyyah telaga ini dipanggil orang sebagai Al-Burudah. Baginda Rasulullah ﷺ telah meludah ke dalam telaga ini. Penduduk Madinah yang ditimpa demam akan dimandikan dengan air telaga ini lalu diafiatkan Allah Taala[55].

## Bi’r Ruumah

Terkenal dengan nama Telaga Saiyidina Othman رضي الله عنه kerana beliaulah yang telah membelinya dan menyedekahkannya. Diriwayatkan bahawa ketika junjungan Nabi ﷺ tiba di Madinah air telaga yang sedap diminum hanya dari telaga ini, maka bersabdalah Baginda ﷺ:

مَن يَشتَرِي بِئرَ رُومَةَ فَلَهُ مِثلَهَا مِنَ الجَنَّةِ.

---

54 - Lokasi telaga ini terletak di Al-Harrah Al-Gharbiyyah (Tarikh Ma’alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 262).

55 - Lokasi telaga ini sekarang sudah termasuk dalam perluasan Masjid Nabawi di kawasan sebelah timurnya (Tarikh Ma’alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 263).

*"Barangsiapa membeli Telaga Ruumah maka dia akan dibalasi dengan sepertinya di syurga".*

Waktu itu orang Madinah yang mahu minum dari Telaga Ruumah perlu membeli airnya, maka Saiyidina Othman رضي الله عنه pun membeli telaga ini lalu menyedekahkannya untuk semua orang fakir, kaya dan pengembara.

Al-Imam Ibnu Abdul Barr meriwayatkan bahawa asal telaga ini dimiliki oleh seorang Yahudi yang menjual airnya kepada kaum Muslimin, maka Baginda Nabi ﷺ pun bersabda:

مَن يَشتَرِي بِئرَ رُومَةَ فَيَجعَلُهَا لِلمُسلِمِينَ يَضرِبُ بِدَلوِهِ فِي دِلَائِهِم وَلَهُ بِهَا شِربٌ فِي الجَنَّةِ.

*"Barangsiapa membeli Telaga Ruumah lalu memberinya kepada kaum Muslimin, dia sama-sama menimba dari telaga itu seperti saudara Musliminnya yang lain, nescaya dengan telaga itu dia akan mendapat minuman di syurga".*



Maka datanglah Saiyidina Othman kepada Yahudi tersebut menawarkan untuk membeli telaganya, si Yahudi enggan menjual kesemuanya maka Saiyidina Othman pun membeli separuh hakmilik telaga itu darinya dengan harga dua belas ribu dirham kemudian telaga itu diperuntukkannya kepada kaum Muslimin. Saiyidina Othman selanjutnya memberi pilihan kepada si Yahudi apakah telaga ini akan dibahagi dua atau dijadikan sehari untuknya dan sehari untuk Saiyidina Othman? Si Yahudi memilih pemilikan selang sehari, maka kaum Muslimin pun datang setiap hari Saiyidina Othman dan mengambil air untuk kecukupan dua hari. Apabila si Yahudi melihat keadaan ini dia pun berkata

kepada Saiyidina Othman: "Engkau telah merosakkan timba (perniagaan) airku!", lalu Saiyidina Othman pun membeli darinya separuh lagi Telaga Ruumah dengan harga lapan ribu dirham.

Saiyidina Rasulullah ﷺ telah bersabda:

نِعمَ الصَّدَقَةُ صَدَقَةُ عُثمَان.

*"Sedekah yang paling baik adalah sedekah Othman",*

yang Baginda maksudkan dalam hadis ini ialah Bi'r Ruumah dan namanya yang masyhur sekarang Bi'r Saiyidina Othman. Di Kota Madinah apabila berlaku musim banjir yang mengubah kualiti air dari 'Ain Az-Zarqa'[56] maka masyarakat akan mengambil air minum dari Bi'r Saiyidina Othman kerana segar dan sedapnya air telaga ini[57].



56 - 'Ain Az-Zarqa' adalah sumber air utama di kota Madinah sejak mula dialirkan dari mata airnya oleh gabenor Madinah, Marwan Ibnu Al-Hakam yang mula mentadbir pada tahun 41H di zaman Khalifah Saiyidina Muawiyah رضي الله عنه hinggalah ke awal era Saudi sebelum diganti dengan projek stesyen penyulingan air laut dari Yanbu' pada tahun 1398H/1978M. Lokasi mata air ini di sebelah barat Masjid Quba' (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 292).

57 - Telaga ini sekarang diselenggara oleh Kementerian Pertanian dan lokasinya dalam pagar di Al-Masytal Al-'Aam (Nurseri Pertanian).

# Syair Fadhilat Kota Madinah

Tempat-tempat bersejarah dan warisan mulia yang diberkati ini telah dihimpun peringatannya dalam rangkapan syair karangan As-Syeikh Abdul Lathif Al-Madani -rahimahullahu Taala-, kata beliau:

اِرحَل لِطَيبَةَ لَا تَؤُمَّ سِوَاهَا * فَعَسَاكَ أَن تَحظَى بِرُؤيَةِ طَهَ

*Tungganglah kenderaan pergilah ke Thoybah,*
*jangan kau tuju selainnya,*
*moga nanti beroleh tuah,*
*melihat Thoha junjungan mulia,*

فَإِذَا وَصَلتَ لَـهَا اكتَحِل مِن تُربِهَا * هُوَ إِثمِدُ العَينَينِ هُوَ جَلَاهَا

دَارُ الهَنَا فِيهَا الغِنَى مَعَ الـمُنَى * دَارُ الحَبِيبِ قُلُوبُنَا تَهوَاهَا

*Pabila sampai celaklah matamu dengan tanahnya,*
*ialah celak terbaik menerangkan mata,*
*ialah negeri bahagia,*
*negeri kaya negeri cita,*
*negeri kekasih, hati kami cinta padanya*

هِيَ طَيبَةٌ طَابَت وَطَابَ أُصُولُـهَا * وَمَدِينَةٌ رَبِّ السَّمَا سَمَّاهَا

هِيَ مُنيَةُ الأَلبَابِ مِفتَاحُ الهُدَى * فَانهَض إِلَيهَا وَاغتَنِم لِلِقَاهَا

هِيَ لُـجَّة حَضرَاءُ وَسطَ مَفَازَةٍ * فِيهَا الحَيَاءُ لِـمَن أَتَى يَرعَاهَا

هِيَ دُرَّةٌ بَيضَاءُ خَالِصَةٌ تُرَى * فَعَلَيكَ أَن تَسعَى لَـهَا فَتَـرَاهَا

*Inilah negeri Thoybah; baik asalnya,*
*ialah Madinah; Tuhan langit menamakannya,*
*ialah harapan jiwa, anak kunci hidayat,*
*bangkitlah ke sana, rebutlah peluang menemuinya,*
*ialah dataran hijau di tengah sahara,*
*ada kesopanan malu bagi yang datang menjaga adabnya,*
*ialah permata putih, kemilau murni terlihat dia,*
*lalu segeralah engkau, pergi ke sana melihatnya*

فَالعَينُ قَرَّت عِندَمَا نَظَرَت لَـهَا * وَاستَبشَرَت فَرحًا بِهَا آتَاهَا

وَالقَلبُ قَد سَكَنَ اضْطِرَابُهُ لِـهَيبَةٍ * لَـمَّا رَآى مَا فِي البِقَاعِ سِوَاهَا

كُلُّ الرَّوَائِحُ قَد زَكَت مِن طِيبِهَا * فَجَمِيعُهَا طَابَت لِطِيبِ شَذَاهَا

*Sejuklah mata pabila memandangnya,*
*amatlah suka dengan segala keindahannya,*
*redalah gementar pada hati dari kehebatannya,*
*pabila melihat tiada permukaan bumi yang setandingnya,*
*segala bauan menjadi murni dari haruman kota ini,*
*semuanya baik dari kewangian semerbaknya*



هَيهَاتَ أَينَ المِسكُ مِن نَفَحَاتِهَا * مَا المِسكُ إِلَّا جِيفَةٌ بِدِمَاهَا

لَا تَحسَبُ المِسكَ الزَّكِيَّ كَتُربِهَا * هَيهَاتَ أَينَ المِسكُ مِن رَيَّاهَا

فَإِن تَبغِ التَّطَيُّبَ يَا فَـتَى * فَأَدِم عَلَى السَّاعَاتِ لَثمَ ثَرَاهَا

*Aduh mana kan sama kasturi dengan hembusannya,*
*kasturi hanyalah dari bangkai dan darah jua,*
*jangan kau kira kasturi yang harum sama dengan tanah Madinah,*
*mana mungkin, tidak setanding bau kasturi dengan anginnya,*

*hai orang muda jika kau mahu berharum wangian,*
*berlama-lamalah mencium buminya,*

كُلُّ الأَمَاكِنِ حَيثُ كُنَّ كَنُقطَةٍ * فِي بَحرِ طَيبَةَ نَازِلِينَ حِمَاهَا
مَا مِثلُ طَيبَةَ مَنزِلٌ وَكَفَى بِهَا * فَخرًا حُلُولُ المُصطَفَى بِرُبَاهَا

*Semua tempat di mana saja umpama noktah,*
*di laut Thoybah, semuanya di bawah lindung bayangnya,*
*tiadalah kediaman yang sebaik negeri Thoybah,*
*cukuplah baginya kebanggaan, Al-Musthafa mendarat di halaman*

وَاللهِ لَا شَيءٌ يُعَادِلُـهَا إِذَا * ذُكِرَت وَلَا يَشفِى السِّقَام سِوَاهَا
مَن حَلَّ فِيهَا فَازَ مِنهَا بِالمُنَى * مَأوَى الغَرِيبِ لَهُ الهَنَى بِثِوَاهَا

*Demi Allah mana negeri pun yang disebut,*
*tidak ada yang seumpamanya,*
*tiada tanah menyembuh penyakit, selain dari tanahnya dia,*
*siapa yang mendarat padanya,beroleh cita dengan berkatnya,*
*dialah tempat dagang berteduh,*
*dagang beroleh bahagia dengan bertamu padanya*



لَا يَخشَ مِن ضَيمٍ أَقَامَ وَإِن غَدَا * هُوَ آمِنٌ وَاللهِ حَيثُ أَتَاهَا
وَإِذَا جَفَاهَا رَغبَةً فَلَهُ العَنَا * كَالكِيرِ تَنفِى خُبثَـهَا وَصَدَاهَا
لَا يَستَقِرُّ قَرَارُهُ فِي غَيرِهَا * أَبَدًا يَهِيمُ بِهَا لَا يَنسَاهَا

*Yang datang padanya tak perlu bimbang pada bencana,*
*walau melanda, demi Allah aman dia bila berada di MadinahNya,*
*jika suka menjauhi Madinah, lelah baginya,*
*Madinah umpama dapur api,*

*yang membersih karat dari besi,*
*anak Madinah takkan bersenang di negeri lain,*
*hatinya sentiasa terkenang Madinah,*
*takkan dapat melupakannya*

هِيَ بَلدَةُ اللهِ الَّتِي قَد خَصَّهَا * بِالغَيثِ وَالغَوثِ الَّذِي أَحيَاهَا

وَاللهُ شَرَّفَـهَا وَعَظَّمَ تُربَهَا* يَشفِي مِنَ الأَسقَامِ نَشرُ شَذَاهَا

*Madinah adalah negeri Allah yang diistimewakan,*
*dengan hujan dan pertolongan yang menghidupkan,*
*Allah memuliakannya, mengagungkan tanahnya,*
*hembusan kewangiannya menjadi ubat penyembuh derita*

شَرُفَت عَلَى كُلِّ البِقَاعِ جَمِيعِهَا * هَذَا الصَّحِيحُ فَعِندَ ذَا نَتَـبَاهَا

هِيَ مَذهَبِي فِيهَا نَشَأتُ وَمَوطِنِي * فَلَهَا هَوِيتُ وَمَا أَلَذُّ هَوَاهَا

*Madinah termulia di atas seluruh muka bumi,*
*ini sahih, dan inilah yang kami membanggainya,*
*ini mazhabku, padanya aku membesar, inilah tanah watanku,*
*kepadanyalah aku menyinta, aduh lazatnya cinta padanya*



وَاللهِ لَو سَفَّيتُ تَمرًا بَالِيًا * فِيهَا لَطَابَ العِيشُ مِن رَيَّاهَا

وَاللهِ لَا أَبغِي بِهَا بَدَلًا وَلَو * ضَاقَ المَعَاشُ وَلَو أَكَلتُ نَوَاهَا

*Demi Allah kalau makananku*
*hanya menghisap tamar keringnya*
*tetaplah hidupku rasa bahagia*
*kerna menghirup dari udaranya,*
*Wallahi tak mahu aku tukaran selainnya,*
*walau aku dihimpit derita, walau hanya makan bijinya*

جَزَمَ الجَمِيعُ بِأَنَّ تُربَةَ أَحمَدٍ * خَيرُ البِقَاعِ بِذَا نَقُولُ شِفَاهَا
لَا شَكَّ فِيهِ وَلَا خَفَاءَ وَلَا امْتِرَا * وَاللهُ شَرَّفَهَا بِهِ وَحَمَاهَا
وَاخْتَارَهَا وَطَنًا لَهُ وَلِصُحبِهِ * مِن بَعدِهِ وَدَعَا إِلَى سُكنَاهَا
أَرضٌ مَشَى جِبرِيلُ فِي عَرَصَاتِهَا * وَاللهُ شَرَّفَ أَرضَهَا وَسَمَاهَا
اَلبَدرُ فِيهَا وَالكَوَاكِبُ حَولَهُ * سُرُجٌ تُضِيءُ لِـمَن أَتَى بِحِمَاهَا

*Semuanya sudah berputus kata,*
*bahawa tanah pusara Ahmad, adalah bumi yang terbaik,*
*inilah yang lisan kami tegaskan,*
*tiada syak padanya, tiada sembunyi dan bukan rekaan,*
*dengan Baginda Allah muliakan*
*Kota Madinah dan menjagakan,*
*Allah memilihnya menjadi watan*
*kepada Baginda dan sahabatnya,*
*lagi Baginda jua serukan*
*berkampung halaman di Kota Madinah,*
*pada buminya Jibril turun berjalan,*
*Allah muliakan tanah dan langitnya,*
*rembulan purnamanya dan gugusan bintangnya*
*menjadi obor yang menerangi*
*hamba yang datang ke halamannya*



قَسَمًا بِطَيبَةَ وَالَّذِي فِي بَطنِهَا * مَا مِلتُ عَنهَا سَاعَةً أَنسَاهَا
كَيفَ السُّلُوُّ وَمُهجَتِي فِي تُربِهَا * أَبَدًا أَحِنُّ لِذِكرِهَا وَلِقَاهَا
وَاللهِ لَا أَسلُو وَلَو عَذَلَ الَّذِي * يُلحِي فَمَا قَلبِي رَنَا لِسِوَاهَا
إِنِّي إِذَا شَاءَ الإِلَهُ أَكُونُ مِن * سُكَّانِهَا وَأَذُوقُ مِن لَأْوَاهَا


*Sumpahku demi Thoybah, demi Baginda yang bersemadi padanya,*
*tak pernah aku bosan dengannya*
*walau sekejap masa, tak pernah aku melupakannya,*
*mana kan terhibur, jiwaku sentiasa di buminya,*
*hatiku sentiasa rindu padanya, tetap ingin menemuinya,*
*demi Allah tiada ku terhibur dengan selainnya,*
*walau dimarahi oleh yang membuat lalai dan leka,*
*hatiku tetap hanya tergetar kepadanya,*
*jika diberi izin Ilahi, ingin ku jadi warga negerinya,*
*walau terpaksa meneguk pahit maungnya*

**فَأَقِم بِهَا يَا سَامِعًا لِـحَدِيثِهِ * فَالنَّفسُ إِن صَبَـرَت تَنَالُ مُنَاهَا**

**هِيَ دَارُ خَيرِ المُرسَلِينَ فَنُورُهَا * يَزهُو عَلَى القَمَرَينِ حِينَ أَتَاهَا**

**وَالمِنبَـرُ العَالِي المُعَظَّمُ قَدرُهُ * لَـمَّا عَلَاهُ غَدَا بِهِ يَتَـبَاهَا**

*Bermukimlah padanya, wahai yang mendengar hadis Baginda,*
*pabila jiwa sanggup bersabar, nescaya mencapai cita-citanya,*
*ialah negeri Rasul terbaik dan cahayanya*
*menyerlah di atas suria dan bulan tika Baginda sampai padanya,*
*mimbar yang tinggi agung nilainya, berbangga-bangga*
*pabila Baginda menaikinya*




**وَبِهَا البَقِيعُ وَأَهلُهُ فِي رَوضَةٍ * شُهَدَاؤُهَا فِي جَنَّةٍ مَأوَاهَا**

**وَبِهِ كَذَاكَ سِرَاجُ طَيبَةَ فِي الدُّجَى * عُثمَانُ ذُو النُّورَينِ سَادَ وَلَاهَا**

**وَبِهِ الجَلِيلُ فَذَا عَمُّ نَبِيِّنَا * عَبَّاسُ مَعْ حَسَنٍ عَلَا بِعُلَاهَا**

*Padanya Baqi’ dan ahlinya di dalam taman,*
*syuhada’nya di dalam syurga bertempat kediaman,*
*padanya obor Kota Thoybah ketika malam,*
*Othman Dzun Nurain tuan yang tinggi kedudukan,*

*Padanya juga yang termulia paman Nabi kita*
*Abbas dan jua Hasan yang tinggi martabatnya*

وَبِهِ الرَّضِيَّةُ أُمُّ سَيِّدِنَا عَلِيّ ❋ وَكَذَا حَلِيمَةُ إِن مَرَرتَ تَـرَاهَا
وَكَذَاكَ عَمَّةُ خَيرُ مَن وَطِئَ الثَّرَى ❋ فِي قُبَّةٍ شَرُفَت رَقَتْ لِعُلَاهَا
وَنِسَاءُ خَيرِ المُرسَلِينَ قُبُورُهُم ❋ مَشهُورَةٌ وَسطَ البَقِيعِ تَرَاهَا

*Padanya yang diredhai bonda Saiyidina Ali,*
*jua Halimah, jika kau ke sana nescaya akan melihatnya,*
*dan ibu saudara junjungan terbaik yang memijak bumi,*
*di bawah kubah yang mulia, lagi tinggi darajatnya,*
*isteri-isteri Khairul Mursalin pusara mereka,*
*masyhur di tengah Jannatul Baqi', dapat engkau melihatnya*

وَبِهَا مَوَاضِعُ سَارَهَا خَيرُ الوَرَى ❋ وَأَتَى إِلَيهَا رَاكِبًا وَمَشَاهَا
مِنهَا كَذَلِكَ مَسجِدُ جَمعِيَةٌ ❋ نَحوَ الطَّرِيقِ تَرَاهَا فِي أَدنَاهَا
وَبِهَا قُرَيظَةٌ وَاللِّوَى مَع حَاجِرٍ ❋ وَبِهَا مُصَلَّى العِيدِ مَع سُقيَاهَا
وَبِهَا العَقِيقُ بِأَرضِ زَهرٍ قَد زَهَت ❋ آثَارُهُ فِيهَا فَمَا أَزهَاهَا

*Padanya banyak tempat yang di tuju oleh junjungan,*
*dengan berjalan jua berkenderaan,*
*padanya Masjid Jumaat yang ada di perjalanan,*
*dapat engkau memandangnya, dari jauh kelihatan*
*Masjid Bani Quraizhoh, Al-Liwa dan Haajir,*
*Musholla Al-'Eid beserta dengan Masjid As-Suqya*
*Wadi Al-'Aqiq di tanahnya yang berbunga mekar,*
*peninggalan Baginda ada di situ amat berseri,*

وَبِهَا المَسَاجِدُ عِندَ سَلعٍ وَالنَّقَا * وَالقِبلَـتَينِ وَمَسجِدٌ وَالاَهَا

وَهُنَاكَ مَسجِدُ رَايَةٍ فِي قَلعَةٍ * خَفَقَت رِيَاحُ النَّصرِ مِن أَعلاَهَا

*padanya masjid di Jabal Sal' jua An-Nuqa,*
*Masjid Qiblatain jua masjid yang sesudahnya,*
*Masjid Ar-Rayah yang seumpama di dalam kota*
*dari atasnya bertiup angin kejayaan*

أُحُدٌ يَلِيهِ يُحِبُّنَا وَنُحِبُّهُ * هَارُونُ فِيهِ بِقُربِهِ شُهَدَاهَا

وَإِذَا مَرَرتَ تَرَى هُنَالِكَ مَسجِدٌ * لِلفَسحِ يُسَمَّى فِي الطَّرِيقِ عَلاَهَا


وَكَذَاكَ حَمزَةٌ ذُو الشَّجَاعَةِ مَن سَمَا * عَمُّ الرَّسُولِ فَذَاكَ مِن شُهَدَاهَا

وَحِذَاهُ عَبدُ اللهِ سَيِّدُنَا سَمَا * بِابْنٍ لِجَحشٍ نَامَ فِي بَطحَاهَا

*Jabal Uhud selepasnya*
*yang cinta kita dan kita pun mencintainya*
*Saiyidina Harun[58] ada di sana dan dekat dengannya*
*para syuhada' yang bersemadi di medannya*
*jika tuan pergi ke sana akan terlihat sebuah masjid*
*namanya Al-Fash di jalan yang di sebelah atasnya*
*terlihat juga Saiyidina Hamzah sang pemberani*
*lagi muliawan, memanda Rasul, syahid pahlawan,*
*disebelahnya ada Saiyidina Abdullah yang termulia*
*Ibnu Jahsy berbaring dia di datarannya*

وَهُنَالِكَ الشُّهَدَاءُ مُعتَـرَكٌ لَـهُم * فِي فُسحَةٍ تَلقَاهُم بِرُبَاهَا

يَستَبشِرُونَ بِنِعمَةٍ مِن رَّبِّهِم * فَرِحَت نُفُوسُهُم بِمَا آتَاهَا




---

58 - Di dalam kitab-kitab tawarikh ada disebut kononnya pusara Nabi Harun عليه السلام ada di bawah Jabal Uhud, di sebelah utaranya, wallahu a'lam (Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah ms 310).

لَا خَوفٌ عِندَهُم وَلَا حُزنٌ وَلَا * كَربٌ وَهُم فِي النَّاسِ هُم أَحيَاهَا

*Di sanalah tempat gugur syahid para pahlawan,*
*di tanah datar kau temui mereka di halaman,*
*mereka gembira mendapat nikmat dari Tuhan,*
*bahagia jiwa beroleh kurnia dan pembalasan,*
*di tengah manusia mereka masih berkehidupan,*
*tak kesusahan, tak gentar bimbang dan kesedihan*

وَبِهَا الـمَآثِرُ وَالمَنَازِلُ كُلُّهَا * وَقُبَا هُنَاكَ وَمَسجِدٌ وَالَاهَا

وَبِهَا كَذَلِكَ طَاقَةُ الكَشفِ الَّتِي * فِي المَسجِدِ العَالِي عَلَى يُمنَاهَا

*Di kota ini segala peninggalan dan warisan,*
*Quba' di sana dengan masjid berkedudukan,*
*Thaqah Al-Kasyf di masjid ini yang ketinggian,*
*tempatnya ada sebelah atas di sisi kanan*

وَبِهَا مِنَ الأَبَارِ سَبعٌ مَسَّهَا * خَيرُ الأَنَامِ بِكَفِّهِ فَعَلَاهَا

غَرسٌ أَرِيسٌ رُومَةٌ وَبُضَاعَةٌ * بُوصَى وَعِهنٌ بِئرُ حَا أَسنَاهَا

وَكَذَاكَ مَائِدَةٌ تَرَى مَنقُورَةٌ * وَسطَ الخَلَاءِ إِذَا مَرَرتَ تَرَاهَا

*Adapun telaga di kota ini tujuh bilangan*
*menjadi mulia kerna beroleh akan sentuhan*
*telapak tangan Baginda kita Nabi junjungan;*
*Ghars, 'Aris, Ruumah, Bhido'ah,*
*Bussoh, 'Ihn dan telaga Haa' yang ketinggian,*
*di sana kau lihat pinggan hidangan*
*di tempat lapang jika kau pergi,*
*di atas batu yang dipahatkan,*
*nescaya zahir dan kelihatan*

هَذَا الَّذِي قَد قُلتُ بَعضُ صِفَاتِهَا * لَا أَستَطِيعُ لِنَعتِهَا وَسَنَاهَا

يَا زَائِرًا قِف بِالدِّيَارِ وَحَيِّهَا * وَاسْبِل دُمُوعَ العَينِ حِينَ تَرَاهَا

وَاسْأَل إِلَـهَكَ غُفرَ ذَنبِكَ كُلَّهُ * تُعطَاهُ عِندَ ضَرِيحِ أَحْمَدَ طَهَ

*Setakat ini aku sebutkan, hanyalah ia sebahagian*
*tak mampu aku mendatangkan, semua sifatnya yang kemuliaan*
*wahai tuan yang datang berziarah, ke negeri ini kota barakah*
*berdirilah tuan dan hormatkanlah, dan air mata hendaklah curah,*
*ketika engkau melihat dia, negeri bertuah Kota Madinah,*
*mintalah ampun pada Ilahi, akan segala dosa sendiri,*
*nescaya engkau beroleh ampunan, di sisi pusara Ahmad Thoha*

كَنزُ البَرِيَّةِ عُمدَةٌ لِـمُؤَمِّلٍ * كَهفُ الأَنَامِ وَسِيلَةٌ تَلقَاهَا

*Baginda Ahmad Thoha junjungan,*
*khazanah insan, sandaran harapan,*
*tempat berlindung semua manusia,*
*wasilah-mu, akan kau temuinya*

ذُو المُعجِزَاتِ وَلَيسُ يُوجَدُ مِثلُهُ * عَينُ الوُجُودِ عَلَاهُ لَيسَ يُضَاهَا

*Pemilik mukjizat nan ketunggalan,*
*teras kewujudan, tinggi Baginda tiada saingan*

وَيَلِيهِ صِدِّيقُ الأَنَامِ خَلِيفَةٌ * حَازَ العُلَا دَومًا بِطِيبِ ثَرَاهَا

*Di sisi Baginda penggantinya,*
*As-Siddiq yang mulia kedudukannya,*
*beroleh ketinggian senantiasa,*
*harum mewangi tanah pusara*

وَيَلِيهِ مِفتَاحُ الأَنَامِ أَمِيرُهَا * عُمَرٌ بِدَولَتِهِ عَلَا بُشرَاهَا

*Di sisinya ada pembuka bahagia,*
*buat manusia dan penghulunya,*
*Umar yang tinggi akan daulatnya,*
*Lagi termulia kesukaannya*

وَالمَسجِدُ النَّبَوِيُّ فِي عَرَصَاتِهَا * بَاهَت بِهِ فَخرًا عَلَى بُصرَاهَا

قَد أُسِّسَت بُنيَانُهُ بِفَضِيلَةٍ * وَجَلَا القُلُوبَ مِنَ الصَّدَا وَشَفَاهَا

*Masjid Nabawi di kota ini,*
*Madinah amat membanggainya, apabila dipandang mata,*
*dibangun ia dengan kemuliaan,*
*hati pun jadi bersih dan murni,*
*beroleh penawar daripadanya*

مَا بَينَ تُربَةِ أَحمَدٍ وَالمِنبَرِ * رَوضٌ مِنَ الجَنَّاتِ ذَا مَثوَاهَا

فَادْأَب لِذِكرِ اللهِ فِي عَرَصَاتِهَا * مِن أَجلِ ذَا تُعطَى النُّفُوسُ مُنَاهَا

*Antara pusara Ahmad dengan mimbarnya,*
*ada taman dari syurga ia tempatnya,*
*lobalah engkau dengan zikrullah di halamannya,*
*kerna ia jiwa dikurnia akan citanya*

يَا نَفسُ إِن وَافَيتَ قَبرَ المُصطَفَى * فَاقْرِي السَّلَامَ وَنَادِهِ يَا طَهَ

أَنَا فِي جِوَارِكَ قَد أَقَمتُ وَإِنَّنِي * جَارٌ وَجَارُكَ فِي الوَرَى يَتَبَاهَا

*Wahai diri jika engkau sampai kepada makam Musthafa*
*ucaplah salam dan serulah Baginda: Ya Thoha!*

*Berdiri hamba di sisimu, lagi hamba ini jiranmu,*
*yang jadi jiranmu berbangga dia diseluruh buana*

قَد جِئتُ أَسعَى نَادِمًا مُستَغفِرًا * فِيمَا جَنَيتُ مِنَ المَقَالِ شِفَاهَا
وَأَقُولُ يَا خَيرَ البَرِيَّةِ إِنَّنِي * عَبدٌ كَئِيبٌ مُذنِبٌ قَد تَاهَا

*Hamba datang bersegera, dengan istighfar dan penyesalan,*
*atas dosaku dari kata keterlanjuran,*
*padamu wahai insan terbaik hamba mengadu,*
*akulah abdi berwalang duka,*
*lagi berdosa tak berpedoman*

آهًا لِنَفسٍ قَد جَنَتْ خَبَثًا لَـهَا * وَاهًا عَلَيهَا مَا جَنَت مجنَاهَا
يَا رَّب وَفِّقهَا لِـمَا فِيهِ الرِّضَى * يَا رَبِّ نَفسِي آتِهَا تَقوَاهَا
وَاجْعَل حَلاَلَكَ رِزقَهَا فِي طَيبَةٍ * زَمَنَ المُقَامِ بِهَا فَذَا بُغيَاهَا

*Aduh binasa nafsuku ini, berbuat dosa kepada jiwa,*
*aduh binasanya dia selagi terus dengan angkara,*
*ya Robbi berilah taufik akan diri, kepada amal yang Kau redhai,*
*ya Robbi minta Kau beri, kepada nafsuku bersifat taqwa,*
*jadikan yang halal sebagai rezekiku di negeri Thoybah,*
*masa di sana bermukim hamba, inilah dia harapan jiwa*

وَا سَوأَتَاهُ وَإِن غَفَرتَ فَإِنَّنِي * أَرضَيتُ نَفسِي بِاتِّبَاعِ هَوَاهَا
فَالنَّفسُ فِيمَا قَد أَتَتكَ ذَلِيلَةٌ * فَاغفِر فَإِنَّكَ دَائِمًا مَولاَهَا
وَتَوَفَّهَا فِي طَيبَةٍ وَتَلَقَّهَا * بِالرَّوحِ وَالرَّيحَانِ ذَاكَ مُنَاهَا

*Aduh buruknya hamba, walau sudah Engkau ampunkan,*
*kerana hamba taatkan nafsu dan juga hawa,*
*hinanya nafsuku; dosa padaMu yang dilakukan,*
*mohon Kau ampun, sungguh Engkau tetaplah Tuhan,*
*matikan diriku di negeri Thoybah dan terimalah,*
*rohku dengan suka dan rayhan, inilah dia pengharapan*

وَاخْتِم بِخَيرٍ مِنكَ لِي وَلِوَالِدَيَّ * وَالآلِ مَع صَحبٍ وَمَن يَقرَاهَا

وَالسَّامِعِينَ لَـهَا وَمُنشِدٌ قَد سَمَا * عَبدَ اللَّطِيفِ وَفِي الدُّجَا إِنشَاهَا

اَلـمَالِكِيُّ المَدَني جَارُ المُصطَفَى * قَارِي الحَدِيثِ بِرَوضَةٍ أَحيَاهَا

*Jadikan kesudahan umur hamba dan ibu-bapa,*
*dengan kebaikan dariMu Tuhan,*
*serta keluarga dan para teman, juga pembacanya yang budiman,*
*para pendengarnya, dan penasyid yang mendengarkan,*
*syair Abdul Lathif, tengah malam dikarangkan,*
*Maliki mazhabnya, Madinah negerinya*
*berjiran dengan Baginda Musthafa,*
*pembaca hadis di dalam Raudhah,*
*menghidupkannya dengan ibadah*



وَاقْبَل دُعَائِي ثُمَّ مَدحِي رَاجِيًا * يَا فَوزَ نَفسِي إِن قَبِلتَ دُعَاهَا

وَعَلَى النَّبِيِّ صَلَاةُ رَبِّي دَائِمًا * مَا حَنَّ مُشتَاقٌ لِرُؤيَةِ طَهَ

*Terimalah doaku, juga madahku dengan harapan,*
*aduhai jayanya diri hamba, jika Engkau memperkenankan,*
*selawat Robbi kepada Nabi yang berkekalan,*
*selagi perindu mendambakan,*
*melihat Thoha tuan junjungan*

ثُمَّ الرِّضَى عَن آلِهِ وَصَحَابَةٍ * وَالتَّابِعِينَ وَمَن أَتَى وَنَوَاهَا

وَالحَمدُ لِلهِ الكَرِيم وَهَذِهِ * نَجَزَت وَظَنِّي أَنَّهُ يَرضَاهَا

*Kemudian redha pada keluarganya,*
*serta para sahabat sekalian,*
*dan tabi'in beserta mereka*
*yang datang berziarah dan mengqasadkan,*
*Alhamdulillah yang Maha Mulia,*
*sempurna sudah mengarangnya,*
*berbaik sangka di hati hamba,*
*bahawa Dia meredhainya.*

# Beberapa Peringatan Penting

## Tuntutan Memuliakan Peninggalan Junjungan Nabi ﷺ

Sayugialah hendaknya setiap mukmin bersungguh-sungguh memuliakan segala tempat peninggalan yang mulia dan kesan-kesan yang ditinggalkan oleh Baginda Nabi ﷺ, kerana sesungguhnya mentakzim dan memuliakan kesan peninggalan Baginda adalah sebahagian dari mentakzim Baginda ﷺ. Al-Qadhi 'Iyadh -rahimahullahu Taala- berkata dalam kitabnya **As-Syifa' Fi Syama'il Al-Musthofa**: "…Takzim dan memuliakan Baginda ﷺ itu antaranya ialah mengagungkan segala kesan peninggalan Baginda, memuliakan segala peninggalan Baginda, tempat-tempatnya, segala bekas kenangannya, apa yang telah disentuh oleh Baginda dengan tangannya, atau apa saja yang dinisbahkan kepada Baginda ﷺ", demikianlah.

Di antara sahabat yang menelusuri kesan peninggalan junjungan Baginda ﷺ dan warisannya adalah Saiyidina Abdullah bin Umar -radhiyallahu 'anhuma-, diriwayatkan bahawa Saiyidina Abdullah bin Umar sedang dalam satu permusafiran, di satu lokasi beliau menghalakan untanya ke satu tempat lalu berhenti di situ seketika. Apabila ditanya tentang berhentinya itu beliau menjawab bahawa beliau pernah melihat junjungan Nabi ﷺ berhenti dengan untanya di tempat yang sama, "Kerana itulah aku berhenti, dan aku tidak tahu apa hikmah Baginda berhenti di sini".

Maka wahai kaum Muslimin, lazimlah bagi kita mengikut perbuatan salafus soleh yang mentakzim segala peninggalan dan kesan-kesan junjungan Nabi ﷺ, dan kepada Allah Taala jualah diharapkan taufik dan hidayah. Kerana kelaziman ini jualah aku telah menghimpun dalam kitab ini sebahagian besar dari kesan

peninggalan Baginda di Madinah supaya dapat diambil berkatnya oleh para pembaca. Jika engkau mahu mengetahui lebih banyak lagi kesan-kesan warisan dan masjid-masjid di sana maka bacalah **Kitab Al-Khulasah** dan **Wafa'ul Wafa'** kedua-duanya karya As-Syarif As-Samhudi -rahimahullahu Taala-.

## Batas Tanah Suci Madinah Al-Munawwarah

Kemudian ketahuilah bahawa batas sempadan tanah suci Madinah Al-Munawwarah itu panjangnya bermula dari Jabal 'Eir yang masyhur di arah kiblat Kota Madinah hingga ke Jabat Tsaur iaitu sebuah bukit kecil di belakang Jabal Uhud. Adapun lebarnya pula antara dua kawasan bebatuan iaitu Al-Harrah As-Syarqiyyah dan Al-Harrah Al-Gharbiyyah, kedua-duanya umum diketahui oleh warga Madinah. Maka hendaklah diambil perhatian; janganlah memburu binatang, atau memotong/mematah pohon hijau di dalam kawasan tanah suci ini sebagai hukum kias dari tanah suci Makkah Al-Musyarrafah. Dan juga kerana junjungan baginda -'alaihis solatu was salam- telah bersabda:


إِنِّي حَرَّمتُ مَا بَيْنَ لَابَتَيهَا كَمَا حَرَّمَ إِبرَاهِيمُ مَكَّةَ.

*'Sesungguhnya aku telah menetapkan antara dua sempadannya sebagai tanah suci sepertimana Ibrahim telah menetapkan Makkah sebagai tanah suci".*

Allah jua yang memberi taufik.

## Penawar Dari Tanah Suci Madinah

Di negeri bertuah ini antara yang dapat dijadikan penawar dan boleh dibawa keluar darinya adalah Tanah Suhaib. Tanah ini telah



dicuba oleh alim-ulama untuk dijadikan penawar demam, dibuat minum atau mandi dan ternyata mujarabnya, namun dibuat minum itulah yang datang dari hadis riwayat Ibnu An-Najjar dan lain-lain ahli hadis, iaitu ketika mana keluarga Bani Al-Harits ditimpa sakit demam Baginda Nabi ﷺ bersabda kepada mereka:

أَينَ أَنتُم مِن تُرَابِ صُهَيبٍ؟ قَالُوا: وَمَا نَصنَعُ بِهِ؟ قَالَ: تجعَلُونَهُ فِي مَاءٍ ثُمَّ يَتفُل عَلَيهِ أَحَدُكُم وَيَقُولُ بِاسمِ اللهِ تُرَابُ أَرضِنَا بِرِيقِ بَعضِنَا شِفَاءٌ لِـمَرِيضِنَا بِإِذنِ رَبِّنَا. فَفَعَلُوا ذَلِكَ فَتَرَكَتهُم الحُمَّى.

*"Mengapa kamu tidak menggunakan tanah Suhaib? Mereka berkata: Apa yang kami nak lakukan dengannya? Sabda Baginda ﷺ: Campurkan ia dengan air, kemudian salah seorang darimu meludah kepadanya dan mengucapkan:*

بِاسمِ اللهِ تُرَابُ أَرضِنَا بِرِيقِ بَعضِنَا شِفَاءٌ لِـمَرِيضِنَا بِإِذنِ رَبِّنَا

*"Bismillah, tanah dari bumi kami, dengan ludah orang kami, penyembuh yang sakit dari kami, dengan izin Tuhan kami". Mereka pun melakukan sepertimana suruhan Baginda itu lalu sakit demam pun meninggalkan mereka".*



Dikeranakan waridnya minum tanah dalam hadis ini maka ia diperbolehkan pada Tanah Suhaib, adapun hukum makan dan minum tanah asalnya haram kerana ia memudaratkan. Adapun Tanah Suhaib ini di kawasan Al-'Awali, lokasinya menempel ke sebuah taman di situ yang dipanggil orang Al-Madsyuniyyah, ia dikenal umum oleh warga Kota Madinah[59].

59 - Di zaman Saiyidina Rasulullah ﷺ tanah Suhaib diketahui ramai terletak di tanah Harits Bin 'Auf, demikialah seperti yang tersebut di dalam kitab Syifa'us

Ada kalangan fuqara' dari India yang memproduksi Tanah Suhaib menjadi kepingan-kepingan yang ditulis di atasnya ayat-ayat *syifa'* dan dijual kepada para penziarah. Dan lagi antara yang boleh diambil berkat dan dijadikan penawar dari Madinah ialah buah tamarnya, ini telah pun disentuh pada fasal yang lalu.

## Menyampaikan Pesan Ziarah

Dan lagi antara pekerjaan yang dipandang elok dalam melakukan ziarah ialah membacakan doa untuk orang yang berpesan ziarah dan berkirim salam melaluimu, maka bacalah doa ini:

اللَّهُمَّ إِنَّ فُلَانَ بنَ فُلَانٍ مَنَعَتهُ المَقَادِيرُ عَنِ الوُصُولِ إِلَى حَضرَةِ نَبِيِّكَ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ وَزِيَارَتِهِ لِيَحظَى بِشَفَاعَتِهِ الخَاصَّةِ. وَقَد وَصَلتُ إِلَى حَضرَةِ نَبِيِّكَ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ عَنهُ زَائِرًا وَلَهُ دَاعِيًا وَطَالِبًا مِنكَ تِجَاهَ حَبِيبِكَ الأَعظَمِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ أَن تَجعَلَهُ فِي الزَّائِرِينَ المَخصُوصِينَ بِالشَّفَاعَةِ الخَاصَّةِ مِن حَبِيبِكَ سَيِّدِ المُرسَلِينَ.

*"Allahumma sesungguhnya saudaraku Fulan bin Fulan terhalang dia oleh takdir dari sampai kepada hadrat NabiMu ﷺ untuk menziarahi Baginda dan mencapai keberuntungan beroleh syafaat yang khas daripada Baginda penghulu para rasul. Ini hamba telah sampai ke hadrat NabiMu ﷺ mewakili ziarah saudaraku itu dan memintakan doa dan permohonan untuknya di hadapan kekasihMu yang teragung ﷺ. Maka ya Tuhan jadikanlah saudaraku itu di kalangan penziarah yang*

Siqam karya Al-Imam As-Subki. Lokasi tanah Suhaib sekarang terletak di kawasan Qurban An-Naazil, berdekatan dengan kompleks sekolah Madaris As-Syawi; di pagar sekolah ini juga terletaknya Bi'ir Al-Ghars, dari arah lain tanah Suhaib terletak satu kilometer sebelah timur Masjid Al-Jumu'ah.

*beroleh istimewa mendapat syafaat khas dari kekasihMu penghulu para rasul.*

فَالسَّلَامُ عَلَيكُم يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ اللهِ عَنهُ وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. إشفَع لَهُ يَا شَفِيعَ المُذنِبِينَ يَا مَن أَرسَلَكُمُ اللهُ رَحمَةً لِلعَالَمِينَ. وَالسَّلَامُ مِنهُ عَلَى إِخوَانِكَ مِنَ الأَنبِيَاءِ وَالمُرسَلِينَ وَعَلَى جَمِيعِ المَلَائِكَةِ المُقَرَّبِينَ وَعَلَى صَاحِبَيكَ سَيِّدِنَا أَبِي بَكرٍ وَسَيِّدِنَا عُمَرَ وَكَذَلِكَ سَيِّدِنَا عُثمَانَ وَسَيِّدِنَا حَيدَرٍ وَبَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجمَعِينَ وَسَائِرَ عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِينَ.

*Maka hamba mewakili saudara hamba itu mengucap salam ke atasmu ya Saiyidi ya Rasulullah beserta rahmat dari Allah dan segala keberkatanNya. Kurniakanlah syafaat kepada saudaraku itu wahai junjungan pemberi syafaat kepada para hamba berdosa, wahai baginda yang diutus Allah menjadi rahmat kepada alam semesta. Salam dari saudaraku itu kepada para ikhwanmu anbiya' dan mursalin, dan atas seluruh malaikat yang muqorrobin, juga buat dua sahabatmu Saiyidina Abu Bakar dan Saiyidina Umar, demikian jua Saiyidina Othman dan Saiyidina Ali, dan seluruh sahabatmu sekalian, beserta semua hamba Allah yang solihin".*



Wahai saudara, maka ambillah faedah dari kaifiat ini dan doakanlah aku moga dapat mencapai cita.

## Apakah Yang Utama Berlama-lama Atau Sebentar?

Telah khilaf pandangan segala ulama yang mulia mengenai masalah apakah yang terlebih utama itu memanjangkan ziarah seperti yang telah disebut sebelum ini atau ziarah itu sebentar

sahaja?. Al-Imam Ibnu 'Asakir menyebut bahawa yang diriwayatkan dari Saiyidina Ibnu Umar رضي الله عنه dan tokoh-tokoh Salafus Soleh yang lain ialah tidak berlama-lama berdiri di hadrat Baginda ﷺ waktu berziarah. As-Syeikh Al-Muhibb At-Thobari cenderung kepada pendapat ini dan berkata bahawa ia adalah perbuatan yang *ittiba'* (mengikut jejak para pendahulu).

Adapun Al-Imam An-Nawawi pula berpegang kepada pendapat lebih ramai ulama yang menyebut bahawa lebih utama berlama-lama. As-Syeikh Ibnu Hajar dalam kitab **Al-Jauhar** selepas mengutip kata-kata Al-Imam An-Nawawi telah menjelaskan: "Benar, perkara ini mesti diperincikan dan ialah yang lebih utama; apabila hati penziarah hadir, sedar dengan betapa hebat dan kebesarannya berada di hadrat Baginda, diri penziarah benar-benar memohon *madad*, merasa hina diri dan remuk redam hati di hadrat ini maka berlama-lama ziarah adalah lebih utama baginya, adapun ketika mana dia tidak bersama dengan penghayatan tadi maka yang lebih *aula* baginya ialah bersegera dalam ziarahnya". Al-Imam Ibnu Hajar menyebut lagi dalam **Syarh Al-'Ubab**: "…apabila begitu maka yang terlebih baik bagi si penziarah ialah beredar dari berdiri atau duduk di situ", inilah juga yang diiktimadkan oleh Al-Imam Ibnu Hajar dalam kitab **Al-Minah**, wallahu a'lam.




## Himpunan Peringatan Untuk Penziarah

Hendaklah penziarah menggunakan peluang keemasan sepanjang hari-harinya berada di Kota Madinah Al-Munawwarah dengan loba untuk duduk di Masjid Nabawi yang mulia, bersungguh-sungguh mengerjakan ibadat terutamanya solat lima waktu, iktikaf di Masjid Nabawi jika berpeluang, mengkhatamkan Al-Quranul Karim di Raudhah yang mulia walau sekali, memperbanyakkan selawat dan salam kepada junjungan kekasih teragung dan Nabi

termulia ﷺ terutamanya ketika dekat dengan Hujrah Nabawi, selalu memandang kepada Hujrah dan kepada Kubah Hijau yang gemilang; pandanglah dengan menghayati kehebatan, khusyuk dan merendah diri zahir dan batin kerana memandang kepada keduanya termasuk ibadah seperti memandang kepada Kaabah yang mulia.

Janganlah membelakangi makam junjungan Baginda yang kudus di waktu solat atau waktu selainnya, setiap kali masuk ke masjid maka niatkanlah sunnah iktikaf, jauhilah perkataan dan perbualan yang tiada manfaat di dalam masjid kerana cakap-cakap kosong di sini memakan amalan kebaikan seperti api memakan kayu kering. Semoga Allah mengurnia kepada kita dan seluruh kaum Muslimin akan taufik kepada amalan yang dicintai dan diredhaiNya, amin.

## Ziarah Wida'

Apabila penziarah sudah menetapkan untuk musafir pulang maka pergilah berziarah ke semua tempat-tempat yang telah disebutkan, yang terakhirnya ziarahlah kepada junjungan Nabi ﷺ dan ucapkanlah *wida'* (selamat tinggal) dengan lafaz berikut:



اَلوَدَاعَ يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ اللهِ. اَلفِرَاقَ يَا نَبِيَّ اللهِ. اَلأَمَانَ يَا حَبِيبَ اللهِ. لَا جَعَلَهُ اللهُ تَعَالَى آخِرَ العَهدِ لَا مِنكُم وَلَا مِن زِيَارَتِكُم وَلَا مِنَ الوُقُوفِ بَينَ يَدَيكُم. إِن عِشتُ إِن شَاءَ اللهُ تَعَالَى فِي خَيرٍ وَسَلَامَةٍ جِئتُكُم وَزُرتُكُم. وَإِن مُتُّ أَودَعتُ عِندَكُم شَهَادَتِي وَأَمَانَتِي وَعَهدِي وَمِيثَاقِي مِن يَومِنَا هَذَا أَو سَاعَتِنَا هَذِهِ إِلَى يَومِ القِيَامَةِ خَالِصًا مُخلِصًا لِلّٰهِ تَعَالَى

عَزَّ وَجَلَّ وَهِيَ شَهَادَةُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبدُهُ وَرَسُولُهُ. تَشهَدُوا لِي بِهَا عِندَ اللهِ يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ اللهِ يَومَ العَرَضِ عَلَى اللهِ.


*"Selamat tinggal ya Saiyidi ya Rasulallah. Berpisah kita ya Nabiyyallah. Mohon aman ya Habiballah. Moga janganlah Allah jadikan kali ini pertemuan hamba yang terakhir denganmu, janganlah ia ziarah yang terakhir, janganlah ia berdiri hamba yang terakhir di hadapan hadratmu. Jika hamba masih hidup -Insya Allah dalam kebaikan dan selamat-nescaya hamba akan datang lagi dan menziarahimu Tuan. Jika hamba mati dahulu maka hamba titipkan di sisimu mula hari ini dan saat ini hingga ke hari Kiamat; hamba titipkan kesaksian, amanah, janji dan persetiaan yang tulus ikhlas kepada Allah Taala Azza Wajalla, iaitu aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah yang Maha Esa lagi tiada sekutu bagiNya, dan aku bersaksi bahawa Saiyidina Muhammad abdiNya dan Rasulnya. Ya Saiyidi ya Rasulallah, Tuan saksikanlah hamba dengan kesaksian ini di sisi Allah di hari segala amalan dibentangkan kepada Allah.*

نَسأَلُكُم يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ اللهِ أَن تَسأَلُوا اللهَ تَعَالَى أَن لَا يَقطَعَ آثَارَنَا مِن زِيَارَتِكُم وَأَن يُعِيدَنَا سَالِمِينَ وَأَن يُبَارِكَ لَنَا فِيمَا وَهَبَ لَنَا وَيَرزُقَنَا الشُّكرَ عَلَى ذَلِكَ. اللَّهُمَّ لَا تَجعَلهُ آخِرَ العَهدِ بِحَرَمِ رَسُولِكَ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ وَحَضرَتِهِ الشَّرِيفَةِ وَيَسِّر لِيَ العَودَ إِلَى الحَرَمَينِ سَبِيلًا سَهلَةً وَارزُقنِي العَفوَ وَالعَافِيَةَ فِي الدُّنيَا وَالآخِرَةِ بِرَحمَتِكَ يَا أَرحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*Kami bermohon padamu ya Rasulallah agar Tuan bermohon kepada Allah moga janganlah Dia memutuskan kesan kami dari menziarahimu, dan semoga Dia mengembalikan kami dengan selamat, dan semoga Dia memberkati kami atas apa yang dikurniai kepada kami, dan merezekikan kami syukur atas nikmatNya itu. Allahumma janganlah Engkau jadikan ini pertemuan terakhirku dengan kediaman RasulMu ﷺ dan hadrat Baginda yang mulia. Mudahkanlah bagiku untuk kembali lagi ke dua Tanah Suci (Makkah dan Madinah) dengan jalan yang senang, rezekikanlah bagiku kemaafan dan afiat di dunia Akhirat, dengan rahmatMu wahai Tuhan yang maha memberi rahmat.*

اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَعَلَى سَائِرِ الأَنبِيَاءِ وَالمُرسَلِينَ وَعَلَى أَهلِ بَيتِكُم وَأَصحَابِكُم أَجمَعِينَ وَالحَمدُ لِله رَبِّ العَالَمِينَ.

*Salam ke atasmu -ya Saiyidi ya Rasulallah- dan ke atas semua anbiya' dan para rasul, serta Ahli Bait dan para sahabatmu sekalian, segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam".*




Dan lagi sayugialah mengucap selamat tinggal kepada setiap makam.

## Mihrab, Pintu dan Menara Masjid Nabawi

Ketahuilah[60] bahawa mihrab di Masjid Nabawi yang mulia ada

---

60 - Mihrab, pintu dan menara Masjid Nabawi yang disebut pengarang dalam kitabnya ini adalah sepertimana keadaannya setelah renovasi yang dilakukan di zaman As-Sultan Abdul Majid Al-Othmani pada tahun-tahun 1265H-1277H (1849M-1861M), selepas itu Kerajaan Arab Saudi sejak dari Al-Malik Abdul Aziz Aali Su'ud telah memulihara, membesar dan memodenkan Masjid Nabawi; bermula projek perluasan pertamanya pada tahun 1370H/1950M. Sekarang dua mihrab utama di Raudhah yang mulia masih kekal sebagaimana adanya; di sebelah kanan yang berdekatan dengan Hujrah yang mulia adalah mihrab Baginda ﷺ dan yang

tiga; mihrab junjungan Nabi ﷺ, mihrab Saiyidina Othman رضي الله عنه dan mihrab Sultan Sulaiman Khan Al-Othmani. Adapun pintunya lima; Bab As-Salam, Bab Ar-Rahmah, Bab An-Nisaa', Bab Al-Majidi, dan Bab Jibril عليه السلام.

Menaranya pula ada lima; menara Ar-Ra'isiyyah, menara As-Sulaimaniyyah, menara As-Syikiliyyah, menara Bab Ar-Rahmah dan menara Bab As-Salam.

---

di sebelah kiri bersebelahan dengan minbar adalah mihrab Othmani. Menara lama dari era sebelum Saudi yang masih kekal hanya menara Ar-Ra'isiyyah yang berdekatan dengan Kubah Hijau di sudut tenggara Masjid Nabawi, manakala pintu-pintu Masjid Nabawi telah bertambah sesuai dengan perluasannya dan keperluan semasa (Beberapa Bagian Dari Sejarah Madinah ms 48).

# Penutup

Dengan puji dan syukur kepada Allah maka khatamlah sudah kitab

**Bintang Gemerlap
Pada Ziarah Saiyidina Muhammad
Nabi Junjungan Arab ﷺ**

yang terkarang ia di tangan seorang hamba yang kerdil lagi hina, Abdul Qadir bin Muhammad Al-Hawari Al-Madani mudir Kutubkhanah Al-Marhum Syeikhul Islam Ahmad 'Arif Hikmat Bey[61] di Kota Madinah Al-Munawwarah, semoga Allah mengurnia selawat dan salam terafdhal buat Baginda penghuninya.

Inilah aku bermohon dari kurnia Allah Taala akan husnul khatimah dan wafat di atas iman serta mahabbah kepada penghulu anak keturunan Adnan. Lagi aku bermohon kepada Allah Taala agar menjadikan kitab ini bermanfaat kepada kaum Muslimin, dan semoga tiap negeri tidak sunyi darinya.

Aku bermohon istighfar kepada Allah yang Maha Agung di awal dan akhir, pada zahir dan batin, lagi aku bertaubat kepadaNya

61 - Syeikhul Islam Ahmad 'Arif Hikmat Bey adalah mufti Khilafah Othmaniyyah Turki dari tahun 1262H hingga 1270H. Beliau telah mewakafkan sebuah perpustakaan di kota Madinah yang didirikan pada tahun 1270H/1847M. Lokasi perpustakaan ini dahulunya di selatan sudut timur Masjid Nabawi dan kini telah pun masuk ke dalam kawasan masjid yang mulia (Beberapa Bagian Dari Sejarah Madinah ms 207).

dari tiap dosa, sesungguhnya Dia-lah Tuhan yang maha menerima taubat lagi Maha Penyayang dan cukuplah Allah bagi kami, Dia-lah sebaik-baik Tuhan.

اللَّهُمَّ أَشرِبِ الإِيمَانَ فِي قَلبِي كَمَا أَشرَبْتَهُ رُوحِي وَلَا تُعَذِّبْ شَيئًا مِن خَلقِي بِشَيءٍ كَتَبتَهُ عَلَيَّ، فَإِنَّكَ قَادِرٌ عَلَيَّ آمِين اَللَّهُمَّ آمِين.

*"Allahumma minumkanlah iman ke hatiku sepertimana Engkau telah meminumkannya kepada rohku, dan janganlah Engkau mengazab suatu apa pun dari diriku dengan apa-apa yang telah Engkau tuliskan ke atasku, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa ke atasku, amin Allahumma amin".*

Adapun selesai menyemak manuskrip kitab ini pada hari ketujuh dari bulan Jamadil Akhir, setelah berlalu 1344 tahun dari hijrah Baginda yang memiliki kesempurnaan dan kemuliaan, ku sudahkan ia di Negeri Bahawalpur[62] di benua India dalam tempoh pengembaraanku ke sana. Semoga Allah mengampuni pengarang dan kedua ibu-bapanya, para masyaikhnya, juga kepada para pembaca kitab ini, yang menyalinnya dan yang memandangnya, juga seluruh kaum Muslimin, amin.


سُبحَانَ رَبِّكَ رَبِّ العِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ
وَسَلَامٌ عَلَى المُرسَلِينَ وَالحَمدُ لِلّٰهِ رَبِّ العَالَمِينَ.

7 Jamadil Akhir tahun 1344H.[63]

62 - Sekarang Bahawalpur adalah sebuah kota wilayah Punjab di Pakistan.

63 - الحَمدُ لِلّٰهِ الَّذِي بِنِعمَتِهِ تَتِمُّ الصَّالِحَاتِ, tamatlah sudah hamba menterjemah kitab ini pada hari Sabtu, 1 Jamadil Awwal 1433H bersamaan 24 Mac 2012 di Zawiyah Shah Alam, Selangor.

# Jannatul Baqi





Dari album koleksi Sultan Abd Hamid II, Permakaman Jannatul Baqi.
Penerangan:

1. Darul Huzn 2. Makam Ahlul Bait Rasulullah ﷺ: a. Sayyidina Hasan b. Saiyidina Ali Zainal Abidin bin Saiyidina Hussin c. Saiyidina Muhammad Al-Baqir bin Saiyidina Ali Zainal Abidin d. Imam Jaafar al-Sadiq bin Saiyidina Muhammad Al-Baqir e. Saiyidina Abbas, paman Baginda Nabi ﷺ. 3. Makam Sayyidatina Ruqiyya, Sayyidatina Ummu Kalthum dan Sayyidatina Zainab. 4. Makam isteri-isteri Baginda Nabi ﷺ, kecuali Sayyidatina Khadijah dan



Saiyidatina Maimunah. 5. Sayyidina Aqil ibnu Abu Talib . Sayyidina Ja'afar At-Tayyar 6. Sayyidina Ibrahim (putera Baginda Nabi ﷺ -merupakan Ahlul Bait yang pertama disemadikan di Jannatul Baqi), Sayyidina Uthman ibnu Madh'un رضي الله عنه (merupakan sahabat yang pertama disemadikan di Jannatul Baqi). 7. Makam Al-Imam Malik dan Saiyidina Nafi' 8. Makam Saiyidina Uthman ibnu Affan رضي الله عنه. 9. Makam Saiyidatuna Halimatus Sa'diyyah, ibu susu junjungan Nabi ﷺ. 10. Makam Saiyidatuna Fatimah binti Asad, ibunda Saiyidina Ali رضي الله عنه.



Penerangan: 1. Permakaman Baqi 2. Qubbatul Khadra 3. Arah kiblat 4. Jabal Uhud 6. Kubu Al-Hamidiyyah 7. Bab Al-Masri



## Masjid & Makam Saiyidina Hamzah

Dari album koleksi Sultan Hamid II, makam Saiyidina Hamzah, bapa saudara junjungan Nabi ﷺ yang gugur syahid di Peperangan Uhud.



8. Kubu Militer  9. Jabal Sal' 17. Dataran Al-Manakhah - kawasan menempatkan/tambatan unta 11. Jabal Mahruqa 18. Telaga Saiyidatina Fatimah Az-Zahra.



## Dulunya Taman


Bertanda nombor (2) adalah Taman Saiyidatina Fatimah Az-Zahra', sekarang menjadi halaman berpayung yang berdepan Raudhah.




**Kota Madinah** Kenangan dari album koleksi Sultan Abd. Hamid II, kelihatan benteng kota Madinah Al-Munawwarah yang tersergam gagah.









## Keratan Rentas Kubah Hijau




Pelan sisi Kubah Hijau ini telah dilukis semula ole Ir. Hatim Omar Thaha dengan mengambil ukurannya dari pelan Ir. Abd. Rahman Al-Khuli. Dapat diperhatikan bahawa ketinggian Kubah Hijau dari lantai Masjid Nabawi hingga ke tapak bulan sabitnya ialah 28 meter, manakala bulan sabitnya pula setinggi tiga meter. Parit timah yang mengitari bahagian bawah tanah kamar makam mulia pula sedalam 6 meter. Permukaan lantai kamar makam mulia lebih rendah dari permukaan lantai ruang dalam dinding lima segi sedalam 0.60 meter, manakala permukaan lantai ruang dalam dinding lima segi pula lebih rendah dari permukaan lantai Masjid Nabawi sedalam 0.25 meter.

## Tiang-tiang Bersejarah Masjid Nabawi




1 Al-Usthuwanah Al-Muhallaqoh

2 Usthuwanah As-Saiyidah Aisyah

3 Usthuwanah At-Taubah

4 Usthuwanah As-Sarir


5 Usthuwanah Al-Haras

6 Usthuwanah Al-Wufud

7 Usthuwanah Murabba'ah Al-Qabrus Syarif (Segi Empat Makam Mulia).

8- Usthuwanah At-Tahajjud

# Di Bawah Naungan Qubbatul Hadra (Kubah Hijau) dan Kamar Nabawi Yang Mulia



Penerangan

1 Makam junjungan mulia Saiyidina Rasulullah ﷺ.

2 Makam Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq رضي الله عنه.

3 Makam Saiyidina Omar Ibnul Khattab رضي الله عنه.

4 Ruang yang disebut di dalam hadis bahawa Saiyidina Isa bin Maryam عليه السلام akan disemadikan di situ; satu riwayat menyebut lokasinya bersebelahan Saiyidina Rasulullah ﷺ, riwayat lain menyebut di belakang Saiyidina Omar.

5 Ruang tempat tinggal Ummul Mukminin As-Saiyidah Aisyah رضي الله عنها; riwayat pertama menyebut lokasinya di bahagian timur kamarnya, satu lagi riwayat yang lebih sahih menyebut di bahagian utaranya.

6 Tempat turun wahyu; Saiyidina Jibril عليه السلام diriwayatkan telah turun di ruang ini beberapa kali.

7 Dinding kamar Ummul Mukminin As-Saiyidah Aisyah رضي الله عنها yang dibina oleh Saiyidina Rasulullah ﷺ dari bata.

8 Dinding khas lima segi yang dibina oleh Saiyidina Omar bin Abd. Aziz رضي الله عنه di zaman pemerintahan Khalifah Al-Walid bin Abd. Malik.

9 Dinding yang dibina oleh Sultan Qaitbey -rahimahullah- mengitari dinding Saiyidina Omar bin Abd. Aziz رضي الله عنه.

10 Tiang-tiang dinding Sultan Qaitbey. Tiang-tiang inilah yang digantungkan padanya kelambu hijau di keliling kamar Baginda yang mulia.

11- Tingkap pertama di birai (pagar Hujrah Nabawi) di sebelah barat. Asalnya ruang ini masih termasuk Raudhah yang mulia kemudian digabungkan ke dalam pagar di zaman Sultan Az-Zahir Baybras.

12- Kawasan Raudhah yang mulia.

13- Ruang ini di dalam birai dan asalnya termasuk dari kawasan Masjid Nabawi.

14- Rumah As-Saiyidah Fatimah Az-Zahra' رضي الله عنها.

15- Mihrab di dalam rumah As-Saiyidah Fatimah Az-Zahra' رضي الله عنها. Mihrab ini dibina oleh Sultan Qaitbey.

16- Mihrab At-Tahajjud. Di sinilah tempat Saiyidina Rasulullah ﷺ menunaikan solat tahajjud.

17- Tempat ini adalah ruang di belakang rumah As-Saiyidah Fatimah Az-Zahra' رضي الله عنها. Di sinilah Baginda Rasulullah ﷺ mengerjakan tahajjud bersama-sama dengan Ahli Suffah.

18- Al-Muwajahah - kedudukan dimana penziarah mengadap wajah junjungan Saiyidina Rasulullah ﷺ.

19- Al-Muwajahah - kedudukan dimana penziarah mengadap Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq رضي الله عنه.

20- Al-Muwajahah - kedudukan dimana penziarah mengadap Saiyidina Omar Ibnul Khattab رضي الله عنه.

21- Di sini tempat terletaknya kamar-kamar Ummahatul Mukminin para isteri Saiyidina Rasulullah ﷺ. Kamar-kamar tersebut telah digusur di zaman Khalifah Al-Walid Bin Abd. Malik.
22- Usthuwanah As-Sarir.
23- Usthuwanah Al-Wufud.
24- Usthuwanah Al-Haras.
25- Bab At-Taubah. Di sini juga pintu As-Saiyidah Aisyah ﵂ keluar ke Raudhah.
26- Tingkap yang berhadap-hadapan dengan posisi kepala junjungan Baginda yang mulia ﷺ
27- Arah kaki junjungan Baginda yang mulia ﷺ.
28- Pintu-pintu yang terdapat di birai Hujrah Nabawi.
29- Bulatan Al-Qubbah As-Saghirah (Kubah Kecil) yang menaungi tiga makam mulia.
30- Bulatan Al-Qubbatuz Zarqa' (Kubah Biru).
31- Bulatan Al-Qubbatul Khadra (Kubah Hijau yang kelihatan sekarang).
32- Ruang dalam pagar Hujrah Nabawi.
33- Dinding pagar Hujrah Nabawi dari sebelah luarnya.
34- Tempat tidur As-Saiyidah Fatimah Az-Zahra' ﵂.
35- Rumah As-Saiyidah Fatimah Az-Zahra' ﵂.

Pelan lantai Hujrah Nabawi ini dilakar oleh Ir. Abd. Rahim Al-Khuli pada tahun 1418H/1997M, waktu itu beliau bersama As-Syeikh Ir. Rasyad Al-Hamali telah diberi kepercayaan untuk menyelenggara beberapa kerja baikpulih di dalam Hujrah Nabawi. Pelan ini telah direkodkan oleh Ir. Hatim Omar Thaha di dalam karyanya "Al-Kawkab Ad-Durriy; Al-Hujuraat Buyut An-Nabi 'Alaihis Solatu Was-Salam" dan beliau mencatat tiga komentar mengenainya:

a. Ir. Abd. Rahim Al-Khuli menyebut nombor 7 sebagai dinding kamar As-Saiyidah Aisyah yang dibina oleh Saiyidina Rasulullah ﷺ dari bata. Menurut beliau dinding kamar ini masih wujud, namun yang sabit dari riwayat kitab-kitab sejarah mencatat bahawa Saiyidina Omar bin Abd. Aziz telah membangun semula kamar As-Saiyidah Aisyah dan Hujrah Nabawi yang mulia.

b. Dinding yang dibangun oleh Sultan Qaitbey (nombor 9) dalam pelan ini tidak disebut oleh mana-mana ulama terdahulu yang yang pernah masuk ke dalam Hujrah Nabawi dan mencatat observasi mereka.

c. As-Syarif As-Samhudi (wafat tahun 911H) yang telah masuk, melihat dan mengukur Hujrah Nabawi menyebut bahawa di dalam dinding pemisah

lima segi yang dibina oleh Saiyidina Omar bin Abd. Aziz terdapatnya rumah Saiyidatina Aisyah dan di dalam rumah ini terdapat kamar yang menjadi tempat pusara Baginda yang mulia; rumah dan kamar ini tidak tercatat dalam pelan.

Sayugia dicatatkan bahawa tempat penziarah berdiri mengucap salam kepada junjungan Baginda ﷺ di Al-Muwajahah As-Syarifah (nombor 8) sebenarnya termasuk sebahagian ruang rumah Baginda ﷺ, yaitu rumah As-Saiyidah Hafsah رضي الله عنها.



**Babus Salam Tahun 1320H**

# Lokasi Makam-makam di Jannatul Baqi

Pintu Pagar (Tertutup)

Makam Saiyidatina Fatimah binti Asad

Makam bonda susu Nabi SAW Saiyidatina Halimahtun Sa'diyah

Makam Saiyidatina Uthman bin Affan

Makam Saiyidina Ismail bin Jaafar al-Sadiq

Sempadan Jannatul Baqi yang pertama

Syuhada Uhud

Makam Saiyidina Ibrahim, putera Nabi SAW

Makam Saiyidina Al Imam Malik

Makam Saiyidina Nafi'

Saiyidatina Awsirah
Saiyidatina Saudah
Saiyidatina Aisyah
Saiyidatina Maimunah
Saiyidatina Hafsah
Saiyidatina Ummu Habibah
Saiyidatina Umm Salamah
Saiyidatina Safiyyah
Saiyidatina Zainab

Makam isteri-isteri Nabi SAW

Makam Saiyidina Abdullah bin Jaafar al-Tayyar

Makam Saiyidina Aqeel bin Abi Talib

Makam Saiyidina Muhammad bin Ali

Makam Saiyidina Ali bin al-Hussain

Makam Saiyidina Imam Jaafar bin Muhammad

Makam Saiyidina Hassan bin Ali



Saiyidatina Safiyyah

Saiyidatina A'tiqah

Makam bonda saudara Nabi SAW

Makam bonda Saiyidina Abbas bin Ali, Ummu ul-Banin

Makam Paman Nabi SAW Abbas bin Abdul Mutalib

Makam Bonda kepada Saiyidina Ali

Tetingkap Meninjau

Pintu Masuk Asal

Tetingkap Meninjau

Lokasi Asal Makam Saiyidina Ismail bin Jaafar al-Sadiq

Masjid Nabawi

Arah Kiblat



Foto lama Masjid Al-Musholla @ Masjid Al-Ghamamah yang merupakan tempat solat hari raya Baginda Nabi ﷺ.





Masjid Al-Fath dalam keadaan asalnya.

# Bibliografi Penterjemah


***Al-Allamah Muhammad bin Ahmad Benabdillah***, Dr. Abd. Karim Karim, http://www.attarikh-alarabi.ma/Html/adad52/adad52partie2.htm

***Al-Hajj Qabla Mi'at Sanah***, Yefim Ritzfan, cetakan kedua, Daar At-Taqrib Baynal Madzahib Al-Islamiyyah, Beirut, 1414H/1993M.

***Al-Kawkab Ad-Durriy; Al-Hujuraat Buyut An-Nabiy 'Alaihis Solatu Was-Salam***, Hatim Omar Thaha, cetakan pertama, Maktabaat Al-Halabiy, Al-Madinah, 1342H/2005M.

***As-Syeikh Abdul Qadir Bin Muhammad Al-Hawari Al-Madani***, http://www.hawari-family.com

***Beberapa Bagian Dari Sejarah Madinah***, Ali Hafidh, Syarikah Al-Madinah Al-Munawwarah Lit-Thiba'ah Wan-Nasyr, Al-Madinah, 1998.

***Kitab Al-Kawkab Al-Mudhiy Fi Ziyarati Saiyidina Muhammad An-Nabiy Al-Arabiy***, As-Syeikh Abdul Qadir bin Muhammad Al-Hawari Al-Madani, cetakan pertama, Mathba'ah Bahnasa, Qaherah, 1345H/1927M.

***Nuzhatun Nazhar Fi Tawdhih Nukhbatul Fikar***, Al-Imam Ibnu Hajar Al-Asqalani, tahqiq: Dr. Abd. Sami' Al-Anis & Isham Faris Al-Harastani, cetakan pertama, Daar 'Ammar, Amman, 1419H/1999M.

***Tarikh Ma'alim Al-Madinah Al-Munawwarah – Qadiman Wa Haditsan***, As-Saiyid Ahmad Yasin Ahmad Al-Khiyari, cetakan keenam, Mathabi' As-Tsagr, Jeddah, 1424H/2003M.

***The Yildiz Albums of Sultan AbdulHamid II MECCA-MEDINA,*** *Mehmet Bahadir Dordunci, The Light, Inc*. New Jersey, 2006.